

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 44

Rabu

8 November 2017

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M.18(1):	
■ Bencana Ribut Kencang dan Banjir Di Pulau Pinang	
- <i>YB. Tuan Ng Wei Aik(Tanjong)</i>	(Halaman 26)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2018	(Halaman 28)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 27)
Anggaran Pembangunan 2018	(Halaman 28)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 8 November 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan berapakah jumlah terkini bot pukat tunda kelas B yang telah dilengkapi dengan Sistem Pemantauan Automatik (AIS) dan berapakah tangkapan serta penahanan yang telah dibuat bagi nelayan yang ingkar kepada arahan mewajibkan pemasangan AIS sepanjang tahun 2017 ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Nogeh anak Gumbek]: Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar atas soalan yang dikemukakan mengenai Sistem Identifikasi Automatik.

Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan Mei 2016 telah meluluskan cadangan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mewajibkan pemasangan Sistem Identifikasi Automatik atau lebih dikenali sebagai AIS ke atas vessel pukat tunda Zon 'B', Zon 'C', dan kenka dua bot, agar aktiviti dan pergerakan vessel perikanan di laut dapat dipantau dengan lebih berkesan.

Sehingga bulan Oktober tahun 2017, jumlah vessel/pukat tunda Zon 'B' yang telah dilengkapi dengan alatan AIS adalah sebanyak 1,116 buah daripada 2,630 buah vessel/pukat tunda Zon 'B' yang telah dikenal pasti. Memandangkan proses pemasangan AIS ini ke atas vessel/pukat tunda Zon 'B' dijangka selesai sepenuhnya pada bulan Mei 2018, arahan mewajibkan pemasangan AIS ke atas semua vessel/pukat tunda Zon 'B' hanya akan dikuatkuasakan selepas tarikh berkenaan. Sehubungan itu tiada sebarang tangkapan telah dibuat ke atas nelayan yang masih belum melengkapkan vessel/pukat tunda Zon 'B' dengan alatan AIS. Terima kasih.

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Soalan tambahan. Kawasan saya ini Sungai Besar, majoriti Sekinchan itu nelayan, pesisir bahagian Sungai Besar itu nelayan, memang banyak isulah berkaitan dengan bot-bot nelayan ini'. Pencerobohan,

tangkapan, kemudian bot-bot pukat tunda yang tarik ke tepi pantai. Kemudian, apa sebenarnya kebaikan AIS ini?

Oleh sebab itu, adakah AIS ini *monitoring central* ataupun pengusaha bot itu boleh mematikan AIS itu atau bagaimana? Sebab ada dua, tiga kes sebagai contohnya, apabila pukat ini pergi ke pesisir kawasan di Indonesia sebagai contohnya, apabila mereka memaklumkan bahawa mereka masih berada di perairan Malaysia dan tiba-tiba AIS mereka yang mereka sedia ada itu, mati tiba-tiba. Kemudian, kita hendak tengok juga, sebab saya difahamkan pada tahun 2020, bot B ini daripada segi lesennya akan ditamatkan. Mungkin boleh dapat penjelasan daripada pihak kementerian berkaitan dengan perkara ini.

Dato' Nogeh anak Gumbek: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Memang tujuan utama kita memasang Sistem Identifikasi Automatik ini adalah untuk memantau aktiviti dan pergerakan *vessel*/perikanan dengan lebih berkesan. Kita hendak menghalang bot-bot ataupun *vessel-vessel* yang menggunakan pukat tunda ini untuk menceroboh kawasan Zon 'A', misalnya di pantai laut.

Akan tetapi di sebalik daripada itu, pemasangan Sistem Identifikasi Automatik ini juga ada memberi manfaat kepada nelayan-nelayan kita jika berlakunya, dengan izin, *emergency* di tengah laut atau *vessel* itu, nelayan memerlukan bantuan. Maka operasi menyelamat boleh *pinned point*, dengan izin, lokasi mereka dan dapat memberi bantuan dengan cepat.

Sistem yang ada sekarang menggunakan jana solar, *solar system*. Jadi, ia tidak dapat kalau disebutkan, matikan begitu sahaja. Akan tetapi sekiranya peralatan itu rosak atau sengaja ditinggalkan di darat, maka unit kawalan kita dapat mengesan keadaan sebegitu dan akan buat panggilan kepada nelayan-nelayan di dalam *vessel* itu. Oleh itu belum ada lagi situasi di mana peralatan itu sengaja dimatikan di tengah laut.

Pernah dulu kita ada pertikaian di mana nelayan kita menangkap ikan dengan negara jiran. Jadi inilah satu manfaat kepada nelayan sekiranya mereka menangkap ikan di luar perairan negara kita, maka *our control room*, bilik kawalan boleh buat panggilan suruh mereka balik ke kawasan perairan negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada? Yang Berhormat Labuan berdiri, Yang Berhormat mahu bercakapkah ini? Okey, tak, terima kasih. Yang Berhormat Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz, Pasir Mas.

■1010

2. Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah kesan penilaian terhadap polisi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang diterapkan di sekolah rendah berikutan keputusan UPSR 2016.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua pertanyaan yang

berhubung kait dengan penilaian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di sekolah. Sehubungan dengan itu, izinkan saya menjawab secara serentak kedua-dua pertanyaan yang seperti berikut, Yang Berhormat Pasir Mas - 8 November 2017 hari ini; dan Yang Berhormat Temerloh - 22 November 2017

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Mas terima kasih atas soalan. Soalan Yang Berhormat Pasir Mas pun soalan KBAT juga.

Penerapan KBAT dalam pendidikan menggunakan pendekatan yang menyeluruh dan sistematik yang merangkumi tujuh elemen KBAT iaitu kurikulum, pedagogi, pentaksiran, ko-kurikulum, sokongan komuniti dan swasta, sumber dan bina upaya. Kesemua elemen ini adalah untuk membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan guru dan juga murid. KBAT diterapkan dalam kurikulum persekolahan supaya murid tidak hanya menghafal tetapi dapat menggunakan akal fikiran yang tinggi dengan menguasai kemahiran, menilai, mengaplikasi, menganalisis dan mencipta.

Sebanyak 282 buah sekolah daripada 141 buah daerah, satu sekolah rendah, satu sekolah menengah bagi setiap daerah telah melalui pemeriksaan penarafan amalan terbaik KBAT di sekolah melalui Jemaah Nazir dan jaminan kualiti. Melalui pemeriksaan penarafan, 113 buah sekolah ataupun 40.07 peratus sekolah berada dalam tahap baik dan cemerlang dan 169 buah sekolah ataupun 59.93 peratus sekolah berada di bawah tahap baik dan cemerlang. Sekolah-sekolah ini sedang dibimbing oleh SIP Plus dan SISC Plus.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, keputusan dan prestasi Ujian Penilaian Sekolah Rendah, UPSR 2016 tidak boleh dibandingkan dengan keputusan UPSR bagi tahun-tahun sebelumnya. Format dan instrumen yang digunakan adalah berdasarkan kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

Prestasi keputusan UPSR 2016 tidak boleh dinyatakan sama ada meningkat atau menurun. Penilaian pelaksanaan KBAT dalam pentaksiran hanya dapat dilaksanakan sebaik sahaja analisis keputusan UPSR tahun 2017 diperoleh dengan membandingkan pencapaian calon berdasarkan pertimbangan terhadap kualiti, ketekalan, ketepatan dan keadilan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana jawapan yang telah diberikan.

Kita sebenarnya amat mengalu-alukan pelaksanaan KBAT- Kemahiran Berfikir Aras Tinggi yang kita tahu dibentuk melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang lepas. Kita memahami hasrat pelan pembangunan ini khususnya KBAT ke dalam sistem pendidikan negara bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi

pada masa hadapan melalui pemikiran kritikal, kompleks dan bentuk penyelesaian masalah berbanding sekadar membaca, menulis dan menghafal. Namun seperti yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi, walaupun keputusan UPSR tahun lepas tidak boleh diambil kira kerana beberapa perubahan dilakukan, tetapi ada sesuatu yang perlu diperhalusi oleh pihak kerajaan.

Saya ingin memohon penjelasan berkenaan dengan isu kebanyakan murid yang lemah, yang masih lagi belum dapat menangkapi kefahaman asas membaca, menulis dan mengira. Bagaimanakah mereka boleh *catch up* dengan sistem KBAT ini? Tidakkah sebaliknya mereka semakin terpinggir dengan sistem pendidikan hari ini? Melalui pengalaman beberapa tahun kita laksanakan KBAT ini, apakah latihan tambahan yang diterapkan kepada para guru termasuk juga dalam aspek pembelajaran dan pengajaran (P&P) kerana ia satu tugas yang bagi saya amat berat bagi guru untuk melaksanakan pelan ini. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat, dua soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Satu, bagaimana kita hendak membantu pelajar-pelajar yang lemah dalam aspek penulisan dan juga pengiraan dan yang kedua ialah bagaimana kita dapat membantu guru. Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati, untuk pelajar-pelajar dari aspek penulisan dan pengiraan, kita telah memulakan malah dalam Pelan Pembangunan Pendidikan sendiri, dalam fasa pertama 2013 hingga 2015 di antara KPI kita ialah LINUS untuk pelajar-pelajar sekolah rendah.

Saya berasa amat gembira untuk memaklumkan kepada Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan bahawa pencapaian kita dalam fasa pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia agak memberangsangkan secara khususnya untuk aspek LINUS, pembelajaran dan pengiraan anak-anak murid kita. Daripada fasa yang kedua pula awal-awal lagi kita telah mencapai KPI yang ditentukan untuk pelajar-pelajar di sekolah rendah. Ini bagi kita memberangsangkan kerana pelajar-pelajar inilah yang akan seterusnya melalui sistem pendidikan kita yang akan memberi penekanan kepada KBAT.

Soalan yang kedua Yang Berhormat ialah mengenai persiapan guru. Dalam 282 buah sekolah yang saya katakan sebentar tadi, guru-guru memainkan peranan yang penting. Apabila saya maklumkan tadi hampir 40 peratus sekolah ini telah mencapai, 60 peratus sekolah ini masih ada masalah dan masalahnya ialah penerimaan guru-guru, pemahaman guru-guru dan proses ini sedang berlangsung sekarang. Guru-guru sedang dilatih. Bukan saja melalui Kementerian Pendidikan Malaysia, malah melalui *trainers*. Guru-guru yang telah dilatih, guru-guru yang memahami, menghafal dan juga dapat memahami budaya KBAT ini, dipakai guna oleh Kementerian Pendidikan menjadi duta kita untuk memaklumkan kepada guru-guru yang lain bagaimana ia dapat diaplikasikan.

Kedua Yang Berhormat, guru-guru masa depan. Contoh, guru-guru yang masuk ke IPGM. Mulai tahun 2013, semua guru-guru yang masuk dalam IPGM ini akan diterapkan dengan budaya KBAT. Maksudnya guru-guru yang akan mendapat ijazah, yang akan mula berkhidmat 2018, semua guru-guru ini ialah KBAT *trained teacher*, maksud tidak ada masalah lagi. Akan tetapi apa yang kita amalkan sekarang ialah membantu guru-guru. Banyak kaedah-kaedah yang kita telah laksanakan, contoh seperti buku ini... [Menunjukkan senaskhah buku] 'Elemen KBAT Dalam Pentaksiran' ini telah pun diedarkan kepada sekolah-sekolah dan guru-guru juga boleh memuatkan turun ini dalam laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan semua cara-cara yang terbaik yang ada dalam Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu guru-guru ini dalam aspek KBAT. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. KBAT memang hebat. Saya mengucapkan terima kasih, tahniah di atas program yang hebat ini untuk melatih anak bangsa dan pengajar. Soalan saya, apakah pihak kementerian telah pun mendapat atau mengambil hasil kajian terdahulu daripada negara-negara maju atau orang-orang yang ternama contohnya fikiran De Bono, ataupun kajian yang dibuat oleh Profesor Slavin William daripada *McGill University* yang telah mengkaji tentang otak manusia untuk diterapkan dalam KBAT ini. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Pendang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat, apabila kita memasukkan unsur KBAT dalam sistem pendidikan negara ini, ini merupakan satu keperluan antarabangsa. Kita memang memerlukan dan mengimplementasikan keupayaan KBAT ini dalam masa ini kerana ini merupakan keperluan semua negara yang maju dan budaya KBAT ini kita telah mulakan dan kita dalam tahap yang sedikit demi sedikit meningkatkan peratusan soalan-soalan dikemukakan dalam peperiksaan kita. Kita rasa semua kajian juga telah dilakukan untuk kita, tahap yang kita sampai hari ini dan pada masa yang sama Yang Berhormat, ini juga selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Contoh keperluan salah satu anjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Kementerian Pendidikan Tinggi ialah untuk mewujudkan mahasiswa yang menjadi *job creators* dan bukan *job seekers* dan KBAT ini memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan *job creators* dan bukan *job seekers*.

■1020

Maka, tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia ialah untuk memastikan elemen-elemen KBAT ini diterapkan dari awal lagi sehingga mereka sampai ke Tingkatan Lima dalam SPM dan apabila mereka melangkah masuk ke menara gading, mereka memahami dan mereka semua merupakan pelajar-pelajar yang memang pakar dalam

KBAT. Ini juga hala tuju kementerian dan nasihat Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri.

Yang Berhormat Padang Terap sentiasa mengamalkan budaya KBAT ini bukan sahaja dalam mesyuarat-mesyuarat kita tetapi apabila dia berjumpa dengan pelajar-pelajar, guru-guru, nilai-nilai KBAT ini diterapkan dalam ucapan-ucapan. Kita juga mencari kaedah-kaedah yang baik bagaimana kita dapat terus membudayakan KBAT ini bukan sahaja untuk anak-anak murid kita tetapi untuk guru-guru dan juga semua kita di Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa tahun kah yang dijangka untuk melibatkan dalam KBAT ini 8,000 sekolah dan apakah akibat yang buruk dijangkakan?

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat, sebenarnya semua sekolah telah pun mengamalkan KBAT. Jumlah 282 buah sekolah yang saya katakan tadi ialah contoh *sample schools* yang kita boleh buat penarafan. Sebenarnya semua sekolah sudah ada keupayaan KBAT, telah pun dikenal pasti.

Akan tetapi apa yang saya memberi maklumat sebentar tadi ialah dalam penarafan yang dibuat oleh jemaah nazir dan jaminan kualiti, 282 buah sekolah yang telah dipilih daripada lebih 10,000 sekolah. Penarafan ini dibuat di 282 buah sekolah dan harapan kita seperti mana yang saya kata, daripada 282 buah sekolah ini, ada lebih kurang 60 peratus sekolah yang di bawah tahap baik dan cemerlang dan harapan kita ialah sebelum tahun 2020, kalau tidak 100 peratus, *at least* 90 peratus sekolah ini ada dalam tahap cemerlang dalam budaya KBAT ini. Ini merupakan harapan kita dalam masa dua tiga tahun lagi, Yang Berhormat.

Dan saya pasti dengan kerjasama yang secukupnya- dan apabila juga kita mengimplementasikan saranan ibu bapa. Saranan ini juga memainkan peranan penting untuk kita mengamalkan budaya KBAT yang mana wakil-wakil ibu bapa akan menjadi duta kepada ibu bapa yang lain, menjadi jurucakap kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memberi pemahaman KBAT ini kepada ibu bapa yang lain. Semua sedang berjalan lancar. Kita rasa berpuas hati tetapi kita masih cuba sedaya upaya dalam masa tahun 2020, semua sekolah, semua guru-guru, semua ibu bapa memahami kepentingan KBAT dan kita dapat melaksanakan dengan cukup baik, Yang Berhormat.

Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta Perdana Menteri menyatakan, mekanisme pelaksanaan kawasan rukun tetangga (KRT) dalam menyatupadukan masyarakat dan sejauh manakah kejayaan program skim rondaan sukarela mengurangkan kadar jenayah di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat.

Soalan ini mempunyai dua *link* iaitu pertama ialah berkaitan dengan mekanisme yang digunakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk mempromosikan perpaduan. Kedua, berkaitan dengan keberkesanan fungsi-fungsi yang dijalankan oleh Skim Rondaan Sukarela.

Saya ingin menjawab pertama terlebih dahulu berkaitan dengan mekanisme yang digunakan oleh Rukun Tetangga untuk menjalankan fungsi-fungsi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, Rukun Tetangga atau KRT adalah organisasi sukarela yang bernaung di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri dan merupakan jentera perpaduan di peringkat akar umbi. KRT dibentuk melalui penetapan suatu kawasan yang dipohon oleh pemastautin atau penduduk bagi tujuan memupuk, meningkat dan mengukuhkan semangat kejiranan, perpaduan, kesejahteraan dan kualiti hidup dalam kalangan komuniti.

Pada umumnya, semua pihak mengetahui akan objektif dan peranan KRT sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Rukun Tetangga 2012, khususnya dalam memupuk kesefahaman dan perpaduan di peringkat akar umbi. Keberkesanan KRT bertindak sebagai penggerak utama di peringkat akar umbi, di peringkat komuniti dipacu melalui kecekapan jentera dan cawangan-cawangan komuniti yang bernaung di bawah KRT seperti berikut.

Pertama, Skwad Uniti berfungsi sebagai pasukan sukarelawan yang membantu agensi-agensi kerajaan mengurus situasi dan bencana melalui khidmat bantu mula dalam aspek sosial dan perkhidmatan kepada komuniti. Selain itu, Skwad Uniti juga membantu menyelaras dan mempercepatkan proses penyaluran maklumat dan khidmat oleh kerajaan kepada komuniti. Contohnya, Skwad Uniti Seberang Perai Utara telah bertindak menyelaras dan mendapatkan sumbangan dan membuat pengagihan keperluan asas kepada mangsa-mangsa banjir di Pulau Pinang dalam kejadian baru-baru ini.

Kedua, Skwad Elit Jiran Wanita (SeJIWA). SeJIWA merupakan gabungan jiran wanita dari beberapa KRT dalam satu daerah yang berperanan untuk memperkasakan peranan golongan wanita dalam pelbagai aspek untuk memelihara kebajikan wanita dan keluarga serta komuniti. SeJIWA bertindak selaku tenaga penggerak ejen perubahan dan agensi penyatuan ke arah membangunkan potensi dan mendaya upayakan komuniti, khususnya golongan wanita sendiri. Contoh, satu contoh sahaja aktiviti kebajikan oleh SeJIWA adalah menyelaras bantuan kerajaan dan sumbangan korporat kepada ibu tunggal, pesakit wanita kronik, anak yatim piatu dan mangsa keganasan rumah tangga dan komuniti;.

Ketiga, Mediator Komuniti. Mediator Komuniti ialah pihak ketiga yang berusaha menyelesaikan apa-apa pertikaian dan konflik kaum dan agama dalam komuniti setempat. Mediator Komuniti merupakan pasukan yang telah diberi kemahiran dan diberi tauliah dalam membantu menguruskan dan mengendalikan konflik-konflik komuniti. Sehingga kini, terdapat 595 kes melibatkan komuniti yang telah ditangani oleh Mediator Komuniti di seluruh negara.

Now, di bawah Rukun Tetangga di kawasan-kawasan peringkat kampung. Maka, kawasan Rukun Tetangga juga mempunyai beberapa cawangan selain daripada ahli jawatankuasa Rukun Tetangga sendiri.

Pertama ialah Cawangan Jiran Wanita yang dianggotai oleh golongan wanita dan bertindak melaksanakan aktiviti dan inisiatif pembangunan, kebajikan, pendidikan dan penjanaan ekonomi khususnya untuk golongan wanita dan keluarga. Contoh aktiviti dilaksanakan oleh Cawangan Jiran Wanita adalah pelaksanaan bengkel ekonomi rumah tangga dan kemahiran seperti pembuatan kraf tangan, masakan dan pemprosesan masak makanan.

Berikutnya, tumpuan kepada golongan belia pula diketengahkan di bawah Cawangan Jiran muda yang bertujuan mewujudkan peluang dan menarik minat golongan muda dalam aktiviti kesukarelawan.

■1030

Aktiviti dilaksanakan adalah menumpukan kepada inovasi dan kreativiti yang menggalakkan minat golongan muda serta sebagai platform atau landasan latihan kepimpinan kepada generasi muda. Berikutnya ialah Cawangan Jiran Usia Emas. Diwujudkan sebagai salah satu gerakan dan penglibatan golongan warga emas dalam membantu Rukun Tetangga menyalurkan maklumat, mengukuhkan jaringan dengan pelbagai pihak, perkongsian pengalaman serta kepakaran daripada golongan berkenaan kepada komuniti untuk pembangunan komuniti setempat.

Seterusnya, ini jawapan berkaitan dengan soalan kedua dalam soalan Yang Berhormat sebentar tadi iaitu Skim Rondaan Sukarela. Keberkesanan dan fungsi-fungsi skim rondaan sukarela. SRS merupakan inisiatif pencegahan kegiatan jenayah dan gejala sosial yang dipohon oleh komuniti di dalam Rukun Tetangga bertujuan melaksanakan rondaan dan kawalan keselamatan secara sukarela bagi membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah dan gejala sosial di peringkat komuniti.

Keberkesanan dan kecekapan SRS dalam usaha membendung kegiatan jenayah dan gejala sosial di peringkat komuniti dapat dilihat melalui beberapa pencapaian berikut iaitu kesedaran masyarakat mengenai kepentingan dan kecekapan SRS dilihat melalui peningkatan permohonan komuniti untuk melaksanakan SRS berdasarkan rekod berlaku peningkatan dan pertambahan bilangan SRS yang sedia ada pada setiap tahun yang menunjukkan kesedaran masyarakat terhadap keupayaan dan keberkesanan SRS. SRS

membuat kawalan dan rondaan sukarela serta pencegahan jenayah di peringkat komuniti. Maka, sehingga September 2017, sebanyak 5,004 SRS telah ditubuhkan di seluruh negara di bawah Rukun Tetangga.

Keberkesanan dan kecekapan SRS membantu pihak berkuasa dalam mencegah jenayah dapat dinilai melalui peningkatan bilangan kes-kes yang ditangani oleh anggota SRS daripada semasa ke semasa. Pada tahun 2015, kes meningkat pada tahun 2016 kepada 7,490 kes. Ini menunjukkan kreativiti SRS membantu pihak berkuasa semakin meningkat dan diperlukan di peringkat komuniti. Selain itu, melalui hasil kajian persepsi rasa selamat atau *feel safe survey*, dengan izin, yang merupakan mekanisme mengukur keberkesanan perkhidmatan SRS kepada komuniti didapati bahawa terdapat peningkatan sektor pencapaian hasil *survey* ini pada tahun di mana ia meningkat daripada 90.56 peratus pada tahun 2013 kepada 92.45 peratus pada tahun 2016.

Ini menunjukkan bahawa komuniti merasa selamat adanya perkhidmatan kawalan dan rondaan serta aktiviti pencegahan yang dilaksanakan oleh SRS. Oleh itu, melalui pencapaian di atas, dapat dibuktikan bahawa SRS telah membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah sekali gus mengurangkan jenayah di kawasan komuniti setempat sejak diperkenalkan pada tahun 2014.

Kesimpulannya, KRT menggunakan jentera dan mekanisme secara giat untuk memfokuskan kepada isu dan masalah yang dihadapi oleh komuniti setempat agar jalan penyelesaian yang sewajarnya boleh dicari bagi menanganinya. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri yang menjawab dengan panjang lebar. Tahniyah saya ucapkan kepada kerajaan dan juga kementerian yang telah dapat mewujudkan 7,707 KRT di seluruh negara. Sebanyak 935 kawasan KRT di negeri Sarawak, di kawasan saya ada 45 buah KRT termasuk 15 buah SRS dan kita merasakan kewujudan KRT ini memang membantu daripada sudut pembangunan kawasan dan juga keselamatan di kawasan. Soalan tambahan saya, apakah bentuk kerjasama NBOS antara JPNIN dengan agensi kerajaan dan kerajaan negeri dalam usaha mempergiatkan latihan kepada ahli-ahli KRT dan juga ahli-ahli SRS agar mendapat latihan yang sewajarnya bagi menjalankan tanggungjawab dengan sempurna. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih. Saya hanya bagi satu contoh sahaja berkaitan dengan sistem yang diperkenalkan oleh kerajaan tentang konsep NBOS ini atau *National Blue Ocean Strategy* di mana baru-baru ini kita telah memperkenalkan konsep *economic activity* yang akan dilaksanakan oleh Rukun Tetangga. Ini bertujuan untuk meningkatkan taraf pendapatan ahli-ahli Rukun Tetangga supaya dalam pada itu, kita dapat membuat sesuatu untuk mengamankan keadaan di peringkat komuniti itu. *Now*, kami telah memperkenalkan konsep koperasi.

Bila kita mewujudkan koperasi ini, kita minta semua termasuklah latihan kepada setiap ahli Rukun Tetangga untuk bekerjasama dengan pihak koperasi, dengan agensi-agensi yang lain supaya tujuan kita itu dapat dicapai. Objektif kita itu dapat dicapai untuk membuat sesuatu agar ahli-ahli Rukun Tetangga itu menumpukan sepenuhnya berkaitan dengan ekonomik di peringkat komuniti ini untuk meningkatkan pendapatan mereka. Itu satu contoh sahaja. Lain itu sememangnya ada lagi, mungkin panjang saya punya jawapan kalau saya bagi kerana contohnya ada banyak. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya mengucapkan tahniah di atas insentif yang telah diberikan oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan pertubuhan KRT dan SRS yang memberi peranan yang cukup penting dalam pembangunan negara kita.

Soalan saya ialah, apakah perlindungan yang telah disediakan oleh kerajaan termasuk insurans ataupun insentif khas yang diberi kepada anggota-anggota yang melibatkan diri dalam SRS atau KRT ini terutama apabila mereka berdepan dengan insiden atau berlaku apa-apa yang tidak diingini dalam kawalan keselamatan. Jadi setakat ini, apakah perlindungan yang diberi dan berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan untuk setiap pertubuhan KRT yang telah ditubuhkan?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan peruntukan itu nanti saya sentuh dalam penggulungan saya pada sebelah petang nanti tetapi berkaitan dengan satu perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat ialah berkaitan dengan insurans. Sebenarnya kita prihatin terhadap kebajikan ahli-ahli Rukun Tetangga khususnya ahli-ahli Skim Rondaan Sukarela ini.

Oleh sebab, mereka ini bekerja dengan sukarela. Bukan itu sahaja tetapi *they work at odd hours*. Mereka mula meronda kurang daripada jam 12 sehingga jam 4 pagi. So, kalau ada apa-apa berlaku dengan mereka, memang kita merasa tanggungjawab. Ini bererti kita sedia untuk pembayaran insurans kepada mereka. Bukan sahaja SRS tetapi setiap ahli Rukun Tetangga itu. Kita menyediakan itu.

■1040

Saya juga bercadang, supaya walaupun dalam akta undang-undang itu mengatakan bahawa kerja rukun tetangga termasuk LRST, merupakan sukarela untuk menjalankan tugas mereka, tetapi dengan perasaan kita, dengan perasaan tersendiri untuk menjaga kebajikan mereka. Maka saya bercadang kepada kerajaan untuk membayar sedikit sebanyak elaun kepada Skim Rondaan Sukarela. Terima kasih.

4. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Perdana Menteri menyatakan, sumbangan perkhidmatan pengangkutan rel di Lembah Klang dalam menyediakan prasarana untuk orang ramai berbanding pengangkutan awam yang lain sehingga kini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi dan terima kasih, Yang Berhormat telah bertanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ataupun SPAD telah membangunkan rancangan induk pengangkutan awam darat bagi *Greater KL* ataupun *Klang Valley- GKL/KV*, dengan izin. Di mana rancangan pembangunan rel bandar ataupun *Urban Rail Development Pelan* atau URDP merupakan salah satu daripada rancangan subsidiari dalam GKL/KV ini.

Ini tidak bermakna tumpuan hanya diberikan kepada pembangunan rel semata-mata. Ini kerana perkhidmatan rel berfungsi sebagai tulang belakang, kepada perkhidmatan pengangkutan awam darat di Lembah Klang dan disokong atau dilengkapi dengan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan awam darat yang lain seperti perkhidmatan bas dan teksi bagi kawasan-kawasan-kawasan yang berada di luar capaian perkhidmatan rel. Perkhidmatan bas dan teksi ini juga adalah penting, terutamanya bagi memenuhi keperluan batuan pertama dan terakhir, dengan izin, *first and last mile*, iaitu antara rumah ke stesen rel, stesen rel ke tempat kerja atau destinasi terakhir.

Perkhidmatan rel telah membawa pelbagai manfaat kepada rakyat. Kos menggunakan perkhidmatan rel dan pengangkutan awam secara amnya adalah lebih murah jika dibandingkan dengan penggunaan kenderaan peribadi yang memerlukan perbelanjaan pelbagai kos, seperti bahan api, kos pemilikan kenderaan, seperti faedah pinjaman, insurans, cukai jalan, penyelenggaraan dan perbelanjaan yang berkaitan dengan yang lain seperti bayaran tempat letak kereta dan tol, malah masa juga.

Di samping itu, perjalanan menggunakan rel bandar, seperti LRT, MRT dan KTM Komuter, adalah mengikut jadual tersendiri yang tidak dipengaruhi dengan kesesakan lalu lintas. Oleh yang demikian, pengguna boleh merancang masa perjalanan mereka dengan lebih mudah.

Seperti yang sering diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan terus komited dalam membangun dan menyediakan infrastruktur pengangkutan awam terbaik untuk kemudahan rakyat. Usaha-usaha dalam menambah baik jaringan dan capaian perkhidmatan rel bagi kawasan Lembah Klang sentiasa diteliti dan dilaksanakan. Ini terbukti dengan siapnya projek sambungan *Light Rapid Transit* ataupun LRT laluan Kelana Jaya dan laluan Ampang. Serta yang terkini bermulanya operasi perkhidmatan *Mass Rapid Transit* ataupun MRT Satu, laluan Sungai Buloh ke Kajang. Manakala

beberapa lagi projek rel sedang dan akan dijalankan. Di Lembah Klang adalah seperti LRT Tiga, MRT Dua dan MRT Tiga serta sambungan ke *Subang Sky Park*.

Tuan Yang di-Pertua, penambahbaikan rangkaian rel ini secara langsung akan memberikan faedah dan sumbangan kepada orang ramai, melalui peningkatan *accessibility* kepada pengguna dengan kawasan-kawasan pekerjaan, perkhidmatan dan pendidikan. Selain itu, penambahbaikan perkhidmatan rel ini juga, memberikan pengguna lebih pilihan untuk penggunaan pengangkutan awam serta membantu meningkatkan mobiliti pengguna dan mengurangkan kesesakan kepada kenderaan persendirian dan komersial.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, akses kepada hubungan antarabangsa bagi penduduk Lembah Klang dapat ditingkatkan melalui penyediaan laluan rel ke KLIA dan *Subang Sky Park*. Manakala penyepaduan mod antara rel dan mod pengangkutan awam yang lain juga memberikan kelebihan, dan keselesaan perjalanan kepada pengguna pengangkutan awam darat. Sebagai tulang belakang kepada perkhidmatan awam darat, alasan stesen-stesen rel adalah dilengkapi dengan lebih banyak kemudahan sokongan seperti tempat letak kenderaan, kemudahan Orang Kurang Upaya ataupun OKU, tandas, surau, tempat menunggu, jejantas dan termasuk juga ruang perniagaan untuk kemudahan pengguna. Sekian, terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, berapa jumlah penumpang dalam hasil pendapatan yang diperoleh daripada perkhidmatan pengangkutan rel ini yang disumbangkan kepada hasil kerajaan setakat ini, juga di Bandaraya Kuala Lumpur. Memandangkan ramai pekerja yang gaji rendah yang hanya RM3000 sebulan sahaja, yang menggunakan pengangkutan awam rel ini. Saya ingin bertanya, adakah kerajaan bersedia untuk memperkenalkan pas bulanan, harga yang berpatutan untuk merangsang lagi pengguna rel di Lembah Klang ini. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Kalau dikira, kalau mengikut rekod kita pada saya hanya menyentuh mengenai tahun 2015 hingga 2016, *The Ridership* dari bagi tahun 2015 untuk rel dan bas, kita ada sejumlah 393,049,501 juta, *you can imagine that*, terima kasih. *And then* untuk tahun 2016 381,021,797 ini adalah untuk *ridership* bagi tahun 2015, tahun 2016 dan untuk tahun 2017 iaitu dari Januari hingga September, kita ada 289,761,387 *ridership*.

Kalau dari segi hasilnya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat saya hanya dapat rekod daripada tahun 2015 dan juga tahun 2016. Hasil yang kita peroleh daripada tambang tersebut kita ada RM342,126,519 untuk tahun 2015. Bagi tahun 2016, RM436,125,641. Ini adalah dari segi hasil. Untuk tahun 2017, kita belum ada lagi.

Secara puratanya Yang Berhormat, perkhidmatan rel menyumbang kepada 56 peratus hingga hampir 60 peratus daripada jumlah pengguna pengangkutan awam Lembah Klang. Sebenarnya kita menyasarkan untuk penumpang, orang awam menggunakan pengangkutan awam iaitu sebanyak 60 peratus. Ini kita sudah hampir ke situ, walaupun ianya baru 56 peratus hingga 60 peratus, tetapi masih belum lagi menepati apa yang kita sasarkan. Kalau boleh memang kita hendak menyasarkan banyak lagi ataupun ramai lagi menggunakan pengangkutan awam.

Walaupun begitu, kerajaan juga masih membelanjakan subsidi yang tinggi untuk memastikan rakyat dapat menikmati kemudahan pengangkutan awam yang baik, cekap dan efisien dengan harga yang mampu dibayar. Ini telah pun, sebenarnya banyak telah kita lakukan untuk menggalakkan masyarakat ataupun rakyat menggunakan pengangkutan awam darat. *Your last question?* Yang Berhormat tidak dengarlah.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya pas bulanan, harga yang dibayar oleh- boleh minta pas bulanan untuk yang menggunakan pengangkutan awam rel ini?

■1050

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Pas? Oh, pas untuk menggunakan pengangkutan awam darat. Sebenarnya Yang Berhormat, sekarang ini kita memberi potongan 50 peratus sudah. Tidak perlu pas pun. Mereka sudah ada yang untuk pelajar dan juga untuk warga emas. Jadi kalau mereka sudah mencapai tahap itu, malah mereka yang pencen pun belum mencapai tahap warga emas pun, diberi 50 peratus diskaun. Jadi, kita telah mengatasi semua ini untuk membantu masyarakat kita. Terima kasih.

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh dinafikan bahawa kemudahan pengangkutan awam yang disediakan oleh kerajaan memang memudahkan pergerakan rakyat jelata. Selain daripada itu, ia juga meringankan masalah kesesakan lalu lintas dan seterusnya mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah sumbangan pembangunan infrastruktur pengangkutan ini kepada ekonomi negara terutama *job creation* ataupun peluang pekerjaan bagi rakyat jelata? Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Ini dari sudut peluang pekerjaan, memang banyak. Berapa kali sudah saya jawab, memang banyak peluang pekerjaan yang diwujudkan untuk rakyat kita terutama sekali golongan remaja. Kalau kita lihat, kalau kita tonton video mengenai MRT, pembinaan MRT dulu, kita melihat betapa bangganya mereka yang terlibat terutama sekali *engineer* yang muda yang melibatkan diri dalam pembinaan MRT.

Jadi jumlah peluang pekerjaan yang disediakan melalui perkhidmatan rel bandar seperti MRT, LRT, komuter dan monorel, kita dapati anak syarikat Prasarana Malaysia Berhad, Rapid Rail Sdn. Bhd., dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan

perkhidmatan rel bandar di Lembah Klang termasuk MRT laluan Sungai Buloh-Kajang, LRT laluan Kelana Jaya, LRT laluan Sri Petaling dan Ampang dan laluan KL Monorel. *Rapid Rail* menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih daripada 3,400 warga kerja yang merangkumi MRT laluan Sungai Buloh-Kajang iaitu 1,185, LRT laluan Kelana Jaya sebanyak 780, LRT Sri Petaling-Ampang sebanyak 803, KL Monorel sebanyak 284, perkhidmatan sokongan sebanyak 369.

Pada masa yang sama, *Rapid Rail* juga menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira 520 pekerja perkhidmatan kontrak seperti perkhidmatan pembersihan, perkhidmatan penyelenggaraan lif dan eskalator, perkhidmatan kutipan wang dan sebagainya. Sementara itu, Rapid Bus Sdn. Bhd., anak syarikat Prasarana yang menyediakan perkhidmatan bas berhenti-henti di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Kuantan memberi peluang pekerjaan kepada 4,730 warga kerja termasuk warga kerja perkhidmatan sokongan. Pihak KTMB pula memaklumkan bahawa jumlah pekerja disediakan untuk perkhidmatan komuter adalah 1,201 orang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menggalakkan rakan-rakan Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini untuk menonton program seperti video yang ditunjukkan mengenai pembinaan MRT. Saya merasa terharu kerana saya melihat orang-orang muda kita yang telah diberi pekerjaan, mereka turut berasa bangga kerana ia menjadi satu legasi patriotisme bagi mereka untuk terlibat dalam membina satu prasarana yang begitu hebat sekali di mana ia menjadi kebanggaan kita di Malaysia ini. Ia kalau dikira dari segi *assessment*, dengan izin, peringkat antarabangsa, kita mempunyai satu prasarana dari segi stesennya, dari segi stesen ke MRT juga adalah *at par*, dengan izin, negara-negara yang maju. Jadi itulah kebanggaan kita dalam negara kita di Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

5. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pekerja asing yang berdaftar dan bekerja di negara ini mengikut pecahan negara asal mereka; dan
- (b) berapa jumlah anggaran bayaran gaji / upah mereka setiap tahun.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak Yang Berhormat Putatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita kira kita semua maklum penduduk negara kita kurang lebih 31 juta orang. Penduduk yang bekerja adalah 14.41 juta,

pengangguran lebih kurang 3.4 peratus dan pekerja asing di negara kita ialah kurang lebih yang daftar 1.732 juta.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita masih lagi memerlukan perkhidmatan pekerja asing terutamanya dalam sektor 3D iaitu yang susah, yang bahaya dan juga yang agak kotor dan sebagainya. Namun begitu, buat masa ini, terdapat 13 negara sumber yang membekalkan pekerja asing di negara kita ini.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen sehingga 30 September 2017, 13 negara sumber yang membekalkan pekerja asing ke negara kita ialah yang pertama, Indonesia sejumlah 707,181 orang; Nepal sejumlah 385,320 orang; Bangladesh sejumlah 222,868 orang; Myanmar sejumlah 121,050 orang; India sejumlah 113,668 orang; Pakistan sejumlah 58,957 orang; Filipina sejumlah 55,120 orang; Vietnam sejumlah 26,387 orang; China sejumlah 17,516 orang; Thailand sejumlah 14,650 orang; Sri Lanka sejumlah 5,613 orang; Kemboja sejumlah 4,621 orang; dan Laos sejumlah 33 orang.

Jumlah semuanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah 1,732,944 orang. Ini yang berdaftar. Yang tidak berdaftar itu di luar rekod kita, Tuan Yang di-Pertua.

Ini juga sebahagian termasuk pegawai dagang yang semuanya berjumlah 153,523 orang pekerja.

Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Yang Berhormat Putatan- berkenaan dengan soalan gaji. Bagi menentukan gaji pekerja, menurut statistik Penyiasatan Gaji dan Upah 2016 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, gaji median bagi pekerja Malaysia pada tahun 2016 adalah sebanyak RM2,000, manakala gaji median bukan warganegara pula adalah sebanyak RM1,200. Maksudnya kita ambil gaji penengah, Yang Berhormat Putatan. Ada yang gaji RM5,000 dan mungkin hampir RM10,000 dan juga yang RM1,000 *minimum wage* dan sebagainya bagi pekerja asing. Jadi, kita ambil gaji penengah.

Jadi kalau detil itu, kita ada, kita ada sebenarnya. Terdapat beberapa bidang ataupun kategori pekerjaan termasuklah *manager*, *profesional*, *technician*, perkeranian dan lain-lain lagi, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, jawapan Menteri. Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyatakan pekerja asing ini hanya diberi tugas dalam bidang 3D. Saya melihat ramai pekerja asing ini bekerja di kaunter, Tuan Yang di-Pertua. Tukang wang, ada yang tukang masak, ada yang jadi pegawai keselamatan dan banyak lagi tugas seperti kerani pun ada.

Jadi syarat ini, adakah pihak kementerian dapat memantau supaya syarat-syarat kepada majikan ini dapat dipastikan supaya tidak memberi tugas yang bukan bawah kategori 3D ini? Adakah kementerian ada perancangan juga untuk kemudian

membenarkan pekerja asing ini diberi tugas sebagai polis ataupun askar yang boleh menggugat keselamatan negara kita pada kemudian hari?

■1100

Ini pertanyaan saya. Adakah syarat ini boleh diubah? Jikalau 3D ini boleh diubah, maka saya pasti ada juga rancangan kemudian. Ada 1.7 juta yang kerja di sini. Bahkan wang kita yang keluar mengalir ke luar negara begitu ramai. Adakah rancangan pihak kementerian juga dapat menggalakkan masyarakat di luar bandar yang mahu bekerja di industri perkilangan, di restoran dan berbagai-bagai tempat yang boleh masyarakat tempatan kita boleh ditugaskan?

Akan tetapi, mungkin jangan kata mereka ini tidak berminat kerana gaji kecil. Jadi, adakah rancangan kerajaan atau kementerian supaya gaji dapat ditingkatkan untuk menarik masyarakat kita terutama sekali masyarakat di luar bandar supaya tidak berhijrah ke Singapura dan negara yang lain. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Putatan.

Sebenarnya dasar utama kerajaan, kita mengutamakan pekerja tempatan sebab itulah sebelum sebarang pekerja asing diambil, setiap majikan mestilah mengiklankan dahulu tawaran kerja kosong di majikan masing-masing kepada pekerja tempatan. Setelah tidak ada pekerja tempatan barulah pekerja asing diambil. Itu pun Yang Berhormat Putatan, kita ada *ratios* dia umpamanya perladangan. Kalau ada lapan hektar ladang, satu orang pekerja dan banyaklah, saya kalau hendak detil itu kena datang ke pejabat kita, kita akan beri maklumat kita tentang kadar-kadar dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh majikan untuk mengambil pekerja asing.

Syarat utama mesti kita utamakan pekerja tempatan. *Even 3D* pun dan sebagainya. Jadi, setakat ini saya ingat berkenaan dengan pasukan keselamatan dan sebagainya, kita tidak ada benarkan setakat ini. Tidak ada. Bahkan saya sudah sebut tadi kita utamakan pekerja tempatan. Jadi, begitu juga tentang pekerja-pekerja di berapa sektor lain umpamanya dari sudut Dasar Penggajian Pekerja Asing. Kerajaan tidak membenarkan penggajian pekerja asing diberi barisan hadapan, makna *front liner* tidak boleh. Ini tertakluk, saya tidak... [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua saya tidak mempersoalkan yang itu. Kadang-kadang kita dapat ada juga di *front liner* pekerja ini, *enforcement* kena lakukan, penguatkuasaan mesti dilakukan, ini di bawah tindakan Kementerian Dalam Negeri, imigresen dan sebagainya.

Kita berusaha dan kita sentiasa menjalankan pemeriksaan dan mengambil tindakan kepada pelanggaran syarat-syarat ini. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah diambil kerajaan bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru ini telah menjenamakan semula TVET umpamanya, adalah ke arah untuk mewujudkan dan melahirkan pekerja-pekerja tempatan yang berkemahiran untuk

mengambil alih pekerja asing. Kita ada 135,000 ekspatriat ataupun pegawai dagang yang terdiri daripada berbagai-bagai negara. Kenapa harus kita benarkan mereka? Kenapa tidak kita latih anak-anak kita dan mengambil alih tempat-tempat ini.

Jadi, Yang Berhormat Putatan bagi saya kita tidak ada kompromi untuk memastikan supaya pekerja tempatan diberikan keutamaan bagi mengisi peluang-peluang pekerjaan dan kita tidak benarkan duit yang mengalir begitu banyak, RM37 bilion umpamanya pernah dilaporkan kepada kita. Kenapa harus kita benarkan ini semua? Kenapa harus kita benarkan ramai pekerja asing mendapat subsidi, penggunaan dan pengambilan makanan di negara kita sedangkan orang-orang kita masih lagi perlu banyakan bantuan seperti mana yang disediakan oleh kerajaan. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang cukup budiman pagi ini. Saya terus kepada mukadimah.

Statistik pegawai dagang aktif mengikut warganegara asing sehingga Februari 2017 berjumlah 153,523 seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri maklumkan tadi. Bangladesh sahaja berjumlah 62,609 pekerjaan berkemahiran. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri ada menyatakan sektor pembuatan dicadangkan satu peratus orang asing.

Soalan saya ialah apakah langkah kerajaan untuk mengurangkan peningkatan pekerja asing berkemahiran untuk memberi peluang kepada pekerja tempatan menyertai arus pembangunan negara. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Seperti mana saya sebutkan awal tadi, kita 153,523 pegawai dagang ataupun pegawai ekspatriat yang aktif di negara kita ini. Seperti mana saya yang sebutkan awal tadi, 13 negara sumber yang membekalkan tenaga kerja biasa tetapi ada juga negara-negara lain menggunakan ekspatriat ini yang boleh saya sebut umpamanya Singapura, Australia, Taiwan, Perancis, Jerman, Kanada dan termasuklah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat.

Sebenarnya Yang Berhormat Kuala Langat, saya sudah sebutkan tadi bahawa banyak langkah kerajaan yang dibuat, diambil untuk memastikan supaya peluang-peluang yang diisi oleh pekerja asing hari ini diambil alih oleh pekerja tempatan termasuklah seperti mana yang disebutkan awal tadi penjenamaan semula TVET ini iaitu TVET Malaysia. Di mana kerajaan telah menggabungkan tujuh kementerian secara kolaborasi akan bergerak serentak dan kita telah bergerak sendiri Tuan Yang di-Pertua, mengadakan mesyuarat di peringkat pegawai tertinggi untuk kita mengatur dan menggerakkan strategi bagaimana kita boleh mengenal pasti supaya peluang-peluang pekerjaan yang sekarang di isi oleh pekerja asing ini akan diambil alih oleh pekerja tempatan termasuklah meningkatkan lagi kemahiran pekerja-pekerja, *upskilling*, *reskilling* dan juga menambahkan pusat-pusat

latihan perindustrian dan sebagainya di peringkat kementerian dan juga di kementerian-kementerian yang lain.

Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, kalau usaha ini dibuat secara serius, saya tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh mengurangkan pekerja asing. Ini kerana dahulunya kita ada lebih kurang 2 juta, hari ini kita hanya mempunyai 1.7 juta pekerja asing. Maknanya hampir kurang 300,000 pekerja asing kita telah *nyah* kan balik ke negara masing-masing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, mohon lagi satu soalan. Ringkas.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa yang berdaftar mereka dalam sektor-sektor tertentu. Akan tetapi pada realitinya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita melihat bahawa ramai daripada pekerja ataupun pendatang asing ini terlibat di dalam perniagaan dan mereka memiliki premis dan ia menjadi satu persaingan yang hebat kepada rakyat tempatan.

Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut tadi bahawa pihak berkuasa tempatan boleh bertindak ke atas mereka tetapi kita tahu bahawa pihak berkuasa tempatan juga ada kelemahan-kelemahannya dari segi tenaga dan juga dari segi peraturan dan undang-undang itu sendiri yang tidak memungkinan mereka untuk menangkap atau menahan. Jadi apakah usaha kerajaan supaya bidang perniagaan, peruncitan ini tidak boleh langsung dibenarkan kepada pendatang asing ini kerana ini menjadi rungutan rakyat demi hari, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Saya hendak beri sedikit kepada Yang Berhormat Kota Raja. Kenapa pekerja asing boleh menjalankan perniagaan? Siapa yang punya lesen perniagaan? Ini pun kena kita lihat. Kadang-kadang kelemahan orang kita sendiri Tuan Yang di-Pertua. Kenapa harus mereka benarkan pekerja asing berada di hadapan sedangkan perniagaan milik kita. Kenapa kita main-main mahu jadi tauke mudah sedangkan pekerjaan dilakukan oleh mereka. Ini antara faktor yang boleh kita lihat Tuan Yang di-Pertua.

Namun demikian *enforcement* adalah satu faktor yang cukup penting. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat di negara kita ini, kita ada satu *High Level Committee*-Jawatankuasa Tertinggi Peringkat Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Selamat datang Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang cukup serius dalam menangani isu pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin ini.

Saya kira banyak usaha telah dibuat oleh jawatankuasa tertinggi ini sebab itulah kita dapat mengurangkan kadar pekerja asing di negara ini dan dapat saya kira *enforcement* akan diteruskan seperti mana Yang Berhormat lihat hari ini. Jadi, dalam *committee* ini, berbagai-bagai jabatan. Makna kalau kerajaan tempatan tidak boleh mengambil tindakan, imigresen boleh ambil. Kalau ada tindakan itu di bawah kementerian saya Kementerian Sumber Manusia, kita akan mengambil tindakan. Jadi secara kolaborasi, *enforcement* juga dijalankan melalui usaha yang dibuat oleh jawatankuasa tertinggi peringkat pekerja asing dan pendatang tanpa izin ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta Menteri Kerja Raya menyatakan, perkembangan projek Lebuh raya Kota Bharu-Kuala Krai dan setakat mana projek ini diselaraskan dengan Kerajaan Negeri.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:

Walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tumpat di atas soalan yang dikemukakan.

■1110

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah memberikan komitmen untuk melaksanakan jajaran dari Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan sepanjang 61.36 kilometer secara berperingkat bermula daripada Rancangan Malaysia yang Kesepuluh.

Selaras dengan keperluan trafik semasa, pelaksanaan projek ini telah dimulakan dengan tiga kontrak pembinaan iaitu yang pertama, Pakej 1B dari Pasir Hor ke Kadok sepanjang 7 kilometer yang bermula pada April 2014 dan dijangka siap pada Februari 2018. Pakej 2A dari Kadok ke Ketereh sepanjang 6.85 kilometer yang bermula pada April 2015 dan dijangka siap pada November 2018. Manakala, Pakej 2B dari Ketereh ke Kok Lanan sepanjang 6.2 kilometer telah pun dikeluarkan surat setuju terima pada 3 November 2017.

Pelaksanaan fizikal projek bagi pakej-pakej lain dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kesebelas tertakluk kepada kelulusan peruntukan dari agensi Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jajaran dari Bukit Tiung, Machang ke Kampung Berangan Mek Nab sepanjang 10 kilometer iaitu Projek Lebuh raya Rakyat adalah dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri yang kini sedang dalam pembinaan. Jajaran Projek Lebuh raya Rakyat telah pun diselaraskan dengan mengguna pakai jajaran asal oleh Kerajaan Persekutuan iaitu dari Machang ke Kuala Krai dan akan

bersambung dengan jajaran Projek Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi maklumat yang agak terperinci sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai adalah ibu segala lebuhraya di negeri Kelantan ini. Oleh sebab ianya adalah bukan sahaja memberi kemudahan, keselesaan kepada rakyat yang sebegitu lama tidak dijaga dan diabaikan dan ia juga adalah merupakan, saya yakin, pemangkin kepada pembangunan ekonomi negeri Kelantan.

Oleh sebab itulah Kerajaan Negeri Kelantan dalam tahun 2012 lagi di bawah pimpinan Almarhum Menteri Besar ketika itu, mengumumkan 'Lebuhraya Rakyat' yang, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi. Hanya selepas itu, sebelum pilihan raya 2013, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan lebuhraya yang sama, jajaran yang sama untuk Kota Bharu-Kuala Krai. Jadi, *alhamdulillah* pagi ini kita dengar bahawa ada pengendalian, ada kerjasama dan agaknya lah, maka sebahagian daripada lebuhraya dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, sebahagian lagi oleh Kerajaan Kelantan.

Oleh itu, memandangkan itu sedang dirancang, saya yakin Kerajaan Pusat ada lebihan kewangan. Oleh kerana jangkaan lebuhraya yang sepenuhnya sudah sekarang ini dikurangkan oleh kerana apa yang dirancang oleh kerajaan negeri. Adakah Kerajaan Pusat bercadang untuk menggunakan lebihan wang tersebut untuk membina lebuhraya yang lain, misalnya tambahan daripada Kuala Krai ke Gua Musang yang jalannya walaupun ada tetapi tidaklah tarafnya begitu tinggi.

Keduanya, soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan tol ataupun tidak untuk lebuhraya yang di Kuala Krai-Kota Bharu ini? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat kerana mengiktiraf apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat tidak pernah menganaktirikan walaupun sesebuah negeri itu ditadbir oleh pihak yang sebelah sana ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat, sebenarnya kalau Yang Berhormat mengatakan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai ini merupakan ibu segala lebuhraya, suka saya ingin menyatakan di sini Yang Berhormat, Lebuhraya Kuala Krai ke Kota Bharu ini merupakan sebahagian daripada 411 kilometer projek *Central Spine* Yang Berhormat, yang menghubungkan negeri Pahang sehingga ke Kota Bharu, Negeri Kelantan. Ini merupakan sebahagian daripada perancangan kerajaan yang berterusan dilaksanakan, Yang Berhormat.

Untuk *Central Spine* pula, beberapa pakej seperti Yang Berhormat maklum, telah diluluskan dan dilaksanakan, dalam proses pelaksanaan, ya Yang Berhormat. Saya akan berkongsi dengan Yang Berhormat mengenai pakej-pakej tersebut selepas ini bagi menjimatkan masa. Yang Berhormat, saya juga ingin menyatakan kepada Yang Berhormat, *alhamdulillah* saya ingin mengatakan bahawa *Central Spine Road*- Lebuhraya *Central Spine* dan juga Kota Bharu menghubungkan ke Kuala Krai ini Yang Berhormat, tidak akan dikenakan tol. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, hendak menyelenggarakan lebuh raya ini bukan kita guna *ayaq lioq*, kita kena guna duit. Oleh sebab itu diadakan tol-tol di lebuh raya. Saya hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan... [*Tepuk*] Kerana dalam pembentangan bajet hari itu, empat lebuh raya tidak dikenakan tol. Bermakna, kerajaan prihatin dan sedia untuk membayar pampasan daripada tol itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanyalah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau dikatakan lebuh raya yang dibina ini tidak dikenakan tol, itu berita baik untuk rakyat, tahniah. Akan tetapi bagaimanakah, apakah mekanisme untuk kerajaan nanti menyelenggarakan kos penyelenggaraan lebuh raya di sini? Ini penting, terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai di atas soalan yang dikemukakan. Seperti juga Jalan Raya Persekutuan yang lain, ianya akan diselenggarakan menggunakan peruntukan yang diterapkan oleh kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, usaha kementerian bagi menambah pendapatan rakyat luar bandar melalui pelbagai program pertanian serta rancangan ekonomi.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat yang bertanya, kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah merancang dan melaksanakan pelbagai program bagi menambah pendapatan rakyat luar bandar, terutama dalam bidang pertanian serta rancangan ekonomi. Antara usaha yang dijalankan adalah pelaksanaan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) yang bertujuan khusus meningkatkan pendapatan serta meningkatkan taraf hidup dan seterusnya mengeluarkan masyarakat luar bandar daripada belunggu kemiskinan. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, KKLW memperuntukkan sebanyak RM75 juta bagi PPP dengan sasaran 7,500 peserta.

Program ini menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan untuk membolehkan kumpulan sasar menyertai atau menjalankan projek-projek ekonomi dalam pelbagai sektor. Bantuan diberikan dalam pelbagai bentuk, termasuk infrastruktur

merangkumi aset, premis, bengkel, ruang niaga, mesin, peralatan bantuan, bahan mentah, latihan, kursus kemahiran asas, bimbingan serta kos khidmat pengurusan yang disampaikan melalui agensi pelaksana. Kadar bantuan yang diberikan di bawah PPP, maksimum sehingga RM10,000 seorang peserta, mengikut skop projek ekonomi juga. Empat skop utama projek-projek ekonomi PPP adalah projek ekonomi berasaskan perusahaan sumber asas tani, perikanan, penternakan, perusahaan kerepek, pembuatan jem dan pembuatan mi kuning. Projek ekonomi berasaskan perniagaan secara kecil-kecilan iaitu kedai runcit, kedai makanan, minuman dan penyediaan makanan sejuk beku. Projek ekonomi berasaskan aktiviti perkhidmatan seperti jahitan, spa dan kecantikan, khidmat pembersihan, pertukangan dan bengkel. Projek ekonomi berasaskan aktiviti pertanian, perikanan dan penternakan seperti ternakan, tanaman sayur-sayuran dan perikanan.

Kementerian juga membantu pekebun-pekebun kecil getah untuk menanam tanaman-tanaman kontan bagi mengatasi masalah kejatuhan harga getah baru-baru ini.

■1120

Di samping itu, KKLW turut menyediakan beberapa program ekonomi seperti *MobilePreneur*, *Rural Business Challenge* (RBC), Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dan penganjuran Karnival Usahawan Desa (KUD) seperti mana yang kita adakan baru-baru ini untuk tahun 2017.

Mobilepreneur ialah program yang memberi peluang kepada belia Malaysia yang tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah (B40) menceburi perniagaan berkonsepkan perkhidmatan bergerak tanpa memerlukan modal yang besar untuk membuka atau menyewa premis-premis perniagaan. Pada tahun 2017, kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM30 juta dengan menyasarkan seramai 3,000 peserta bagi program ini. Manakala *Rural Business Challenge* (RBC) adalah sebuah program realiti televisyen bertajuk '*Mencari CEO Desa*' yang melibatkan 27 orang peserta dengan hadiah utama berupa geran perniagaan berjumlah RM1 juta. Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) merupakan skim pinjaman untuk usahawan luar bandar bagi mengembangkan perniagaan mereka. Pinjaman yang disediakan daripada RM20,000 hingga RM500,000.

Selain itu, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga telah menganjurkan Karnival Usahawan Desa bagi menjadikan platform untuk memasarkan produk-produk keluaran luar bandar dan membantu usahawan-usahawan luar bandar untuk meningkatkan rantai perniagaan ataupun *business networking* masing-masing dengan beberapa sesi *business matching* yang diadakan bersama dengan pengusaha-pengusaha *hypermarket* seperti *Giant* dan *Mydin*. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon kemukakan soalan tambahan kepada pihak Menteri. Saya melihat daripada bajet yang dibentangkan, KKLW ditambah sebanyak 6.6 peratus pada tahun

2018 bagi bajet untuk KKLW. Ini sudah pastilah tumpuan hendak diberikan kepada pembangunan luar bandar khususnya kepada peluang-peluang ekonomi, sosial dan pendidikan di bawah NBOS yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya merakamkan ucapan tahniah.

Dari segi ini, saya melihat apakah peranan sektor korporat ataupun swasta yang dimainkan untuk membantu pembangunan luar bandar yang telah dirancang oleh pihak KKLW, sama ada duduk dalam satu barisan jawatankuasa bagi pembangunan penduduk-penduduk luar bandar? Kementerian telah mengatitkan rancangan yang cukup baik sekali sehinggalah melakukan Program Pertukaran Pemimpin Kampung ke-5 ASEAN ataupun *Village Leaders Exchange Program* yang telah diaturkan. Sangat baik. Akan tetapi, apakah peranan-peranan sektor korporat pula di dalam negara kita ini?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Lipis. Soalannya tentang peranan yang dimainkan oleh golongan korporat sebagai *partner* kepada KKLW dalam memperkasakan ataupun membangunkan luar bandar.

Ya, memang kita sudah merancang dan juga melaksanakan beberapa program. Seperti contoh, kita menjemput syarikat-syarikat yang besar yang ada di negara kita untuk membantu KKLW dari segi sumber kewangan dari sudut kita hendak membaik pulih sekolah-sekolah KEMAS yang daif di luar bandar ataupun buat *maintenance* kepada itu. Sudah berapa buah sekolah KEMAS telah kita buat, sebab KEMAS ini adalah begitu penting kepada masyarakat luar bandar kerana ia menyasarkan kepada peringkat awal seseorang itu dari berusia empat atau lima tahun di Tadika KEMAS. Program Pembangunan Modal Insan yang begitu penting bagi KKLW, itu juga satu contoh.

Dengan dalam industri ataupun keusahawanan, banyak program kita bekerjasama dengan korporat ataupun golongan swasta ini di mana mereka membantu. Seperti mana kita baru-baru ini melancarkan *online program* di mana Pos Malaysia memainkan peranan juga. Bank CIMB memainkan peranan juga dan ada platform pasaran *online* yang membantu usahawan-usahawan luar bandar memasarkan produk-produk keluaran mereka.

Begitu juga dari segi dalam Karnival Usahawan Desa di mana kita mengadakan sebagai satu platform hendak memasarkan produk-produk keluaran luar bandar di mana Karnival Usahawan Desa ini adalah satu program yang besar di mana *business matching* seperti mana yang telah disebut dalam ucapan awal tadi, syarikat-syarikat yang besar seperti *Mydin*, *hypermarket* yang lain seperti *Giant* datang untuk melihat dan kita menggalakkan *business matching*. Peranan besar juga itu. Sebab apa? Kalau ada keluaran tetapi tidak ada pasaran, sesungguhnya kita gagal dalam kita membantu ekonomi luar bandar.

Itu bukan separuh lagi. Banyak lagi program-program, Yang Berhormat Lipis. Ini sebagai contoh, sebab peranan, seperti mana yang ditanya oleh Yang Berhormat Lipis, peranan yang ada di mana kita merancang dengan sengaja meminta bantuan kepada swasta, korporat-korporat di negara kita membantu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan agensi terbesar kita iaitu MARA. MARA ini memberi banyak perkhidmatan melalui anak-anak syarikat MARA dalam pembangunan usahawan-usahawan luar bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya faham Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini antara kementerian yang memang banyak membantu usahawan terutamanya mereka yang berada di luar bandar. Cuma, saya bertanya kepada pihak kementerian, sejauh mana kementerian mungkin NBOS dengan mana-mana kementerian yang lain memantau usahawan-usahawan terutamanya usahawan IKS ini daripada segi kejayaan perniagaan mereka? Adakah mereka ini telah dapat benar-benar memanfaatkan bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh pihak KKLW? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Memang kita ada pangkalan data, *data bank* bagaimana kita hendak memantau segala kejayaan ataupun kegagalan segala program dan dasar kita di mana kita membantu di dalam membangunkan usahawan-usahawan kita di luar bandar. Memang buat masa sekarang kita belum lagi dikatakan sampai kepuasan hati sebab banyak lagi ruang dan peluang untuk mereka boleh lebih berjaya. Mekanisme pemantauan itu memang kita sedia ada.

Sebab itu, pegawai-pegawai dan jawatankuasa-jawatankuasa tertentu kita wujudkan di mana kita hendak melihat sesiapa di antara mereka yang menceburi dalam bidang ini, mereka dibantu oleh agensi-agensi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah lebih-lebih lagi MARA dan anak-anak syarikat MARA, DDEC dan sebagainya. Kita mengetahui sangat sebab kita ada maklumat-maklumat yang terperinci terhadap sesiapa yang kita telah bantu.

Seperti mana telah ditekankan, kita hendak mereka ini maju. Oleh itu, kita banyak membantu. Kadang-kadang sekali sekala tengok mereka ini macam lemah-lemah akan gagal, kita suntikkan lagi bantuan dan pembiayaan kewangan untuk kita memastikan mereka boleh meneruskan dan tidak terus gagal. Jadi itulah kesungguhan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk melihat usahawan-usahawan luar bandar maju. Sekian, terima kasih.

8. Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, berapakah kes yang disabitkan kesalahan di bawah Akta Jenayah Seksual Kanak-kanak sejak ia diwartakan pada 10 Julai 2017, dan apakah rancangan kementerian untuk mengurangkan kes sumbang mahram.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Lanang.

Tuan Yang di-Pertua, statistik daripada Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak menunjukkan bahawa sebanyak 36 kes telah disabit dengan kesalahan di bawah akta ini sejak ia diwartakan pada 10 Julai 2017.

■1130

Mengenai usaha preventif ke arah mengurangkan kes sumbang mahram, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui agensi-agensi di bawahnya bekerja sama dengan agensi-agensi lain yang berkaitan dalam mengambil langkah-langkah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif seperti berikut, pertamanya kempen keselamatan kanak-kanak di sekolah ataupun Sahabat B.I.J.A.K. dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan, Jabatan Kesihatan, LPPKN, PDRM untuk menyebarkan maklumat berkaitan aspek keselamatan kanak-kanak termasuklah aspek keselamatan diri daripada sebarang ancaman seksual termasuklah juga daripada ahli keluarga sendiri.

Selain itu, program advokasi ini meliputi literasi undang-undang kepada semua individu yang berada di sekeliling kanak-kanak. Sejak dilancarkan pada tahun 2014 sehingga kini seramai 35,281 orang kanak-kanak sekolah, guru-guru, PIBG, ibu bapa dan pemimpin komuniti telah mendapat manfaat daripada kempen yang dijalankan.

Kedua, melalui program Pekerti@Sekolah yang diperkenalkan bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial. Kementerian ini melalui LPPKN telah melaksanakan pelbagai program pendidikan bagi mendidik dan mewujudkan kesedaran kepada remaja mengenai hubungan seks luar nikah dan meningkatkan pengetahuan kesihatan reproduktif remaja di samping mengukuhkan hubungan harmoni ahli keluarga.

Ketiga, menyediakan talian Kasih 15999 dan *childline* yang mana masyarakat boleh menyalurkan atau melaporkan sebarang isu sosial termasuklah yang berkaitan sumbang mahram. Talian ini bertujuan memastikan sebarang kes sosial yang diterima dapat diajukan kepada agensi yang bertanggungjawab seperti PDRM dan JKM.

Keempat, menyediakan khidmat kaunseling. Kementerian juga memberikan perkhidmatan sokongan kaunseling kepada mangsa dan ahli keluarga yang terkesan dengan perlakuan sumbang mahram.

Bagi memastikan kesedaran masyarakat terhadap jenayah seksual termasuk sumbang mahram, kementerian juga turut bekerjasama dengan agensi-agensi seperti PERMATA, Suruhanjaya Komunikasi dan *Multimedia Malaysia, CyberSecurity Malaysia*

bagi mengadakan program-program seperti berikut iaitu pertamanya, Seminar Jenayah Seksual Hentikan!! dan Seminar #CyberSAFE: Memelihara Keselamatan Wanita dan Kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan pada pagi ini berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1)

BENCANA RIBUT KENCANG DAN BANJIR DI PULAU PINANG

11.32 pg.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah mengemukakan satu Usul di Bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk membincangkan bencana ribut kencang dan banjir yang paling teruk dalam sejarah negeri Pulau Pinang. Boleh izinkan saya baca teks Usul itu?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, usul yang saya cadangkan adalah berbunyi seperti berikut, bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Parlimen kawasan Tanjong, Yang Berhormat Ng Wei Aik bagi membincangkan bencana ribut kencang dan banjir yang paling teruk dalam sejarah negeri Pulau Pinang. Di mana Dewan ini memberi keprihatinan yang sepenuhnya terhadap kesengsaraan rakyat negeri Pulau Pinang yang dilanda bencana ribut kencang dan banjir pada 4 dan 5 November 2017. Kerajaan Persekutuan memberi komitmen bahawa segala bantuan dan sumber termasuk peralatan dan kelengkapan yang diperlukan oleh mangsa-mangsa bencana akan disalurkan dengan segera ke negeri Pulau Pinang.

Merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penjawat-penjawat awam baik daripada jabatan-jabatan atau agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri ataupun pihak berkuasa tempatan termasuk Angkatan Tentera Malaysia yang melibatkan diri dalam kerja-kerja membantu mangsa-mangsa bencana.

Kerjasama yang erat dengan mekanisme yang bersesuaian akan dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi menghadapi segala bentuk bencana dan malapetaka di mana koordinasi yang lebih cepat dan berkesan perlu diwujudkan di antara kedua-dua pihak. Peruntukan kewangan yang secukupnya akan disediakan bagi melaksanakan projek-projek tebatan banjir yang penting di negeri Pulau Pinang dan pada masa yang sama satu pelan induk yang menyeluruh lagi komprehensif bagi menghadapi perubahan iklim sedunia, kenaikan paras air laut dan insiden banjir dan bencana-bencana alam yang turut berkaitan perlulah digubal bagi seluruh Malaysia, khususnya bagi

kawasan-kawasan yang berhampiran dengan laut dan persisiran pantai. Inilah teks Usul saya dan diharapkan usul ini dapat dibincangkan pada hari ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) oleh Yang Berhormat kawasan Tanjong pada hari ini Isnin, 6 November 2017. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat kawasan Tanjong sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat, syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan. Saya telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa:

- (i) sama ada perkara itu perkara tertentu; saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu;
- (ii) sama ada perkara itu mengenai dengan kepentingan orang ramai dan saya dapati ini adalah kepentingan orang ramai;
- (iii) sama ada usul ini berkehendak untuk disegerakan dan saya dapati bahawa usul ini perlu untuk disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan Usul ini untuk dibahaskan. Ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 16(6) baharu, Usul ini akan dibahaskan pada jam 2.30 petang di Kamar Khas. Saya akan membenarkan pihak pencadang untuk bahas selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan akan menjawab selama 30 minit. Terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.37 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 11.30 malam, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 9 November 2017."

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2018

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2018

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2018 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

““Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2018, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2017, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”” **[7 November 2017]**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, sila.

11.38 pg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, rakan- rakan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Saya mengucapkan terima kasih kepada 22 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 di Dewan yang mulia ini dari 30 Oktober hingga 7 November yang di antara lain telah menyentuh portfolio Kementerian Dalam Negeri.

Sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan sekalian, izinkan saya terlebih dahulu merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas keprihatinan beliau dan Kementerian Kewangan yang menyediakan peruntukan mengurus dan pembangunan keseluruhan kepada KDN sebanyak RM13.8 bilion bagi tahun hadapan. *Insyallah*, KDN akan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan yang disalurkan bagi memberikan impak maksimum kepada usaha memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kepada KDN.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menggulung perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 berdasarkan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan seperti berikut, pertamanya mengenai pendaftaran dan dokumen pengenalan diri. Keduanya, pembangunan dan infrastruktur. Ketiga, isu antidadah. Keempat, penjara. Kelima, isu-isu kepolisan dan akhirnya mengenai imigresen dan pekerja asing.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Penampang memohon penjelasan mengenai laporan *Malaysia Law Journal* yang menyatakan seorang penama Salman Majid dari Pakistan yang diberikan kad pengenalan Malaysia.

Saya ingin memaklumkan bahawa kad pengenalan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kepada beliau yang bernombor KP620202-12-5053 telah dilaksanakan secara teratur selaras dengan perintah Mahkamah Tinggi pada 27 November 2009 yang memutuskan bahawa Salman bin Majid merupakan warganegara Malaysia yang sah.

Yang Berhormat Sandakan bertanyakan bagaimanakah laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Sabah dapat menyelesaikan masalah kebanjiran warga asing di Sabah dan Sandakan khasnya hingga digelar *Little Philippines*. Susulan pengumuman mengenai dapatan daripada RCI tersebut pada 3 Disember 2014, kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut;

Pertamanya menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah yang terbahagi kepada dua *tier* iaitu Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah yang dipengerusikan bersama oleh saya sendiri dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah serta Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, Timbalan Ketua Menteri Sabah. Secara prinsipnya jawatankuasa induk telah membincangkan perkara-perkara dasar termasuk hala tuju dan strategi berhubung pengurusan warga asing di Sabah manakala jawatankuasa teknikal pula telah mengemukakan cadangan-cadangan yang berkaitan dan memperincikan pelan tindakan untuk dipertimbangkan oleh jawatankuasa itu.

Keduanya, sejak jawatankuasa ini ditubuhkan kerajaan telah menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta melakukan pengusiran PATI di Sabah. Kesungguhan jawatankuasa ini mengatasi isu PATI dapat dilihat melalui jumlah pengusiran tertinggi iaitu seramai 27,769 orang pada tahun 2015. Secara keseluruhannya jumlah pengusiran dari tahun 1990 sehingga 30 Jun tahun ini adalah berjumlah 553,531 orang.

Ketiganya, jawatankuasa ini juga telah mengadakan kerjasama dengan kedutaan Republik Filipina bagi mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan atau *travel documents* kepada tahanan yang akan diusir ke negara asal. Kerjasama ini menghasilkan impak yang positif apabila dokumen tersebut dapat dikeluarkan dalam tempoh dua minggu hingga tiga minggu berbanding dengan dua bulan hingga tiga bulan sebelum ini sejak ianya dilaksanakan pada tahun yang lalu.

Keempat, jawatankuasa induk melalui Jawatankuasa Kecil Sosial dan Komunikasi telah menyelaraskan program kesedaran dan melaksanakan hebahan program serta aktiviti yang dijalankan oleh jabatan atau agensi seperti ESSCOM, MKN, JPM, Jabatan Penerangan Negeri Sabah serta lain-lain berhubung dengan isu-isu PATI di Sabah dan memberi penerangan kepada masyarakat bahawa usaha-usaha penguatkuasaan terhadap PATI sentiasa diutamakan.

Kelima, kerajaan telah memperkenalkan penggunaan terma rekod kelahiran bagi dokumen pendaftaran kelahiran untuk bukan warganegara di Sabah yang berkuat kuasa pada 15 September 2015 yang bertujuan untuk membezakan dokumen pendaftaran kelahiran bagi warganegara dan bukan warganegara di Sabah. Justeru terma sijil kelahiran pada dokumen pendaftaran negeri di Sabah hanya dikhususkan kepada warganegara Malaysia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Kawan dan Yang Berhormat Ipoh Barat...

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Ya, Yang Berhormat Sandakan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang memberi jawapan tentang perkara yang begitu sukar di Sandakan.

Ini PATI masalahnya, kita sampai sekarang walaupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebut itu satu ahli jawatankuasa laporan dari Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, *technical report* kata ada wujud. Akan tetapi sampai sekarang berkali-kali kita tanya minta di surat akhbar bagaimana sebab. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan beritahu ini yang ditanggung, *postpone*, *postpone* sampai sudah lima tahun masih belum nampak apa-apa laporan keluar. Ini pertamanya.

Keduanya, kita tidak nampak apa *solution* yang kerajaan boleh beritahu kita bagaimana satu perkara ini begitu sukar nampaknya tidak dapat diselesaikan. Lagi satu saya selalu dengar ada membeli laporan-laporan. Sekarang masih ada orang ada *call* pihak-pihaknya membeli IC-IC yang dari pihak tertentu di mana-mana tempat selalu. Saya tidak tahu ini satu tuntutan yang benar atau tidak.

Jadi sini, saya minta juga bolehkah satu teknikal atau ahli jawatankuasa mana-mana pertubuhan termasuk kita bersama-sama Ahli Pembangkang jadi kita pun bersama-sama memberi idea, bersama-sama kita menyelesaikan satu perkara yang begitu. Kalau tidak, lama-lama ini kita bukan salahkan sahaja, ini bandar sebutnya *Philippine*. Mungkin Sabah pun nanti *State Philippines* nanti...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Jadi ini harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh memberi satu jawapan. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bersusulan Yang Berhormat.

Timbalan di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Minta izin, bersusulan. Saya hendak tanya mengenai PATI. Saya difahamkan ramai di antara mereka yang diusir keluar dengan sewenang-wenangnya dapat masuk balik. Saya difahamkan angkanya lebih kurang 70 peratus. Adakah ini benar? Jika semestinya ada orang yang balik sekali. *There is no question about it*. Akan tetapi apa yang dibuat supaya *there is only one off*, mereka tidak datang atau ada keizinan anasir-anasir dalaman yang membenarkan mereka masuk dengan ketahuan orang-orang atasan. *Thank you*.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat Sandakan saya ingin bersetuju dengan cadangan itu agar Ahli-ahli Parlimen atau ADUN pembangkang supaya dapat diberikan penjelasan. Minggu hadapan saya akan turun ke Kota Kinabalu. Pada hari yang tidak ada persidangan Parlimen, saya sendiri akan meminta Ketua Pengarah Pendaftaran dan Ketua Pengarah Imigresen untuk memberikan penjelasan kepada semua. Tidak ada agenda tersembunyi. Ini kerana jawatankuasa induk yang saya pengerusikan bersama dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah kita telus dari menerima semua data dan maklumat.

Begitu juga jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri. Jawatankuasa ini menerima semua maklum balas daripada pembangkang ataupun daripada orang ramai ataupun daripada pegawai kerajaan. Perkara ini dibawa ke jawatankuasa induk. Itu sebabnya saya sebutkan tadi lebih 553,000 orang telah diusir keluar.

Oleh kerana mereka tidak ada dokumen, pihak kedutaan Filipina telah menyediakan dokumen sementara yang mengesahkan mereka ini rakyat negara berkenaan dan dengan dokumen itu mereka telah dihantar semula. Persoalan yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Barat memang wujud bahawa ketika mereka dikeluarkan daripada sempadan ataupun pengairan Sabah, mereka pulang ke tempat asal mereka. Akan tetapi mereka bukan dilahirkan di situ. Masalahnya, ibu bapa mereka juga tidak dilahirkan di situ. Mereka telah berpindah sejak daripada zaman datuk nenek dulu. Jadi itu pun kerajaan Filipina telah memberikan dokumen sementara.

Namun, oleh kerana mereka tidak ada kampung halaman, mereka telah datang balik masuk ke perairan Sabah dan masuk ke tanah Sabah. Pihak penguat kuasa telah mengambil tindakan untuk menangkap mereka semula dan kita masukkan ke 'rumah merah'.

■1150

"Rumah merah" ini ialah istilah orang Sabah tetapi sebenarnya Pusat Tahanan Sementara (PTS) yang, dengan izin, *overcrowded* sekarang ini. Dalam keadaan ini, jawatankuasa induk dan jawatankuasa teknikal cukup serius. Itu sebabnya saya mohon Ahli-ahli Parlimen pembangkang bersama-sama dengan saya. Ini bukan masalah kerajaan sahaja. Masalah kita semua. Saya terbuka dan minggu depan kita jumpa dan kita akan berikan penjelasan dan data semua. Manakala...

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Sedikit, sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniah...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sebentar, sebentar. Bagi saya...

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana mengambil sikap yang terbuka seperti itu. Bagi saya, ia amat bertanggungjawab dan terpuji. Tahniah.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya pun terbuka macam Yang Berhormat Indera Mahkota juga sebenarnya kecuali kalau dia bersama dengan kita balik, lagi terbuka... [*Dewan ketawa*]

Dalam keadaan yang demikian, saya fikir tidak adil untuk menuduh bahawa kad pengenalan dijual oleh pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran dan sebagainya. Kita tahu ketika ISA masih wujud, ramai mereka yang jadi ketua sindiket atau anggota sindiket ini telah ditahan di bawah ISA. Sekarang ini, apabila ISA telah tidak ada lagi, akta-akta yang sedia ada terutama untuk pencegahan telah digunakan tetapi tidak ada rekod baru yang memperlihatkan adanya penjualan kad-kad pengenalan ini oleh pegawai-pegawai berkenaan.

Apa yang kita perolehi daripada laporan polis ialah *fake card*, dengan izin. Kad-kad palsu yang dijual oleh mereka yang mengambil kesempatan. Itu pun kita telah lakukan penangkapan. Yang Berhormat jangan khuatir. Saya berjanji selagi saya berada di

kementerian ini, saya akan lakukan yang terbaik... [*Tepuk*] Saya harap apa yang telah disyorkan di dalam Laporan RCI ini, pada hemat saya, langkah-langkah yang telah dilakukan. Yang telah diikuti melalui SOP, dengan izin, dengan kaedah yang terbaik.

So, dalam hal ini, pada hemat saya, marilah kita bersama-sama menentukan bahawa keutamaan harus diberikan kepada rakyat Malaysia yang lahir di Malaysia dan mereka harus diberikan hak sepenuhnya. Tidak ada agenda selain daripada itu.

Yang Berhormat Ipoh Barat bertanya...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh mencelah sedikit?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Ya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebetulnya memang isu ini telah lama berlaku. Contohnya di kawasan saya, masih mungkin ada lagi 2,000 atau 3,000 orang yang belum beridentiti. Dia orang sungai. Lahir situ. Kalau IC ini mudah dibuat, mudah dibeli, rasa saya orang saya tidak ada yang tidak ada beridentiti. Jadi dakwaan Yang Berhormat Sandakan ini rasa saya, dakwaan *hearsay*, dia dengar-dengar orang cakap. Jadi saya mahu minta kementerian kalau boleh, *organize* lagi dua, tiga *trip* ke Kinabatangan untuk memberi identiti kepada rakyat Malaysia di Kinabatangan yang belum beridentiti. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sikap yang macam ini yang kita mahu dengar daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Kalau sikap ini berterusan, perkhidmatan yang baik, *insya-Allah*, disambung lagi... [*Dewan riuh*]

Akan tetapi, yang penting untuk maklumat Yang Berhormat Kinabatangan dan rakan-rakan yang lain, kita mempunyai unit bergerak atau *mobile unit* yang pergi ke kawasan pedalaman, termasuk Kinabatangan. Ia kita lakukan bukan secara berkala tetapi berjadual. Bukan hanya untuk Sabah tetapi Sarawak malah di Semenanjung juga di kalangan masyarakat India, masyarakat Cina, kita lakukan. Ahli-ahli Yang Berhormat di sana mengetahui bahawa saya buta warna di dalam memberikan keadilan kepada rakyat Malaysia yang tidak ada dokumen tetapi sah untuk jadi warganegara dan ini saya lakukan.

Ini bukan sesuatu yang luar biasa tetapi mengikut Perlembagaan, sama ada Perkara 15A dalam Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 19(1) dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 19(2) dan sebagainya. Kita lakukan untuk menentukan supaya tuduhan-tuduhan yang melulu yang mengatakan kita menyekat dan sebagainya kepada orang yang layak ini tidak, *alhamdulillah*, tidak berlaku. Oleh yang demikian, saya harap kita berfikiran terbuka, berlapang dada bahawa usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan berjalan dengan sebaik-baiknya. Saya harap bukan kita memerlukan sokongan daripada rakan-rakan sebelah sana dengan sokongan yang melulu tetapi apa yang kita lakukan adalah sesuatu yang terbaik untuk rakyat keseluruhannya.

Yang Berhormat Ipoh Barat bertanyakan mengenai Zakir Naik. Saya ingin menjawab bahawa kad pengenalan pemastautin tetap yang dipanggil sebagai permit

masuk telah diberikan kepada Zakir Naik oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan dilakukan secara teratur mengikut prosedur setelah subjek memiliki permit masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen. Ertinya, Jabatan Imigresen memberikan permit masuk dan Jabatan Pendaftaran Negara memberikan kad pengenalan pemastautin tetap.

Kerajaan sentiasa memantau aktiviti Dr. Zakir Naik di mana pun beliau berada dan kita akan mengambil tindakan sekiranya beliau didapati terlibat dengan aktiviti keganasan atau perkara yang menyalahi undang-undang. Setakat ini, beliau tidak terlibat dalam kedua-dua kategori itu. Tidak terlibat di dalam mempromosikan keganasan dan tidak melakukan kesalahan undang-undang mengikut undang-undang dan peraturan yang ada di dalam negara kita.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya, dengan izin. Saya hendak tanya mengenai pemastautin itu, *permanent resident*. Bukankah satu kelayakan di antaranya ialah dia perlu fasih dalam Bahasa Malaysia? Saya difahamkan Zakir Naik langsung tidak boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia. Itu nombor satu. Macam mana dia diberi *permanent resident*?

Kedua, kalau kita halusi- semestinya kementerian telah menghalusi perbahasan *public speeches* yang telah dibuat di seluruh dunia yang banyak di antaranya ialah mengenai *criticism* terhadap agama-agama lain. Satu di antaranya di mana dia telah mengarahkan anak-anak muda-mudi terlibat dalam *this kind of struggle* yang menyebabkan ratusan orang terlibat di Dhaka. Itulah sebab Kerajaan India telah mengambil tindakan. Adakah perkara ini diketahui dan tindakan telah diambil? Adakah setakat ini permohonan telah dibuat oleh negara India untuk beliau dihantar balik memandangkan saya percaya Yang Amat Berhormat sendiri telah pergi ke India baru-baru ini dan adakah perbincangan mengenai perkara itu? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Boleh mencelah sedikit? Isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan Zakir Naik ini sebab kita lihat pemberian PR dan kewarganegaraan, ini bukan sebagai satu hak tetapi satu keistimewaan. *It's a privileged* yang diberikan kepada kerajaan yang berkenaan. Jadi apakah kelebihan Zakir Naik ini sehingga beliau layak diberikan status *permanent residency*? Yang ini mohon respons.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Okey. Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat, bagi mendapatkan permit masuk, syarat fasih Bahasa Malaysia bukan menjadi suatu keutamaan. Fasih Bahasa Malaysia hanya disyaratkan kepada yang diberikan warganegara Malaysia. Untuk *permanent residence*, dengan izin, itu tidak menjadi syarat.

Criticism kepada agama lain, kami di KDN telah meneliti semua video dan juga teks, *transcript*, dengan izin, daripada ucapan beliau, tidak ada satu pun yang menggalakkan keganasan. Tidak ada. Interpretasi itu adalah daripada tokoh-tokoh tertentu di luar. Dan peristiwa di Dhaka, saya dapati ini adalah persepsi daripada negara berkenaan. Apa yang berlaku di sana bukan disebabkan oleh motivasi atau provokasi yang dilakukan oleh Dr. Zakir Naik. Ada faktor-faktor yang lain.

■1200

Setakat ini, saya belum memperoleh permohonan ekstradisi daripada Kerajaan India. Saya bertemu dengan *the Right Honourable Prime Minister of India*, Narendra Modi, ya saya dengan beliau membincangkan mengenai antaranya soal Zakir Naik. Ketika itu tidak ada permohonan ekstradisi yang telah dikemukakan. Akan tetapi saya dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan India telah membatalkan pasport antarabangsa beliau. Artinya beliau tidak boleh untuk bergerak dengan menggunakan pasport India. Dalam hal ini, beliau berada di Malaysia atas sifat pemastautin tetap. Beliau boleh berada di negara ini selagi beliau tidak melanggar perundangan atau selagi beliau tidak mempromosikan sebarang aktiviti keganasan di negara kita. Saya ingin memberikan jaminan, jika ada sebarang ucapan atau sebarang aktiviti yang dijalankan, yang melanggar perundangan negara ini, pasti tidak akan dilakukan kepada beliau.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya difahamkan, adakah dia terlibat dengan *money laundering*?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Apakah sumbangan?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tidak dengar, *sorry*?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dalam ucapan saya, saya ada kata dia terlibat dalam *money laundering* di beberapa negara. Adakah perkara itu telah dihalusi oleh kerajaan? Saya difahamkan sekarang dia ada lebih kurang RM70 juta *property* iaitu harta sahaja yang tidak alih dan lagi *millions of US dollars*. Ini semua mungkin digunakan untuk tujuan yang *for wrong reasons*.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Setakat ini kita belum dan tidak mendapat laporan soal pengubahan wang haram yang dilakukan oleh beliau. Kita harus ingat Yang Berhormat, beliau adalah seorang doktor profesional. Beliau adalah seorang *preacher* atau pendakwah, beliau mempunyai *Peace TV*. Adakah perolehan yang dia lakukan melalui urus niaga yang dilakukan dianggap sebagai *money laundering*? Soal beliau mempunyai aset, sama ada aset bergerak atau tidak, itu hak beliau. Akan tetapi jika Interpol mengemukakan permohonan kepada PDRM untuk melakukan siasatan, saya yakin Jabatan Siasatan Jenayah Komersial dan juga Bank Negara akan melakukan siasatan. Setakat ini, tidak ada bukti yang bahawa beliau melakukan pengubahan wang haram.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memohon penjelasan daripada Menteri, tadi Menteri menyebut bahawa Zakir Naik telah dinafikan pasport antarabangsa di negara India, ditarik balik sebenarnya. Saya hendak tahu, apakah sebab Kerajaan India telah menarik balik pasport yang diberikan? Saya pasti Menteri tahu... *[Dewan riuh]*

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tanya Kerajaan Indialah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kita beri dia PR di sini. Bila kita boleh bagi PR di sini, kita juga kena tahu kenapa negara itu telah tarik balik pasport. Takkan kita bagi pasport, kita bagi PR kepada seseorang sedangkan dia telah...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Pergi tanya Kerajaan Indialah, apa tanya Dato' pula.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Jadi, saya minta penjelasan daripada Menteri.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Kerajaan India yang...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Duduklah. *You* duduk, saya bukan tanya kamu! Saya bukan tanya kamu!.. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Betullah itu, kena pergi tanya Kerajaan Indialah... *[Dewan riuh]*

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya tanya Menteri, bukan kamu, saya tidak minta kamu. Duduk!

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Apa tidak faham.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tidak siuman ini.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kamu duduk!

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Dok kira Zakir Naik tidak boleh Bahasa Malaysia.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Menteri bagi ruangan pada saya, kamu duduk... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Menteri, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, pertamanya kita ada adab dalam Dewan. Keduanya, kita ada peraturan. Okey Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dah bagi laluan kepada Yang Berhormat Batu Gajah dan minta Yang Berhormat Batu Gajah pun berhati-hati, jangan panjang-panjang. Yang Berhormat lain jangan cuba mengganggu. Sila.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Menteri. Saya rasa...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gopeng duduk, Yang Berhormat Batu Gajah belum habis lagi.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya rasa Menteri memang tahu tentang sebab ini, kenapa Kerajaan India telah menarik balik pasport dan saya minta penjelasan sebab kita hendak tahu apa logiknya di negara India boleh tarik pasport tetapi kita bagi PR di Malaysia. Itu sahaja Menteri, minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: PR.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Tambahan, tambahan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Nanti sekejap. Tuan Yang di-Pertua, ini perlu penjelasan. PR diberikan kepada beliau sebelum pasport itu dibatalkan, bukan selepas pasport dibatalkan, baru kita bagi PR. PR telah diberikan awal, awal daripada itu. Ini harus difahami. Ertinya bukan kerana dibatalkan, maka kita bagi PR. Itu tidak betul ya. Jawapan yang saya tidak anggap bagi pihak saya oleh Yang Berhormat Pendang, itu betul. Perlu. Saya belum mendapat maklumat, saya hanya membaca apa yang terdapat dalam laporan media kenapa pasport antarabangsa beliau dibatalkan. Itu kita menghormati peraturan oleh sebuah kerajaan asing tetapi kita sebagai kerajaan yang sah di negara ini, kita mengikut peraturan-peraturan yang sah yang sedia ada.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Jadi oleh kerana Menteri, oleh sebab pasport antarabangsanya telah ditarik balik, adakah kita akan mengkaji semula pemberian PR kepada Zakir Naik?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Selagi beliau tidak melanggar undang-undang dan tidak melakukan sebarang kesalahan, apa lagi disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Barat, beliau telah menggalakkan keganasan, beliau telah menggalakkan perkara-perkara yang melibatkan soal menyentuh dan mengutuk agama lain, kita tidak dapat laporan mengenai perkara itu. Saya harap kita jangan bersalah sangka kepada mana-mana pihak, terutamanya mubaligh yang seperti beliau itu. Mungkin apa yang diambil adalah, dengan izin, *out of context*. Cuba baca dan lihat dan dengar keseluruhan ceramah beliau. Pegawai-pegawai saya telah meneliti setiap ceramah beliau, sama ada ceramah di Malaysia atau ceramah di luar negara serta rancangan-rancangan *Peace TV* yang telah beliau siarkan. Setakat ini tidak ada unsur-unsur yang...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Timbalan Menteri belum jawab soalan saya. Apakah keistimewaan Zakir Naik sehingga dia layak diberikan *PR status*?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tidak ada sebarang keistimewaan. Permohonan untuk *pass residence*, permohonan untuk permit masuk, jika memenuhi

syarat-syarat kepada borang permohonan yang demikian. Oleh kerana beliau memohon untuk menjadi pemastautin tetap dan Jabatan Imigresen mendapati bahawa beliau memenuhi syarat, maka beliau diberikan. Sebagaimana ada rakan-rakan lain yang juga memohon untuk memberikan *pass residence* kepada warganegara asing yang berada di negara kita ataupun permit masuk, maka syarat-syarat yang sama juga dikenakan kepada Dr. Zakir Naik.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dengan izin, saya hendak tanya memandangkan pasport beliau yang asal telah dibatalkan. Maka dengan tidak ada pasport, PR pun patut ditarik balik. Adakah bukan ini pendirian- satu polisi kerajaan?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Dalam klausa atau peraturan, mana-mana warganegara asing yang dibatalkan pasportnya oleh negara asalnya atau negara-negara pemastautin itu di tempat-tempat lain untuk membatalkan permit masuknya, tidak ada syarat itu. Dua perkara, menyalahi undang-undang ataupun jika benar tuduhan untuk beliau mempromosikan keganasan. Setakat ini tidak ada, itu sebabnya Dr. Zakir Naik berada di Malaysia. Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya petik satu artikel daripada *the Hindustan Times* yang bertarikh 30 Mei tahun ini Yang Berhormat Menteri, di mana dinyatakan seperti berikut, "*A controversial Islamic preacher Zakir Naik wanted by the National Investigation Agency (NIA) on terror charges has applied from Malaysian Citizenship according to agency sources.*"

Persoalan saya, adakah benar beliau telah pun membuat permohonan untuk *citizenship* ataupun kewarganegaraan?

Kedua, sekiranya benar, adakah apa yang berlaku kepada dia di India apabila beliau diperlukan, *wanted* untuk *terrorism charges* dan sebagainya akan menjadi satu perkara yang diambil kira oleh Kerajaan Malaysia apabila membuat keputusan berkenaan dengan permohonan itu. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya menghargai pertanyaan yang cukup *factual* oleh sahabat saya daripada Puchong. Setakat ini, tidak ada permohonan untuk menjadi warganegara oleh beliau. Jika pihak India memohon supaya ekstradisi dikenakan pada beliau berdasarkan kepada MLA iaitu *Mutual Legal Assistance*, kita akan hantar beliau. Setakat ini tidak ada permohonan yang berkenaan.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan penggulungan ini dengan merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Piai yang bertanyakan adakah KDN memberi kelonggaran bagi penganugerahan kewarganegaraan kepada isteri yang berstatus warganegara asing yang berkahwin dengan lelaki warganegara Malaysia

setelah kematian suaminya agar dapat menjaga kebajikan anak-anaknya yang merupakan warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman di Dewan yang mulia ini wanita warganegara asing iaitu yang telah berkahwin dengan lelaki Malaysia boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan tertakluk kepada syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- (i) suami pemohon bertaraf warganegara Malaysia;
- (ii) perkahwinan masih wujud dan berterusan;
- (iii) pemohon telah bermastautin secara tetap di Malaysia dalam tempoh dua tahun sebelum tarikh permohonan yang dibuat; dan
- (iv) berkelakuan baik.

Di dalam perkara ini saya ingin menjelaskan perkara yang kedua iaitu perkahwinan masih wujud dan berterusan. Akan tetapi, jika wanita warganegara asing ini telah kematian suami, maka sijil perkahwinan atau pengesahan perkahwinan akan dijadikan sebagai dokumen kepada permohonan warganegara asing berkenaan khusus untuk permohonan yang berkaitan dengan Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan dan boleh terbatal sekiranya suami pemohon itu meninggal dunia ataupun perkahwinan tersebut dibubarkan iaitu sama ada melalui penceraian atau pembatalan perkahwinan.

Saya ingin menjelaskan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tanjong Piai ialah soalnya suaminya telah meninggal. Akan tetapi, mengikut Perkara 15(1) ianya masih boleh diberikan atas dasar budi bicara Menteri Dalam Negeri demi kebajikan anak-anak yang ditinggalkan.

Akan tetapi, ada permasalahan kadang-kadang. Suami warganegara Malaysia, perkahwinan tidak didaftarkan, orang Islam atau bukan Islam. Anak-anak telah lahir. Apabila perkahwinan tidak didaftarkan, anak-anak menjadi anak-anak yang tidak sah taraf atau perkahwinan itu di luar negara tetapi tidak daftarkan semula di dalam negara. Juga tidak ada Sijil Perkahwinan. Jadi penambahan cawangan yang begini sukar bagi Jabatan Pendaftaran Negara mahu mengesahkannya.

Oleh hal yang demikian, Perkara 15(1) kita akan meneliti *case-to-case basis*, dengan izin, mengikut budi bicara Menteri Dalam Negeri yang dinasihatkan oleh panel daripada Jabatan Pendaftaran Negara atau oleh Setiausaha Bahagian (SUB) PP, ataupun bahagian pendaftaran dan juga pertubuhan.

Oleh kerana mesyuarat itu terlalu detil, termasuk laporan yang harus diterima oleh cawangan khas PDRM. Baru pengesahan dilakukan bukan diberi dengan sewenang-wenangnya. Atas asas berperikemanusiaanlah maka perkara ini diberikan keprihatinan. Umpamanya ada rakan kita di sebelah sana yang pagi ini pun memohon permohonan itu dan kita berikan, bukan pertimbangan. Kita berikan kelulusan atas Perkara 15(1).

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: [*Bangun*]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat Batu saya ucapkan selamat datang semula ke Dewan ini. Sebelum itu saya hendak rujuk kepada apa yang Yang Berhormat Tanjong Piai sebutkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Piai.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin dapatkan satu penetapan kalau boleh kerajaan menentukan prosedur tertentu SOP sungguhnya *case-by-case* dengan misalnya menggunakan teknologi dan sains yang kini. Kalau ujian DNA itu boleh di-*incorporate* sebagai salah satu ujian objektif yang tidak perlu berkali-kali orang menerima surat tolakan-tolakan tetapi tidak tahu apa cara untuk *ramified* masalah itu.

Kalau itu set sebagai itu, terus ibu bapa boleh mulakan *certificate* DNA atau dilantik oleh kerajaan untuk satu ujian yang boleh menentukan kesahihan anak-anak dan ibu bapa mereka. Boleh kementerian *consider* prosedur ini sebagai satu *improvement* daripada apa yang ada sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Piai.

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Saya ingin mendapat penjelasan ini. Apa yang berlaku ialah apabila mereka sudah berkahwin, anak memang warganegara tetapi untuk proses permohonan PR. Dalam pertengahan proses permohonan itu, suami meninggal dunia. Jadi tidak ada suami itu, maka mereka mungkin gagal untuk dapat teruskan proses untuk meluluskan PR tersebut.

Jadi inilah keadaan di mana apabila mereka tinggal- suami tidak ada, anak-anak Malaysia, wanita asing tidak dapat PR. Mereka ada masalah untuk tinggal di Malaysia untuk menjaga anak mereka. Jadi saya berharap perkara ini dapat diteliti supaya apabila walaupun suami sudah meninggal dunia- dalam proses permohonan itu boleh dikaji semula supaya wanita asing ini juga dapat terus diberi peluang untuk mendapat PR bagi mereka tinggal di Malaysia, menjaga ahli keluarganya.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Izinkan saya untuk mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat Batu iaitu ujian DNA untuk dijadikan salah satu syarat. Yang Berhormat perkara ini telah dilaksanakan di mana laporan ujian DNA ini yang disahkan oleh mahkamah diterima sebagai prasyarat untuk kelulusan itu.

Yang Berhormat Tanjong Piai bertanya tentang soal yang tadi. Itulah yang sebelum itu saya jawab, inilah perkara yang saya jawab itu. Ertinya kita berikan itu sebagai pertimbangan. Silakan.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya hendak tanya sikit. Tadi Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa ujian DNA ini telah dilaksanakan tetapi saya hendak tanya kerana baru ini saya menerima satu kes di mana ayah itu yang bernama 'Erk Kui Ting'. Dia ada tiga orang anak dan mereka bukan- ini adalah kali ketiga atau keempat mereka hantar permohonan untuk kewarganegaraan. Kali ini saya memang menasihatkan mereka untuk hantar itu laporan ujian DNA juga.

Akan tetapi, akhirnya saya rasa pada bulan Julai permohonan mereka ditolak lagi. Jadi saya hendak tanya apabila Timbalan Perdana Menteri atau Menteri Dalam Negeri menyebut tadi bahawa ujian DNA ini sebenarnya telah dilaksanakan tetapi kenapa dalam kes ini permohonan untuk ketiga-tiga orang anak ini masih ditolak. Ini kerana bukan senang mereka hendak pergi untuk buat ujian DNA. Satu ujian ini kosnya lebih kurang RM3000 tetapi ayah itu untuk dapat kewarganegaraan kanak-kanak dia, dia sanggup untuk mengeluarkan duit itu untuk buat ujian DNA untuk ketiga-tiga orang anaknya.

Anak sulungnya mereka sudah tahun ini 21 tahun, Dato' Menteri. Jadi kita perlu rasa simpati kerana selepas sekolah menengah, anak sulung tidak boleh pergi ke mana-mana untuk menuntut pelajaran lagi. Jadi saya hendak tanya bila ujian DNA ini telah memang dilaksanakan diterima oleh KDN sebagai salah satu bukti untuk memberi kewarganegaraan kepada *stateless children* ini. Terima kasih Menteri.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri, soalan- isu yang sama.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih, Yang Berhormat Lanang. Kalau Yang Berhormat Lanang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kulai.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Eh, *sorry*- tidak, yang ini. Yang Berhormat Kulai, *sorry*.

Kalau ada kes yang begitu, bawa kepada saya. Saya akan luluskan. Apa yang saya sebutkan.

■1220

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih. Terima Kasih. Saya *print document* itu sekarang.

Timbalan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Rujuk pada *Hansard* pada hari ini sebagai kelulusan khas yang saya berikan. Itu...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Itu sebabnya, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu yang saya jawab itu memang telah dilakukan. Akan tetapi, ada

syarat-syarat lain. Saya fikir syarat itu mudah sahaja. Untuk perkara selain daripada Perkara 15A, ada Perkara 19(1), iaitu pemohon 21 tahun atau lebih- yang disebutkan tadi. Pemohon telah bermastautin secara tetap di Malaysia dalam tempoh sekurang-kurangnya 12 tahun sebelum permohonan. Dia lahir di sini dan bermastautin...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Betul.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Ketiga, berkelakuan baik dan mempunyai pengetahuan dalam komunikasi dalam bahasa.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Okey. Satu lagi yang saya hendak dapatkan kepastian. Jadi, untuk kes yang lain- kerana dalam tangan saya banyak kes. Saya ada lebih daripada 10 kes.

Adakah benar bahawa kalau kes-kes yang sebegini, orang Malaysia kahwin dengan warga asing tetapi anak-anak mereka oleh sebab tidak ada Sijil Perkahwinan, jadi anak-anak mereka menjadi *stateless children*, kalau mereka sekarang pergi buat ujian DNA, permohonan untuk kewarganegaraan itu, mereka semua akan diluluskan? Kalau itu memang nasihat daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya akan balik dan menghubungi dan memaklumkan kepada kesemua pemohon-pemohon supaya saya rasa ini adalah isu yang penting. Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Yang Amat Berhormat Menteri, sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kita tengah membincangkan tentang kewarganegaraan ini, saya hendak *raised up* sedikit mengenai kita tahu Jabatan Pendaftaran sudah membuat mobil unit untuk Kaum Penan di Sarawak ini. Jadi saya rasa di Limbang sendiri, masih banyak lagi yang kes-kes Kaum Penan yang masih lagi yang telah pun memohon tetapi masalahnya tidak ada jawapan tentang kewarganegaraan mereka ini. *These people* kita tahulah dan di tempat lain jugalah saya rasa di Sarawak kita memang pasti orang Penan ini memang dia orang yang dilahirkan di Sarawak. Akan tetapi itulah, bagaimana untuk mencari suatu kaedah yang lebih memudahkan untuk mereka ini diberikan taraf warganegara, diberikan dokumen? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, untuk rakyat yang berada di pedalaman, Penan khususnya, kami mempunyai pasukan petugas yang diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu untuk pergi ke kawasan Penan ini dan kita telah melakukannya sepanjang waktu.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, orang Penan ini ialah '*nomadic*', ertinya mereka berpindah randah. Walaupun kad pengenalan dia siap, hendak dihantar, dia telah

berpindah ke tempat lain. Ataupun apabila mobil unit itu berada di kawasan-kawasan berkenaan. Kebanyakan mereka yang telah dibantu oleh wakil rakyat tempatan ataupun pegawai daerah itu berada di kawasan itu, dan mana-mana permohonan setakat ini yang telah dilakukan, dengan izin, *with proper applications procedures*, ianya telah diperolehi.

Yang Berhormat kawan saya. Jangan dengar *hear say*. Apa yang kita lakukan lebih daripada yang Yang Berhormat perlukan.

Begitu juga Yang Berhormat Timbalan Menteri saya, orang Sarawak. Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri (KDN) iaitu Dato' Masir Kujat, beliau juga mengetuai *task force*. Selain daripada orang Penan, orang Iban yang tidak ada dokumen dan sebagainya, kita lakukan. Saya ucapkan terima kasih kerana hampir setiap bulan mereka mengadakan operasi. Jadi, saya fikir mungkin layaklah untuk dipertimbangkan oleh partinya menyambung perkhidmatan itu.

Saya ingin menyentuh perkara lain..

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kalau boleh dengan izin, hanya satu soalan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya menghargai usaha-usaha yang dibuat oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini. Akan tetapi, satu daripada aduan yang saya dapat adalah bahawa ada kelewatan dalam proses memproses permohonan kewarganegaraan. Misal kata, ada permohonan dalam tahun 2014 sehingga sekarang tidak ada sebarang kata putus yang dibuat dan persoalan yang ingin saya bangkitkan adalah dua.

Pertama, adakah sebarang had masa ditetapkan dari segi SOP untuk permohonan-permohonan ini diselesaikan? Kedua, sekiranya tidak, adakah kementerian boleh untuk memudahkan proses ini, menetapkan satu prosedur sedemikian dan juga kalau boleh ada pihak yang tertentu yang boleh pemohon-pemohon itu jumpai sekiranya mereka ini hendak tahu berkenaan dengan status permohonan itu, dan apakah langkah-langkah lain yang perlu diambil supaya perkara itu boleh dipercepatkan?

Saya rasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga boleh faham kalau permohonan itu- *if it is left floating for years*, ini adalah satu perkara yang memudaratkan kepada pihak pemohon-pemohon.

Jadi, adakah kementerian bersetuju dan akan mengadakan cara-cara untuk mengatasi ataupun untuk memudahkan proses ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Menteri.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, boleh? Mana satu ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua yang bangun.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Mana satu, Tuan Yang di-Pertua? Penampang?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Berundinglah keduanya sebab dua-dua sebelah sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Penampang dahulu.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri. Yang Amat Berhormat Menteri, di Sabah, masalah besar di Sabah adalah pendaftaran lewat sijil lahir. Kebanyakan masalah ini dihadapi di pedalaman kampung dan orang-orang kampung akan ada *strict guideline*, dengan izin, yang diminta ataupun dipatuhi bila mendaftarkan *late registration birth certificate* ini. Akan tetapi, bila DNA diperlukan seperti mana disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, orang di pedalaman kampung tidak dapat membayar harga kos DNA ini. Adakah cara yang lain yang dapat mengatasi masalah ini di pedalaman Sabah? Terima kasih.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Soal kerakyatan, saya dengar tadi Yang Amat Berhormat hendak pindah ke tajuk lain. Jadi, saya cuba mengambil kesempatan untuk meminta penjelasan dan kaedah bagaimana ada kes-kes kerakyatan di kalangan rakyat saya di Batu Pahat yang sudah berumur 60 tahun, 50 tahun dan telah beberapa kali memohon kerakyatan. Ada yang senyap, ada yang barangkali yang telah dipanggil *interview* tetapi ada masalah tidak dapat memenuhi soal bahasa.

Jadi, saya mohon bantuan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang golongan yang tua-tua ini, umur 50-an dan 60-an, diberi bantuan untuk membolehkan mereka mendapat kerakyatan supaya mereka tidak kempunan. Mati nanti matanya tutuplah, tidak celik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya ingin menjawab persoalan rakan saya Yang Berhormat Batu Pahat dululah. Saya kkuatir beliau tidak dapat menyambung tugas selepas ini. Biar saya jawab. Untuk permohonan yang demikian, Yang Berhormat, walaupun kita berlainan parti, saya harus berlaku adil kepada semua. Yang Berhormat kemukakan kepada saya. Saya akan lakukan yang terbaik.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Terima kasih banyak.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat Puchong, kes-kes yang begitu juga, kemukakan kepada saya. Saya buta warna di dalam soal ini termasuk mereka yang tidak ada DNA pun, jika syarat-syarat lain dipenuhi termasuk pengesahan daripada bidan. Kalau untuk nomad, bidan tidak tahu di mana, tetapi pengesahan daripada

mahkamah. Dalam perkara ini, mahkamah anak negeri pun boleh untuk mengesahkan perkara itu. Saya fikir apa yang telah dilakukan oleh Jabatan Pendaftaran Negara setakat ini, dengan izin, *we try to accommodate those who are eligible to get their citizenship*. Ini ingin saya sahkan di Dewan yang mulia ini.

Jadi, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk berpindah ke tajuk lain. Boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, silakan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Iaitu mengenai pembangunan dan infrastruktur di bawah KDN khususnya PDRM yang Yang Berhormat Kuala Selangor...

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Yang Amat Berhormat..

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: ...Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang Berhormat Sibuti dan Yang Berhormat Rantau Panjang telah bertanya soalan-soalan yang sedemikian.

Saya ingin memaklumkan bahawa di dalam *Third Rolling Plan* Rancangan Malaysia Kesebelas, kita telah mempertimbangkan 11 buah ibu pejabat polis daerah yang baru dan enam buah balai polis yang baru dan, *insya-Allah*, kita akan terus mencari peruntukan untuk menaikkan taraf atau membina semula ibu pejabat daerah (IPD) ataupun balai-balai polis yang diperlukan termasuk di kawasan-kawasan yang pertambahan penduduknya melebihi daripada taraf keperluan ketika balai polis itu diwujudkan.

■1230

Saya ambil contoh Puchong. Ketika Balai Polis Puchong dioperasikan, penduduk Puchong ketika itu sekitar 60 ribu orang. Sekarang penduduk Puchong mungkin sudah berjumlah 300 ribu orang. Jadi, kita telah mempunyai rancangan supaya Puchong mempunyai kompleks IPD nya sendiri untuk kita menangani kes-kes jenayah di Puchong. Ini adalah langkah-langkah produktif yang kita lakukan.

Yang Berhormat Sabak Bernam juga ada membangkitkan tentang IPD di Sabak Bernam yang memerlukan lokap baru, kuarters pegawai serta anggota dan kemudahan pondok balai polis di Bagan Terap. Ini adalah merupakan kawasan-kawasan laluan saya bila saya balik kawasan. Saya tidak pernah lupa Sabak Bernam kerana kita sudah menyenaraikan kedua-dua IPD dan balai polis itu mengikut peruntukan yang kita akan peroleh. Yang Berhormat Kuala Langat mencadangkan kepada KDN supaya menyediakan skim perumahan kepada anggota dan juga pegawai-pegawai penjara serta anggota polis. Sebagaimana yang diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 27 Oktober yang lalu, perkara-perkara ini telah diambil kira dan peruntukan yang tertentu telah pun diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih kepada tajuk yang lain iaitu antidadah, Yang Berhormat Sibuti dan juga Yang Berhormat Pasir Mas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, silakan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Penjelasan yang mana Yang Berhormat?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Isu yang telah disentuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi respons terhadap persoalan saya dalam perbincangan bajet berkaitan dengan naik taraf balai polis. Saya ingin tahu status balai polis Rantau Panjang. Saya ingin menunggu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Saya ingin tahu juga, berapakah standard nisbah yang diguna pakai dalam negara kita, bilangan penduduk berbanding dengan jumlah balai polis yang diperlukan. Setakat ini juga, saya ingin tahu juga tentang naik taraf kuarters-kuarters polis yang begitu uzur. Jadi, apa yang- terutama dalam kawasan saya sendiri, minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kepedulian terhadap keperluan-keperluan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang. Untuk IPD Rantau Panjang, dalam *Third Rolling Plan* Rancangan Malaysia Kesebelas, kita telah menyenaraikan mengikut keutamaan. *Insyah-Allah* untuk kuarters, untuk ke seluruhnya kita juga telah mengambil kita untuk perkara ini. Termasuklah reka bentuk konsep sedang diselaraskan dengan BLT iaitu sebuah syarikat Menteri Kewangan yang diperbadankan yang melaksanakan program yang demikian. Untuk ICQS di Rantau Panjang, kita pun telah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, termasuk Kuala Krau ya?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Kuala Krau ya? Itu saya- pagi ini saya menerima permohonan, rayuan itu untuk melihat juga. *Insyah-Allah* lah jika saya boleh tamat jam 1, *insyah-Allah* kelulusan segera.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Juga masuk dalam perbahasan saya, soal Balai Polis Putatan. Sudah lama, puluh-puluh tahun saya minta, belum dapat lagi. Boleh tidak Yang Berhormat Menteri beri jawapan yang positif dalam soal ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Dalam Negeri. Saya juga hendak maklum kepada Yang Amat Berhormat. Berkali-kali saya sebut dalam Dewan ini berkaitan dengan soal perwujudan daerah polis Pokok Sena. Oleh sebab Pokok Sena sekarang ini menjadi satu daerah. Dari segi pentadbiran polisnya, ia masih lagi di bawah Daerah Kota Setar.

Jadi, perkembangan pesat dalam Daerah Pokok Sena ini, dengan pertambahan penduduk ini, bagi saya sudah sampai masanya untuk keperluan ada daerah polis tersendiri supaya ada penambahbaikan. Apatah lagi kepada Balai Polis Pokok Sena itu sudah terlalu lama, yang seharusnya balai polis itu sudah di naik tarafkan menjadi Balai Polis Daerah Pokok Sena. Jadi, saya minta perhatian Yang Amat Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Wangsa Maju. Ringkas ya.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Di ucapan saya pun ada sentuh mengenai Ibu Pejabat Polis Daerah Wangsa Maju. Tahniah dan syabas, sekarang sudah diberikan satu daerah polis. Akan tetapi ibu pejabat di Wangsa Maju Polis, ia adalah sekarang di Jalan Pudu dekat pasar. So, ini tidak sesuai. Saya harap di pada masa akan datang ada satu juga bagi bangunan baru. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya hendak tanya sedikit, semalam Yang Berhormat menjawab mengatakan 159 anak-anak muda-mudi terlibat dalam beberapa perkara dan telah ditangkap di bawah SOSMA dan akta-akta berkaitan, POCA dan sebagainya. Soalan saya, adakah mereka terlibat dalam *drugs* dan sebagainya dan mereka disimpan di mana? Oleh kerana memandangkan ramai di antara mereka umur 16 dan umur kurang dari itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Puchong, selepas itu Yang Berhormat Klang dan Yang Berhormat Menteri akan meneruskan jawapan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana ada IPKM baru di Puchong. Akan tetapi kita juga perlukan kalau boleh satu balai polis khusus di kawasan Taman Equine, itu satu. Kedua, Yang Berhormat Menteri, kita ada infrastruktur di mana kita dapat mewujudkan satu persepsi di mana kita pun telah menaikkan taraf sistem kepolisan di dalam negara kita ini. Akan tetapi dalam masa yang sama, kita ada kes-kes yang melibatkan anggota-

anggota polis. Khususnya, di dalam apa yang dikenali sebagai Ops Gopi. Di mana ada ramai pegawai polis tinggi di tangkap di Melaka.

Akan tetapi tidak ada tindakan langsung sehingga hari ini, mereka ini di katakan melindungi tauke-tauke judi dan sebagainya. Mereka ini mengambil wang daripada mereka kemudian wang-wang itu di salurkan ke Bukit Aman. Jadi, saya hendak tahu kenapa tidak ada tindakan sehingga sekarang? Adakah benar bahawa wang-wang ini disalurkan kepada pegawai-pegawai tertinggi?

Dalam perkara ini juga dikatakan ada *inquiry* dalaman diadakan. Apakah yang berlaku kepada *inquiry* dalaman itu? Itu kedua. Nombor tiga, kita ada satu kes baru-baru ini yang melibatkan satu video yang melibatkan KP SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad. Jadi, persoalannya kenapa sehingga sekarang perkara ini tidak ada sebarang kata putus? Adakah beliau sebenarnya dalam video itu? Nombor satu saya hendak tahu. Kedua, adakah kelakuan atau perkara di Bali ini berlaku bersama-sama dengan pegawai SPRM yang lain? Maksudnya, pegawai-pegawai yang lain itu tahu apa yang berlaku.

Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa, apabila kementerian ini di bawah Yang Berhormat Menteri, *you will do what is best for the kementerian*. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah keadaan di mana Ketua SPRM ada siasatan macam ini? Bagaimana kita boleh memberitahu kepada rakyat bahawa mereka, *they can have full faith in the system, in which all the heads of the departments are being investigated?*

So, why everybody is being silent about it? Adakah beliau dalam video itu? Saya hendak tanya penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Untuk pertanyaan Yang Berhormat Putatan, kita telah senaraikan. Untuk Yang Berhormat Pokok Sena, kita pun akan naikkan taraf menjadi IPD. Untuk Yang Berhormat Wangsa Maju, terima kasih. Untuk Yang Berhormat Ipoh Barat, saya akan jumpa di luar Dewan.

Untuk Yang Berhormat Puchong, saya fikir itu adalah merupakan satu tuduhan. Saya ingin menyebutkan bahawa jika benar pun pegawai-pegawai berkenaan terlibat, tindakan dalaman telah dilakukan dan siasatan masih dijalankan. Akan tetapi untuk menuduh duit kutipan itu dihantar ke Bukit Aman, saya fikir tuduhan itu tidak adil.

■1240

Eloklah tuduhan itu tidak disebutkan di Dewan yang mulia ini. Kita mesti menghargai bahawa pegawai dan anggota polis kebanyakannya melakukan perkhidmatan yang terbaik... *[Tepuk]* Akan tetapi saya tidak ada *denial syndrome*, dengan izin. Memang ada titik-titik nila yang merosakkan susu sebelanga. Itu tindakan yang dilakukan. Tidak ada kompromi terhadap individu berkenaan.

Begitu juga tentang soal Ketua Pengarah SPRM. Saya tidak dapat menjawab di sini kerana bagi saya, itu adalah merupakan tuduhan, video berkenaan *viral* adalah sesuatu yang kita tidak ketahui perinciannya tetapi saya fikir berikanlah beliau peluang untuk berkhidmat sebagai Ketua Pengarah SPRM untuk melakukan tindakan dan jangan lakukan pembunuhan perwatakan, *character assassination* pada beliau.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [*Bangun*]

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: ...Saya harap kita berlapang dada mengenai perkara itu.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan Yang Akan Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Dengan segala hormatnya, ini dua perkara. Satu, saya juga setuju ada ramai polis di situ di luar sana yang buat perkhidmatan yang sangat baik. Itu sebab kenapa saya berdiri di sini untuk minta supaya tindakan diambil terhadap mereka yang tidak membuat kerja, baik yang memburukkan nama PDRM. Itu nombor satu.

Kaedah sama juga perlu dipakai kepada SPRM. Saya tidak faham bagaimana Menteri boleh datang ke sini dan kata saya tidak tahu sama ada betul ataupun tidak. *But never mind, let him carry on with SPRM and do not-* Kita tidak akan mencerca watak. Saya tidak mahu mencerca watak sesiapa tetapi kita kena faham, kalau ada siasatan terhadap seorang dalam jawatan tertinggi sedemikian, saya rasa apa yang perlu adalah tindakan yang pantas daripada kerajaan khususnya daripada KDN. Saya hendak tanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, *have you ask him whether he is the one in the video? And if you do not ask him, why not?* Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat, saya telah jelaskan bahawa tindakan-tindakan kepada pegawai-pegawai polis itu telah dijalankan iaitu siasatan dalaman, *domestic inquiry*. Tindakan penukaran pun telah dibuat. Siasatan telah dijalankan untuk mengambil tindakan perundangan dengan pendakwaan dan pertuduhan secara perundangan. Itu sedang dalam proses.

Untuk Ketua Pengarah SPRM, saya telah berikan jawapan tadi. Jika pertanyaan adakah beliau dalam video itu, saya tidak dapat memberikan jawapan sekarang sebab kita telah serahkan kepada pihak Jabatan Peguam Negara untuk melakukan sesuatu mengikut perundangan, jika ada laporan polis dibuat dalam perkara ini. Jadi, dalam perkara itu, eloklah jika kita berlapang dada agar perkara-perkara yang demikian, diberikan pertanggungjawaban kepada pihak berkuasa khususnya Jabatan Peguam Negara untuk melakukan sesuatu yang terbaik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Klang.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya hendak bangkitkan isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi berkaitan dengan penangkapan murid-

murid sekolah ataupun anak-anak muda di bawah POCA. Sebenarnya, dalam jawapan kepada saya oleh Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa seramai 142 orang kanak-kanak telah ditangkap di bawah POCA dan soalan saya sebenarnya ditujukan kepada seorang anak muda yang bernama Ang Kian Kok. Sebenarnya jawapan yang telah diberikan kepada saya oleh pejabat Yang Amat Berhormat adalah salah. Sebab beliau telah ditangkap pada 7 Februari dan masih lagi disimpan di lokap hingga November iaitu lebih kurang sembilan bulan.

Pertama isunya ialah bahawa beliau telah didera di lokap dan ini *it is violation of* undang-undang Malaysia sendiri termasuk *Child Acts* dan juga *the UN Convention on the Rights of the Child* dan juga *Constitution Malaysia*. Dalam inkuiri umum oleh *Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC)* pada bulan Jun tahun ini, Ang Kian Kok iaitu 16 tahun telah berkata bahawa polis telah memukul dia sewaktu soal siasat dijalankan di IPD Klang Selatan, IPD Klang Utara dan IPD Banting.

Ketiga-tiga *police stations* hendak hentam sama dia. Saya berjumpa dengan emak beliau yang mengatakan kepada saya bahawa mereka telah ambil dia *and hang him from the roof and beat him up as if he was an animal. We love our animals. What more our children.* Akan tetapi soalan yang lebih penting kepada saya ialah *is he capped with the common criminals? Is he capped with the hardcore criminals?* Itu satu.

Kedua, *should mind us be detained under POCA?* Adakah kanak-kanak mesti ditangkap di bawah POCA dan juga bukannya mereka seharusnya didakwa di bawah *Child Acts 2001*, dan apakah perlindungan telah diberikan kepada Kerajaan Malaysia yang merupakan *signatory* kepada *UN Convention on the Rights of the Child*? Bukan sahaja kepada Ang Kian Kok tetapi juga kepada 142 orang anak-anak yang ditangkap di bawah POCA.

Akan tetapi yang lebih penting Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, *there is must be a policy of the government. Policies is you cannot arrest young children under POCA. But bring them under- charge them if you have to* di bawah *Child Acts 2001* di bawah seksyen 18(3)(i). Terima kasih, minta pandangan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pasal polis, pasal polis sikit.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih kerana memberikan maklumat itu. Saya harap dapat berikan perincian dan saya akan lakukan tindakan segera untuk menangani permasalahan itu.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, berkaitan dengan Ang Kian Kok kah atau siapa, penjelasan untuk apa?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Mengenai kanak-kanak yang ditahan di bawah POCA tadi, memang saya berikan jawapan semalam. Jadi, kalau ada klausa tertentu untuk ditahan ataupun diambil tindakan melalui...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Undang-undang lain.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: ...Ya, undang-undang lain, terus berikan maklumat kepada saya. Saya akan ambil tindakan.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena, ringkas.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat.

Berkaitan dengan polis, berlaku peralihan kuasa Ketua Polis yang baru. Cuma saya hendak dapatkan penjelasan, apakah kriteria pemilihan Ketua Polis ini? Kebiasaan saya lihat, selalunya ialah orang yang menjadi Timbalan Ketua Polis Negara itu apabila berlaku persaraan Ketua Polis yang sebelum itu, maka itulah yang akan dinaikkan pangkat untuk menjadi Ketua Polis Negara. Akan tetapi tidak berlaku pada kali ini di mana orang yang di bawah dia ataupun bekas Ketua Cawangan Khas, kalau tidak silap saya, tiba-tiba melangkah daripada terus melangkah Timbalan Ketua Polis yang sedia ada sekarang ini terus dikekalkan sebagai Timbalan KPN. Jadi, orang melihat seolah-olahnya macam ada sesuatu yang tidak kena. Seolah-olah Timbalan Ketua Polis ini yang ada sekarang ini, yang sebelum ini pun Timbalan Ketua Polis terlalu lemah yang tidak ada kebolehan tertentu untuk diangkat menjadi Ketua Polis Negara.

Keduanya ialah saya lihat bawah persaraan Ketua Polis yang lalu itu macam tidak ada satu majlis, tidak ada satu lawatan perpisahan, tiba-tiba mengejut. Jadi saya hendakkan penjelasan apakah ada masalah terhadap bekas Ketua Polis yang lalu.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Walaupun soalan itu tidak ada kaitan dengan apa yang sedang saya sentuh sekarang.

Yang Berhormat, harus mengetahui sebelum Timbalan Ketua Polis Negara yang ada sekarang ini, Tan Sri Noor Rashid menjadi Timbalan Ketua Polis Negara, siapakah yang menjadi pemangku Timbalan Ketua Polis Negara? Kalau ingatan itu belum terpadamlah- Tan Sri Fuzi menjadi pemangku tetapi beliau tidak menjadi Timbalan Ketua Polis Negara sebaliknya Tan Sri Noor Rashid jadi Timbalan Ketua Polis Negara. Faham atau tidak? Sebelum ini Tan Sri Fuzi tetapi yang dilantik untuk jadi Timbalan Ketua Polis Negara ialah Tan Sri Noor Rashid. Apa masalahnya kalau... *[Menyebutkan sebahagian daripada Surah Ali-Imran 3:26]* Tiba-tiba dia jadi Ketua Polis Negara. Itu rezeki dia.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya tahulah...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Nanti jangan sampai...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: ...Yang Berhormat cuba untuk kononnya mengambil simpati dan sebagainya. Tidak. Dengan izin, saya bertindak cara profesional untuk menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong bagi perkenan pelantikan. Noktah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih. Saya doakan Timbalan Perdana Menteri akan tetap jadi Perdana Menteri... *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Ini satu niat jahat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berpindah...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, minta penjelasan. Saya tadi terima pandangan Yang Amat Berhormat mengatakan Yang Amat Berhormat hendak pandangan daripada saya mengenai isu-isu berkaitan dengan 142 orang tetapi itu bukanlah satu jawapan yang boleh diterima oleh Dewan yang mulia ini.

■1250

Sebab, ini merupakan dasar kerajaan dan saya bukan buat dasar kerajaan. Yang buat dasar kerajaan untuk POCA adalah Yang Berhormat Menteri.

So, cadangan saya ialah jangan tangkap anak-anak muda di bawah POCA. Tangkap, kalau terpaksa mereka dibawa ke mahkamah, dakwa di mahkamah, *Child Act 2001* ada. So, use that. Sebab, mereka ini mesti pergi ke sekolah, bukan di lokap. So, itu saya fikir *you have to make a policy*, Yang Berhormat Menteri. *Therefore, asking me for more information really make no sense.* So, saya minta- macam tadi Yang Berhormat katakan, okey, *we will do IPD here, will do IPD there, so just like that, make a policy decision now.* Thank you. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Kalau Yang Berhormat ingat, apabila berlaku kebakaran di sekolah tahfiz di Keramat, penangkapan yang dilakukan pada tujuh orang remaja itu adalah di bawah *Child Act* dan mereka tidak boleh dikenakan hukuman sebagaimana hukuman yang lain-lain. Itu sebabnya saya menyatakan bahawa pelajar-pelajar demikian atau remaja demikian ini akan dibawa mengikut *Child Act* dan kita akan lakukan prosedur sebagaimana yang diperlukan dalam *Child Act*. Saya beri jaminan di Dewan yang mulia ini, saya akan lakukan keadilan kepada semua. Saya berjanji perkara ini.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Saya boleh bawa isu Ang Kian Kok kepada Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Boleh, boleh.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: ...Supaya dapat perhatian sekali lagi. Review proseslah.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Boleh. Boleh.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri, kalau boleh saya hendak perbetulkan. *Actually the seven of them were not arrested and charged under the Child Act.* Mereka dituduh di bawah Kanun Keseksaan. Ada beza. So, *perhaps* Yang Berhormat Menteri *wants to just look into that again.* Ada perbezaan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya faham tetapi kita tidak boleh mengambil tindakan di bawah POCA, kecuali CPC di dalam perkara ini. Akan tetapi, saya telah mengadakan perbincangan dengan penasihat undang-undang dan AG, tidak boleh dihukum sebagaimana hukuman yang dikenakan kepada rakyat yang lain atau penjenayah yang lain dalam perkara ini. *Child Act will be applied into...*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat, banyak lagi isu, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya, Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ringkas ya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sebab tadi Yang Berhormat Menteri sebut tentang anak-anak yang ditangkap dalam kes tahfiz. Saya kebetulan semasa saya di Kajang, saya sempat bertemu dengan kanak-kanak tahfiz ini. Bukan tahfiz. Mereka yang terlibat dalam kes pembakaran tahfiz ini dan juga ramai kanak-kanak yang lain.

Saya ingin maklumkan bahawa suasana dalam penjara memang tidak sesuai untuk kanak-kanak ini, dan kebanyakan kanak-kanak yang saya dapat *approach* kata mereka dibuli oleh kanak-kanak yang lain dan juga didedah kepada pelbagai penjenayah yang hebat-hebat dan ini memang tidak- bukan satu *environment*. Adakah kemungkinan kita adakan pusat yang berbeza daripada penjara untuk *juvenile* ini dan juga mengambil maklum bahawa kebanyakan mereka disyaki, mereka belum lagi dihukum? So dalam keadaan ini, saya ingin minta ada *reform* dalam perkara ini.

Saya juga hendak ambil kesempatan- tadi lupa hendak sampai- melalui Menteri bahawa saya hendak ucapkan terima kasih kepada semua pegawai penjara yang telah menjaga saya dengan baik semasa saya di Kajang... [*Dewan ketawa*]

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih di atas pujian itu tetapi kalau perlukan lanjutan, bagi tahu saya... [*Dewan riuh*] Bergurau-gurau. Tidak, tidak. Ini sahabat saya. Beliau yang memilih untuk tidak bayar denda, beliau memilih itu. Itu sebab saya bergurau begitu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Silap. Itu bukan sebab saya tidak bayar denda. Memang denda dikenakan dan penjara juga dikenakan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Okey, okey. So, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dalam waktu yang terbatas ini untuk membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan soal antidadah dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan penjara, kepolisan dan juga hal-hal yang berkaitan dengan imigresen dan pekerja asing. Saya ingin menyebutkan bahawa semua maklumat-maklumat itu ada di dalam teks ini dan jika saya tidak dapat memberikan pendetilan, perincian terhadap satu-satu perkara, saya telah

minta pegawai-pegawai saya untuk menghantar jawapan yang ada di sini secara bertulis kepada tiap-tiap Ahli Yang Berhormat.

Ini juga termasuk soal yang berkaitan dengan Yang Berbahagia Dato' Seri Anwar Ibrahim yang telah dibangkitkan. Saya ingin menyebutkan...

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Ini, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya ingin menyebutkan bahawa pihak Kementerian Kesihatan telah mengambil...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Batu Pahat, sila duduk ya.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: ...Langkah-langkah yang memenuhi permintaan beliau sendiri dan keluarga beliau, dan penuh rasa simpati, saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa rawatan yang terbaik daripada doktor pakar yang sesuai dan *post operation* dan rawatan pasca pembedahan akan diberikan kepada beliau, dan kita tentunya mendoakan agar selepas pembedahan ini, beliau akan segera sembuh dan kita harap pegawai-pegawai perubatan Kementerian Kesihatan dapat memberikan rawatan yang terbaik dan juga pasca rawatan yang terbaik juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lembah Pantai bangun.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Okey, persoalan Yang Berhormat, kalau boleh bagi ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang lain duduk ya. Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya ucapkan terima kasih di atas penjelasan. Saya ingin tekankan, yang kita bimbang adalah kecederaan yang beliau hadapi sekarang adalah akibat apabila konvoi penjara yang membawa beliau daripada hospital ke Penjara Sungai Buloh sekitar sebulan setengah lepas didatangi oleh kenderaan yang tidak dikenali dan akhirnya mengakibatkan kenderaan yang beliau naiki itu dilanggar daripada belakang. *While he was under supervision of the prison authority*, dengan izin.

Jadi, bukan apa, walaupun kita berterima kasih, saya pohonlah- bukan soal Dato' Seri Anwar tetapi setiap banduan di bawah jagaan kementerian haruslah diberikan jaminan keselamatan kerana kita tidak mahu perkara ini berulang sehingga mengakibatkan beliau terpaksa menghadapi pembedahan di HKL sendiri. Terima kasih.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Saya sambung, Yang Berhormat. Yang Berhormat, dalam ucapan saya, saya telah membangkitkan tentang dua isu secara terperinci kepada Yang Berhormat. Satu adalah mengapa tiada siasatan atau *inquiry* terhadap kemalangan tersebut? So, saya minta jasa baik Yang Berhormat untuk

mengadakan satu *inquiry* untuk mencari punca kesalahan atau punca sebenar mengapa berlakunya kemalangan pada hari tersebut.

Kedua, sehingga hari ini tiada sebarang kenyataan daripada Yang Amat Berhormat terhadap kemalangan ini, lebih-lebih lagi ia melibatkan kereta-kereta pengiring dan van daripada pihak polis. Itu dua yang telah saya bangkitkan, saya minta jasa baik Yang Berhormat untuk memberi penjelasan. Terima kasih.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Saya hendak balik ke belakang sedikit persoalan dadah yang ditinjak, dilintas atau ditinjau sepintas lalu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri.

Saya ada mesej khas daripada orang kampung saya yang menyebutkan tentang pengedaran dadah di kalangan orang-orang kampung, anak-anak muda kampung. Saya telah pun melaporkan hal ini kepada Ketua Polis Daerah. Saya mendapat respons yang baik daripada Ketua Polis Daerah dan dalam pertemuan sebelum ini pun, beliau menerangkan tentang kedudukan kes jenayah dan lain-lain yang berkaitan di Batu Pahat. Katanya, semua *under control* dan kes jenayah *online* ini sudah hapus 100 peratus.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri. Nampaknya KP Batu Pahat bekerja dengan baik.

Cumanya, apabila kita melaporkan daripada orang-orang kampung yang akhirnya Ketua Polis minta *identification* daripada orang yang mengadu, jadi pengadu ini agak keberatan untuk hendak memberikan nama, sebab seperti Yang Amat Berhormat maklum...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, ini bukan ucapan, Yang Berhormat.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: ...Pengedar dadah ini mereka ada *network*nya sendiri dan itu menjadi satu masalah, dan kalau boleh, dibantu kes itu. Terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Kapar bahawa siasatan terhadap insiden itu sedang dilakukan dan saya pasti mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang melakukan perbuatan itu jika disengajakan. Tiada kenyataan kerana perkara itu adalah perkara *operational* dan saya serahkan kepada pihak polis.

Manakala untuk isu dadah, Yang Berhormat Batu Pahat, saya mengucapkan terima kasih. Yang Berhormat telah memuji OCPD saya dan saya harap yang lain-lain pun ikut langkah Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih banyak-banyak, dan saya berjanji setiap persoalan secara perincian akan saya edarkan secara bertulis. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Keselamatan Dalam Negeri.

Pukul 2.30 petang nanti giliran Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan menggulung perbahasan.

Sekarang jam 1 tengah hari, saya tempohkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

■1430

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, seterusnya giliran Jabatan Perdana Menteri, saya jemput Yang Berhormat Pengerang.

2.33 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan peringkat dasar ke atas pembentangan Belanjawan 2018 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Oktober 2017.

Sebagai Menteri yang pertama menggulung dari Jabatan Perdana Menteri, saya mohon untuk menjawab isu-isu yang menyentuh hal ehwal undang-undang di bawah Jabatan Peguam Negara, mahkamah, Jabatan Insolvensi Malaysia. Seterusnya saya akan menjawab bagi pihak agensi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pilihan Raya, pejabat Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri, Parlimen Malaysia, Jabatan Audit Negara dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan.

Memandangkan terdapat beberapa lagi rakan-rakan Menteri yang perlu menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, maka untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini saya akan menjawab secara lisan untuk beberapa isu utama dan seterusnya saya akan

memberikan jawapan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi isu-isu lain yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Kawan dan Yang Berhormat Bukit Gelugor ingin tahu perkembangan keputusan kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati. Yang Berhormat Batu Kawan juga mencadangkan agar Akta Dadah Berbahaya dipinda, agar tidak meletakkan *burden of proof* kepada tertuduh bagi mengelakkan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.

Manakala Yang Berhormat Bukit Gelugor telah bertanya sama ada pindaan Akta Dadah Berbahaya ini akan dilaksanakan secara retrospektif. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 1 Mac 2017 antara lain telah bersetuju supaya pindaan dibuat kepada seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952, dengan memasukkan peruntukan tambahan bagi memberi kuasa budi bicara kepada mahkamah menjatuhkan hukuman selain daripada hukuman mati mandatori dalam keadaan-keadaan tertentu yang ditetapkan bagi kesalahan mengedar dadar di bawah seksyen 39B akta berkenaan.

Susulan daripada itu, Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara telah mengadakan beberapa siri perbincangan termasuk dengan wakil-wakil daripada agensi penguat kuasa yang berkenaan seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kimia, Polis Diraja Malaysia dan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Peguam Negara seterusnya telah menyiapkan draf pertama Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 dan perkara ini juga telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 28 Julai 2017.

Buat masa ini Jabatan Peguam Negara bersama dengan kementerian serta agensi-agensi berkaitan sedang mengambil segala tindakan yang sewajarnya untuk membentangkan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri sebelum dibentangkan kepada sesi Parlimen ini. *Insyaa-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat bangun Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasihlah kepada kesungguhan Yang Berhormat untuk membawa satu perubahan yang sebegitu lama telah menjadi masalah dalam negara ini iaitu menghapuskan *mandatory death penalty* ke dalam kes-kes *drug matter cases*.

Saya nak tanya walaupun perkara itu telah dipersetujui Kabinet pada 1 Mac, adakah Yang Berhormat Menteri akan membawa rang undang-undang itu pada sesi ini kerana ini adalah satu perkara yang perlu disegerakan dan juga dalam proses ini untuk memberhentikan semua kes yang di mana kematian *mandatory death* telah pun diluluskan atau telah dibenarkan oleh mahkamah iaitu *moratorium* sehingga perkara ini diselesaikan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat, seperti yang saya katakan tadi *insya-Allah* saya berharap bahawa pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya ini dapat kita selesaikan dalam sesi ini. Itu harapan saya dan saya harap tidak ada apa-apa lagi bantahan ya daripada mana-mana Jemaah Menteri bila saya membentangkan draf yang terakhir daripada pihak Jabatan Peguam Negara.

Bagi jawapan kepada soalan kedua Yang Berhormat, tentang *moratorium*, perkara ini belum dibincangkan lagi di peringkat Kabinet dan saya tidak dapat memberikan jawapan secara rasmi. Harapan saya dalam pembentangan pindaan draf yang terakhir kepada Mesyuarat Kabinet, isu *moratorium* ini akan kita bawa akan saya sendiri bawa untuk mendapat respons ya sebab ini adalah keputusan dasar daripada pihak kerajaan, ya Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat sedikit ya. Saya setuju bahawa perlu dapat kebenaran Kabinet, itu semua kita tahu. Akan tetapi pada asasnya, bila perkara sedemikian, nombor satu dasar untuk menghapuskan *mandatory death penalty* adalah kerana bila ada undang-undang tersebut, ia tidak menyebabkan kekurangan kes-kes yang sedia ada, perbuatan mengenai salah guna *trafficking* dalam *drugs* dalam hal ini dan *the drug mules are the one who's controlling the market and that penalty has never been affected to reduce the cases*.

Therefore I urged, saya mohon agar Menteri akan mengambil kira supaya perbincangan itu disegerakan supaya untuk orang-orang yang ada di dalam tahanan sekarang, dalam penjara dapat satu penyelesaian yang muktamad kerana rang undang-undang ini patut beretrospektif supaya menolong semua pihak berkenaan. Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bila berbincang di luar daripada Dewan dengan Yang Berhormat ya, sentiasa bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat bahawa tidak adanya *relevancy* antara hukuman mati dengan isu pengambilan dadah di mana tidak adanya pembuktian bahawa jenis hukuman yang tertentu akan mengurangkan ya.

Saya pasti Yang Berhormat juga tahu tentang kajian yang telah dibuat oleh pihak Peguam Negara dalam *International Centre for Law and Legal Studies (I-CeLLS)*. Semua orang tahu bahawa tidak adanya satu kaitan yang begitu *direct impact*. Walau bagaimanapun saya secara prinsip melihat bahawa keputusan ini perlu mengambil kira seperti yang saya sebutkan tadi tentang keputusan Kabinet yang kita nak tengok pada pindaan kali ini ya Yang Berhormat, ia lebih kepada aspek penghukuman, *sentencing* yang mana untuk memberikan kuasa budi bicara kepada hakim.

Saya banyak kali beritahu kepada Yang Berhormat ini adalah langkah yang pertama ya, *this is the first step* yang mana kerajaan mengambil satu tindakan bagi saya sebagai bekas peguam bela, peguam cara satu langkah yang begitu proaktif dan begitu positif.

■1440

Saya harap setelah kita dapat perbincangan dalam draf yang terakhir ini dalam isu moratorium yang saya sebut akan saya bawa, kita perlu juga mengkaji tentang elemen menyeluruh bila bercakap tentang isu hukuman mati. Ini sebenarnya saya tengok secara menyeluruh, dunia bergerak kepada pendekatan yang berlainan. Banyak pembacaan, penulisan menunjuk kepada arah tersebut tetapi saya ingin sebut di sini yang banyak kali saya sebut dalam Dewan, negara yang menyebut tentang elemen hak asasi utama seperti Amerika Syarikat masih pegang kepada hukuman kematian, *death sentence*.

Itu menyebabkan bagi saya, ini perlu dilihat sebagai dasar yang akan dibuat oleh kerajaan. Saya harap dengan draf terakhir pada pindaan di bawah akta ini, boleh perbincangan bukan sahaja di peringkat Kabinet dan seterusnya boleh kita bawa. Izinkan saya sambung ya Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Untuk makluman Yang Berhormat, pertanyaan berkenaan *burden of proof* kepada tertuduh, buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk membuat pindaan terhadap beban pembuktian anggapan atau *burden of proof presumption* yang diletakkan terhadap orang kena tuduh. Untuk maklumat Yang Berhormat, keperluan beban pembuktian anggapan dalam Akta Dadah Bahaya 1952 mewujudkan kesedaran dalam kalangan rakyat bahawa penyalahgunaan dan penagihan dadah adalah satu kesalahan dan gejala sosial yang sangat serius malah ia juga akan mengancam dan menggugat keselamatan negara serta ketahanan nasional pada seluruhnya.

Untuk maklumat Yang Berhormat juga, kebanyakan negara masih mengamalkan konsep beban pembuktian anggapan ini. Contohnya negara seperti Singapura, Hong Kong, Australia, New Zealand dan juga Filipina. Berkenaan sama ada budi bicara mahkamah tersebut...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta maaf. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya menghargai usaha Yang Berhormat Menteri untuk membawa rang undang-undang pindaan ini *and I think you are to be commended for pushing through in this effort*. Kita baru dengar tadi bagaimana ada kajian yang dibuat yang menunjukkan bahawa tidak ada *direct nexus* di antara satu jenayah itu dan hukuman mati. *I think that is something that* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *has been accepted worldwide*.

Jadi persoalan saya, di negara ini kita ada beberapa undang-undang lain selain daripada Akta Dadah Berbahaya yang mengundang hukuman mandatori mati, hukuman gantung sampai mati mandatori. Jadi persoalan saya adalah adakah mungkin dalam masa

depan kerajaan juga akan membawa rang undang-undang supaya untuk kesemua kesalahan-kesalahan itu juga kelonggaran diberikan dari segi hukuman di mana ianya diubah ataupun dipinda daripada *mandatory towards discretionary position in terms of sentencing*. Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit boleh? Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri daripada Pengerang. Yang Berhormat, saya ingin bertanya sedikit, saya tidak pasti apakah nanti *the propose amendment* yang dicadangkan itu. Cuma saya ingin mencadangkan kepada pihak Menteri kalau boleh sebelum pindaan itu dibuat, adakan satu *consultation* dengan beberapa orang Ahli Parlimen kalau tidak semua pun, khususnya yang ada latar belakang undang-undang seperti Yang Berhormat Ipoh Barat, seperti Yang Berhormat Puchong untuk kita mungkin memberi input-input yang mungkin boleh difikirkan oleh kerajaan, itu pertama.

Keduanya saya hendak tanya juga kepada Yang Berhormat Pengerang. Setujukah dengan saya Menteri bahawa sebenarnya isu dipanggil *death penalty* ini bukan sahaja melibatkan isu hukuman itu sahaja yang jadi bantahan tetapi juga isu tentang tempoh di antara hendak jatuh hukum daripada mereka dikenakan oleh mahkamah jatuh hukum sampai hendak *execution* itu yang dipanggil tempoh itu tempoh yang saya pernah baca antaranya buku *The Justice Game* daripada seorang *pre council* yang menyatakan bahawa dalam tempoh itu memang satu tempoh yang memang menyebabkan seorang tahanan itu begitu merasa tertekan.

Jadi saya hendak tanya kepada Menteri, adakah kerajaan ada bercadang untuk mungkin meletakkan tempoh masa contohnya mesti dijatuhkan hukum dalam masa – kalau hendak jatuh hukumlah dalam masa beberapa tahun. Jangan sampai dekat kadang-kadang bertahun-tahun sampaikan mereka jadi – sudahlah mereka diletakkan dalam suasana *solitary confinement* dengan izin. Jadi ini semua adakah kerajaan ada mengambil kira juga dalam pindaan yang akan dicadangkan ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Puchong dan juga Yang Berhormat daripada Sepang. Dua-dua peguam, peguam yang begitu arif dalam undang-undang jenayah.

Sebenarnya kalau saya hendak jawab soalan daripada Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat tanya adakah kerajaan akan melihat kepada undang-undang lain yang mengenakan hukuman bunuh. Jawapan saya, kita kena kaji semula kenyataan yang dibuat oleh Tan Sri Peguam Negara baru-baru ini. Beliau sendiri sebagai mantan hakim menyatakan bahawa hakim mahu melihat keputusan *mandatory death sentence* itu diletakkan pada kuasa hakim, bererti dalam bahasa Inggeris maknanya *the judge is emphasizing continuously that the judge must make that decision*. Maknanya budi bicara yang diberi kepada hakim itu perlu ditekankan.

Jadi saya melihat bahawa dengan adanya Peguam Negara yang juga mantan hakim dia memahami pentingnya dalam proses mengenakan hukuman, dalam fakta-fakta yang diterima oleh hakim, hakim membuatkan keputusan akhir. Itu sebabnya dalam pindaan ini, itu akan dijadikan sebagai keutamaan kepada pindaan yang kita buat julung kali ini di bawah Akta Dadah Berbahaya. Sama ada terlibat pada undang-undang lain ataupun hukuman-hukuman kematian lain di bawah seksyen ataupun di bawah undang-undang lain, saya tidak dapat komen setakat inilah.

Akan tetapi bagi saya, saya sebut banyak kali bila saya bercakap dengan Yang Berhormat Ipoh Barat, ini bagi saya satu langkah pertama, langkah yang positif dan juga proaktif. *This is better than none* ya. Sekurang-kurangnya dalam kes-kes *drug mule* sebagai izin yang di mana keadaan mereka dikenakan hukuman mati tanpa mengira fakta kes. Jadi kita mesti memberikan penghormatan kepada badan kehakiman untuk membuat keputusan.

Saya ingat Yang Arif Tan Sri Peguam Negara menyebut kadang-kadang hakim pun berat hendak memberikan keputusan hukum bunuh. *It is a heavy burden on the judges*. Akan tetapi itu sebabnya pindaan ini bagi saya julung-julung kali kita hendak melihat meletakkan kembali kuasa kepada hakim. Saya harap ini adalah langkah pertama setakat ini.

Yang Berhormat Sepang tanya saya adakah adanya perbincangan bersama dengan pakar-pakar peguam. Ini saya kena dapat arahan daripada Ketua Whip dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada perlunya perbincangan seterusnya. Akan tetapi setakat ini dalam mana-mana pindaan ataupun kewujudan akta baru, selalunya dilakukan oleh Jabatan Peguam Negara dengan perbincangan kementerian-kementerian yang relevan.

Kemudian Yang Berhormat Sepang juga tanya saya tentang tempoh masa. Bagi saya ini juga perlu dibuat keputusan dasar oleh kerajaan sama ada perlu diberikan masa yang tertentu. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, kita tidak boleh mewujudkan *implied cruelty*, kezaliman secara tersirat. Orang menunggu ini, kadang-kadang menunggu-menunggu bertahun-tahun, saya pun tahu maklumat ini. Ini yang menyebabkan bahawa ia akan mewujudkan satu apa dalam perkataan, bahasa yang saya hendak guna, kezaliman. *Will create a lot of cruelty* kepada yang menunggu. Jadi perkara ini akan saya bawa dalam perbincangan ini. Saya harap seperti saya sebut daripada tadi, saya boleh bawa pindaan ini dalam sesi Parlimen ini dan kita boleh berbahas menyeluruh kepada cadangan kepada pindaan tersebut.

Yang Berhormat, saya juga ingin sambung kepada legal profesion yang mana Yang Berhormat Ipoh Barat telah membangkitkan mengenai keperluan untuk mengadakan *Common Bar course*. Beliau menyatakan bahawa ramai lepasan bidang undang-undang tidak mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian akibat kegagalan sistem yang dilihat

tidak mementingkan kualiti dan merit. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang saya maklum dalam waktu Pertanyaan Menteri pada minggu lepas bahawa satu jawatankuasa khas bagi menyediakan rangka tindakan *blueprint* yang holistik bagi profesion undang-undang di Malaysia dan menyediakan cadangan pindaan yang komprehensif kepada Akta Profesion Undang-undang 1976 diwujudkan dan beberapa mesyuarat telah pun diadakan.

Antara yang di isu kan dalam jawatankuasa ini ialah pendidikan undang-undang dan isu berkaitan dengan kualiti pendidikan undang-undang di Malaysia termasuk untuk *Common Bar course* yang diperkenalkan di Malaysia. Improvansi perkhidmatan firma guaman termasuk penggabungan firma guaman kecil, penjenamaan kreatif nama guaman, kebenaran bagi profesion undang-undang untuk membuat publisiti, keperluan untuk mengehadkan fi kontingensi dan keperluan untuk meluaskan skop tugas bantuan guaman bagi pelatih dalam kamar dan isu berkaitan dengan pengamal undang-undang termasuk sekatan terhadap bekas hakim untuk beramal dan mengendalikan kes di mahkamah. Ini adalah isu-isu yang dibincangkan bersama Majlis Peguam dan jawatankuasa ini untuk mendapatkan secara menyeluruh perbincangan tentang perubahan yang holistik kepada Majlis Peguam. Majlis Peguam memainkan peranan yang begitu proaktif dalam perkara ini.

■1450

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, satu *focus group discussion* telah diadakan baru-baru ini pada 24 Oktober 2017. Sekretariat Jawatankuasa Perunding Khas sedang dalam proses untuk memuktamadkan laporan *focus group discussion* yang telah diadakan pada 24 Oktober itu. Sejurus itu, laporan yang dimuktamadkan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Khas yang dijangka akan diadakan pada bulan ini. Selepas daripada laporan *focus group discussion* tersebut, Jawatankuasa Perunding Khas akan dimuat naik dalam laman web khas untuk satu sesi konsultasi awam secara atas talian (*public online consultation*). Dapatan daripada Jawatankuasa Kecil dan juga konsultasi awam secara dalam talian seterusnya akan diteliti oleh Jawatankuasa Perunding Khas bagi tujuan menyediakan laporan akhir yang mengandungi syor-syor penyediaan *blueprint* yang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Akan tetapi berkenaan dengan *Common Bar exam*, sebenarnya Yang Berhormat, ini adalah perkara ataupun isu yang lama telah dibawa dan kalau kita tengok sendiri *Bar Council*, Majlis Peguam sentiasa menyatakan ini adalah *the way forward* bagi *Bar Council*. Akan tetapi, dalam perkara ini, dalam negara kita, kita tidak mempunyai sistem yang saya sebut seperti yang berlaku dalam negara lain yang mana *legal degree* itu, *law degree* itu adalah *second degree* ya dan ia selalu menjadi sebagai *first degree* dan kemasukan

pelajar-pelajar dalam IPTA, IPTS dan juga pelajar-pelajar daripada luar negara. Ini adalah isu demi isu yang perlu dalam proses perbincangan.

Setakat ini saya dimaklumkan bahawa banyak dekan-dekan dalam Fakulti Undang-undang tidak bersetuju kepada *Common Bar exam* tetapi Majlis Peguam bersetuju kepada *Common Bar exam*. Itu sebabnya konsultasi awam ini dan juga *focus group* ini sangat penting supaya kita dapat *the middle ground*. Kita dapat satu persetujuan bersama sebab isu-isu yang dibawa oleh dekan-dekan dalam Fakulti Undang-undang pun boleh kita lihat sebagai isu yang perlu kita ambil kira.

Secara menyeluruhnya saya dapat berkata pada hari ini— bila saya bercakap dengan mantan Ketua Hakim Negara, Tun Arifin, dia sendiri bercakap tentang kualiti peguam dalam negara kita tidak begitu baik dari segi bahasa Inggeris, penulisan dan juga percakapan. Jadi ini yang dibincangkan yang mana dalam perbincangan bersama *Bar Council*, kita hendak tengokkan holistik perubahan kepada satu pendekatan *way forward*. Ini harapan saya supaya semua *stakeholders* itu dapat kita panggil bersama. Ini sebabnya saya tidak mahu mempercepatkan pindaan kepada *Legal Profession Act*. Tidak ada sebabnya perlu kita kawal *the lawyers*. *The lawyers as I said, continuously must regulate themselves. The lawyers are professional* macam doktor, *engineer* dalam negara kita.

Akan tetapi dari segi *Common Bar exam*, disebabkan bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi, *this are the issues* yang mana, dengan izin, yang perlu *continues discussion* antara pihak akademik dan juga *practitioners*. Harapan saya, dalam masa terdekat ini, kita akan dapat satu penyelesaian yang dibuatkan persetujuan bersama oleh semua pihak. *We would like*, dengan izin, profesion guaman dalam negara kita ini profesion guaman yang dihormati oleh semua pihak.

Saya, Yang Berhormat, semalam, dua hari lepas didekati oleh Persatuan Peguam Syarie Malaysia. Mereka juga mengatakan beberapa cadangan yang perlu mereka bawa.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Silakan, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya, terima kasih. Saya rasa jawapan Yang Berhormat ini sangat holistik. *It taken into account almost all factors*. Tetapi, saya dan saya rasa ramai di antara Ahli Parlimen ini akan menyokong Yang Berhormat.

Dalam satu proses untuk membawa satu *Common Bar exam*, *I think the bottom line, the benchmark should be* satu standard di mana semua peguam di negara ini ada *standard exam, standard course work* dalam hal tersebut supaya mengelakkan mereka tidak dapat kerja, *over production of lawyer* seperti yang sekarang kita ada *over production of doctors*. Akan tetapi ini bukan perkara yang baru, Tuan Yang di-Pertua, kerana tujuh tahun dulu saya telah bangkitkan dalam Dewan ini di mana kemungkinan besar ada *over production of doctors*. Masa itu Yang Berhormat Menteri Kesihatan kata, *“No way, you are*

wrong. You are opposition, what do you know?". Sekarang realitinya datang. Jadi, masalah yang sama dengan kita.

Tetapi yang saya hendak tekankan di sini, Yang Berhormat Menteri, adalah bahawa kita perlu dekan-dekan dan profesor di universiti, *they got personal interest*, kerana *four years course double degree, not a single degree, double degree course*, mereka tidak rasa itu adalah mustahak. Saya rasa kita perlu kurangkan empat tahun itu kepada tiga tahun dan tahun yang keempat menjadi *Common Bar exam for all universities*, tidak kisah dia Universiti Malaya atau mana-mana universiti, supaya seragamkan, supaya dia ada *course yang standardize and that will well accepted* dalam negara ini. Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat Ipoh Barat, dari segi prinsip, saya memang setuju dengan Yang Berhormat. Sebab, kalau kita tengok kepada elemen profesionalisme dalam semua profesional dalam negara kita sama ada jurutera ataupun arkitek ataupun doktor, memang adanya satu standard *entry point*. Itu sebabnya dalam perkara ini, bagi saya, perbincangan yang saya sebut tadi itu mesti diwujudkan. Saya percaya dan saya dengar Yang Berhormat sebut tentang *the personal interest by the academician*. Akan tetapi kita juga mesti tahu tentang isu *the separate State Bar* Sabah dan Sarawak sebagai contoh. Jadi, banyak isu ini yang kita perlu lihat secara holistik.

Akan tetapi saya amat berterima kasih kepada Presiden *Bar Council* hari ini, yang baru, sebab beliau memahami dan juga jawatankuasanya, dia memahami bahawa peguam dalam negara kita perlu kepada perubahan tahap yang lain. Itu sebab mereka bersetuju bila mereka bercakap tentang *shared premises*, dia bercakap tentang kadang-kadang *advertisement*, dia bercakap tentang *contingency fees*. Maknanya mereka menerima bahawa profesion ini mahu ke hadapan, mesti berubah.

Saya masih— yang saya sebut— sentiasa dalam *focus group* ini mahu melihat perbincangan berterusan. Saya menerima apa Yang Berhormat kata tentang isu *Common Bar exam* dan bagi saya, kerajaan akan membuat keputusan muktamad setelah mendapat semua pandangan-pandangan daripada semua pihak. Saya harap kita akan memberikan satu jenama baru kepada peguam dalam negara kita dalam aspek profesionalisme— saya harap ya— dalam pindaan yang kita hendak tengok kepada *Legal Profession Act*, dengan izin.

Saya hendak jawab, Tuan Yang di-Pertua, tentang perbahasan Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat juga, tentang beberapa isu yang menyentuh tanggungjawab mahkamah ya. Pertama, beliau menyuarakan kerisauan beliau di mana mahkamah meletakkan keutamaan untuk mengejar KPI, lantas menjurus kepada situasi di mana *justice hurried, justice denied*. Yang Berhormat Ipoh Barat turut mempersoalkan mengapa Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan tiada KPI untuk keputusan yang tertunggak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu inisiatif untuk memperkasa kecemerlangan Badan Kehakiman Malaysia ialah *key performance indicator*. Untuk Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan, tempoh penyelesaian bagi kes jenayah dan sivil ditetapkan antara tiga bulan hingga 12 bulan dari tarikh pendaftaran kes. Manakala bagi penyelesaian kes-kes jenayah dan sivil di Mahkamah Tinggi, tempoh penyelesaian ditetapkan antara sembilan bulan hingga 12 bulan dari tarikh pendaftaran kes. Bagi Mahkamah Rendah pula, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret, tempoh penyelesaian kes jenayah adalah daripada 12 bulan dan bagi kes sivil adalah antara tiga bulan hingga sembilan bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPI ini telah dimulakan sejak tahun 2009 dan berjalan dengan baik serta mendapat pengiktirafan daripada Bank Dunia dalam laporan pada tahun 2011 yang mencadangkan negara lain mengambil contoh Malaysia sebagai panduan dalam menangani masalah kes-kes tertunggak, *backlog cases*, dengan izin. Kebanyakan keputusan kes di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan akan diberikan serta-merta kecuali bagi kes-kes yang melibatkan isu undang-undang yang rumit yang memerlukan masa yang lebih panjang untuk para hakim membuat penilaian undang-undang dengan lebih mendalam. Apabila keputusan ditangguhkan, Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara akan memantau bagi Mahkamah Persekutuan, sementara Presiden Mahkamah Rayuan bagi Mahkamah Rayuan. Tempoh yang ditetapkan adalah di antara empat bulan hingga enam bulan. Jika melebihi tempoh tersebut, seorang hakim yang menyediakan alasan penghakiman itu perlu meminta kebenaran untuk perlanjutan masa.

Yang Berhormat juga ingin tahu berkenaan keputusan Mahkamah Persekutuan pada 6 November 2017 yang tidak memberi *exemplary damages* sebagai tidak wajar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tidak pasti...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sebelum beralih, minta maaf. Saya sangat *disturb*-lah dengan KPI ini. Sebenarnya bila KPI dilancarkan, *I still remember maybe eight, nine years ago*, kita semua terima dengan rela hati. *It was good* kerana ia memberi satu proses untuk mempercepatkan kes-kes di mahkamah. Akan tetapi baru-baru ini nampaknya *the bottom line is*, ia untuk menyelesaikan kes seberapa cepat yang boleh tanpa menghiraukan adakah jurubahasa Cina atau Tamil atau saksi itu faham dalam bahasa yang lain, *is no more a priority*. Walaupun tidak ada jurubahasa di sana, mahkamah mengarahkan peguam untuk menyediakan jurubahasa.

Kedua, mungkin Yang Berhormat Menteri mungkin tidak tahu, Pengarah di *Sessions Court Ipoh, do you know what he does morning 8 o'clock, 8.15? He goes and peep in every court to find out whether the jurubahasa ada di sana and will heard the court is in functioning. They also human*, Tuan Yang di-Pertua. Kalau *that kind of strict— you are government service, you come to work at 8 o'clock, you ada so many other things to do, human things to do*. Saya difahamkan oleh jurubahasa dan juga Majistret dan juga

Sessions Court Judges, ini adalah satu yang aneh. *As of somebody is over looking on your shoulders*. Terlampau *the hurriedness to start the case* dan arahkan kepada Majistret dan *Sessions Court Judges* bahawa pada *first case management*, semua *bundle* perlu difailkan. Nombor satu.

■1500

Nombor dua, pada *first case management* patut tetapkan tarikh bicara. Pada tarikh bicara, *either you withdraw the case* atau jalankan kes itu. Ada saksi, tiada saksi tidak kisah. *I think* ini adalah terlampau, Tuan Yang di-Pertua. Saya tanya kenapa. Dia *giving prominent and important to the statistic case* yang telah diserahkan secara statistik berapa kes telah diselesaikan hari itu. Kalau dia ada, katakan 30 dan 30 kes telah habis, *this is very good magistrate, very good section court judges*. Walhal dari 30 kes, 29 kes ditarik balik atau tidak boleh jalan kes, atau dibuang kes. Jadi, masalahnya adalah *it is no win-win position* kepada *client* dalam negara ini. Saya tahu KPI daripada permulaan *was very good*. Sekarang macam *ultra, ultra the extremist* sudah datang. *I though we got extremist in religion only* sekarang *extremist* dalam mahkamah pun ada di mana mempercepatkan dan *don't give face at all*.

Macam pengarah yang ada di Ipoh, *I think that he need a mental evaluation*. Macam mana *someone is a section court judges* Tuan Yang di-Pertua, bagi tahu sama saya *that he goes and peep actually and the section judges are so nervous or* Yang Berhormat Menteri, *I think in our time, it never happens. That pengarah will go and sit inside the section court the gallery and see what is been happening*. Apa ini semua? *I think* perlu arahan tertentu. *We agree* kalau *after first adjournment* tidak jalan, boleh buang kes sedemikian. *I think is fair but* jangan terlampau *to achieve statistic*. Macam fokusnya *is to achieve the statistic* kes telah diselesaikan, telah dihabiskan. Itu yang diberi *priority* dari *dispense of justice*.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat, saya kali pertamalah dengar cerita adanya perkara ini berlaku di Mahkamah Ipoh. Jadi, saya pohonlah Yang Berhormat sama ada fakta yang lebih itu diberikan kepada saya secara bertulis. Saya akan bawa kepada Ketua Pendaftar. Yang mana yang disebut oleh Yang Berhormat ini, perkara yang serius.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya akan tulis secara bertulis, saya akan bagi. Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: *This is quiet bad* sebab *by right* kata orang, kita pun tidak mahulah *justice delayed* sebagai *justice denied*. Akan tetapi, dalam mempercepatkan kes-kes mahkamah, perlu memainkan peranan proses yang begitu adillah, mengambil kira semua isu. Saya akan membawa perkara inilah sebab setakat ini saya tidak pernah dengar perkara ini berlaku. Mungkin Ipoh sebagai mahkamah yang

pertama. Akan saya terima surat daripada Yang Berhormat ya? Saya akan ambil maklum secara bertulislah.

Berkenaan dengan Yang Berhormat tentang isu *exemplary damages* yang tidak wajar. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, saya tidak pasti dengan kes mana yang dirujuk sebagai spesifik. Walau bagaimanapun, mana-mana kes Mahkamah Persekutuan yang telah membuat keputusan untuk tidak membenarkan *exemplary damages* adalah berdasarkan kepada peruntukan dan fakta kes di bawah *Civil Law Act 1956*. Persoalan wajar atau tidak merupakan keputusan mahkamah yang perlu dihormati oleh semua pihak. Mahkamah Persekutuan telah pun membuat keputusan dan memberikan alasan bagi keputusan. Ini ialah satu proses kehakiman dalam negara kita.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, apa yang berlaku dalam kes itu, kita ada kes yang melibatkan kematian Kugan. Kugan ini ditahan oleh pihak polis dan kemudian mati semasa dalam tahanan polis. Jadi, apa yang berlaku adalah keluarga beliau membawa satu tindakan di mahkamah dan di dalam tindakan itu, permohonan dibuat juga untuk *exemplary damages*. Memang apabila Mahkamah Persekutuan buat keputusan, keputusan itu adalah keputusan majoriti *four to one* di mana *majority judgement* menyatakan oleh sebab Seksyen 7 dan 8 *Civil Law Act* itu dengan jelas menyatakan *in cases in which claim are brought* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *are brought by an estate of the decease, then a claim for exemplary damages that's not lie*.

Jadi, ada undang-undang yang mengehadikan tuntutan dalam kes-kes di mana seseorang itu meninggal. Jadi, apa yang menjadi aneh adalah kita boleh berikan *exemplary damages* untuk kesan pukulan dan sebagainya walaupun berapa teruk tetapi sekiranya dia hidup, *claim* itu boleh dibawa. Akan tetapi, seorang yang dikenakan tindakan yang sama tetapi akibat mana beliau meninggal dunia, beliau tidak dapat membuat tuntutan sedemikian. Jadi, apa yang kita perlu lihat adalah sama ada ataupun tidak peruntukan undang-undang itu adalah adil ataupun tidak. Kalau tidak, apa yang berlaku adalah seperti mana yang disebut oleh beberapa peguam, *you have a situation where you know it's better to beat or treat him in the manner in which that will result in death. Then you pay less. So, if you want injure somebody, you go all the way. Is that the message does you want to send? I mean is that what the law really wants to achieve?*

Itu soal yang kita bangkitkan *and of course, here as we know the court are bound by the law. So, whether we like it or not, be the high court or be the Federal court, they are bound by provision of law made by Parliament. So*, persoalan dia, adakah kerajaan sekarang bersedia untuk kita mengkaji semula peruntukan Seksyen 7 dan 8 *Civil Law Act* ini supaya kita boleh mengatasi perbezaan ini yang kepada saya memang tidak masuk akal sama sekali. So, itu persoalan yang dibangkitkan. Saya harap Yang Berhormat

Menteri dapat mengkaji dan melihat kepada keadaan sedemikian dan membawa pindaan sekiranya perlu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Puchong tentang isu ini. Saya berharap kalau boleh Yang Berhormat tulis surat kepada saya. Saya akan bawa kepada pihak yang bertanggungjawab terutama sekali kita berbincang dengan Jabatan Peguam Negara dan kemudian bawa kepada Mesyuarat Kabinet kalau perlu kita buat pindaan kepada Akta Undang-undang Sivill.

Yang Berhormat Klang telah memohon pencerahan ...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit. Saya hendak tambah perkara yang saya bangkitkan mengenai kepada *minority judgement*, kalau kita tengok apa yang tertulis dan tertera di sana, adalah di mana macam *literal interpretation of Federal Constitution* dan tidak mengambil kira *the interpretation rule* yang biasa. Itu saya rasa satu faktor. Mungkin ini adalah perkara yang perlu diambil kira kerana seimbang dan seragamkan. *We cannot have one for injuries, ada exemplary damages* tetapi untuk kematian, tidak ada. Tidak masuk akallah, *I mean there is no consistently and people laugh at how the law is working.*

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat Ipoh Barat, saya percaya saya baru dapat kes ini 6 November 2017. Jadi, saya rasa Yang Berhormat dalam perkara ini, seperti yang saya sebut tadilah, kena menjadi keputusan dasar kerajaan sama ada pindaan kepada Seksyen 7 dan Seksyen 8 di bawah *Civil Law Act 1956. Will get the letter from* Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Ipoh Barat. *I understand because the law specifically states the Section 7 and Section 8.* Yang Berhormat katakan bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan ialah *four to one* mengatakan bahawa *literal interpretation of the section.* Betul Yang Berhormat Ipoh Barat? Itu sebab saya kata, kena menjadi dasar *policy discussion on the Cabinet* sama ada *we want to look at amendment to Section 7 and Section 8. I understand your two issues between death and ...*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri, saya juga ada bangkitkan mengenai Seksyen 28 iaitu mengenai pembayaran pampasan di mana dalam kes-kes bila pembayar pampasan dia had, *limited to 55 years old. Is a matter than* saya telah membawa dalam mahkamah beberapa kali dan kes Kugan pun dia limit ke 55. Walhal *the retirement age* dalam negara ini adalah 60. Apakah kerajaan sedia untuk membawa untuk seragamkan *the retirement age and the damages age to 60 years to make sense* dalam hal ini. *Otherwise, it doesn't* —kenapa *artificially* kita ada 50 tahun ke 55 tahun maksimum *to claim for damages, loss of earning* dan sebagainya. Itu pada tahun 1984. Kita patut menambah atau membuat perubahan dan juga mengenai *bereavement according to* bila undang-undang itu diubah pada tahun 1984, satu di antaranya adalah untuk membawa resolusi *just leave it laid on the table of the Member of Parliament* dan ia

akan berubah. *The bereavement* sekarang RM10,000 *and the amount can be increase*. Kenapa kedua-dua perkara ini belum lagi diambil tindakan?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat, saya secara prinsip ingin menyatakan saya setuju bahawa kalau kita tengok banyak undang-undang kita, semua sebelum penubuhan Malaysia, *pre-1963*. Banyak undang-undang perlu kita lihat secara holistik daripada segi *law reform*. Saya pernah bawa ke Kabinet tentang perkara ini. Jadi, dalam perkara yang mana Yang Berhormat timbulkan ini, saya rasa seperti yang saya sebut kepada Yang Berhormat Puchong lah, kerajaan perlu mengkaji tentang pindaan kepada *the Civil Law Act 1956* yang mana Yang Berhormat juga menyebut tentang Seksyen 23. Yang Berhormat Klang telah memohon pencerahan berkenaan cadangan kerajaan dalam mengenal pasti kebangkrapan di kalangan orang muda.

Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Yang Berhormat, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2017, kerajaan telah pun mengambil langkah positif sewajarnya untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 bagi memberi peluang kepada golongan yang bankrap untuk bangkit semula memulakan kehidupan baru dan terus menyumbang semula kepada ekonomi negara.

■1510

Akta Insolvensi 1967 telah mula berkuat kuasa pada 6 Oktober 2017 untuk pindaan dengan lapan perubahan dasar iaitu perlindungan penjamin sosial, petisyen kebangkrapan, mekanisme penyelamat, nilai minimum kebangkrapan dinaikkan daripada 30 ribu ke 50 ribu, pelepasan automatik, pelepasan bankrap tanpa bantahan pemiutang, sistem satu perintah kebangkrapan serta tabung bantuan insolvensi.

Pada masa ini, purata kes kebangkrapan adalah sebanyak 20 ribu orang setahun. Akta Insolvensi 1967 dianggarkan akan mengurangkan jumlah kes yang dijatuhkan perintah kebangkrapan sebanyak 50 peratus iaitu pengurangan sebanyak 10 ribu kes setahun. Akta Insolvensi 1967 juga dijangka akan melepaskan lebih kurang 50 ribu bankrap yang layak dilepaskan secara berperingkat, termasuk bankrap yang merupakan penjamin sosial, bankrap yang di sahkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai orang dikategorikan sebagai OKU dan bankrap yang telah disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan sebagai penghidap penyakit kronik atau serius.

Malah, mereka yang telah diisytiharkan bankrap sebelum tarikh kuat kuasa akta ini juga boleh dipertimbangkan untuk diberi sijil pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi tanpa bantahan dari pemiutang sekiranya tergolong dalam empat kategori tersebut. Walau bagaimanapun, prosedur manual pelepasan kebangkrapan di bawah seksyen 33(a), Akta Insolvensi 1967 melibatkan pelbagai proses teknikal. Termasuk penyediaan laporan kes pertimbangan yang mengandungi pelbagai maklumat perakuan, borang bukti hutang,

penghantaran notis 51(a) kepada semua pemiutang dan proses bantahan daripada pemiutang.

Bagi menangani kekangan tenaga kerja dalam mengendalikan proses manual ini, Jabatan Insolvensi Malaysia sedang menyediakan satu memorandum Jemaah Menteri untuk memohon peruntukan tambahan untuk melantik pekerja sambilan harian mengikut keperluan dalam menyelesaikan proses kerja pelepasan kebangkrapan ini. Kerajaan sentiasa peka dengan fenomena hari ini yang mana golongan muda turut tergolong dalam golongan bankrap. Berdasarkan kepada statistik Jabatan Insolvensi dari tahun 2013 hingga 2017 bulan Ogos, seramai 23,036 bankrap adalah berusia di antara 25 tahun hingga 34 tahun. Manakala seramai 1,109 bankrap berumur 25 tahun ke bawah.

Selaras dengan keadaan itu, kerajaan memperkenalkan dasar untuk mengelakkan seorang itu dengan mudahnya dijatuhkan bankrap melalui mekanisme penyelamat yang dikenali sebagai perkiraan sukarela (*voluntary arrangement*). Mekanisme penyelamat ini bertujuan bagi mengelakkan sebarang prosiding kebangkrapan diambil terhadapnya.

Penyusunan semula *voluntary arrangement* memberikan peluang kepada penghutang untuk menyelesaikan hutang dengan pihak pemiutang berdasarkan kepada skim yang dipersetujui. Sekiranya penghutang gagal untuk mematuhi skim yang telah dipersetujui, barulah pihak pemiutang boleh meneruskan prosiding kebangkrapan ke atas penghutang. Dengan adanya mekanisme penyelamat ini, ia dapat mencegah golongan muda daripada dijatuhkan bankrap dengan begitu mudah.

Baru-baru ini saya juga telah menghadiri Forum Pengguna Islam ke-7 yang dianjurkan Persatuan Pengguna Islam Malaysia. Semasa forum tersebut, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyarankan supaya Jabatan Insolvensi Malaysia untuk mengadakan satu *round table discussion* dengan Persatuan Bank di Malaysia dan pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan untuk meneliti *way forward* dalam usaha mengurangkan masalah kebangkrapan dalam kalangan rakyat Malaysia, termasuk golongan muda. *Insyah-Allah* pihak Jabatan Insolvensi Malaysia akan melaksanakan cadangan ini dalam masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Penampang telah memohon penjelasan mengenai pengagihan biasiswa yang dikatakan meminggirkan pelajar dari Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, asas penajaan JPA adalah berteraskan *merit* dan *inclusivity* untuk memastikan negara mempunyai modal insan yang berkaliber pada masa hadapan.

Dalam pengagihan penajaan, pihak kerajaan telah menyediakan kategori khusus bagi pelajar Sabah dan Sarawak dan kategori berkenaan adalah bersifat *exclusive* bagi pelajar Sabah dan Sarawak melalui mekanisme tersebut. Bagi penajaan luar negara, kerajaan pada 14 Januari 2009 telah memutuskan penawaran penajaan untuk kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak sebanyak 10% daripada jumlah penajaan yang

disediakan dengan agihan 5% untuk Bumiputera Sabah dan 5% untuk Bumiputera Sarawak.

Pelajar daripada Sabah dan Sarawak juga boleh dipertimbangkan dalam kategori lain iaitu *socially disadvantage*, yang mana kategori ini dikhususkan kepada pelajar-pelajar dari keluarga yang berpendapatan rendah. Manakala, penajaan dalam negara, kerajaan juga telah bersetuju supaya disediakan kuota khas penajaan dalam negara kepada kaum Bumiputera Sabah Sarawak sebanyak 10% daripada jumlah penajaan yang disediakan dengan agihan 5% untuk Bumiputera Sabah dan 5% untuk Bumiputera Sarawak.

Di samping kuota khas *exclusive* kepada pelajar Sabah dan Sarawak tersebut, pelajar kelahiran Sabah dan Sarawak juga berpeluang untuk dipertimbangkan penajaan di bawah lain-lain kategori iaitu kecemerlangan akademik, sosial ekonomi dan *social disadvantages*. Seperti mana proses pemilihan yang dilalui oleh pelajar-pelajar yang lain, bukan dari Sabah dan juga Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setiap tahun JPA memberi penajaan kepada pelajar-pelajar yang layak melalui beberapa program penajaan seperti Program Penajaan Nasional, Program Basiswa Nasional, Program Jepun/Korea/Perancis/Jerman, Program Pelajar Cemerlang, Program Ijazah dalam Negara, dan Derma Siswa B40. Pemberian penajaan JPA kepada pelajar Sabah dan Sarawak, masing-masing adalah dalam lingkungan 5 hingga 7 peratus, memenuhi atau melebihi kuota yang telah ditetapkan.

Seterusnya, Yang Berhormat Kinabatangan telah pun mencadangkan supaya elaun guru Semenanjung bertugas di Sabah dan Sarawak dan elaun guru Sabah dan Sarawak yang bertugas di Semenanjung di selaraskan. Ini adalah kerana perbezaan elaun menyebabkan ketidakpuasan hati, seolah-olah guru Sabah dan Sarawak dikategorikan sebagai guru kelas kedua.

Untuk makluman Yang Berhormat Kinabatangan, penetapan kadar sesuatu elaun dalam perkhidmatan awam tidak membezakan pegawai-pegawai yang berasal dari Sabah dan Sarawak berkhidmat di Semenanjung atau pegawai berasal daripada Semenanjung berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Penetapan sesuatu kadar elaun dalam perkhidmatan awam adalah mengikut gred, lingkungan gaji dan lokasi penempatan pegawai berdasarkan kepada kriteria-kriteria pemberian elaun seperti kemahiran, kepakaran, bayaran balik perbelanjaan, bertanggungjawab, tambahan risiko kerja dan kos sara hidup.

Bagi pegawai yang bertukar wilayah, pegawai layak diberi elaun perumahan wilayah yang ditetapkan mengikut lokasi dan berasaskan kadar sewa pasaran yang ditinjau oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan. Tidak berlaku dakwaan bahawa guru sama ada dari Sabah atau Sarawak didiskriminasikan oleh kerana setiap pegawai yang bertukar wilayah telah diberi bayaran insentif wilayah sama ada berpindah ke Semenanjung atau Sabah dan Sarawak.

Manakala elaun perumahan wilayah adalah merupakan bantuan sewaan rumah yang diberikan berasaskan kepada kos sewaan berpandukan lokasi atau kawasan di mana letaknya pejabat-pejabat. Di mana secara amnya, kadar sewa di Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi. Kajian pengajaran kadar-kadar EPW telah dilahirkan pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, buat masa ini kerajaan telah memutuskan untuk menangguhkan penyelarasan kadar-kadar EPW.

Yang Berhormat Lumut pula membangkitkan mengenai tindakan kerajaan untuk membuat pengumuman mengenai kenaikan gaji anggota ATM yang tidak melalui Majlis Angkatan Tentera terlebih dahulu. Ini kerana SPA dan JPA tidak berhak serta tidak ada *jurisdiction* terhadap hal ehwal gaji dan pencen anggota ATM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan berkaitan prinsip perkhidmatan dan pembentukan gaji, semakan atau kenaikan gaji, skim perkhidmatan, syarat-syarat perkhidmatan, elaun kemudahan dan peraturan pencen bagi perkhidmatan awam Persekutuan, termasuk perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia adalah di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Kabinet Transformasi Perkhidmatan Awam (JKKTPA) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan selanjutnya dibentangkan ke Mesyuarat Jemaah Menteri.

Majlis Angkatan Tentera bukan saja merupakan sebuah entiti yang boleh menetapkan gaji dan pencen anggota ATM. Sungguhpun demikian, dalam proses kajian ke atas semakan atau kenaikan gaji yang dilaksanakan kepada perkhidmatan awam Persekutuan, termasuk perkhidmatan ATM, JPA selaku Setiausaha Mesyuarat JKKTPA akan melaksanakan libat urus, *engagement* dengan pihak Kementerian Pertahanan dan ATM serta Majlis Angkatan Tentera. Semasa urusan kajian ini berlangsung, pihak angkatan tentera juga boleh mengemukakan cadangan mengenai gaji ATM kepada JPA untuk pertimbangan JKKTPA.

Pertimbangan berkaitan urusan kajian semakan dan kenaikan gaji akan diteliti secara menyeluruh dan hendaklah berasaskan kepada kemampuan semasa kewangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbincangan, Yang Berhormat Rantau Panjang telah mempersoalkan mengenai adakah peruntukan RM370 juta untuk SPR di dalam Bajet 2018 mencukupi dan memohon pencerahan mengenai peruntukan yang telah digunakan oleh SPR di dalam PRU ke-11, ke-12 dan ke-13. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM370 juta adalah mencukupi memandangkan SPR telah menerima sebanyak RM82 juta pada tahun 2017 sebagai persediaan awal. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perkara di luar jangkaan, maka SPR akan memohon peruntukan tambahan dengan pihak Kementerian Kewangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada SPR bagi Pilihan Raya Umum ke-11, ke-12 dan ke-13 adalah seperti berikut. Pilihan Raya Umum

ke-11 sebanyak RM100 juta; Pilihan Raya Umum ke-12 sebanyak RM170 juta; dan Pilihan Raya Umum ke-13 sebanyak RM460 juta.

■1520

Selain daripada itu, Yang Berhormat Rantau Panjang juga memohon penjelasan mengenai apakah status persempadanan semula SPR dan berapa jumlah pengundi berdaftar, pengundi layak yang belum mendaftar, jumlah pengundi yang baru dan jumlah pengundi yang akan dipindahkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri-negeri Tanah Melayu ini sedang dipersiapkan sebelum tempoh dua tahun kajian tamat pada 14 September 2018, selaras dengan peruntukan Perkara 113(2)(2) Perlembagaan Persekutuan. Syor kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri-negeri Tanah Melayu ini akan dibincangkan setelah laporan akhir diserahkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dibentangkan di Dewan Rakyat selaras dengan seksyen 9 dan seksyen 11 Bahagian II, Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih berdaftar di seluruh negara sehingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak 14,622,881 orang. Manakala jumlah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Penampang bangun Yang Berhormat.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya berkenaan dengan persempadanan baru di Sabah?

Saya fahami bahawa Perlembagaan Sabah sudah di *amended*, dengan izin, pada 18 Ogos 2016, dengan tambahan 13 kerusi Dewan Undangan Negeri baru. Akan tetapi, kami juga faham bahawa wakil SPR ataupun kerajaan patut membentangkan persempadanan baru Sabah ini di Parlimen. Akan tetapi, selama tiga sidang sudah, tiada pun pembentangan persempadanan baru di Sabah itu. Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Boleh ya?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya juga hendak bertanya berkenaan dengan persempadanan atau pun belah bahagi. Ini kerana berlaku di dalam Parlimen saya, lebih kurang 500 pengundi daripada Parlimen Taiping yang sudah pun berpindah ke dalam Parlimen Bukit Gantang, iaitu daripada DUN Kamunting kepada DUN Kuala

Sepetang. Jadi macam mana proses itu berlaku, sedangkan berlainan daripada Parlimen pindah ke Parlimen Bukit Gantang? Minta penjelasan, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sepang bangun. Ya, sila Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya hendak bertanya tentang SPR ini, memang saya rasa saya agak kelirulah. Telah didedahkan di dalam media-media massa, bagaimanakah ada pengundi pos yang telah didaftarkan, sedangkan kem tak siap lagi, tetapi ada pengundi? Jadi macam mana ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Isu sudah dibawa oleh Yang Berhormat Ipoh Barat dalam perbahasan asal ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Minta beri penjelasan. Akan tetapi saya minta jawapan. Menteri ada ini. Mintalah jawab nanti ya. Jadi ini mungkin merosakkan nama SPR, kalau benda ini betul berlaku. Sebab, ada gambar kem yang tidak siap itu, di Baglan Datuk, Hutan Melintang. Jadi minta Menteri bagi penjelasanlah. Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Kepada ketiga-tiga Yang Berhormat, saya akan bagi jawapan yang bertulis ya sebab saya menjawab bagi pihak SPR.

Yang Berhormat Kota Bharu, maaf, tadi Yang Berhormat ada tanya tentang pengundi baru. Manakala jumlah warganegara berumur 21 tahun ke atas yang layak mendaftar tetapi belum lagi mendaftar sebagai pemilih sehingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak 3,797,785 orang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah pemilih baru yang telah didaftarkan mulai 1 Januari 2017 sehingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak 49,564 orang. Manakala jumlah pendaftaran tukar alamat bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 152,832 orang.

Yang Berhormat Kota Bharu juga mencadangkan bahawa SPR perlu mendapatkan kepercayaan rakyat dengan menjalankan hak-haknya seperti yang termaktub di bawah Perlembagaan, selain menyeru agar tiada campur tangan politik dalam pelantikan ahli SPR dan menyarankan agar SPR tidak diletakkan di bawah JPM.

Untuk makluman Yang Berhormat, kuasa dan kebebasan mutlak SPR telah diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa keanggotaan SPR hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-raja dan hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi dan lima orang anggota suruhanjaya. Selain daripada itu, Perkara 114(2) Perlembagaan Persekutuan juga telah menyatakan secara jelas mengenai peri mustahaknya untuk diwujudkan suatu suruhanjaya yang mendapat kepercayaan awam. Oleh yang demikian, selaras dengan peruntukan undang-

undang tersebut, setiap pelantikan anggota SPR perlu mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Untuk makluman, SPR juga merupakan satu institusi di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong yang bertanggungjawab untuk memelihara, mengawasi dan mengekalkan proses demokrasi di negara ini. Berdasarkan kepada Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, fungsi dan peranan SPR adalah merangkumi perkara seperti berikut:

- (i) melaksanakan kajian dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya parlimen dan negeri setiap tidak kurang daripada lapan tahun selepas tarikh siapnya urusan kajian dan persempadanan semula yang terdahulu;
- (ii) menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih; dan
- (iii) menjalankan pilihan raya umum di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dan menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku kekosongan.

Berhubung dengan cadangan supaya SPR tidak diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, SPR berpandangan bahawa struktur pentadbiran sedia ada masih lagi relevan dan sesuai untuk dilaksanakan. Ini kerana JPM hanya bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran SPR sahaja.

Selain itu, Yang Berhormat juga mencadangkan agar dilaksanakan sistem daftar pemilih secara automatik bagi warganegara berumur 21 tahun dan pengundian dilaksanakan secara elektronik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 119 Perlembagaan menyebut mana-mana warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun tidak hilang kelayakan sebagai pemilih perlu memohon supaya didaftarkan sebagai pemilih bagi sesuatu bahagian pilihan raya bagi membolehkannya untuk mengundi dalam suatu pilihan raya umum atau pilihan raya kecil. Oleh yang demikian, cadangan untuk melaksanakan sistem pendaftaran pemilih secara automatik adalah bertentangan dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, SPR sentiasa responsif dan menerima secara positif terhadap semua syor penambahbaikan yang dicadangkan oleh pelbagai pihak, terutamanya berkaitan dengan pengurusan dan operasi dalam memantapkan sistem pilihan raya negara kita. Walau bagaimanapun, sebarang usaha tersebut hendaklah berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan, akta dan peraturan-peraturan pilihan raya yang sedang berkuat kuasa di samping melihat kepada kesesuaian kepada teknologi terkini dan keperluan semasa.

Berhubung dengan cadangan kaedah pengundian dilaksanakan secara elektronik, SPR berpandangan bahawa kaedah pengundian sedia ada masih lagi relevan untuk dilaksanakan dalam pilihan raya di Malaysia.

Seterusnya, Yang Berhormat daripada Kluang, Yang Berhormat Ipoh Barat dan juga Yang Berhormat Bakri memohon penjelasan mengenai isu Rang Daftar Pemilih Tambahan Suku Ketiga Tahun 2017 yang menunjukkan pendaftaran seramai 1,079 anggota tentera atau pasangan mereka di kem tentera yang masih dalam proses pembinaan serta lokasi-lokasi lain yang dilihat sebagai cubaan untuk menyuntik undi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya akan mewujudkan lokaliti baru bagi sebuah kem tentera apabila menerima permohonan daripada pihak Angkatan Tentera Malaysia mengenai pewujudan kem-kem baru oleh pihak ATM. Ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Peraturan 12, Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 yang memperuntukkan bahawa mana-mana anggota tentera yang berdaftar dan mengundi di bahagian pilihan raya di mana tempat mereka bertugas.

Selain itu, penentuan tempat bertugas bagi anggota tentera juga terletak di bawah pengurusan ATM. Berhubung dengan perkara ini, SPR telah menerima permohonan daripada pihak ATM bagi mewujudkan lokaliti bagi Kem Segamat sebelum itu. Justeru, sebanyak 1,051 orang pemilih telah didaftarkan di Kem Segamat, di mana urusan pendaftaran tersebut telah disenaraikan dalam Rang Daftar Pemilih Tambahan Suku Ketiga Tahun 2017 yang dipamerkan dari 24 Oktober 2017 hingga 6 November 2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas tempoh pameran RDPT tersebut tamat, SPR telah menerima sebanyak 1,051 bantahan dan pihak pendaftar akan menyemak dan meneliti setiap bantahan yang diterima. Sekiranya bantahan tersebut memenuhi syarat yang ditetapkan, maka pendaftar akan menjalankan prosiding siasatan awam bagi menyiasat bantahan-bantahan tersebut. Walau bagaimanapun, adalah tidak wajar untuk SPR mengulas lanjut mengenai perkara ini memandangkan ia boleh menjejaskan keputusan pendaftar berkaitan kes bantahan tersebut kelak.

Seterusnya, Yang Berhormat Penampang telah mencadangkan supaya SPR membuat pengemaskinian daftar pemilih bagi negeri Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Peraturan 10(2) dan Peraturan 25(2), Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, Ketua Pendaftar dan Pendaftar Pemilih yang telah dilantik mempunyai kuasa untuk memotong nama-nama dari daftar pemilih atas sebab-sebab berikut:

- (i) telah meninggal dunia; dan
- (ii) telah melepaskan atau telah sah dilucutkan kewarganegaraan;
dan

- (iii) mana-mana orang yang pada pendapat Ketua Pendaftar tidak berhak kerana apa-apa sebab untuk terus dikekalkan dalam daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: [Bangun]

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Pelaksanaan urusan pemotongan nama-nama dari daftar pemilih ini dilaksanakan setelah Ketua Pendaftar menerima maklumat yang sah dan tepat dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada dua orang bangun, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Jalinan kerjasama di antara SPR dan JPN telah membantu SPR dalam mengemas kini daftar pemilih dengan mengenal pasti nama pemilih yang telah meninggal dunia atau melepaskan dan dilucutkan kewarganegaraan daripada pihak JPN.

■1530

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dengan jawapan Yang Berhormat Menteri. Jawapan yang saya ingin mendapat daripada Yang Berhormat Menteri adalah bagaimana dengan orang-orang yang telah dikenal pasti sebagai orang yang telah dapat IC dalam projek IC seperti mana yang telah didapati dalam RCI Sabah. Adakah orang-orang ini masih wujud dalam pendaftar pemilih dan adakah jika mereka masih wujud dalam pendaftar pemilih adakah pendaftar pemilih ini akan digunakan pada pilihan raya yang akan datang. Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat Penampang saya akan beri jawapan bertulis daripada SPR kepada Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri sangat cepat *very fast on replying*. Tidak sempat. Mengenai pendaftaran pemilih-pemilih sebagai pos untuk kawasan Segamat, Bera dan Hutan Melintang. Ini adalah kali *one of the first time* di mana nampaknya proses ini dijalankan. Di mana sebelum kem itu didirikan tiba-tiba pengundi-pengundi itu telah dikatakan *locality* dan sebagainya. Nampaknya ini adalah satu proses yang tidak bersih dan tidak ikhlas.

Macam di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, saya ada lebih kurang lima ribu pengundi *postal*. Tiba-tiba *second regiment* di kawasan saya *regiment* itu ada askar-askar di sana tetapi pengundi-pengundi tidak ada. Mana dia pergi? Dia pergi ke kawasan lain lah. Dia ada, dia *existence, but they are all missing* ini satu cara kita tahu lah. Nampaknya Yang Berhormat Menteri saya tahu mungkin hendak kata bantahan dan sebagainya itu prosesnya tetapi saya rasa peranan yang perlu dimainkan oleh *Election Commission, not seen the spirit* bila *Federal Constitution was formed in 1957*. Itu asasnya, peranan di mana

dia perlu bebas, perlu proaktif dan bukan menjadi satu alat kepada kerajaan, satu alat kepada parti-parti politik.

Soalan yang khusus yang saya hendak tanya memandangkan perkara sedemikian telah berlaku di tiga kawasan, kita tahu lah di kawasan-kawasan ini tidak sampai satu ribu, dua ribu dia orang menang. Maka *they want the assistance. We all know but there is some decency that they've done*. Sebelum siapkan rumah orang itu telah menjadi pengundi di tempat itu. Tidak boleh percaya lah. Saya tahu Yang Berhormat Menteri *got the text to reply* dengan ikhlas tetapi ini mustahil. Saya rasa ini satu perkara penyalahgunaan cara pos dan saya harap itulah sebab kita pohon macam di tahun 2013 kita kata 40 ribu orang Bangla datang.

So these are all possibilities that was made – satu di antara perkara, sekarang realiti. Nasib baik kita ada Bersih dan sebagainya, mereka ada masa untuk menjaga. Jadi soalan saya adakah Yang Berhormat dapat membuat sesuatu supaya meyakinkan pengundi-pengundi negara ini bahawa penyelewengan yang diinginkan dibuat di tiga-tiga kawasan khususnya tindakan akan diambil. Saya hendak tanya manakah ratusan orang yang telah hilang layak untuk mengundi di kawasan saya di mana untuk empat penggal mereka wujud, hidup dan undi, mereka masih ada di kawasan saya tetapi lenyap.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Boleh Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga hendak tambah sedikit kerana itu pengundi di Segamat juga di dalam negeri Johor.

Jadi saya hendak tanya tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut bahawa sebanyak 1,051 bantahan telah difailkan. Jadi saya hendak tanya, biasanya kalau untuk pengundi yang biasa kalau seseorang failkan bantahan itu, jadi SPR akan menulis surat kepada pengundi tersebut dan minta pengundi itu hadir dalam pendengaran untuk membuat satu keputusan sama ada beliau memang layak menjadi pengundi di kawasan tersebut atau tidak.

Jadi sekarang yang kami ada di Segamat adalah 1,051 orang tentera. Jadi saya hendak tanya sama ada ahli askar ini akan dipanggil untuk hadir secara sendiri semasa sesi pendengar atau tidak? Saya rasa walaupun kita nyatakan bahawa sekarang dalam proses bantahan ini tetapi apa itu pendirian Menteri Pertahanan? Menteri Pertahanan telah menyatakan bahawa ini adalah tidak betul. Cara ini adalah tidak betul dan tidak patutlah askar ini menjadi pengundi di Segamat sebelum kem itu siap dibina.

Jadi saya rasa apabila kita menghadapi isu ini kita perlu ambil pendirian daripada Menteri Pertahanan juga. Kalau tidak saya rasa *we are making him a mockery*. Ini kerana dia sendiri, Menteri Pertahanan sendiri pun tidak setuju dengan cara ini bagaimana boleh lah SPR ataupun EC kita membenarkan bahawa tentera ini pindah ke kerusi Parlimen Segamat sebelum kem itu siap dibina. Itu lah dua soalan. Terima kasih.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri boleh?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab boleh saya sambung sedikit tajuk yang sama? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Soalan saya memang berkaitan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Ipoh Barat dan juga Yang Berhormat Kulai. Bagi saya proses siasatan yang akan dijalankan oleh SPR itu akan menjawab soalan sama ada nama-nama ini akan dibenarkan kekal dalam daftar undi atau akan dikeluarkan. Itu soalan itu yang berbeza sedikit. Isu sekarang ialah kita nampak satu salah guna kuasa yang jelas yang melibatkan isu kepentingan awam iaitu macam mana seribu lebih nama ini sudah di masuk dalam daftar undi.

Jadi bagi saya soalan kepada Yang Berhormat Menteri ialah kita perlu kenal pasti siapakah punca tindakan ini? *Who initiated it*, dengan izin. Siapa yang bertanggungjawab? SPR mungkin tidak akan jawab itu. Ini tidak melibatkan pihak swasta. Ini melibatkan angkatan tentera kita. Jadi memang dalam institusi awam kita.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah adakah kerajaan khususnya Jabatan Perdana Menteri atau mana-mana badan lain bercadang membuat satu siasatan khusus untuk menjawab soalan ini iaitu siapakah yang bertanggungjawab untuk tindakan yang telah melibatkan keadaan yang kita nampak sekarang muncul? Itu soalan saya terima kasih.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri boleh? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya mendengar dengan teliti jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Yang Berhormat Menteri sebut bahawa seorang anggota tentera yang bertugas di kawasan itu yang menjadi pengundi di kawasan tersebut. Itu yang Yang Berhormat Menteri sebut tadi. Dia semestinya bertugas di kawasan itu untuk mengundi di kawasan itu. Akan tetapi di dalam kes yang dibangkitkan ini, tiga kawasan itu di Segamat, di Bera dan juga di Hutan Melintang. Kem itu masih belum dibina lagi maka mereka tidak bertugas di sana. Jadi bagaimana mereka boleh jadi pengundi di kawasan itu? Itu soalan saya Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Empat orang bangun tetapi soalan yang sama Yang Berhormat. Biarlah Yang Berhormat Menteri menjawab dahulu. Hmmm tidak dengar sudah!

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, saya ada sedikit poin untuk diketengahkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak dengar.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang penting Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, kita sudah jelas hari ini Yang Berhormat Menteri Pertahanan pun mengaku dan saya percaya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pun mengaku dan bersetuju bahawa kem itu masih belum siap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Isu yang sama, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Belum, belum siap. Jadi isu dia ialah walaupun disebut tadi bahawa dia akan ikut proses biasa iaitu aduan, bantahan dan sebagainya. Saya bimbang bila proses bantahan itu nanti dipanggil perbicaraan mungkin seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Kulai tadi bahawa pihak yang membawa mereka itu masuk ke dalam kawasan pendaftaran itu boleh membawa seribu lebih pengundi itu. Akan tetapi orang yang membuat bantahan itu tidak boleh hadir kerana ada masalah-masalah tertentu.

Jadi akhirnya akan dikekalkan. Kalau ikut proses yang saya faham akan dikekalkan pengundi itu di situ walaupun kem itu tidak siap lagi. Jadi saya hendak minta supaya dalam kes ini harus kita *override*. Maknanya tidak perlu tunggu lagi proses bantahan itu. Maknanya kem tidak ada, keluar sahaja lah, tidak wujud. Maknanya pekerja di situ tidak wujud bekerja di tempat yang dia didaftarkan sebagai pengundi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Penampang, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Subang menimbulkan isu berkenaan dengan SPR. Saya akan mengambil maklum tentang semua isu yang di bawa dan SPR akan memberi jawapan secara bertulis ya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa tidak mengizinkan...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Tuan Yang di-Pertua boleh minta satu lagi soalan yang perlu jawapan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1540

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri boleh minta jawapan juga bertulis berkenaan dengan kenapa dalam setiap pameran suku, kaum seseorang pengundi itu tidak lagi dikeluarkan dalam pameran hanya alamat ditukar dan juga *whether or not* mereka pengundi baru tetapi bukan suku kaum dia. Dahulu ada tetapi sekarang tidak ada dan juga *political party* ataupun orang biasa tidak dapat membeli pameran ini

hanya dapat menggambarkan pameran ini. *Why is it so difficult for SPR to share and sell to the public the new register voters?* Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Saya akan ambil maklum Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa tidak mengizinkan maka saya simpulan ucapan penggulungan setakat ini dan memberi peluang kepada rakan-rakan Menteri lain. Daripada pihak Jabatan Perdana Menteri saya ingin menyampaikan setinggi penghargaan. Sesungguhnya pihak kami akan meneliti setiap cadangan, kritikan dan mana-mana pertanyaan yang tidak sempat dibentangkan, dijawab akan saya berikan secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya giliran Yang Berhormat Menteri dari kawasan Parlimen Jerai.

3.41 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2018 di peringkat dasar dan menyentuh perkara-perkara berkaitan hal ehwal Islam. Saya telah meneliti semua isu yang telah dibangkitkan dan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran dan juga cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin memberikan penjelasan mengenai isu-isu yang berkaitan Sekolah Agama Rakyat ataupun ringkasnya SAR dan sekolah tahfiz. Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Kuala Nerus dan Yang Berhormat Pasir Mas telah membangkitkan Sekolah Agama Rakyat (SAR) tidak diberikan peruntukan sewajarnya dan mencadangkan diberi peruntukan khusus seperti peruntukan per kapita.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum semua institusi pendidikan agama Islam termasuk Sekolah Agama Rakyat (SAR) adalah berada di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seperti yang terkandung dalam Enakmen Kawalan Sekolah-sekolah Agama serta peraturan yang sedang berkuat kuasa di negeri berkenaan. Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai 2, Jadual Sembilan Perlembagaan Persekutuan di bawah hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri. Oleh itu aspek bantuan kewangan kepada SAR adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama negeri berkenaan dan pihak lembaga pengelola berkenaan.

Walau bagaimanapun, kerajaan tetap memberikan perhatian kepada SAR melalui peruntukan-peruntukan tertentu pada masa lalu, kerajaan menyalurkan peruntukan secara

per kapita dan bantuan secara *one-off*. Namun kini kerajaan membantu melalui sekolah agama bantuan kerajaan ataupun diringkaskan dengan SABK. Oleh itu, kerajaan menggalakkan SAR yang memenuhi syarat berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dengan Kementerian Pendidikan bagi membolehkan sekolah tersebut mendapat bantuan secara khusus.

Antara kebaikan berdaftar sebagai SABK ialah menerima bantuan bagi urusan pentadbiran sekolah, menerima bantuan modal bagi pembangunan fizikal sekolah, jawatan hakiki guru diwujudkan serta menerima guru yang terlatih dan mendapat skim pinjaman buku teks secara percuma. Sejak SABK dilaksanakan daripada 2005 hingga 2017, terdapat 220 buah sekolah yang telah mendaftar sebagai SABK dengan peruntukan belanja mengurus Kementerian Pendidikan untuk tujuan pendidikan Islam dan sekolah agama termasuk SABK, pada tahun 2007 sahaja berjumlah RM979 juta.

Yang Berhormat Hulu Langat berharap kerajaan dapat memberikan peluang pelajar-pelajar tahfiz memasuki kolej-kolej vokasional, kolej komuniti, politeknik, Institut Kemahiran Perindustrian (ILP) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) agar mereka terlibat dalam program arus perdana. Sesungguhnya kerajaan menyedari bahawa sistem pendidikan tahfiz perlu ditambah baik untuk menjamin masa depan pelajar sekolah tahfiz. Dalam hal ini kerajaan menyedari tentang kepentingan bidang kemahiran pelajar tahfiz. Oleh itu melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara ataupun ringkasnya DPTN, model pengajian tahfiz dengan kemahiran diperkenalkan iaitu pengajian tahfiz Al-Quran bersama modul kemahiran. Modul pengajian ini akan memberikan ruang kepada institusi tahfiz untuk bekerjasama dengan institut kemahiran yang berdekatan dengan mereka dalam bidang kemahiran yang diperlukan.

Inilah hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan pewujudan DPTN atau Dasar Pendidikan Tahfiz Negara supaya pelajar-pelajar tahfiz bukan sahaja memiliki kemahiran tahfiz malah turut mempunyai kebolehan dalam pelbagai bidang. Dalam pembentangan Bajet 2018 sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kerajaan memperkenalkan skim latihan kemahiran GIATMARA kepada pelajar-pelajar sekolah tahfiz. Antara bidang-bidang yang telah dikenal pasti untuk latihan tersebut adalah:

- (i) teknologi motosikal;
- (ii) masakan dan pramusaji;
- (iii) *confectionery* dan *bakery*;
- (iv) teknologi automatif;
- (v) gunting rambut;
- (vi) teknologi penyejukbekuan dan penyaman udara; dan
- (vii) pendawaian elektrik dan teknologi bangunan.

Semua kursus ini ditawarkan secara percuma kepada para pelajar tahfiz berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Tanjong Manis minta supaya Majlis Halal Malaysia (MHM) memainkan peranan pusat sehenti bagi memudahkan pelabur-pelabur. Sebagaimana yang saya selalu jelaskan di Dewan ini bahawa Majlis Halal Malaysia ataupun ringkasnya MHM adalah berperanan sebagai badan bertanggungjawab dalam menyelaras pembangunan industri halal negara. Objektif MHM adalah menjadi badan penasihat bagi penggubalan Dasar Halal Negara, pengurusan dan pembangunan industri halal untuk menjadikan Malaysia peneraju dan pusat rujukan halal global.

Keduanya MHM berobjektifkan membangun, menyelaras dan memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkaitan halal dalam usaha mewujudkan ekosistem halal yang lengkap dan ketiga, melaksanakan penambahbaikan, pemerkasaan dan pengantarabangsaan ekosistem halal agar negara lebih kompetitif di peringkat global. Ingin saya tekankan di sini bahawa Majlis Halal Malaysia tidak akan mengambil fungsi perundangan mana-mana agensi sedia ada sama ada di peringkat Persekutuan mahupun negeri. Akan tetapi ia akan berperanan memastikan undang-undang serta fungsi agensi berkaitan pengurusan dan pembangunan halal dapat dioptimumkan. Justeru Majlis Halal Malaysia adalah berperanan sebagai badan penyelaras bagi memastikan Malaysia terus menerajui halal global.

Tuan Yang di-Pertua, isu tangkapan terhadap Mustafa Akyol dan saranan tauliah kepada penceramah agama Islam dikaji semula telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian tauliah kepada penceramah agama Islam sama ada dalam ataupun luar negara adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) ataupun Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Mufti. Ini selaras dengan peruntukan Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Buntar bangun Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Bagi saya habis sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Oleh itu setiap penceramah yang ingin mengadakan program berbentuk ceramah di Malaysia perlu mendapat kebenaran tauliah daripada JAIN, MAIN ataupun jabatan mufti di negeri berkenaan. Negeri akan mengeluarkan kebenaran tauliah kepada penganjur ataupun terus kepada penceramah. Bagi sesetengah negeri, pihak yang berautoriti boleh memberikan tauliah mengikut had tempoh tertentu sebagaimana yang dipohon oleh penganjur ataupun

penceramah sekiranya memenuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh negeri-negeri masing-masing.

Dalam hal ini kerajaan sentiasa mengambil berat dalam memastikan setiap penceramah dan penganjur memohon tauliah terlebih dahulu terutamanya yang melibatkan kepentingan awam. Bagi Wilayah Persekutuan, penceramah disyaratkan untuk memohon tauliah mengajar berdasarkan seksyen 96, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993. Sementara itu kriteria dalam memberikan tauliah mengajar di Wilayah Persekutuan diperuntukkan dalam Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006.

■1550

Oleh itu, adalah menjadi suatu kesalahan sekiranya seseorang individu itu mengajar tanpa tauliah dan tindakan undang-undang boleh dikenakan ke atasnya mengikut seksyen 11(1) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya mohon berbeza pandangan sedikit Yang Berhormat Menteri, jika diizinkan Tuan Yang di-Pertua.

Kes Mustafa Akyol adalah kehadiran beliau untuk wacana ilmiah, bukan mengajar. Saya kira pihak kerajaan perlu membezakan antara wacana ilmiah dengan mengajar, di mana dalam wacana ilmiah itu, ia lebih melibatkan berbagai pandangan yang berkemungkinan— hatta dari sudut Islam pun sendiri— terdedah kepada apa yang dinamakan dalam fiqah sebagai *khilaful aro* atau berbeza pandangan. Jikalau Mustafa Akyol daripada awal dikatakan seorang yang mempunyai pandangan yang liberal dan sesat, mana mungkin pada awal lagi dia boleh sampai ke Malaysia.

Saya mengatakan bahawa majlis diskusi ilmiah, Tuan Yang di-Pertua, bukan seperti mengajar di masjid-masjid atau surau kerana ia melibatkan pandangan dan pandangan itu adalah pandangan intelektual yang berdasarkan kepada idea-idea dan pandangan kontemporari. Jadi, saya berbeza pandangan dengan Yang Berhormat Jerai. Sepatutnya kes Mustafa Akyol tidak boleh dikategorikan mengajar tanpa tauliah.

Saya ada satu masalah lagi, Tuan Yang di-Pertua. Yang ada tauliah pun mengajar di masjid-masjid bukan untuk membawa perdamaian tetapi kebencian. Dalam ucapan saya, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Jerai akan sentuh atau tidak, ada seorang penceramah yang di bawah Parol Kementerian Dalam Negeri, merata-rata pergi kononnya hendak banteras keganasan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Shah Alam suruh sebut namalah. Saya ini beradab, tidak mahu sebut, Tuan Yang di-Pertua. Tidak elok sebut nama orang. Akan tetapi saya kira, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri lebih mengetahuinya yang telah menimbulkan pelbagai isu yang menamakan dirinya sebagai ASWAJA. Sejak bila dia ada satu *title* bahawa dia yang mewakili Ahli Sunnah Wal Jamaah? Saya tahu pegawai-pegawai JAKIM ada belakang sana. Mana boleh orang mengaku dialah Ahli Sunnah Wal Jamaah, dia seorang sahaja, yang orang lain semua sesat, termasuklah kawan baik Yang Berhormat Arau, Mufti Perlis. Dia cukup marah dekat Mufti Perlis. Yang Berhormat Arau ini patut bangun, tetapi Yang Berhormat Parit Buntar bangun membela. Tidak apa.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dia telah menimbulkan pelbagai keraguan, banyak masalah, menimbulkan kebencian antara sekta. Sekta ini mazhab. Saya tidak fikir jawapan sekadar kata bagi tauliah sesat, bagi tauliah pun kena *check*. Saya cadang tarik balik tauliah dia kerana dia menimbulkan huru-hara dalam masyarakat atas nama agama.

Mustafa Akyol, saya minta supaya isu ini tidak dikategorikan sebagai mengajar. Kalau begitu, mana-mana orang luar yang datang, Tuan Yang di-Pertua, hendak bagi pandangannya termasuk isu-isu agama, semua kena minta tauliah. Di mana logik dan di mana luasnya ilmu Islam yang terdedah kepada berbagai-bagai *khilaful aro*? Jadi saya fikir janganlah Yang Berhormat Jerai hanya jawab ikut undang-undang, tetapi fikir tentang bagaimana satu suasana Islam itu mesti diberikan keluasan berfikir. Jangan menyempitkan atas nama Islam. Sekian. Nanti saya hendak bangun lagi. Banyak lagi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat? Ya, sila Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Persoalan tauliah ini memang sesuatu yang menghantui sebahagian daripada masyarakat umat Islam termasuk diri sayalah dan sedang dibicarakan. [*Ketawa*] Saya rasa masalah utamanya ialah mengenai takrif perkataan mengajar. Kalau kita lihat dalam bahasa Arab pun, ada *al-lama'* iaitu mengajar, adanya *balighu* iaitu menyeru, menyampaikan. Maaf, menyampaikan ya. Dan kita tahu hadis Rasulullah SAW... [*Membaca sepotong hadis*] “*Sampaikan daripada diriku walaupun satu ayat*”.

Kalau *al-lama'* disamakan dengan *balighu*, disamakan dengan *ad'u— ad'u illallah*. Kalau kita lihat pada ayat di dalam Surah Yusuf... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Maknanya, “*Katakanlah, ini dia jalan saya, saya menyeru kepada Allah berdasarkan bukti-bukti yang nyata.*” [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Saya dan mereka-mereka yang bersama saya.*”

Lalu, macam mana kalau kita hendak memberikan satu takrif yang terlalu luas sehingga cakap fasal Islam sedikit sudah dikatakan mengajar dan untuk itu, maka semua kena ada tauliah? Maka, kita akan menyempitkan dan menyekat persoalan budaya berbincang dan mendatangkan kefahaman tentang agama Islam itu sendiri.

Kalau saya hendak jadi orang yang sarkastik, saya boleh tanya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berucap dalam Parlimen, *maqasid syariah*, dia dapat tauliah dari mana? Apa latar belakang dia untuk dia hendak cakap dan cerita tentang *maqasid syariah*? Dapat tauliah dari mana?

Lalu, ini menjadi satu perkara yang terlalu merumitkan dan boleh disalahgunakan. Ini kerana seperti mana yang kita tahu, orang yang disebut oleh Yang Berhormat Parit Buntar tadi, dia pun dahulu Jawatankuasa Tauliah. Dia pula yang beri tauliah. Dia yang ASWAJA ini. Kalau Yang Berhormat Arau datang ke Selangor, langsunglah tidak boleh cakap. Mufti Perlis datang, sudah sesat sudah, sudah terkeluar sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini akan menjadi satu senjata untuk menyekat perbezaan pandangan. Sedangkan, Islam ini dia menjadi maju oleh kerana adanya perbahasan dan perbincangan yang sihat, yang tidak terbatas. Ini mengenai soal kefahaman cara macam mana hendak cari keredaan Allah dan penghayatan Islam itu sendiri. Lalu saya rasa punca masalahnya ialah takrif perkataan mengajar.

Saya sekarang ini sedang didakwa oleh Jabatan Agama Islam Selangor kerana mengajar tanpa tauliah. Saya pergi ke Gaza. Saya pergi Gaza...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, itu kes dalam mahkamah, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak apa, tidak apa. Tak nak itu, hendak tunjuk sahaja. Saya pergi ke Gaza, saya balik cerita tentang perjalanan saya ke Gaza. Oleh kerana buat dalam masjid, dalam surau, mengajar tanpa tauliah. Macam mana ini? Lalu saya rasa— ini saya haraplah di peringkat Persekutuan, di peringkat JAKIM, di peringkat Jabatan Perdana Menteri, biar kita ada satu pemahaman yang jelas, yang tepat istilah mengajar itu macam mana.

Kalau macam kata *international conference* tentang Palestin, *international conference* tentang *human rights*, insaniah dan sebagainya, apa masalahnya? Kita datangkan profesor-profesor, pensyarah-pensyarah daripada seluruh dunia hendak cerita pandangan dia mengenai persoalan-persoalan ini, apa masalahnya sampai kita hendak sekat dan menimbulkan masalah sehingga negara Malaysia ini rosaklah nama kita? *Wallahualam*. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rompin bangun di belakang sana. Hendak bagi Yang Berhormat Rompin?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bagi Yang Berhormat Rompin dahululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Rompin.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada berpandangan dua persoalan. Satu, soal *intellectual discussion*. Satu lagi soal tanggungjawab kerajaan untuk menentukan bahawa keseragaman dari segi amalan umat Islam tugas *ulil amri*. Kalau kita melihat contoh di negara Arab, kalau Iraq itu dikawal dari awal fahaman Syiah ini, Iraq tidak akan jadi seperti hari ini. Kalau Syiah tidak dikawal di Iraq ataupun di Syria, dia tidak akan terjadi macam hari ini.

■1600

Jadi adalah tanggungjawab Ulul Amri untuk mengawal dari awal lagi apa-apa juga yang boleh menimbulkan masalah amalan umat Islam yang tidak diseragamkan menimbulkan kekeliruan untuk orang awam yang tidak mempunyai ilmu.

Ini sangat bahaya dan saya rasa kerajaan juga harus tegas tentang pengawalan-pengawalan dari segi ajaran agama yang boleh mengelirukan masyarakat dan menyebabkan kekeliruan-kekeliruan yang berlebihan yang menyebabkan pergaduhan di antara masyarakat.

Sebab itu tanggungjawab Ulil Amri itu taat kepada Ulil Amri tersebut dalam agama. Ini kerana tanggungjawab menentukan dari segi agama adalah juga tanggungjawab Ulil Amri. Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat Menteri dalam hal ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh ya?.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan juga pada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya bertauliah ini. Saya rasa saya juga antara orang yang tidak bersetuju dengan Undang-undang Tauliah ini sebab apa, ada dua sebablah.

Pertama, profesor Almarhum Profesor Ismail al-Faruqi seorang ilmuwan Islam lah yang tulis banyak buku terkenal dengan buku Tauhid itu. Dia menyatakan bahawa undang-undang ini dia kata, saya masih ingat lagi dia pernah bercakap masa sampai Malaysia. Dia kata undang-undang ini undang-undang yang tidak sepatutnya ada. Memalukan dia kata.

Ini seorang cendekiawan Islam, kalau Yang Berhormat Menteri hendak baca tentang kenyataan ini boleh tengok dalam satu buku yang ditulis oleh diterbitkan oleh Habib mengenai isu lainlah tetapi dia ada menyentuh isu tauliah ini, itu yang pertama.

Kedua Yang Berhormat Menteri, bagi saya tauliah ini apabila seorang ini berilmu sebagai contoh orang itu ada kelulusan daripada Universiti Al-Azhar ataupun universiti-universiti luar. Mereka dapat ijazah itu sudah tauliahlah itu. Sekarang ini kalau mereka dibenarkan mereka bercakap di masjid, kalau katakan ucapan mereka itu bercanggah dengan Islam kita ambil tindakan kerana ucapan itu bukan kerana kita sekat dia daripada bercakap. Kita ambil tindakan kerana *content* dia cakap itu, sebab itulah sepatutnya yang menjadi *spirit* undang-undang Islam itu iaitu kita membantah ucapan orang yang salah dengan Islam. Bukan kita ambil tindakan *preventive* tidak benarkan orang bercakap kalau tiada tauliah.

Sedangkan saya hendak bagi contoh orang seperti Mufti Perlis, dulu arwah Profesor Harun Din dulu pernah dilarang, arwah Almarhum bekas Mufti Selangor dulu, siapa nama dia yang meninggal dunia itu? Ustaz Baharom pun pernah dilarang sedangkan mereka ini orang yang bertauliah, orang yang ada *authority* bercakap fasal agama.

Saya rasa Yang Berhormat Menteri minta Yang Berhormat Menteri bagi cadanganlah, kalau boleh tauliah ini kena *revise* baliklah, *review* baliklah. Sebab saya rasa kita pergi kepada *content*. Biar kita ambil tindakan kerana orang bercakap salah. Sebab dalam Islam ini, macam kata Yang Berhormat Shah Alam tadi perbezaan pendapat ini memang itu disengajakan itu dipanggil '*masyiatullah*', kehendak Allah.

Jadi Yang Berhormat Rompin tidak betul dia kata kita seragamkan, buat apa hendak seragamkan benda yang memang Allah daripada awal tadi jadikan benda yang tidak seragam. Allah memang menjadikan manusia ini tidak seragam. Sebab itu kalau kita belajar benda hukum Islam ini banyak perbezaan pendapat. Jadi, ini yang perkara yang kita tidak perlu seragamkan. Seragamkan dalam perkara yang perlu di seragam, yang tidak perlu seragam janganlah seragamkan. Ini akan menimbulkan huru-hara.

Jadi, saya harap kena fahamlah benda itu ya. Saya rasa saya tidak setuju dengan undang-undang tauliah ini. Terima kasih.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: Tuan Yang di-Pertua, terutamanya terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Sepang yang telah pun turut sama untuk memberikan pandangan terhadap tauliah ini.

Pertamanya sekali saya hendak perjelaskan agar untuk kita dapat lebih sama-sama memahami. Saya sebutkan awal daripada perkara ini dibangkitkan daripada awal saya kata, dia adalah merupakan satu bidang kuasa di bawah kerajaan negeri masing-masing. Jadual 9, Perlembagaan Negara *of course* Yang Berhormat Sepang lebih memahami soal hak dan juga soal perlembagaan yang memperuntukkan kuasa negeri ialah dalam menjaga hal ehwal agama.

Ertinya, apa sekali pun cadangan dan pandangan untuk perubahan dia tidak melibatkan di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan ataupun JAKIM. Dia di bawah

kuasa negeri, kalau Selangor di Selangorlah, kalau di Pulau Pinang, Pulau Pinang, di Kelantan, di Kelantan begitulah semua negeri-negeri yang lain. Jadi, kita kena faham itu kedudukan bidang kuasa untuk mengadakan peruntukan undang-undang ini termasuk tauliah. Satu.

Kedua, perlu kita fahami juga bahawa dalam hal yang berkaitan tauliah dan juga ilmu. Ini dua perkara yang berbeza. Ilmu dalam pengertian macam Yang Berhormat sebutkan tadi, bahawa kalau kita keluar universiti kita sudah boleh dianggapkan berada di kemuncak ilmu. Jadi, sebab itu dia ada ijazah konvokesyen dengan diserahkan pakaian jubah macam itu rupa ialah merupakan melambangkan kemuncak ilmu. Namun, pihak negeri juga mempunyai bidang kuasa untuk menjaga supaya bukan hanya sekadar soal penyelewengan tetapi termasuk juga hal-hal yang berkaitan dengan menjaga sensitiviti masyarakat dan sebagainya.

Ambil contoh saya sendiri bila hendak berkhotbah di Selangor, Selangor mengeluarkan khutbah mungkin barangkali Yang Berhormat Shah Alam tersilap, tidak minta dulu sedikit. Saya minta dulu untuk tauliah khutbah sementara. Jadi, saya bolehlah sementara maksudnya, hari itu khutbah di masjid Klang pada masa pelancaran kapal Rohingya daripada Pelabuhan Klang, mendapat tauliah sementara.

Jadi, maksudnya kalau saya yang kata Yang Berhormat Jerai tadi duduk sini pun selaku Menteri yang menjaga hal ehwal agama mematuhi peraturan. Sebab tauliah itu adalah merupakan hak dan peraturan yang diberikan oleh negeri dan ada juga yang tanyakan kepada saya bagaimana tentang ilmu ialah dia di peringkat universiti sudah ada ilmu jadi perlu apa lagi kita memberikan tauliah.

Sebenarnya Majlis Agama Islam Negeri-negeri, mereka agak begitu terbuka dalam permohonan untuk memberikan tauliah-auliah mengajar ini. Cuma, kita kena mohon sebab ada juga kalau waktu pernah pengalaman saya sendiri untuk ke Brunei dan Singapura, turun sampai di *airport* kita hairan sudah di imigresen itu apabila kita tunjuk pasport dia kata masa zaman dululah, zaman tentera dulu dia kata, "*tuan nak pergi ceramah masjid sekian-sekian*". Saya pun naik hairan macam mana dia tahu, dua tiga kali.

Akhirnya saya dapat tahu bahawa sebelum untuk kita berceramah di Brunei, di Singapura dia mestilah mendapat tarbiah dahulu kebenaran yang seumpama tauliah tadi untuk dibuat dan penganjur dia memohon *direct* kepada Majlis Agama Islam Kerajaan Negara masing-masing dan di Singapura menjadi kesalahan kalau sekiranya dia mengeluarkan iklan terlebih dahulu, maknanya poster keluar awal macam keluar poster Yang Berhormat Sepang, bukan Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Shah Alam fasal Yang Berhormat Shah Alam tadi mengaku kata sekarang ini masih dalam mahkamah.

Bila keluar poster sahaja tanpa tauliah itu pun sudah boleh dituduh melakukan kesalahan. Maknanya betapa mereka ingin menjaga kerukunan, ketenteraman dan sebagainya. Maka, dalam konteks negara kita Malaysia maka sebab itu diberikan

peraturan-peraturan yang tersebut. Mungkin macam Yang Berhormat Parit Buntar sebutkan tadi, saya setuju amat bahawa kita boleh berbeza pandangan, bahkan dalam berbeza pandangan ini kita menjaga apa yang dinamakan dengan '*adabul ikhtilaf*' adab-adab berbeza pandangan termasuk juga kita menjaga *the ethic of this agreement*.

Ada perkara-perkara yang kita setuju dan ada perkara yang kita tidak setuju. Akan tetapi etika dan juga peraturannya harus dijaga. Sebab tadi Yang Berhormat Parit Buntar bagus tidak mahu sebut nama dan sebagainya sebab nak jaga tapi Yang Berhormat Shah Alam tolong sebut, bukanlah Yang Berhormat Shah Alam tidak bagus, bagus Yang Berhormat Shah Alam pun. Cuma bila Yang Berhormat Shah Alam sebut nama Yang Berhormat Parit Buntar segan hendak sebut, sahabat saya di belakang iaitu Yang Berhormat Arau pun sendiri. Dia maknanya walaupun kata hendak ceramah, maksud ceramah yang diberikan maksud pengertian tafsiran mengajar dalam kaedah yang telah diberikan, kaedah-kaedah tauliah mengajar agama Islam di Wilayah Persekutuan 2006.

Perkataan yang digunakan mengajar termasuklah dia sebut termasuklah perkataan termasuklah itu membawa erti yang amat luas kepada tafsiran mengajar. Justeru itu, pembentangan ilmiah berkaitan agama Islam termasuk dalam tafsiran mengajar tersebut. Jadi, memang kita melihat begitu tetapi ada satu kes yang ditanyakan kepada saya. Saya kata beginilah ada orang yang dia mengajar di Institut Penggajian Tinggi di Malaysia tetapi bila dia pergi mengajar satu masjid di negeri Selangor, kemudian dia ini bukan Shah Alam tetapi hampir sama kot barangkali, ditanyakan tentang tauliah. Jadi, saya jawab begini dan yang hantar mesej itu kepada saya itu pun *WhatsApp* dia kata, "*Dato' ini sudah dia memang pensyarah di universiti*". Saya kata dia umpama macam inilah, umpama kita ada kereta, kita yang beli sendiri kereta mahal Ferrari ke, Porsche ke, yes duit dia. Tetapi bila dia hendak berjalan di jalan raya, dia kena ada lesen dan juga termasuk dia kena ada insurans.

■1610

Jadi, kalau dia bawa keliling kat rumah dia, dalam kawasan rumah, itu hal dia lah, kereta mahal dia. Akan tetapi walaupun kereta mahal, dia mempunyai kenderaan tadi, dia bawa di jalan raya tanpa lesen, itu yang mungkin barangkali Yang Berhormat Sepang, yang menjadi kesalahan kepada dia. So, saya fikir tak jadi salah, kalau apatah lagi Yang Berhormat Shah Alam, dengan hujah-hujah agama, dengan ayat Al-Quran, hadis dan juga pandangan tadi. Boleh *pi* cuba mohon tengok dulu supaya dapat tauliah tadi dan tauliah ini di bawah kuasa negeri, saya sebutkan tadi. Ada hendak tambah lagi? Ni panjang lagi ni.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pendek sahaja ya, fasal...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bagi Yang Berhormat Kuala Terengganu dulu, Yang Berhormat. Sudah lama bangun Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Jerai, boleh dia ni- fasal saya tak hendak orang anggap bahawa saya ini tak hormat dan tak hendak *apply* atau mohon untuk tauliah. Sebenarnya saya sudah mohon dan asalnya dapat tauliah sementara. Fasal bila ditemu duga, diberikan tauliah sementara. Akan tetapi tak lepas siasatan keselamatan kerana pernah ditahan di bawah ISA ya. Lalu tidak diberi pula. Lalu ini- saya tak faham benda ini.

Benda ini memang apabila diberikan kuasa mutlak, tak dapat dipertikaikan ya. Inilah boleh membawa kepada salah guna dan sekarang ini mungkin katakanlah kalau ada golongan yang pegang hak tauliah ini dia pro-Syiah katakan. Hanya yang Syiah sahaja dapat tauliah, berat kita! Kita hendak mempertikaikan macam mana? Yang macam zaman Imam Ahmad Ibn Hanbal, kalau yang geng, yang Muktazilah, dia sahaja yang diberi, semua tauliah hanya pada yang Muktazilah. Orang yang cakap yang bukan Muktazilah, semua kena tangkap, masuk penjara. Macam Imam Ahmad Ibn Hanbal. Lalu macam mana kita hendak- mesti ada satu cara ketelusan ya, ada *check and balance* ya.

Akan tetapi ini bila sudah diberi kuasa yang mutlak yang sebegitu rupa, kumpulan ini boleh, kumpulan ini tidak boleh, sedangkan bukan itu sebenarnya niat tauliah. Niat tauliah ini tujuannya hendak halang ajaran sesat. Betul tak? Saya rasa itulah niat yang sebenarnya. Akan tetapi disalah guna. Kepentingan politik, kepentingan kumpulan, kepentingan golongan dan sebagainya. Siapa yang boleh mempertikaikan bila sudah diberikan begitu ya. Inilah yang masalahnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tukar sedikit *angle* inilah ya. Kita *dok* bercakap fasal orang tak ada tauliah. Sekarang ini saya hendak tanya tentang orang yang ada tauliah. Saya pun kalau boleh tak hendak sebut nama juga tapi kalau saya sebut tentang seorang mufti dari Pantai Timur yang mengeluarkan kata-kata golongan tertentu, diletakkan sebagai golongan kafir *harbi*. Jadi, teguran dan tindakan pun tidak diambil, tauliah pun tidak terjejas. Itu satu contoh. Ini lebih berbahaya kerana orang ini ada tauliah dan apa jua yang dikatakan, boleh diambil kira serius oleh pihak-pihak yang kurang berpendidikan atau berpengetahuan agama.

Itu satu contoh. Satu lagi, tentang mereka yang memberi ceramah di surau, masjid tertentu yang mengeluarkan kenyataan 'halal darah'. Ini juga amat berbahaya. Kenapa perkara ini yang telah kami timbulkan berkali-kali, tidak ada tindakan? Jadi, saya hendak katakan di sini, yang mana lebih berbahaya? Mereka yang ada tauliah, yang bercakap perkara yang kontroversi? Apa yang lebih berbahaya pada saya, mereka mempunyai *license*. Jadi, kalau kata 'halal darah' atau 'darah halal' *it is*, dengan izin, *license to kill* kah?

Adakah kerana mereka ada tauliah, mereka boleh berkata apa sahaja tanpa teguran? Tanpa tindakan? Apa pendapat Yang Berhormat Menteri?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Shah Alam yang tadi telah- *oh, sorry, sorry*- Yang Berhormat Kuala Terengganu, minta maaf banyak. Petang-petang ini teringat rakan Yang Berhormat Kuala Nerus [*Ketawa*] Oleh sebab isu awal tadi dibangkitkan oleh- termasuk Yang Berhormat Kuala Nerus.

Jadi, saya- Yang Berhormat Kuala Terengganu, terima kasih banyak. Sebenarnya bila bercakap soal tauliah dan juga mengajar, yang boleh dipertikaikan, isi kandungan pengajaran. Soal tauliah, maknanya, ertinya ia bukan lagi perbincangan isi yang dibentangkan dahulu. Pokoknya ialah mungkin macam Yang Berhormat Sepang atau Yang Berhormat Shah Alam cakap, ada isi kebenaran- contoh. Jangan senyum lagi. Akan tetapi maknanya, ia mengambil kira tentang soal tauliah.

Keduanya ialah soal isi ceramah tersebut yang mungkin ada pertikaian. Maka, kalau isi ceramah tersebut, ia bergantung pada pihak Majlis Negeri masing-masing. Saya hendak beritahu, kata kunci akhirnya, walaupun kita bincang dan kita boleh berbahas panjang di sini tapi kata kuncinya ialah ia merupakan kuasa negeri masing-masing. Oleh sebab itu, kalau kita tengok uniknya dalam konteks negara kita ialah tindakan yang hendak diambil. Orang yang berceramah, dikatakan dia berceramah di Kuala Lumpur tapi kemudian terus dia bergegas balik ke tempat negeri dia masing-masing, dia balik ke Perlis, dia balik ke Johor, dia balik ke Sabah dan Sarawak, ke mana-mana sahaja. Negeri tersebut tidak boleh hendak mengambil tindakan kepada dia kerana dia berada di luar lingkungan melainkan dengan usaha-usaha yang tertentu dan ada *reciprocal*, di antara hubung kait baik di antara negeri masing-masing.

Saya hendak sambung sedikit lagi yang berkenaan Mustafa Akyol ini iaitu berhubung tindakan yang diambil oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) ke atas Mustafa Akyol. Dimaklumkan bahawa JAWI telah menerima aduan awam mengenai pembentangannya di Kuala Lumpur dan terbuka kepada orang awam. Menerusi semakan mendapati Mustafa Akyol tidak mempunyai tauliah, bahkan pihak penganjur atau beliau sendiri tidak membuat permohonan untuk tujuan tersebut.

Beliau telah diberikan surat perintah hadir bagi memberikan keterangan mengikut seksyen 58(1) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [*Akta 560*] tetapi gagal mematuhi perintah hadir ke JAWI bagi memberikan keterangan. JAWI telah melengkapkan siasatan dan mendapati beliau tidak memahami peraturan-peraturan berkenaan tauliah mengajar. Ini adalah kali pertama beliau dimaklumkan mengenai keperluan tauliah tersebut. Beliau telah memohon maaf dan pihak JAWI telah membebaskannya. Pada masa yang sama, pihak JAWI telah memberikan peringatan

kepada beliau berkenaan keperluan untuk mendapatkan tauliah mengajar pada masa yang akan datang.

Oleh yang demikian, adalah ditegaskan bahawa tindakan yang dikenakan terhadap Mustafa Akyol dan penganjur adalah berlandaskan kepada peruntukan undang-undang sedia ada yang berkuat kuasa. Sesungguhnya keperluan syarat tauliah merupakan pendekatan bagi memastikan setiap penceramah sama ada di dalam atau luar negara adalah berkelayakan, tidak membawa fahaman yang menyeleweng dan bersalahan dengan agama Islam serta membawa anasir perpecahan di kalangan masyarakat.

Ahli Yang Berhormat juga mempersoalkan istilah 'mengajar' tidak ditakrifkan secara jelas bagi menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 96(4), Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*]. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah membuat Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006, bagi menjelaskan perkara-perkara berkaitan dengan tauliah mengajar agama Islam. Takrifan 'mengajar' dan 'pengajar' berkelayakan serta syarat-syarat pengajar telah diterangkan secara terperinci dalam kaedah-kaedah ini iaitu dalam Kaedah 2, Kaedah 22 dan Kaedah 26.

Dalam Kaedah 2, ditakrifkan mengajar termasuklah memberikan ceramah, tazkirah atau perkara-perkara yang berhubung dengannya tentang agama Islam kepada orang ramai. 'Pengajar' ertinya mana-mana orang yang telah diberikan tauliah untuk mengajar agama Islam di bawah Kaedah 25, atau mana-mana Majlis Agama Islam Negeri yang diiktiraf oleh Majlis. Dalam kesempatan ini ingin saya maklumkan bahawa syarat-syarat perlu diikuti oleh seseorang yang diberikan tauliah mengajar telah dinyatakan dengan jelas dalam Kaedah 26, Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006, antaranya ialah:

- (a) tidak mengajar dan menyebarkan apa-apa ajaran yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah; dan
- (b) tidak menghina perkara *khilafiyah* yang terdapat dalam empat mazhab yang *muktabar* dan tidak selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada, kerajaan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam memelihara kesucian agama Islam dalam negara ini, di samping tidak mengabaikan hak dan kebebasan beragama penganut agama lain.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan peruntukan tauliah dalam undang-undang sedia ada mudah disalah gunakan untuk mengekang kebebasan bersuara. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Perkara 11(1), Perlembagaan

Persekutuan memberikan kebebasan kepada mana-mana orang untuk menganuti dan mengamalkan agama masing-masing.

Walau bagaimanapun, hak kebebasan tersebut tidak bersifat mutlak dan tertakluk kepada peruntukan Fasal 3, 4 dan 5, di mana Perkara 11(4), Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa sekali lagi kepada negeri-negeri mengadakan undang-undang untuk mempertahankan agama Islam daripada terdedah kepada pengaruh rukun perintah dan amalan agama lain. Bahkan sesetengah aliran mazhab dan pemikiran dalam konteks agama Islam itu sendiri...

■1620

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, boleh?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: ...Malah Perkara 10- nanti sekejap bagi habis sikit lagi.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: [Bangun]

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Ini tertanggung-tanggung Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ini Menteri baca yang orang belakang bagi itu. Menteri baca itu.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Malah Perkara 10 fasal 2- sikit, sikit. Sekejap lagi masuk balik.

Fasal 2, Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa kepada kerajaan untuk menggubal undang-undang mengenai apa-apa sekatan yang didapati perlu atau sesuai demi kepentingan awam dan prinsip moral. Hal ini telah dinyatakan dalam kes '*Fathul Bari Mat Jahya & ANOR lawan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan*', dan ORS 2012, dan *first Current Law Journal Syariah 233* di mana Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa keperluan- ini Mahkamah Persekutuan ya- memutuskan bahawa keperluan tauliah bagi maksud melindungi kepentingan awam adalah termasuk di bawah konsep siasah syariah.

Keputusan demikian bukan hanya dibuat bagi membendung ajaran sesat tetapi juga untuk menjaga kepentingan awam dan menghalang perpecahan dalam masyarakat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh Yang Berhormat Menteri, yang mana dulu?

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Boleh? Oleh sebab soalan saya yang asal mengenai Mustafa Akyol ini. Saya ucap terima kasihlah kepada Menteri kerana membaca semua peruntukan undang-undang yang saya kira pegawai-pegawai belakang telah bagi untuk dimaklumkan kepada kita. Saya terima itu, tidak ada masalah. Memang kita ahli undang-undang. Kalau kita tidak bercakap bab undang-undang, kita hendak bercakap bab apa.

Akan tetapi undang-undang pun ada falsafah dia Tuan Yang di-Pertua. Falsafah undang-undang konteks Islam yang dikatakan luas dari segi ilmunya itu jika pada awal

disempitkan dengan undang-undang yang tidak memberi ruang kepada pandangan dan pendapat, itu yang kami berbeza pandangan. Apa yang sepatutnya undang-undang itu digunakan di mana kesalahannya, apa yang dia buat, apa yang dia kata yang menyebabkan- tadi Yang Berhormat Jerai sebut ajaran sesat, apa yang sesatnya? Kita tidak tahu. Tiba-tiba lepas mengajar terus dia disekat atas alasan tidak ada tauliah. So, ini dalam konteks fiqah dia ini *thadayyuk*. *Thadayyuk* ini maknanya semakin sempit sedangkan ilmu ini sepatutnya kita *tawassul*. Oleh sebab di situlah satu ilmu membangkitkan tamadun dan sebagainya.

Saya tidak mahu mempertikai bab undang-undang Yang Berhormat Jerai sebab itu saya terima. Kita semua Ahli-ahli Parlimen, kita yang buat undang-undang walaupun saya mungkin tidak bersetuju dan sebagainya. Akan tetapi yang masih boleh dikendalikan dari segi falsafah. Oleh sebab itu saya katakan kalau kita menyempitkan pada awal lagi tidak ada tauliah tidak boleh mengajar maka kita menyempitkan pandangan.

Saya bersetuju jikalau apa yang diajar itu jika didapati ada kesalahan yang kata sesat, itu pun kita boleh bahas yang kata sesat itu apa dia? Barulah memecahbelahkan masyarakat, betul ada bukti, barulah dia didakwa. Ini dia didakwa bukan sebab itu, dia didakwa sebab tidak ada tauliah. Itu dua benda yang berbeza dari segi premis undang-undang Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, saya tidak setuju juga Yang Berhormat Jerai bila kita cakap bab ini dia kata, "*Yang ini negeri, kita tidak boleh campur tangan...*". Betul, yang itu kuasa negeri. Akan tetapi kita ada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia di belakang itu. Ramai itu, ya. Emolumen kita putus di sini. Peruntukan untuk JAKIM kita putus di sini. Apa peranan JAKIM? Apa peranan urus tadbir kita.. Apa peranan JAKIM di belakang sana? Untuk mengawal. Bukan saya hendak suruh kawal, tetapi dari segi pertama dia kena menghormati Perlembagaan Persekutuan. Tadi Yang Berhormat Jerai sebut Artikel 11 itu hak beragama. Kita tidak sebut bab-bab agama. Kita sebut Artikel 10 tentang kebebasan. Di mana hendak Artikel 10, Perlembagaan dengan undang-undang yang menyempitkan ini. Di mana kita hendak letak?

Jadi peranan JAKIM sepatutnya orang yang macam bertaraf seorang mufti di Pantai Timur sebut ini kafir *harbi*. Ini berat. Apa tindakan? Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Terengganu kadang-kadang tauliah ini *license to kill*. Ah, ini halal darah. Tidak setuju dengan dia, yang ini halal darah. Apa ini? Di mana kita hendak bawa negara ini yang semua itu saya ulang balik Tuan Yang di-Pertua, digunakan atas nama Islam sedangkan Islam tidak ajar begitu. Di mana JAKIM? Kalau sebut hanya kata ini kuasa negeri, taip kita ada JAKIM boleh menyelaraskan pandangan-pandangan ini.

Kalau siapa yang mengeluarkan pandangan yang merosak, ini baru pecah belah. Kafir *harbi* lah apa, ini pecah belah. Di mana tindakan? Tidak ada tindakan, biasa sahaja, *slumber* sahaja. Sudah ada pula orang sokong. Ini yang kita sebagai Ahli Parlimen kena

fikir. Bukan sekadar beritahu undang-undang akta in, akta ini, akta ini. Itu siapa pun boleh pegawai tulis dekat kita, kita bagilah, baca. Akan tetapi di mana kita hendak menjaga negara ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, bincanglah mana satu. Okey, okey. Bincang ya [*Ketawa*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat lepas ini bagi Yang Berhormat Shah Alam juga. Tajuk ini tajuk yang memang nampaknya yang berminat Amanah ya. Patut PAS yang bangun, tetapi PAS tidak bangun pula [*Ketawa*] Saya pun pelik juga.

Seorang Ahli: Menghasut ini, menghasut ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak apalah. Memang kerja saya menghasut pun. Okey, tetapi saya tidak cakap beginilah. Tadi kata Menteri daripada Jerai kita jaga kerusi secara Islam. Bagi saya kalau juga kerusi cara Islam, tidak perlu dakwa pun Mustafa Akyol. Memalukan. Itu bukan menjaga kerusi cara Islam, itu menjatuhkan nama Islam, menjatuhkan nama kerajaan.

Saya hendak beritahu dengan pihak kerajaanlah, kalau kerajaan hendak jaga nama Islam, jangan buat macam itu, itu lagi menjatuhkan. Itu yang pertama. Keduanya tadi Yang Berhormat Menteri cakap fasal Perlembagaan, Artikel 11. Yang Berhormat Menteri, saya rasa saya banyaklah buat kes Artikel 11 ini. Saya rasa dah macam hafal jugalah.

Artikel 11 ini tadi Yang Berhormat Menteri, yang Menteri cakap itu, minta maaf Menteri dengan segala penuh hormat, silap ini. Artikel 11(1) dia kata ada tiga hak. Hak pertama itu hak yang dipanggil- hak untuk *profess*, "*Every person has the right to profess, to practice and subject to Article 11(4) to propagate his religion...*". Okey, ada tiga hak. Hak untuk menganut, hak untuk beramal, dan hak untuk menyebarkan, *propagation*. *Propagation* ini tertakluk pada Artikel 11(4) iaitu kerajaan negeri ataupun Parlimen ini boleh sekat untuk kawal penyebaran ajaran-ajaran bukan Islam kepada orang Islam.

Maknanya kalau diajar ajaran bukan Islam kepada orang Islam tidak boleh. Akan tetapi selagi mana ajaran itu di kalangan orang Islam sesama Islam ataupun di kalangan orang bukan Islam dengan bukan Islam. Contohnya, saya hendak beri contoh. Oleh sebab itu saya kata keputusan *Herald* salah. Apabila dia terbitkan nama Allah SWT dalam *Herald* di kalangan orang Kristian sahaja, tidak salah dari segi Perlembagaan. Akan tetapi kita salah. Jadi kita telah mencerooboh hak orang bukan Islam. Ini salah.

Begitu juga kalau kita menyebarkan Islam di kalangan orang Islam sahaja apa salahnya. Artikel 11(4) membenarkan, tidak boleh sekat. Oleh sebab itu Yang Berhormat Shah Alam tidak patut dikenakan pendakwaan. Lagilah dia bukan mengajar. Itu yang pertama.

Tadi saya juga ada cakap tadi Menteri, kalau kita- apa beza kita ajar di dalam masjid dengan ajar di universiti? Dua-dua kita menyampaikan agama. Jadi kalau kita kata orang ini contohlah orang ini layak bercakap di universiti, ajar anak-anak kita bercakap tentang agama, tiada tindakan, tiba-tiba orang yang sama hendak ajar di masjid tidak boleh. Bukankah nampak macam melucukan. Janganlah Menteri menggunakan alasan ini tauliah di negeri punya undang-undang *because* Menteri, itu hujah yang sebenarnya tidak relevan sekali. Zaman Hitler pun ada undang-undang. Zaman mana-mana pun ada undang-undang. Persoalannya undang-undang ini sah atau tidak sah. Undang-undang ini zalim atau tidak zalim? Jangan gunakan alasan ini undang-undang, ini undang-undang.

Zaman orang zalim pun ada undang-undang. Zaman Firaun pun ada undang-undang iaitu bunuh budak-budak yang hendak lawan dia. Belum lahir lagi sudah- dia lahir sahaja bunuh. Akhirnya Nabi Musa lahir dan pergi ke istana dia, lawan dia. Jadi sebab itu jangan gunakan alasan undang-undang. Minta maaf Menteri. Kalau kita guna alasan itu kita sebenarnya menjatuhkan imej kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi lagi Yang Berhormat?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Last.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Last, last. Ya, last.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya sebenarnya bila Menteri sebut istilah mengajar itu diberikan satu takrif yang jelas, bila baca tadi. Saya menunggu, hendak dengar takrif itu [*Ketawa*] Akan tetapi takrif itu macam tebar jala. Hendak tangkap ikan di tebar jala. Habis semua. Termasuk ini, termasuk itu, termasuk terma itu. Itu bukan takrif. Itu bukan satu takrif yang adil, ianya bukan takrif.

Kalau undang-undang, *we must be specific*, betul tidak? *Yes, we must be specific* supaya kita tidak melakukan kezaliman. So, bila orang buat kesalahan itu, betul-betul kesalahan itulah dia mengajar, maknanya betul-betul dia mengajarlah ya. Akan tetapi undang-undang itu dia ada dia punya tujuan dan digubal undang-undang itu untuk mencapai tujuannya.

■1630

Yang kita tidak hendak orang mengajar agama, bukan bercakap tentang isu-isu umum, dikaitkan tentang ekonomi, dikaitkan tentang prinsip-prinsip agama dan sebagainya. Apa- ini yang menjadi masalah lalu saya merasakan JAKIM perlu berperanan. Apa yang berlaku dengan Sultan Johor itu amat malanglah. Itu pun mungkin oleh kerana ustaz yang Yang Berhormat Parit Buntar tidak hendak sebut nama tetapi saya sebut namalah. Itu pun amat malanglah. Yang ustaz itu ada hubung kait dengan JAKIM itu amat malanglah, ya.

Akan tetapi peranan JAKIM, saya rasa ia kemajuan Islam, kita hendak supaya keluar daripada keadaan-keadaan macam ini. Ini yang fasal profesor yang mengajar dekat universiti. Dia mengajar ustaz-ustaz ini, budak-budak ini. Budak-budak ini keluar jadi ustaz. Ustaz ini pula tidak beri dia tauliah [*Ketawa*]

Tidak lucu kah? Dia mengajar budak-budak ini jadi ustaz, dapat ijazah. Keluar kerja dengan JAIS, kerja dengan MAIS, kerja dengan JAWI. Tiba-tiba dia sebagai profesor, guru kepada ustaz itu tidak mendapat tauliah. Peliklah lalu jadi bahan ketawa. Saya harap pihak JAKIM cuba jangan terima *the situation as it is* tetapi kita kena cuba fikirkan macam mana hendak bawa satu kemajuan di kalangan umat Islam supaya kita ini dahagakan ilmu dan membuka ruang untuk berfikiran, berhujah, berdebat, berforum dan sebagainya, bawa kepada satu kesedaran yang lebih besar, yang lebih bermakna dan menyekatkan yang mana-mana orang-orang yang hendak menyempitkan Islam ini. Saya harap itulah yang boleh dimainkan oleh JAKIM. Terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Sepang dan juga Yang Berhormat Shah Alam. Saya menghormatilah Yang Berhormat Parit Buntar oleh kerana perkara-perkara ini telah pun diundang-undangan, dikanunkan. Pandangan kita adalah pandangan yang terbuka tetapi pada perkara-perkara yang telah dikanunkan, maka kita harus mematuhi kepada perkara-perkara tersebut. Tentunya kita memahami sebagaimana tadi Yang Berhormat Sepang sebutkan bahawa sampai zaman Qarun, Haman, Firaun pun ada undang-undang. Jadi kalau macam itu kita faham bahawa zaman yang paling teruk ada undang-undang, apatah lagi dalam menjaga negara Malaysia yang terbaik ini untuk membuat undang-undang yang menjaga semua kepentingan dan sensitiviti.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu berkaitan Mahkamah Syariah. Yang Berhormat Kota Baharu bertanya bilakah kerajaan hendak menubuhkan Pusat Mediasi Islam seperti yang dicadangkan oleh Persatuan Peguam Muslim Malaysia. Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkhidmatan mediasi secara khusus bagi kes-kes kekeluargaan yang melibatkan orang Islam telah dilaksanakan di seluruh Mahkamah Syariah sejak tahun 2003 yang dikenali sebagai Majlis Sulh. Terdapat kes-kes *mild* yang didaftarkan di bawah Mahkamah Syariah yang perlu melalui Majlis Sulh dan kes-kes yang tidak perlu melalui proses sulh mengikut prinsip-prinsip hukum syarak bagi mempercepatkan proses penyelesaian sesuatu kes.

Proses Majlis Sulh ini dikendalikan oleh pegawai sulh yang khusus ditempatkan di setiap Mahkamah Syariah. Namun begitu, perkhidmatan Majlis Sulh ini hanya tertakluk kepada kes-kes yang berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah sahaja. Walau

bagaimanapun, Mahkamah Syariah tetap mengiktiraf perjanjian atau penyelesaian yang dibuat oleh pihak-pihak yang bertikai hasil daripada proses mediasi sama ada di Jabatan Bantuan Guaman atau mana-mana agensi termasuk para peguam swasta selama mana perjanjian tersebut memenuhi syarat-syarat hukum syarak.

Berhubung dengan Pusat Mediasi Islam, kepada pihak luar yang dicadangkan oleh Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM) pula, dimaklumkan bahawa cadangan tersebut telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah 2017, dipengerusikan oleh ketua pengarah merangkap Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang telah mengarahkan satu kertas konsep bagi tujuan tersebut disediakan oleh Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM) untuk pertimbangan sama ada ia sesuai dijadikan arahan amalan Mahkamah Syariah atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya isu berkaitan wakaf. Yang Berhormat Mersing mencadangkan diwujudkan Akta Wakaf bagi menyelaraskan pengurusan wakaf di negara ini. Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, wakaf adalah tertakluk dalam hal ehwal pentadbiran agama Islam yang terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri iaitu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Ini selaras dengan peruntukan sebagaimana awal saya sebutkan, Butiran 1 Senarai Kedua Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Dalam hal ini, kerajaan melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bertindak sebagai pemudah cara di peringkat Persekutuan bagi membantu MAIN dalam menyelaraskan pengurusan wakaf supaya dapat diuruskan dengan lebih sistematik dan tersusun. Antaranya menerbitkan siri manual pengurusan JAWHAR yang memberi fokus kepada perundangan wakaf iaitu Manual Pengurusan Model Perundangan Wakaf pada tahun 2008. Manual ini dijadikan panduan kepada semua MAIN di dalam memperkemas perundangan wakaf dan seterusnya meningkatkan kecekapan pengurusan harta wakaf di seluruh negara.

Beberapa MAIN telah menggubal,ewartakan dan menguatkuasakan enakmen wakaf di negeri masing-masing seperti Enakmen Wakaf Majlis Agama Islam Selangor 2015, Enakmen Wakaf Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Perak 2015. Mengenai cadangan mewujudkan bank data aset wakaf. Pada masa ini, bagi menguruskan aset-aset wakaf, JAWHAR dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menggunakan aplikasi MaCGDI. MaCGDI ini merupakan inisiatif NRE untuk membangunkan infrastruktur maklumat geografi, data *geo-spatial* bagi meningkatkan kesedaran mengenai ketersediaan data dan meningkatkan akses kepada maklumat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Satu, berkaitan dengan wakaf.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan wakaf ini tetapi saya hendak kaitkan dengan tahfiz yang terbakar. Saya difahamkan bangunan itu adalah milik Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang asalnya adalah milik pihak lain, diserahkan kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sebagai wakaf.

Jadi sejauh mana pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ini sebagai empunya kebertanggungjawaban sebagai bangunannya itu, ke atas bangunan tersebut, memastikan supaya bangunan tersebut mempunyai keperluan dan kelengkapan untuk membolehkan operasi sebagai sekolah tahfiz itu dapat dilaksanakan atas keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh pihak bomba dan sebagainya kerana bangunan itu adalah bangunan milik Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena. Sebenarnya yang terbakar ini ialah Surau Ittifaqiyah, Keramat. Ia surau. Yang terbakar ini surau bukan bangunan tahfiz.

Untuk makluman Yang Berhormat, ada cerita, ya. Dulu maahad tahfiz yang beroperasi di Keramat tersebut, ia beroperasi di satu bangunan yang disewa daripada seorang pemilik bangunan. Oleh kerana proses bangunan ini mungkin barangkali tidak dibayar, jadi pihak bank telah pun mengumumkan pelelongan ke atas bangunan tersebut. Pihak tahfiz datang kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk mendapat bantuan supaya bangunan mereka itu dibantu kerana mereka terpaksa akan keluar daripada bangunan tersebut kalau sekiranya bangunan itu dibeli atau dalam proses pelelongan tersebut.

Majlis Agama Islam mengambil ketetapan untuk membantu pihak sekolah untuk mencari dana bagi tujuan pembelian bangunan tersebut. Jadi apabila selesai, secara kebetulan, ini perlu saya rakamkan juga dalam Dewan ini, di mana pihak pemilik bangunan dia datang ke MAIWP dan dia bersedia untuk supaya diberikan jalan penyelesaian yang terbaik dengan tidak mencari keuntungan. Dia bersedia untuk pada harga yang paling rendah dan untuk dia diselesaikan dengan pihak bank sebelum bangunan tersebut dilelong.

Jadi dalam keadaan ini, MAIWP membantu untuk tujuan pihak sekolah membeli, menyelesaikan penyelesaian kes pelelongan oleh pihak bank kerana pembayaran tidak berlaku dengan betul dan baik kepada bangunan yang dimiliki dan diduduki oleh pihak tahfiz tersebut.

■1640

Oleh kerana dalam proses pembelian tersebut selesai dan bangunan sekolah itu di *upgraded*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk dipertingkatkan untuk kemudahan-kemudahan yang lebih sesuai dan juga bersesuaian dengan keperluan pendidikan pengajian tahfiz di situ, bangunan tersebut perlu dikosongkan. Jadi pelajar-pelajar ini berpindah kepada satu bangunan lain iaitu ialah bangunan Surau Ittifaqiyah. Yang ini pun juga saya rasa saya perlu juga merakamkan satu rasa terima kasih yang tidak terhingga kerana surau tersebut di sebelahnya ada satu bangunan kediaman diwakafkan pula oleh seorang hamba Allah SWT, Dato' Musa yang dia ini memang dikenali di kawasan Keramat tersebut, seorang yang amat prihatin kepada wakaf dan sebagainya.

Jadi apabila dia mewakafkan bangunan tersebut ialah untuk tujuan digunakan bersekali dengan Surau Ittifaqiyah tersebut, itulah perpindahan sementara. Jadi bangunan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi adalah bangunan yang sedang dalam proses penambahbaikan dan yang diduduki ialah bangunan yang lain. Maka sebab itu dalam keadaan yang sedemikian kalau Yang Berhormat tanyakan tadi saya sebutkan bahawa inilah kedudukan sebab bangunan tersebut adalah bangunan yang dibantu oleh pihak MAIWP untuk pembelian bagi menyelamatkan pelajar-pelajar tadi dipindahkan dan proses penambahbaikan dibuat untuk membantu lebih selesa. Akan tetapi sewaktu mereka menggunakan penempatan di Surau Ittifaqiyah yang berdekatan dengan bangunan asal yang mereka duduk dan ditambahbaikkannya itu berlaku kebakaran tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai hal ehwal Islam yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri khususnya oleh agensi-agensi yang berkaitan. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Batang Sadong, sila.

4.42 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan membangkitkan isu-isu berkaitan dengan bidang kuasa agensi-agensi Jabatan Perdana Menteri di bawah seliaan saya ketika membahaskan Bajet 2018 dari hari Isnin yang lalu, 30 Oktober hingga semalam, 7 November. *Insya-Allah* saya akan memberi maklum balas terhadap

pertanyaan dan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian pada hari ini.

Namun begitu saya nampak yang banyak menyuarakan isu-isu di kalangan mereka kebanyakannya saya rasa tidak berada di dalam Dewan. Saya akan menjawab, menggulung mengikut isunya tetapi saya rasa saya akan hanya menyentuh kepada yang ada ditanya pada hari itu. Jadi saya rasa hendak bagi peluang kepada Menteri yang lain untuk menjawab isu untuk mereka. Saya hanya menjawab dan tidak akan melayan yang lain kerana saya percaya adalah tidak adil untuk mengambil masa untuk yang lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kluang saya rasa tidak ada dalam Dewan kan. Tidak ada? Ada? Tidak ada. Beliau telah membangkitkan tumpuan pemindahan rel di kawasan bandar yang tidak memberi manfaat kepada penduduk di luar bandar seperti di Kluang. Saya telah memaklumkan perkara ini beberapa kali dalam Dewan. Penentuan pilihan jenis pengangkutan awam yang terbaik bagi sesuatu kawasan perlu mempertimbangkan banyak faktor dari pelbagai sudut seperti kadar kepadatan penduduk sesuatu kawasan, keadaan muka bumi, aktiviti ekonomi, permintaan perjalanan serta perkiraan *passenger per hour per direction* ataupun PPHPD.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ataupun SPAD telah menyediakan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) negara yang telah menetapkan sasaran untuk mencapai 40 peratus perkongsian mod pengangkutan awam darat di kawasan bandar dan meningkatkan kebolehcapaian ataupun *accessibility* dengan izin di kawasan luar bandar agar pengangkutan awam darat menjadi pilihan mobiliti rakyat menjelang tahun 2030. RIPAD negara ini seterusnya akan diperincikan dalam RIPAD peringkat wilayah iaitu utara, timur dan selatan yang akan mengandungi dasar-dasar serta perancangan pengangkutan awam darat bagi tempoh 20 tahun.

Bagi menjawab soalan oleh Yang Berhormat Kluang, untuk negeri Johor khususnya, ia akan diliputi dalam RIPAD Wilayah Selatan yang akan turut merangkumi negeri Melaka dan Negeri Sembilan. RIPAD Wilayah Selatan ini akan mengenal pasti isu-isu berkaitan pengangkutan awam darat serta mencadangkan penyelesaian terbaik kepada sistem pengangkutan awam darat bagi ketiga-tiga negeri tersebut. Ia di jadual untuk disiapkan pada tahun 2018.

Sementara itu dalam masa yang sama, kerajaan telah menyediakan dana bantuan sementara perkhidmatan bas berhenti-henti ataupun ISBSF kepada semua operator bas yang layak di seluruh negara termasuk di negeri Johor bagi membantu pihak operator meneruskan operasi bas berhenti-henti ataupun *stage bus*, dengan izin, khususnya di kawasan luar bandar serta di laluan-laluan sosial iaitu laluan yang tidak menguntungkan tetapi diperlukan. ISBSF telah mula disalurkan pada tahun 2012. Ia adalah sebagai

langkah penyelesaian interim kepada perkhidmatan bas sementara menunggu penyelesaian yang lebih menyeluruh yang akan dikenal pasti melalui RIPAD Wilayah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor. Yang Berhormat Kuala Selangor ada di dalam ini? Agar laluan MRT dibina atau disambung hingga ke Kuala Selangor bagi memudahkan penduduk ke pusat bandar. Adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan kajian RIPAD *Greater Kuala Lumpur-Klang Valley* (GKL/KV) bagi tempoh sehingga tahun 2030, perkhidmatan bas adalah mod atau jenis perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih sesuai di kawasan Kuala Selangor berbanding sistem rel. Walau bagaimanapun, kajian RIPAD GKL/KV ini akan disemak setiap 10 tahun untuk melihat semula keperluan semasa bagi penyediaan sebarang perkhidmatan pengangkutan awam darat di sesuatu kawasan. Kalau kita lihat Selangor, Kuala Selangor ada dari stesen dari laluan nombor 101 iaitu Saujana Utama KTM Sungai Buloh, ia ada 17.3 kilometer. Jadi melalui MRT KTM Sungai Buloh.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, terdapat cadangan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang agar Kereta api Tanah Melayu Berhad ataupun KTMB menggunakan laluan rel sedia ada dari Kempas ke Pasir Gudang yang kini hanya digunakan untuk mengangkut kargo untuk turut digunakan bagi mengangkut penumpang bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Pasir Gudang.

Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Gudang, KTMB sememangnya kini sedang meneliti kemungkinan ini dan sedang melaksanakan kajian kebolehlaksanaan ataupun *feasibility study*, dengan izin, yang antaranya akan meneliti, mengambil kira corak permintaan dan kecukupan serta ketersediaan stok kereta dengan izin, *train rolling stock* dan infrastruktur kereta api. Sekiranya ia sesuai dilaksanakan, perkhidmatan kereta api penumpang dari Kempas ke Pasir Gudang dirancang untuk diwujudkan pada tahun 2019 iaitu setelah selesai dilaksanakan kerja-kerja baik pulih landasan sektor Kempas Baru ke Pasir Gudang yang dijadualkan diselesaikan pada suku tahun ketiga iaitu tahun 2018 dan juga perolehan 13 set *Diesel Multiple Unit* (DMU) baru yang dijangka akan diterima secara berperingkat pada tahun 2019.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tebrau ingin mengetahui bilakah perkhidmatan ETS akan disambungkan sehingga ke Johor Bahru. Dalam hal ini sukacita saya maklumkan bahawa perkhidmatan ETS dijadualkan akan beroperasi sehingga ke Johor Bahru mulai tahun 2021 iaitu setelah siap projek pembinaan landasan berkembar elektrik Gemas ke Johor Bahru yang dijadualkan siap sepenuhnya pada akhir 2020.

■1650

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan membangkitkan isu di mana terdapat pengusaha bas dikatakan mengupah atau mengambil pemandu yang mempunyai latar belakang jenayah. Beliau seterusnya menyarankan agar pemberian

lesen operasi hanya diberikan kepada syarikat-syarikat yang mengambil pemandu yang cekap bagi mengelakkan kemalangan akibat kecuaiannya pemandu.

Saya berterima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Kinabatangan berhubung perkara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPAD sentiasa memastikan sesebuah syarikat yang diberikan lesen pengendali hanya mengambil pemandu-pemandu yang layak, cekap dan berhemah dengan menjadikannya sebagai salah satu syarat wajib di dalam Buku Panduan SPAD ICOP iaitu *Industrial Code of Practice*, dengan izin.

Dalam hal ini, kita akan melaksanakan beberapa penambahbaikan. Sukacita dimaklumkan bahawa bermula suku pertama tahun 2018, semua pemandu bas ekspres akan diwajibkan untuk memiliki kad pemandu. Manakala pelaksanaan untuk kelas-kelas bas yang lain seperti bas pekerja, bas sekolah dan bas henti-henti akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga tahun 2019. Pemandu-pemandu bas akan melalui proses saringan yang lebih efektif untuk mendapatkan kad pemandu yang dikeluarkan oleh SPAD bagi membolehkan mereka beroperasi sebagai pemandu bas. Melalui cara ini, ia membolehkan SPAD melaksanakan saringan latar belakang yang lebih ketat dengan usaha sama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Di samping itu, kad pemandu tersebut juga hanya akan dikeluarkan kepada pemandu yang mematuhi semua syarat yang ditetapkan oleh SPAD, termasuk tahap kesihatan yang baik serta bebas dari kes dadah atau jenayah. Melalui cara ini juga, Tuan Yang di-Pertua, pemandu yang dikenal pasti melakukan kesalahan boleh digantung atau dibatalkan kad pemandu mereka. Latihan semula juga akan diwajibkan ke atas mereka bagi tujuan penambahbaikan. Dengan adanya syarat keperluan untuk memiliki kad pemandu ini, syarikat pengendali boleh menapis dan memilih pemandu-pemandu baru dengan lebih efektif kerana ia boleh memastikan hanya mereka yang layak dan berkemahiran sahaja akan diambil bekerja sebagai pemandu bas. SPAD juga akan terus melaksanakan penambahbaikan dari semasa ke semasa untuk memastikan keselamatan orang awam terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Langkawi telah membangkitkan isu yang membelenggu pemandu teksi di Langkawi dan memberikan beberapa cadangan untuk mengatasinya. Untuk makluman, saya sendiri telah berjumpa dengan wakil-wakil dari dua persatuan kereta sewa dari Langkawi iaitu Persatuan Tuan Empunya dan Pemandu Kereta Sewa Langkawi dan Petekma Cawangan Langkawi.

Pada masa yang sama, saya juga telah mengarahkan agar SPAD sentiasa berinteraksi dan mengadakan sesi konsultasi berterusan dengan pemandu-pemandu teksi di pulau tersebut, atau di Langkawi adalah kereta sewa, bagi memastikan perkembangan di Langkawi ini sentiasa dipantau.

Menyentuh tentang sesi konsultasi ini, saya ingin maklumkan bahawa kita tidak hanya lakukan terhad di Langkawi sahaja, malah kita laksanakan sesi konsultasi, perbincangan dan penerangan dengan pemandu secara individu mahupun wakil-wakil persatuan teksi di seluruh negara.

Berhubung Langkawi, kita akui bahawa situasi di pulau ini adalah unik dan amat berbeza berbanding dengan kawasan lain. Keluasan kawasan, kepadatan penduduk, corak kemasukan pelancong serta corak permintaan dan penawaran perkhidmatan teksi antara faktor-faktor yang menjadikan pelaksanaan perkhidmatan *e-hailing* di Langkawi perlu direncanakan dengan cara tersendiri.

Beberapa permintaan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Langkawi sememangnya telah dilaksanakan. Ini termasuk untuk mengehadikan pengambilan pemandu baru. Hasil daripada pertemuan saya dengan pihak yang disebutkan, kita telah mengarahkan agar penyedia perkhidmatan *e-hailing* untuk tidak lagi menerima pemandu baru yang menggunakan kenderaan persendirian tetapi bekerjasama dengan pemandu-pemandu teksi yang sedia ada. Kita sentiasa menggalakkan pemandu teksi untuk menyertai dan bekerjasama dengan mana-mana penyedia perkhidmatan *e-hailing* bagi memberi situasi menang-menang untuk kedua-dua pihak.

Semalam Yang Berhormat Langkawi sendiri mengatakan bahawa pemandu *e-hailing* yang lain mempunyai trip yang banyak berbanding teksi. Perkara yang sama turut diakui oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu. Ini bermakna permintaan ini sememangnya ada. Malah, sebenarnya bertambah dengan kemunculan kemudahan dan trend *e-hailing*. Akan tetapi, apa yang merugikan pemandu teksi adalah *mismatch*, dengan izin, atau kelompangan antara mereka yang masih lagi beroperasi secara konvensional dengan pengguna yang lebih cenderung untuk menggunakan teknologi dan aplikasi. Oleh sebab itulah kita menggalakkan pemandu teksi untuk menyertai atau bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan *e-hailing* agar mereka mendapat akses kepada pengguna atau pelanggan yang berada di dalam platform *e-hailing*.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita juga mendapat aduan daripada pemandu teksi yang ingin untuk mendaftarkan teksi mereka untuk menyertai platform *e-hailing* tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana kenderaan mereka melebihi had umur yang dibenarkan oleh penyedia perkhidmatan. Oleh sebab itulah kerajaan menyediakan geran berjumlah RM5,000 yang boleh dimohon oleh pemandu teksi untuk mereka menukar kepada kenderaan teksi yang baru bagi membolehkan mereka juga menyertai dan mendapat akses kepada pelanggan perkhidmatan *e-hailing* selain daripada operasi *street hailing* mereka, dengan izin.

Kedua-dua Yang Berhormat Langkawi dan Yang Berhormat Kota Kinabalu ada menyarankan agar kadar tambang *e-hailing* dinaikkan. Saya hendak bertanya, adakah Ahli Yang Berhormat tidak suka rakyat menikmati tambang yang rendah? Ini adalah tidak adil

bagi rakyat yang lebih memilih kepada tambang yang rendah. Mengapakah kita sebagai Yang Berhormat mahu rakyat membayar harga tambang yang lebih tinggi? Jadi, inilah menjadi persoalan. Cadangan ini sangat tidak wajar, dan untuk makluman, ini bukan kali pertama kami mendengarnya kerana ia sering dibangkitkan oleh pemandu-pemandu teksi. Saya telah menjelaskan perkara ini secara terperinci semasa membentangkan rang undang-undang ini pada mesyuarat yang lalu.

Untuk makluman, bagi teksi, tambang silingnya dikawal selia oleh SPAD menggunakan meter. Manakala tambang *e-hailing* adalah menggunakan tambang dinamik.

Dalam isu kadar tambang ini, saya ingin berkongsi antara beberapa perkara yang sering dibangkitkan oleh pemandu teksi. Saya ambil misalannya soalan mereka ialah *“Tambang e-hailing murah, kami mahal”*. Mereka katakan, *“Bagaimanakah kami mahu bersaing? Maka tidak ada orang mahu naik kami”*. Jawapannya, Yang Berhormat, ialah tambang teksi yang ditetapkan adalah tambang siling. Ini telah dipersetujui dari awal. Ini bermakna mereka boleh memberi diskaun. Kalau mereka rasa hendak tambang yang kurang daripada tambang siling, itu adalah pilihan mereka. Mereka boleh memberi diskaun daripada kadar yang ditunjukkan oleh meter, tetapi tidak boleh mengenakan caj yang lebih. Ini juga bermakna mereka boleh bersaing mengikut harga.

Misalnya juga, kita ambil misalnya mengikut soalan yang selalu diajukan, *“Kami teksi tidak mahu menyertai e-hailing kerana tambangnya terlalu murah, tidak padan dengan kos kami dan kami boleh jadi rugi”*. Jawapan di sini, Yang Berhormat, ialah dalam hal ini, kita lebih suka sekiranya rakyat dapat menggunakan perkhidmatan teksi dengan harga yang murah. Apa yang lebih penting, kita mahukan kutipan atau duit yang dibawa balik iaitu apa yang diterima oleh pemandu teksi, kita mahukan kutipan atau duit yang dibawa balik oleh pemandu teksi adalah melebihi daripada kos mereka.

Sebenarnya, penyedia perkhidmatan *e-hailing* ada menyediakan pelbagai insentif kepada pemandu-pemandu mereka. Sebagai contoh, sekiranya pengguna mempunyai kod diskaun RM10, maka bagi perjalanan bernilai RM30, mereka hanya perlu membayar sebanyak RM20. Pada masa yang sama, pemandu teksi terbabit akan tetap menerima kutipan sebanyak RM30 iaitu menerima tunai RM20 daripada penumpang dan baki RM10 akan dibayar oleh syarikat penyedia perkhidmatan *e-hailing* mereka.

■1700

Ini bermakna, pengguna dapat menikmati harga yang murah dan pada masa yang sama, kutipan tambang pemandu adalah melebihi kos mereka. Oleh sebab itu, kita menggalakkan supaya teksi menyertai syarikat yang membekalkan aplikasi ini.

Ketiga, *“Kami tetap tidak mahu gunakan tambang dinamik e-hailing”*, kata mereka *“Kerana kami akan rugi akibat tambang rendah”*. Lagi isu tambang yang rendah. Yang Berhormat, sekiranya menggunakan sistem *e-hailing* merugikan pemandu kerana

tambang yang rendah tidak cukup untuk menampung kos, adakah Yang Berhormat berfikir beribu-ribu pemandu *e-hailing* yang lain akan terus memandu? Gunakan pemikiran yang wajar. Adakah mereka sanggup untuk terus rugi dan secara sukarela memberi perkhidmatan yang tidak boleh menampungkan kos apatah lagi menerima keuntungan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: *[Bangun]*

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Jadi sehubungan dengan itu Yang Berhormat, cadangan untuk menaikkan kadar tambang bukanlah satu yang wajar dan bukanlah jawapan kepada masalah pemandu teksi yang kurang mendapat penumpang. Tadi Yang Berhormat Kota Kinabalu kah itu?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih ke atas jawapan.

Yang Berhormat Menteri, saya tiada halangan supaya rakyat dapat bayar tambang yang murah. Hanya kami mahu sayangkan juga teksi konvensional kerana pendapatannya sudah turun kerana ekonomi merosot. Jadi, saya harap kita sama pun rakyat juga. Kami tidak mahu sesiapa pun yang tidak boleh cari makan. Ini *freedom of competition*.

Jadi saya hanya Yang Berhormat Menteri, boleh dapat ambil tindakan supaya teksi konvensional boleh dapat cari makan sahaja. Ini kerana dia dapat persaingan yang kuat daripada *Uber* dan *Grab*. Sedang sekarang *Grab* dan *Uber* masih lagi tidak sah. Akan tetapi, mereka macam sudah VIP sudah. Dapat *VIP treatment* seperti di *airport* KLIA. Maka, ini *Grab* dapat *special treatment*, kasi tempat ambil penumpang tetapi teksi macam *second class* sudah. Jadi, saya pun macam kasihan jugalah kepada pemandu-pemandu teksi yang cari makan terpaksa kadang-kadang mereka sampai mahu tipu supaya dapat pendapatan yang tinggi sedikit.

Jadi, saya harap- saya cadang juga kalau kerajaan mahu bagi geran, jangan alang-alang. Hanya 5,000 apa macam beli satu kereta yang baru. Kau tahu apa macam *Myvi* pun RM50,000. Jadi hanya 10 *percent*. Kalau boleh mahu tolong teksi dapat teksi yang baru, berilah 30 peratuslah dia punya kos supaya ada sedikit berat boleh dapat tolong mereka. Jangan alang-alanglah Yang Berhormat Menteri. Mahu tolong, betul-betul tolong. Saya harap ambil pertimbangan. Beri banyak sedikit. 30 peratus sahaja. Dalam RM50,000, bagilah RM15,000, contohnya. Jadi kita mahu sayang, sayang betul-betullah, Yang Berhormat Menteri. Jangan alang-alang *bah*, betul?... *[Dewan riuh]* Jadi ada dapat kasihan. Jadi, teksi mesti puas hati.

Kedua Yang Berhormat Menteri, garis panduan masih belum ada dan dikuatkuasakan, menjadi *Uber* dan *Grab*, beroperasi secara tidak sah. Jadi mengikut undang-undang, kenapakah masih belum siap, Yang Berhormat Menteri? Bilakah boleh siap dan boleh beroperasi undang-undang yang baru kita *pass* dalam Parlimen? Jadi kedua, ada SOCSO. Ini PERKESO, PERKESO ya. PERKESO hanya walaupun kena

bayar ini 100 lebih sampai 400 lebih tetapi dia punya tanggungjawab banyak- kalau pemandu teksi *suddenly pass away, there is no* pampasan. Tidak seperti macam kilang, pekerja di kilang, macam di salah rasa mereka rasa macam tidak kena macam tolong dia punya keluarga.

Jadi bolehkah kerajaan mencontohi negara seperti Switzerland- eh, *no* Switzerland. Macam New Zealand, Perancis, macam Indonesia, India dan *Singapore* pula. Kalau *sudden death or because of sickness* ada membantu ada juga beri macam pampasan kematian. Inilah saya harap kerajaan boleh fikir juga. Dari lahir sampai mati pun dapat tolonglah. Lahir kah tolong sedikit tetapi mati, kita peduli macam tidak *complete* lah. Itu sahaja saya mahu minta teliti.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Pertama, mengenai syarikat-syarikat Yang Berhormat sebut hanya *Uber* dan *Grab*. Sebenarnya, dalam negara ini di Malaysia ini, kita sudah ada 12 syarikat tempatan yang membekalkan *Apps* ini. Jadi, ada di antara teksi sudah menyertai mereka. Jadi sebab itu Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat merasakan Yang Berhormat perlu merasa kasihan, simpati, kami lagi simpati sehingga kerajaan sanggup memberi geran RM5,000. Kalau Yang Berhormat kata sampai hendak bagi 30 peratus, itu tidaklah munasabah Yang Berhormat. Saya hendak nyatakan di sini, syarikat yang ada di Malaysia ini sudah ada 12 selain daripada *Grab* dan *Uber*.

Di *airport* pula Yang Berhormat, kami memang minta dapat maklum balas. Memang kami sedang bercakap juga, kita berbincang juga dengan kalau disentuh hanya *Uber* dan *Grab*. Setakat ini hanya itu sahaja syarikat yang disebut, mungkin ada syarikat lain yang tidak disebut. Kami akan sentiasa mengadakan perbincangan dengan syarikat *Uber* dan *Grab*. Memang pun kami telah menerima beberapa maklum balas.

Saya hendak nyatakan di sini Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat menyatakan kasihan dengan teksi, sebab itu kita perlu regulasikan undang-undang dari segi pengangkutan awan darat ini kerana kalau kita tidak regulasikan, maka kita tidak dapat menguatkuasakannya terhadap syarikat-syarikat ini. Jadi, dengan ada kita mengadakan program Transformasi Industri Teksi itu dan juga kita mengadakan pindaan terhadap undang-undang-undang, maka itulah cara kita untuk membantu pihak teksi.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Oleh sebab kita menyayangi mereka, kita mahu mereka menyertai platform yang syarikat yang memberi *Apps* ini, yang menggunakan *Apps* ini. Sebab mereka mengatakan mereka mempunyai *Apps* tetapi tidak mendapat sambutan. Ini di antara syarikat yang telah berbincang dengan kami. Ini adalah daripada Persatuan Teksi sendiri. "*Oh, kami ada Apps sendiri tetapi orang tidak guna*". Oleh sebab mereka tidak begitu komersial, jadi sebab itu kita menggalakkan mereka untuk menyertai platform, misalnya *Apps* yang ada di dalam negara kita 12 syarikat itu ataupun

dengan *Uber* ataupun *Grab*. Akan tetapi, mereka perlu mendengar mereka dahulu supaya dia orang ada peluang untuk berbincang, untuk *negotiate*, dengan izin, antara mereka. Bagaimana mereka boleh- *how can they earn more from what they are getting- from joining them*, dengan izin.

Jadi, ini di antara perkara dan tadi Yang Berhormat...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: *[Bangun]*

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Saya belum habis jawab Yang Berhormat ini. Mengenai 5,000 itu adalah bukan hanya yang hendak keluar daripada pajak. Sebab itu saya rasa Yang Berhormat tidak dengar saya jawab dahulu yang *the last session*. Saya sudah jawab semua isu ini tetapi *never mind since you bringing it back again*. Saya ceritakan lagi. 5,000 itu geran tahu? Sudah diberi. Bukan hanya untuk keluar daripada- kalau dahulu kita memberi kepada mereka yang hendak keluar daripada pajak.

Sekarang ini, dengan *the recent budget* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi itu. Malah, kita benarkan mereka yang hendak keluar- ada yang hendak menggunakan kenderaan baru, hendak menyertai *especially* kalau hendak menyertai platform *e-hailing* ini. Kita galakan dan mereka akan diberi geran juga. Akan tetapi gerannya adalah cara-cara mereka dan itu kita akan bincangkan apabila mereka memohon nanti. Tadi mengenai...

■1710

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Kejap. Tadi mengenai isu PERKESO, kan? PERKESO telah di bawa oleh Kementerian Sumber Manusia dulu dalam perundangan mereka. Mereka mengadakan pindaan kepada *bill* mereka untuk meliputi pemandu-pemandu teksi. Yang Berhormat maksudkan tadi, kesian mereka kalau berlaku kemalangan, sekurang-kurangnya keluarga mereka juga dapat pampasan. *So*, itu sudah diambil kira dalam perundangan oleh kementerian. *PERKESO is not under us, sorry*, dengan izin.

Akan tetapi ianya di bawah Kementerian Sumber Manusia. Oleh sebab itu adalah Kementerian Sumber Manusia, jadi itu mereka punya *jurisdiction*. Bila kah ini *to take effect*? Sekarang ini kita sudah luluskan undang-undang, tinggal kita dalam proses menggazetkan sahaja. Semuanya yang mengatakan kebanyakan pihak pemandu teksi mengatakan, kenapa mereka masih lagi tidak membayar seperti mana teksi perlu bayar.

Sebenarnya itu ada, sudah dalam proses, Yang Berhormat. Oleh sebab itu kita katakan itu supaya mereka adalah dalam *the same level playing field*, dengan izin. Oleh kerana untuk memastikan bukan hanya teksi perlu membayar *medical check-up*. Itu pun *medical check-up* pun hanya- kalau dulu, mereka hanya membayar, *sorry*. Platform untuk pergi ke PUSPAKOM, periksa teksi mereka, dulu dua kali setahun, sekarang kita hanya

membenarkan sekali setahun. *There is another improvement there*, sekali setahun, dengan izin.

Kalau kereta mereka dalam baru berusia dalam tiga tahun, mereka tidak perlu pergi ke PUSPAKOM, ini mengurangkan beban mereka. Banyak lagi perkara kita cuba untuk membantu meringankan beban pihak teksi. Cuma kita mahu supaya pihak teksi ini mendengar, memberi peluang kepada pihak *Apps* untuk menerangkan kepada mereka. Jangan tutup pintu sebab kita hendak beri ruang untuk mereka menjadi lebih baik dan juga mendapat lebih keuntungan, Yang Berhormat.

Jadi, saya rasa, *I think I have answered your question*, dengan izin, kan? Oleh sebab saya sudah menjawab isu ini Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat tidak dengar dulu semasa saya menggulung dulu. Akan tetapi saya sudah menjawab apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Namun begitu Yang Berhormat, sekiranya ada lagi isu secara terperinci ataupun secara kecil-kecilan di Kota Kinabalu kah, hendak minta kita berhubung, bercakap dengan pihak persatuan, *no problem*, dengan izin. *Insyallah*. Padahal sebenarnya kita sudah melakukannya, mungkin tidak semua sudah datang tetapi *it is an ongoing process* Yang Berhormat, dengan izin.

Kita akan melakukannya. *You can come in together with us* kalau mahu, kita boleh bersama berbincang ini. Saya nyatakan ini kerana memang pun ada di kalangan pemandu teksi tidak mengetahui mengenai TITP ini. Mungkin ada di kalangan persatuan mereka tidak memberi peluang untuk mengetahui perkara ini. Kita mahu supaya mereka mengenali ini, *we dont want them to lose*, dengan izin, kita mahu mereka supaya mereka juga merebut peluang ini, okey? Jadi, saya rasa- ada lagi Yang Berhormat?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ada sikit lagi, *sorry* ya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, saya sangat terima kasih lah kepada Yang Berhormat Menteri supaya ada usaha untuk kurangkan beban pemandu teksi. Ada satu perkara lagi saya mahu beritahu Yang Berhormat Menteri ialah teksi selalu kena beban oleh polis dan JPJ. Sikit-sikit kena saman.

Jadi, contohnya teksi baru tunggu di depan hotel ambil *passenger* tetapi kena saman, tidak beri tolong tunggu sekejap sahaja. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh ambil tindakan supaya polis jangan terlampau dan JPJ juga lah. Sikit-sikit kena saman. Dapat pun tidak cukup bayar saman itu, kesian betul Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat, terima kasih. *This is beyond my control* Yang Berhormat, dengan izin. Oleh kerana kalau mereka melakukan kesalahan, saya tidak berada di sana untuk menyatakan kepada polis atau JPJ jangan

mengambil tindakan dahulu. Oleh sebab itu antara disiplin yang perlu dipatuhi, mengikut undang-undang.

Akan tetapi kalau mereka minta tolong polis, katakan sekejap sahaja, itu terpulang kepada mereka lah untuk minta izin supaya boleh dibenarkan untuk menunggu lama kah. *That is beyond our control*, itu adalah undang-undang Yang Berhormat. *Anyway*, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, setelah...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Stampin.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Mohon penjelasan.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Kalau boleh, sekejap.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Oleh sebab saya ada sentuh bab teksi.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Oleh sebab saya hanya menjawab soalan kepada mereka yang telah berbahas, adakah isu yang sama?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, mungkin terlepas pandang, saya sentuh dalam perbahasan tadi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sudah sentuh dalam perbahasan saya, berkaitan dengan kebajikan pemandu teksi di sempadan. Kalau apa yang saya tengok, apa yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, banyak perkara-perkara yang telah disediakan untuk membantu meringankan beban pemandu teksi. Apakah yang telah dibuat, terutama perundingan pihak kerajaan dengan syarikat-syarikat asing yang beroperasi kenderaan pengangkutan, mereka operasi secara berleluasa, yang masuk daripada negara Thailand, yang sekali gus menjejaskan pendapatan penduduk tempatan. Ini saya sentuh dalam perbahasan saya dan saya harap perkara ini jangan ambil sambil lewa.

Oleh sebab sudah acap kali dan setiap kali perbahasan kita sebut dan ini menjadi satu ancaman ataupun menghakiskan pendapatan. Apakah erti mereka dapat bantuan untuk beli kereta baru, sedangkan untuk mereka membayar bulanan pun mereka tidak mampu, hasil daripada saingan yang begitu hebat, terutamanya daripada kenderaan asing yang masuk di negara. Jadi, apa yang telah dibuat oleh pihak kementerian hari ini untuk menangani isu ini? Perkara ini saya ada sentuh mungkin terlepas pandang.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, boleh?

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Itu bukan terlepas pandang, sebab itu bukan bidang di bawah saya. Oleh sebab itu adalah di bawah Kementerian Pengangkutan, jadi saya tidak sentuh itu. Saya hanya mengenai permit semua itu, yang syarikat daripada luar negara semua itu, bukan di bawah saya Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ia kebajikan untuk teksi di dalam negara kita dan yang berada di sempadan.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Kalau dari kebajikan pemandu teksi, sudah kita sentuh, kita telah ambil kira. Apa yang dijadikan *complain* ataupun maklum balas yang kita terima daripada semasa *lab* dengan Persatuan Teksi, dia kata dia tiada cuti, dia tiada insurans, dia pergi ke hospital pun dia kena bayar pajak. Ini kebanyakannya pajak.

Jadi, sebab itu dilahirkan TITP itu. TITP adalah mengambil kira semua masalah yang mereka sentuh. Apa yang dilahirkan daripada TITP ialah daripada mereka juga. Dia kata tiada insurans, ada SOCSO sudah. Geran pun diberi. Lepas itu dia kata, dia tiada cuti. Jadi, kalau dia dengan syarikat, itu bukan hak kita. Akan tetapi untuk kita membantu ialah dengan cara apabila kita mengadakan TITP ini, kita mengadakan perbincangan syarikat mereka.

Akan tetapi terpulang lah. Kita berharap supaya syarikat-syarikat yang ada itu mengambil tindakan seperti mana kita pohon. Akan tetapi itu adalah antara budi bicara syarikat juga supaya mereka dibantu. Di antara masalah mereka, katanya, kita kena bayar syarikat. Kalau *e-hailing* ini dia kata tidak perlu bayar syarikat. Akan tetapi kita perlu kira, syarikat yang membantu mereka adalah syarikat yang mereka tidak perlu hutang dari *financial institution*, dengan izin. Jadi, mereka kena bayar syarikat kerana syarikat yang tolong berhutang untuk mereka. Yang Berhormat faham ya? Jadi, yang *e-hailing* itu, bukan dia tidak bayar syarikat, dia beli kereta daripada bank kah, institusi kewangan kah, jadi kena bayar juga, ini dia tidak fikir.

Akan tetapi dia hanya hendak menyatakan dia kena bayar syarikat tiap-tiap minggu. Jadi, apa yang kerajaan dapat lakukan, bagi dia RM5,000 geran kalau dia hendak keluar. Akan tetapi sekarang ini bukan hanya untuk yang pajak sahaja, kita yang tidak pajak pun, dia hendak tukar kepada kenderaan baru pun kita bagi. Jadi, yang fasal insurans itu semua, SOCSO sudah ambil kira. Dari segi yang menyusahkan mereka pergi PUSPAKOM dua kali, sekarang ini dengan yang baru, kita tukar kepada satu kali. Malah, kalau kereta baru, dalam masa tiga tahun tidak perlu lagi pergi ke PUSPAKOM sehingga lepas itu. Kalau mereka, pemandu teksi perlu pergi *medical check-up*, yang *e-hailing* pun kena pergi sama, supaya mereka ada sama rata.

■1720

Jadi, yang kita ambil kira ini adalah apa yang telah dimaklumkan melalui *lab* itu. Mereka ada wakil sendiri. Inilah kebajikannya yang kita lakukan. Kalau berlaku kemalangan kah, mereka ada pampasan daripada insurans melalui SOCSO. Kalau syarikat tadi Yang Berhormat sentuh tadi, bukan di bawah bidang kuasa saya ya. Terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Menteri, boleh?

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Ya.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih, Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri, saya tertarik dengan apa yang Menteri katakan bahawa tadi terdapat juga 12 syarikat *e-hailing* berlainan selain daripada *Uber* dan juga *Grab* di Malaysia. Itu memang satu fenomena yang menggalakkan.

Soalan saya, bagi usahawan tempatan yang mahu menjayakan usaha seperti *e-hailing* seperti *Uber* dan *Grab*, apa yang mereka perlu buat memandangkan sekarang ada pindaan terhadap rang undang-undang yang baru? Saya mendapati satu kes di mana di Kuchinglah, saya pernah pergi cuba di mana apabila usahawan baru mahu pergi ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia dekat Kuching, mereka mahu jayakan juga usahawan *e-hailing* seperti *Uber* dan juga *Grab*, mereka diberitahu bahawa *at this moment* mereka tidak tahu hendak *register* dekat kategori yang mana, sama ada kategori pengangkutan ataupun kategori *internet services*. Kalau setahu saya, kalau *Uber* dan *Grab*, ia adalah *internet services*, tetapi sekarang kerana masih dalam *transitions period*, maka pihak SSM tidak tahu hendak letakkan syarikat ini dekat kategori mana.

Jadi ada terdapat sedikit *confusion*lah. Saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali, dia perlu ada syarikat. Kalau perlu ada syarikat, dia perlu mendaftar sebagai sebuah syarikat ya.

Untuk aktiviti dia, saya mintalah kalau boleh, minta dia datang ke SPAD sebab LPKP Sarawak dan Sabah ini adalah perkara baru. Jadi, SPAD ini, kalau dia sukar, boleh bincang dengan saya, nanti saya berikan maklumat melalui secara bertulis. Minta dia supaya tulis sahaja kalau dia memang sukar kalau dia dari Sarawak dan Sabah datang ke Kuala Lumpur memang agak sukar. Kita tidak mahu menyusahkan juga. *So, just write*, dengan izin, kalau boleh tulis kepada sayalah. Mungkin pengarah baru ini belum mengetahui. *This is something new, as you said*. Jadi kita akan *advice* nanti, dengan izin, *insya-Allah*.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Jadi saya rasa...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Menteri, ini sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Pada sesi lepas, semasa kita debat Akta LPKP untuk *e-hailing*, saya ada menyebut dulu tentang kalau boleh kita hendak bantuan itu bukan RM5,000 tapi RM10,000. *Actually*, dalam Bajet 2018 bukan sahaja hendak mengeluarkan daripada pajak, tetapi sebagai geran. *Actually*, dulu itu *I did not explain* lah, dengan izin, kenapa saya sebut RM10,000. *Actually*, kita pun berbincang lama sebelum ini, kita ada panggil beberapa puluh buah teksi yang sudah lebih hampir 15 tahunlah. *Some of them* ingin hendak menyambung ya, jadi- *we are talking about new taxi* lah.

Jadi kenapa saya sebut RM10,000 itu, Yang Berhormat Menteri, ialah kita mengetahui di Sarawak, kereta kita rata-rata hampir RM3,000 lebih mahal daripada di sebelah sini. Jadi mungkin yang RM5,000 itu adalah untuk di Semenanjung. Apa-apa di Sarawak, saya tahu, *is around RM3,000 more*- kereta. Sekarang dalam RM3,000, *some even* mencecah hampir RM5,000. RM3,000 to RM5,000 *actually* lah. Jadi, sebab itulah sekiranya kalau dapat dipertimbangkan, sekarang dalam bentuk geran mungkin untuk kita di Sarawak dan di Sabah sebab harga kita berbeza di sini. Mungkin RM8,000 ataupun RM9,000 sebagai dalam bentuk geran membantu mereka. Itu yang saya ingin hendak suarakan, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat, *LPKP Chairman Sarawak*. Boleh kita bincang nanti mengenai caranya. Saya tidak berani hendak *commit* di sini sebab itu adalah bajet untuk- ia akan ada efek atau implikasinya kepada bajet kita. Jadi kita bincang nanti. Saya rasa...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat boleh?

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Boleh tapi Yang Berhormat Arau sudah menunggu lama dah.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Dia bersabar itu. Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini berkaitan dengan soalan yang berkaitan dengan Yang Berhormat Ipoh Barat yang memang sentiasa menjadi persoalan kepada saya juga sebab media massa saya seperti *WhatsApp*, *Messenger* dan juga *Facebook* selalu digunakan oleh masyarakat biasa untuk menghantar komplain. Saya ada isu berkenaan dengan Yang Berhormat Ipoh Barat sama di mana ETS dan komuter sentiasa mengalami kelewatan.

Sebagai contoh, pada 12 Ogos 2017- bas ini, bukan ETS. Bas yang saya naiki ini pun lewat tiga jam. Pegawai daripada kementerian Yang Berhormat telah menghubungi saya dan ada satu *inquiry* tetapi sehingga hari ini *inquiry* itu tidak dilanjutkan. Surat dapat tetapi tiada *inquiry*. Berkenaan dengan ETS, pada 23 Ogos 2017, tren ETS ke Ipoh kena tunggu hampir empat jam di Stesen Sungai Buloh. Pada 11 Oktober 2017, penumpang tren komuter ke Tanjung Malim diminta turun di Stesen Kepong dan disarankan untuk menaiki pengangkutan alternatif.

Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat dan selalunya saya pun bangkitkan isu ini. Satu, kelewatan bas, satu lagi kelewatan ETS dan komuter. Saya perlukan- setiap kali saya minta komitmen daripada Yang Berhormat Menteri supaya sistem pengangkutan ini diselaraskan dan diperbaiki. Pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau boleh, Yang Berhormat bagi saya detil tarikh itu ya sebab semalam saya baru balik daripada Ipoh, saya menggunakan ETS dan saya juga bertanya soalan yang sama daripada pegawai-pegawai. Apa yang mereka katakan ialah ada waktunya memang lah ada masalah tersebut sebab teknikal punya masalah. Jadi Yang Berhormat sentuh tadi, saya minta tarikh dia supaya kita dapat *exact* masa itu supaya kita dapat jawab apakah masalahnya sebenarnya. Sebab, kita tidak mahu secara menyeluruh, *just because it happened at one time*, jadi ia menjadi satu *general* pendapat. Jadi, *insya-Allah, you* bagi *the detail* Yang Berhormat supaya saya dapat mengetahui *the exact* masalah pada masa yang dimaksudkan.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Banyak juga rintihan-rintihan terdapat di dalam *Facebook* SPAD sendiri. Rintihan-rintihan memang ada di sana. Mereka hantar kepada saya, mereka hantar kepada sana. Macam aduan saya ini, spesifik dari- macam contoh saya berikan, 12.15 apa yang berlaku, 10.45 apa yang berlaku. Kata ada *inquiry* tapi sampai sekarang tiada *inquiry*.

So, saya rasa kadang-kadang SPAD walaupun ada rintihan, dia memandang rendah. Kebanyakan komen-komen ini saya boleh panjangkan kepada Yang Berhormat Menteri. Bila Yang Berhormat Menteri baca komen-komen ini, rintihan daripada pengguna masyarakat biasa adalah SPAD tahu *problem* ini tetapi dia pandang rendah, dia tidak ambil serius dan sebagainya. Saya tahu Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai menjalankan tugas. Saya secara peribadi telah menghubungi pegawai-pegawai dan saya tahu maklum balas yang diberikan. Ini tiada masalah dengan Yang Berhormat Menteri mahupun pegawai-pegawai.

Masalahnya adalah SPAD, masalah adalah ETS, komuter dan bas dan pegawai-pegawai yang bertugas di kawasan tersebut. Mereka pandang rendah tentang rintihan dan teguran-teguran pengguna. Padahal, pengguna ini menggunakan pengangkutan awam sebab mereka terpaksa. Saya ada beberapa orang ibu yang terpaksa balik ke rumah, ada anak-anak kecil tetapi tiga ke empat jam lewat. Bukan sehari dua hari tapi dalam seminggu tiga ke empat hari. Saya diminta untuk turun dan ada kalanya saya turun pandang saya tengok sendiri dan saya naik bas selepas mendapat rintihan, dan saya sendiri jadi mangsa.

So, itu Yang Berhormat perlu pandang dengan serius. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat menghargai *feedback* seperti ini kerana ia memberikan peluang kepada kita supaya kita tahu ini adalah antara komen-komen daripada masyarakat di luar sana, malah ia masuk *Facebook* apakah tindakan kita. Terima kasih di atas *feedback* Yang Berhormat. Saya akan berbincang dengan pegawai-pegawai yang terlibat. Terima kasih.

Jadi, dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, terima kasih kepada Yang Berhormat Arau kerana memberikan peluang ini kepada saya untuk mengambil alih tempat beliau. Dengan menjawab isu yang terakhir itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini telah selesai dalam memberikan maklum balas terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terhadap isu-isu yang membabitkan agensi-agensi di bawah seliaan saya. Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau.

5.29 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi dan juga kepada semua kawan-kawan di sini.

Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2018 yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Agensi Pengurusan Bencana Negara (NaDMA), *Malaysian Coast Guard*, Angkatan Pertahanan Awam, ESSCOM dan juga Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA).

■1730

Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat Bukit Katil telah memohon kerajaan mengkaji balik peruntukan atau bantuan kepada mereka yang berhadapan dengan masalah banjir.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sekarang ini memberikan bantuan wang ihsan kepada ketua isi rumah di kalangan mangsa banjir. Untuk membolehkan ianya dibayar, kita akan mendapat pengesahan daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat sebelum ianya diagihkan. Sebagai makluman, semenjak tahun 2008 kerajaan telah mengagihkan sebanyak RM422.4 juta kepada mangsa-mangsa dari pelbagai jenis bencana.

Ahli Yang Berhormat daripada Kangar, telah bertanya mengenai peruntukan khas apabila berlakunya banjir di negeri Perlis untuk diberikan kepada mangsa banjir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan melalui NADMA akan memberikan peruntukan khas dalam bentuk wang ihsan kepada 805 ketua keluarga yang berpindah ke pusat perpindahan ketika banjir yang berlaku pada 21 hingga 28 September 2017 yang

lalu. Penyampaian wang ihsan ini akan diberi kepada secara tentatifnya adalah pada 7 - akan diberikan kepada mangsa banjir dalam masa terdekat.

Yang Berhormat Kangar juga telah menyatakan kebimbangan mengenai penyiapan projek tebatan banjir Perlis. Banjir di negeri Perlis pada bulan September 2017 adalah disebabkan oleh hujan yang lebat. Jumlah hujan yang turun pada 21 September 2017 di negeri Perlis boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu bahagian hulu dan di Empangan Timah Tasoh seperti kawasan Wang Kelian, Padang Besar dan Tasoh yang mencapai 170 milimeter sehari serta bahagian hilir seperti kawasan Kangar, Arau dan Kuala Perlis yang mencapai 120 milimeter.

Bagi memastikan keselamatan Empangan Timah Tasoh, air yang berlebihan dialirkan keluar melalui lencongan barat *slipway* yang dibina di kawasan Timah Tasoh. Projek *slipway* ini hampir siap dilaksanakan kecuali tiga buah jambatan iaitu jambatan di jalan JKR R109, NTV No.2 dan JKR R107 masih dalam proses pembinaan yang menyebabkan limpahan air berlaku.

Bagaimanapun sebenarnya saya hanya boleh memberikan maklum balas mengenai kebajikan mangsa-mangsa banjir. Mangsa-mangsa yang terkesan akibat limpahan air dari lencongan barat ini boleh membuat aduan melalui pejabat projek Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perlis. Aduan ini akan dimajukan kepada pihak kontraktor untuk urusan selanjutnya. Mangsa-mangsa banjir boleh membuat tuntutan dari insurans *Contractors' All Risks* melalui Jabatan Pengairan dan Saliran.

Ahli Yang Berhormat Baling telah menunjukkan minat terhadap prosedur operasi standard (SOP) bagi bencana banjir dan gempa bumi. Untuk makluman semua, selain daripada SOP bencana banjir dan gempa bumi, NADMA mempunyai lima lagi SOP lain yang akan digubal semula. Walau bagaimanapun penggubalan ini tertakluk kepada semakan semula Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara. *Insyah-Allah* SOP yang baru ini akan dikeluarkan tidak lama lagi.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang kita- pengurusan bencana ini kita mengikut Arahan 20 Jabatan Perdana Menteri yang ada 35 muka surat. Di sini dia bagi dengan cara *detail* ini cara terperinci tentang peranan jabatan masing-masing. Cuma perubahan yang akan kita buat nanti ialah bila kehadiran baru sekretariat. Dahulu sekretariatnya ialah Majlis Keselamatan Negara. Sekarang sekretariatnya ialah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia di peringkat negeri dan juga daerah. Sekarang ini Ahli-ahli Yang Berhormat, semua Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat, Dewan Negara, Dewan Undangan Negeri kita lantik menjadi anggota kehormat. Mereka digalakkan untuk menubuhkan *Civil Defence Emergency Response Team* (CDERT) bagi tiap-tiap komuniti.

Komuniti termasuklah rumah pangsa, taman dan sebagainya digalakkan untuk menubuhkan dan Yang Berhormat boleh membantu untuk penubuhan CDERT di peringkat komuniti. Kalau berlaku bencana termasuk banjir contohnya macam banjir di Pulau Pinang,

komuniti akan bertindak dahulu sebelum pihak berkuasa hadir. Itu sebab kehadiran semua pihak untuk membantu ini dalam pelbagai bentuk. Jadi Arahan MKN20 ini lengkap cumanya kita hendak masuk pertambahan baru berhubung dengan perubahan sekretariat dan juga penubuhan NADMA yang tidak termasuk dalam Arahan MKN20. Yang lain saya lihat telah diperincikan dengan sehalus-halusnya untuk dijadikan SOP bagi pengurusan bencana di peringkat negeri, daerah dan juga di peringkat komuniti.

Cuma yang saya hendak bagi penekanan bahawa arahan ini yang telah dikeluarkan pada tahun 90-an dahulu. Ia tidak ada masalah, yang mungkin kalau ada masalah ialah orang yang menganggotai barisan pengurusan SOP ini dia berubah dari masa ke semasa. Ada yang sudah pencen, ada yang sudah pergi, ada yang baru mengambil alih dan sebagainya. Kalau sekiranya arahan ini diikuti dengan sepenuhnya kita tidak ada masalah dari segi pengurusan bencana. Cumanya dahulu bila kita membuat arahan ini dia soal cuaca yang berubah ini tidak berlaku seperti yang berlaku sekarang. Sekarang ini cuaca yang berubah dengan mendadak di seluruh dunia menyebabkan kesannya kepada negara ini. Contohnya yang berlaku di Pulau Pinang arahan kuning yang dikeluarkan terus pergi ke jingga dan merah itu dalam jangka masa yang cukup cepat.

Walaupun kita telah memaklumkan bahawa *template* pemahaman itu haruslah dipatuhi di mana kita akan berpindah dua hari ataupun tiga hari sebelum banjir tak dapat diikuti dengan sepenuhnya kerana masih banyak pihak yang menyangka bahawa mereka boleh hadapi keadaan tersebut kerana benda ini tak pernah berlaku. Jadi bila berlaku ia menimbulkan masalah. Jadi pelbagai pihak menimbulkan perkara ini saya ingin memaklumkan bahawa SOP tidak ada masalah. Manusia yang menguruskannya itu...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Minta laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Juga kalau mereka memahaminya tidak ada masalah. Yang berlaku di Penang baru-baru ini kita lihat kekangan kita ialah bila berlaku dengan mendadak begitu, kita ada sedikit masalah di waktu pagi dan petang. Akan tetapi pada malam hari kita sudah selesai masalah dan saya sendiri mengepalai pengurusan bencana di Pulau Pinang. Ini saya balik sebab terpaksa menggulung dan juga menjawab Perkara 18(1), belah Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tak tanya soalan dan menggulung sudah pasti saya masih berada di Pulau Pinang.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Minta laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Tanjong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Ya saya hendak dapat pendapat daripada Yang Berhormat Menteri, mengikut apa yang berlaku di Pulau Pinang sepatutnya amaran cuaca yang dikeluarkan itu adalah di peringkat "merah", dan bukannya dikeluarkan amaran peringkat "kuning" pada 1 hari bulan untuk tempoh dari 2 sampai 4 November. Selepas

hujan, selepas empat jam baru dikeluarkan “jingga”, selepas tujuh setengah jam hujan turun baru ditukar kepada “merah”. Saya rasa ini memang satu keadaan yang lambat. Jabatan Meteorologi lambat untuk meramalkan cuaca yang sebenarnya akan berlaku. Minta pendapat daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, selepas ini kementerian yang berkenaan akan menjawab. Yang Berhormat boleh bertanya kementerian berkenaan berhubung dengan meteorologi. Meteorologi dia hantar, kita sebarkan serta-merta. Dia keluar serta-merta kita keluarkan dan sudah pasti meteorologi juga menghadapi suatu suasana di mana kuning, jingga dan merah itu berlaku dengan begitu mendadak dan cepat sekali.

Ini kerana di Pulau Pinang itu bila angin yang bertiup dengan begitu kencang kemudian hujan turun dalam masa yang sama air pasang besar ini telah bertembung sekali menyebabkan banjir berlaku dengan cepat dan serta-merta. Bukan sahaja di Pulau Pinang termasuk di Kedah, di kawasan Yang Berhormat Jerai banjir itu hanya berlaku satu hari sahaja. Akan tetapi air yang enam kaki itu telah merosakkan habis semua peralatan mereka, katil, peti sejuk, semua ini rosak dan mereka telah mengadu kepada saya tentang kerosakan yang berlaku dan kerajaan akan mempertimbangkan dengan sewajarnya.

■1740

Yang Berhormat, bagi kita ialah mangsa bencana banjir itu mereka sudah menjadi mangsa kepada bencana. Jadi orang-orang yang telah diamanahkan untuk menolong termasuk lain-lain sukarelawan yang muncul dengan hebatnya pada hari yang kedua bersimpati dengan mereka dan memberi layanan yang terbaik. Di antara layanan yang terbaik kepada mereka ialah segala kerehuan yang dihadapi, hadapilah dengan sabar dan kalau boleh sentiasa melemparkan senyuman. Lain-lain saya ingat tidak ada masalah. Masalah perpindahan, saya hendak beritahu Yang Berhormat sebab saya sudah jawab tadi. Masalah kehadiran anggota kita yang begitu ramai. Ini yang rasmi. Tidak termasuk lagi sukarelawan.

AGENSI	BILANGAN (ANGGOTA)
Polis	542
Bomba	371
SMART Team	50
APM	630
JKM	291
JKR	71
JPS	107
Pejabat Daerah	74
KKM	166
RELA	200
Majlis Bandaraya Pulau Pinang	479
Angkatan Tentera Malaysia	345

SUK Selangor	175
St. John	50
Persatuan Bulan Sabit Merah	50

Yang ini ialah yang rasminya. Kita berada di semua tempat untuk menguruskan mangsa banjir yang terdiri daripada 1,722 keluarga pada kelmarin. Pada pukul lapan pagi semalam tetapi pada hari ini angkanya agak meningkat. Mungkin orang yang tidak daftar datang daftar dan sebagainya. Jadi dari segi SOP, saya ingat kita tidak ada masalah tetapi mungkin orang-orang yang minta pertolongan itu menyebut tentang SOP dan sebagainya. Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa kita hadir bersama-sama dengan angin yang sedang bertiup.

Yang Berhormat Bagan telah bertanya mengenai jumlah bantuan kepada negeri Pulau Pinang semenjak tahun 2013 dan sama ada mangsa-mangsa banjir pada 15 September 2017 layak mendapat bantuan. Adalah dimaklumkan bahawa Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah menerima senarai mangsa banjir daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri pada 17 Oktober. Kelulusan bantuan wang ihsan hendaklah tertakluk kepada proses pemutihan oleh NADMA yang kini sedang diusahakan. Selalunya kalau senarai itu datang kepada kita, Tuan Yang di-Pertua, kita akan proses dalam masa seminggu sahaja. Tidak ada masalah tetapi kita kena bergantung kepada jawatankuasa bencana peringkat negeri dan juga daerah untuk menghantar laporan kepada kita.

Saya juga ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Lai daripada Sibuti, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Ahli Parlimen Paya Besar dan juga Yang Berhormat Ahli Parlimen Bintulu yang menyentuh *Malaysia Coast Guard*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Malaysia Coast Guard* ataupun APMM menyambut baik dengan keprihatinan kerajaan memperuntukkan sejumlah besar peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan dan pengurusan bagi tahun 2018. *Malaysia Coast Guard* diberi peruntukan untuk membaik pulih dan menyelenggarakan kapal serta bot, menaik taraf jeti dan pembelian tiga buah kapal peronda kelas *offshore petrol vessel* (OPV). Cadangan pembelian kapal peronda ini merupakan satu usaha untuk memperkukuhkan kehadiran aset di laut yang berkemampuan untuk bertahan dalam tempoh jangka masa yang lama di zon maritim Malaysia terutamanya di Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, empat dari enam buah kapal baru jenis *new generation petrol craft* (NGPC) yang panjangnya 45 meter masih dalam pembinaan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2019. Seterusnya pembinaan tiga buah kapal OPV masih lagi sedang dalam pembinaan di Pelabuhan Klang dan ia akan siap pada tahun 2020. Mengikut perancangan, salah satu daripada OPV tersebut akan ditempatkan di

Wilayah Maritim Sarawak bagi melaksanakan operasi. *Malaysia Coast Guard* sentiasa komited dalam menjalankan pemantauan, konsisten 24 jam sehari secara berterusan dengan mengekalkan kehadiran aset kita di sekitar Beting Patinggi Ali serta pada masa yang sama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) turut memperagakan kehadiran aset mereka.

Kerjasama dan persefahaman erat antara *Malaysia Coast Guard* dan juga TLDM dengan kehadiran aset di kawasan tersebut setiap hari memaparkan kesungguhan kerajaan mempertahankan kedaulatan perairan negara dan menjaga keselamatan nelayan tempatan mahupun syarikat cari gali minyak negara yang melakukan aktiviti di sekitar kawasan tersebut. Tindakan ini adalah bagi memastikan perairan negara berada dalam keadaan aman dan terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Kuala Terengganu dan Yang Berhormat Paya Besar membangkitkan isu kelemahan penyelarasan dan mencadangkan agar penguatkuasaan keselamatan di perairan Maritim perlu diperkasakan. *Malaysia Coast Guard* telah mempergiatkan penguatkuasaan bagi menangani kegiatan mencuri hasil tangkapan laut milik negara oleh nelayan asing kerana ia jelas menggugat sumber ekonomi nelayan tempatan. Terdapat beberapa langkah bagi membasmi pencerobohan nelayan asing khususnya daripada warga Vietnam. Antaranya *Malaysia Coast Guard* telah meningkatkan rondaan dan kehadiran dengan mengoperasikan tujuh hingga 15 *vessel* setiap hari di kesemua lima wilayah maritim sebagai langkah untuk mengawal isu pencerobohan bot nelayan asing di zon maritim Malaysia.

Malaysia Coast Guard turut melaksanakan tindak balas pantas selepas aduan diterima oleh orang awam. Kesemua aset sentiasa berada dalam keadaan siap siaga dan mampu digerakkan dalam masa 30 minit setelah menerima aduan yang berkaitan. Terdahulu Kerajaan Malaysia juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Jepun kerana telah menyumbangkan KM Pekan dan KM Arau iaitu kapal *offshore petrol vessel* (OPV) untuk dioperasikan dalam tempoh yang lama dan mampu belayar sehingga ke sempadan perairan negara. Pengawasan melalui udara dibuat dari semasa ke semasa.

Malaysia Coast Guard juga melaksanakan operasi khas padu yang melibatkan empat agensi maritim utama iaitu TLDM, Polis Marin dan juga Jabatan Perikanan Malaysia yang dilancarkan pada 24 Ogos 2017 bagi mengekang kemasukan bot nelayan asing daripada memasuki perairan negara. Operasi ini melibatkan kapal OPV KM Pekan dan juga dibantu aset OPV daripada Kota Kinabalu iaitu KM Arau.

Data hingga 16 Oktober pada tahun ini menunjukkan sejumlah 63 kes tangkapan *vessel* nelayan asing ditahan di perairan pantai timur berbanding 38 kes yang melibatkan 37 kes Vietnam, satu Thailand, tangkapan pada tahun lepas. Peningkatan jumlah ini menunjukkan bahawa kesungguhan *Malaysia Coast Guard* dalam menangani

pencerobohan nelayan asing di perairan tersebut. Untuk pengetahuan, melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Kesebelas, kerajaan telah meluluskan beberapa projek pembangunan berteraskan teknologi canggih bagi memperkukuhkan sistem keselamatan perairan negara daripada dicerobohi.

Dengan itu, satu sistem pengawasan perairan negara yang berteknologi tinggi yang dikenali sebagai Sistem Pengawasan Maritim (Laut) (SWASLA) telah diwujudkan oleh kerajaan. Oleh itu *Malaysia Coast Guard* telah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan mengawal selia sistem tersebut demi menjamin keselamatan dan juga kesejahteraan rakyat khususnya. Untuk pengetahuan semua Ahli Yang Berhormat, SWASLA merupakan antara teknologi baru yang digunakan oleh *Malaysia Coast Guard* bagi memastikan pelayaran dan juga mengawal keselamatan sempadan perairan negara.

Fasa pembinaan radar atau *Remote Sensor Site* (RSS) di Pulau Malawali dan *Area Control Center* (ACC) Sandakan bagi perairan Pantai Timur Sabah sedang dijalankan. Perancangan seterusnya adalah pembinaan RSS SWASLA yang meliputi semua perairan timur Sabah hingga ke Tawau. Selain itu, projek pembinaan RSS Pulau Jarak dan Pulau Perak turut dilaksanakan bagi menentukan pengawasan dan pemantauan SWASLA yang lebih menyeluruh dan berkesan di perairan Selat Melaka.

SWASLA berperanan dan bertanggungjawab untuk membuat pengawasan keselamatan perairan maritim, menganalisis aktiviti keselamatan maritim, membantu penyelarasan operasi dan bertindak sebagai pusat maklumat bagi *Main Control Center* (MCC) dan juga *Area Control Center* (ACC). Dalam konteks pencegahan pencerobohan nelayan asing, SWASLA berupaya untuk membuat 24 jam pengawasan dengan jangkauan jarak sehingga 30 batu nautika. Maklumat dan data pengesanan akan disalurkan kepada agensi untuk tindakan aset yang sedang beroperasi.

■1750

SWASLA juga mampu melaksanakan pemantauan di kawasan *hot spot* berdasarkan trend analisis kejadian dan maklumat perisikan. Perisian yang digunakan dalam SWASLA boleh mengklasifikasikan sasaran dengan menggunakan teknologi *detection criteria*. Dengan itu, data dari pengesanan tersebut akan disimpan untuk dianalisis selanjutnya. Bagi tindakan pantas, SWASLA boleh berhubung terus dengan aset di laut untuk tujuan mencegah nelayan asing.

Saya juga ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang Angkatan Pertahanan Awam Malaysia iaitu Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Batu dan juga Yang Berhormat Bayan Baru yang semuanya menyatakan pujian dan sokongan kepada khidmat terbaik warga APM setiap kali berlaku situasi kecemasan dan bencana. Penghargaan dan keprihatinan Ahli Yang Berhormat sekalian

kepada APM, saya akan menaikkan lagi semangat anggota APM untuk berkhidmat dengan lebih berkesan pada masa hadapan.

Seperti diketahui, APM melaksanakan tiga peranan yang besar ketika bencana iaitu pasukan penyelamat utama di lapangan dan sebagai sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat negeri dan daerah selain bertanggungjawab untuk melatih seramai mungkin rakyat atau komuniti dengan pengetahuan dan kemahiran untuk bertindak balas menghadapi kecemasan bencana.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, iaitu kadar elaun kepada Anggota Pertahanan Awam adalah sama yang diberi kepada Pasukan Simpanan Sukarelawan Polis dan juga askar-askar Wataniah iaitu yang dibayar untuk pegawai sebanyak RM7.80 sejam dan RM6.00 sejam bagi anggota-anggota lain pangkat. Bagi jawatan tetap APM pula, pada ketika ini seramai 576 pegawai tetap Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam yang mengurus tadbir pengurusan anggota, operasi dan latihan kepada anggota serta komuniti setempat. Pegawai tetap skim KP ini dibantu oleh seramai 689 perjawatan guna sama pelbagai skim perkhidmatan lain. Saya percaya kerajaan sentiasa peka dan prihatin dengan kedudukan perjawatan yang ada dalam APM dalam nisbah satu pegawai tetap skim KP bertanggungjawab kepada 2,804 anggota sukarela. Pada masa sekarang, terdapat 1.7 juta anggota sukarela di seluruh negara.

Mengenai Bajet 2018, APM telah diperuntukkan sebanyak RM177.5 juta di mana sejumlah RM129 juta diperuntukkan di bawah perbelanjaan mengurus, manakala bakinya RM48.5 juta diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan. Peruntukan ini adalah bagi permulaan dan sekiranya tidak mencukupi, pihak JPM akan menyalurkan peruntukan tambahan kepada APM.

Sejak tahun lalu, APM telah membuat perolehan bagi pelbagai aset penyelamat seperti bot *Amphibious Sealegs* sebanyak 27 unit, bot jenis pelbagai saiz sebanyak 605 unit, lori lima tan yang sedang diterima secara berfasa sebanyak 61 unit. Perolehan ini dilakukan bagi menggantikan kenderaan dan aset yang telah uzur. Selain itu, perluasan operasi APM sebanyak 179 pejabat di mana 23 pejabat adalah hak milik APM sepenuhnya, manakala 112 pejabat lagi menduduki secara percuma dan 41 buah lagi ialah berstatus sewaan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Mohon penjelasan sedikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Rantau Panjang. Ya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan isu yang saya bangkitkan berkaitan dengan kebajikan dan keperluan Anggota Pertahanan Awam terutama dalam kawasan saya, kawasan yang sentiasa terdedah dengan banjir dan kawasan yang agak kritikal setiap kali berlakunya musim banjir.

Apa yang saya dapat makluman, pejabat Angkatan Pertahanan Awam yang ada di Rantau Panjang adalah berada di satu tempat yang sementara dan dengan keadaan yang ada sekarang, tempat itu akan digunakan oleh pihak yang memerlukan. Jadi, terpaksa pindah ke tempat lain.

Saya dapat makluman bagaimana pejabat di Rantau Panjang tidak berdaftar. Jadi saya ingin tahu, berapa jumlah pejabat sebenarnya yang berdaftar di Kelantan? Kalau kawasan-kawasan kritikal yang tidak berdaftar, macam mana mereka untuk menguruskan pejabat, ada peruntukan yang khusus, ada pegawai yang mengurus?

Jadi saya mengharapkan supaya dari sudut pengurusan pejabat untuk Angkatan Pertahanan Awam ini diambil satu perkara yang cukup penting terutama kawasan-kawasan yang berisiko tinggi. Jadi saya ingin penjelasan tentang isu ini dan apakah cadangan penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi oleh anggota-anggota sukarelawan yang ada terutama di Rantau Panjang?

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Sikit Yang Berhormat Menteri. Jerantut. Sikit, sikit. Jerantut sambung tadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan 112 pejabat yang belum ada pejabat tetap seperti mana Yang Berhormat Rantau Panjang bercakap tadi. Jerantut juga merupakan kawasan yang berisiko banjir dalam susunan negeri Pahang ini. Biasanya Jerantut ini lebih awal kena banjir berbanding kawasan lain.

Apa yang menyedihkan di Jerantut ini, Yang Berhormat Menteri, sudahlah pegawainya tidak mencukupi. Mereka menjadi urus setia kepada bencana banjir di Parlimen Jerantut ini, tetapi dari segi bilangan anggota mereka pun, tidak mampu untuk mengendalikan bencana yang besar ini. Jadi, apakah cadangan kementerian untuk meningkatkan bilangan pegawai-pegawai yang ditempatkan di daerah ini, di daerah-daerah yang berisiko ini? Ini berbeza dengan kawasan-kawasan yang risikonya tidak tinggi. Jadi, jangan mengambil kira pukol rata semua kita hendak bagi termasuk kawasan yang tidak berisiko ini pun pegawai yang sama dengan kawasan yang berisiko. Jadi saya minta kawasan-kawasan yang berisiko ini diberikan tambahan pegawainya. Satu.

Kedua, seperti mana Yang Berhormat Rantau Panjang tadi berkata, di Jerantut ini dia menumpang, menumpang kuarters kerajaan. Adalah menyedihkan bila menumpang kuarters kerajaan ini, ia tidak mempunyai satu pejabat yang khusus yang menggambarkan identiti APM ini penting. Jadi apalah kiranya kalau Yang Berhormat Menteri dalam ruang Bajet 2018 ini memberikan sedikit kesegaran kepada APM di daerah ini agar wajah pejabat mereka itu lebih ceria, lebih menggambarkan yang agensi ini penting.

Ketiganya ialah dari segi peralatan. Saya minta kalau boleh kawasan-kawasan yang berisiko ini diberikanlah keutamaan dari segi kemudahan-kemudahan keperluan persiapan banjir untuk kawasan-kawasan yang berisiko. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Untuk makluman Yang Berhormat Rantau Panjang, jumlah perjawatan di negeri Kelantan ialah sebanyak 69 tetap, 33 orang pegawai skim KP, dibantu oleh 36 orang penjawat awam skim guna sama. Jumlah anggota sukarelawan di negeri Kelantan sekarang ialah 119,822 di mana untuk Rantau Panjang saja seramai 9,534 orang. Ini anggota sukarela. Macam Yang Berhormat juga, sukarela, sukarela kehormat lagi. Jadi, anggota sukarela tadi saya dah sebut tentang pemberian, ada di antara mereka yang mendapat elaun ketika bertugas dan sebagainya.

Berhubung dengan apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Jerantut dan juga Yang Berhormat- saya bersyukur sebab Yang Berhormat EPU datang tepat pada masanya dan dia sedang mendengar dengan rapi dan teliti tentang permasalahan yang dihadapi oleh APM yang dilantik menjadi Sekretariat Pengurusan Bencana tetapi dari segi aset dan perjawatan itu dalam proses untuk ditimbang.

Walau bagaimanapun, sebagai Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab, kita pastikan supaya anggota sukarela itu dipertingkatkan. Saya maklum tentang maklumat Yang Berhormat Jerantut bahawa kita tidak boleh puratakan semua Parlimen layak ditambah APM ataupun tidak. Ya, kita bagi perhatian kepada kawasan yang berisiko tinggi dan ini kita akan buat serta-merta dan dari semasa ke semasa. Yang Berhormat, bila saya mengambil tanggungjawab walaupun berat.

■1800

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Yang Berhormat Menteri. Parit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Parit. Seminit. Parit ini templat makanan yang terbaik. Macam Kemaman tempat pindah yang terbaik. Dia pindah dua hari sebelum banjir. Tapi Parit ialah kawasan perpindahan makanan terbaik. Dia satu hari ada 17 jenis makanan. Setiap kali makanan saya orang situ bila hendak pindah balik mereka minta sambung seminggu lagi. Jadi, kita benarkan mereka buat demikian sebab rumah mereka dilanda banjir.

Jadi, berhubung dengan peralatan juga. Saya menggalakkan supaya ahli-ahli Yang Berhormat dan saya telah keluarkan arahan daripada Pengarah Angkatan Pertahanan Awam di setiap negeri supaya menubuhkan CDERT iaitu *Civil Defense Emergency Response Team* ataupun pasukan di peringkat komuniti tersebut dan Yang Berhormat boleh menolong. Sekiranya fasal peringkat komuniti itu kata mereka memerlukan aset bot, kena maklum serta-merta. Ini yang telah dibagi notis sudah hampir setahun lebih supaya kita dapat maklumat berhubung dengan keperluan.

Akan tetapi kita tahu bahawa di atas kealpaan kita sehinggalah bencana dekat barulah kita nampak keperluan aset. Jadi aset kita ni yang *ready made* itu tidak banyak. Walau bagaimanapun kita akan pastikan supaya kawasan yang berisiko bencana ataupun banjir ini kita akan bagi perhatian. Jadi, Yang Berhormat boleh maklumkan kepada kita dari masa ke semasa. Berhubung dengan peruntukkan kita tahu bahawa mungkin tidak disebut dalam bajet baru-baru ini tetapi kita di bawah Jabatan Perdana Menteri yang ada lebih 80 jabatan di sana. Jadi, APM adalah sebahagian daripada anggota dan sudah pasti semua kekurangan akan ditampung oleh JPM dan juga pihak kerajaan kerana keperluan APM sendiri yang menguruskan bencana di peringkat negeri dan daerah. Akan tetapi ada satu benda Yang Berhormat tidak tanya saya tadi iaitu berhubung dengan SOP arahan MKN 20. MKN 20 ini dia menyebut sekretariat peringkat negeri ialah MKN. Di peringkat daerah ialah Penolong Pegawai Daerah. Jadi hal yang ini, Penolong Pegawai Daerah mesti diteruskan bersama dengan APM.

Ini kita telah maklumkan kepada pegawai daerah supaya melihat arahan MKN berhubung dengan di peringkat daerah itu jika perlu pegawai daerah itu terlibat secara langsung dalam pengurusan bencana di peringkat daerah. Ini kerana pegawai-pegawai APM mungkin tidak mencukupi di sesetengah tempat. Akan tetapi, pasukan sukarelawan saya ingat tidak ada masalah. Jadi demikianlah keadaannya Yang Berhormat daripada Jerantut dan juga Rantau Panjang.

Sekarang saya masuk ke tajuk baru iaitu ESSCOM. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Sapi, Putatan, Kinabatangan dan Sibuti yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan ESSCOM. Untuk makluman ahli Yang Berhormat Batu Sapi dan juga Putatan, ESSCOM sentiasa memantau kemasukan pelancongan di kawasan ESSZONE setiap hari melalui laporan-laporan yang diterima oleh pengusaha hotel dan juga *resort* di Pantai Timur Sabah. Pada tahun ini ESSCOM mendapati kemasukan pelancong warga tempatan dan asing ke kawasan ESSZONE adalah memberangsangkan.

Perbandingan sehingga 31 Oktober 2016 seramai 242,901 pelancong asing yang datang di ESSZONE. Manakala 31 Oktober 2017 seramai 249,412 pelancong yang datang. Ini menunjukkan peningkatan kehadiran mereka ke kawasan ini. Sehubungan dengan itu, isu bahawa pelancong warga tempatan dan asing tidak yakin akan keselamatan di perairan Pantai Timur Sabah adalah merupakan dakwaan yang tidak berasas. Walau bagaimanapun ESSCOM sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk menerajui kawasan Pantai Timur Sabah sentiasa bersiap siaga sedia untuk mengambil langkah berjaga-jaga dalam memastikan keadaan kawasan Pantai Timur Sabah dalam keadaan aman dengan mengadakan pelbagai operasi sama ada di darat mahupun laut. Pada tahun ini, ESSCOM telah mengadakan sebanyak 329 siri *ops* bersepadu dan

seramai 61,136 orang telah diperiksa serta seramai 1,150 orang telah ditangkap di atas kesalahan-kesalahan yang berkaitan.

Selain daripada gerak kerja kawalan keselamatan melalui operasi ESSCOM turut mengadakan pelbagai program untuk mendekati masyarakat akar umbi. Pada tahun ini, ESSCOM telah berjaya mengadakan lebih kurang 36 buah program di kawasan ESSZONE. ESSCOM juga telah berbangga kerana berjaya mengadakan program berskala besar yang dikenali sebagai program semarak rakyat bersama ESSCOM Sabah tanah airku telah diadakan di lima daerah Lahat datu, Kunak, Sandakan, Semporna, dan Tawau.

ESSCOM dijangka akan meneruskan agenda mendekati masyarakat melalui program ini di lima buah daerah sekali gus meletakkan *road show program* semarak rakyat bersama ESSCOM Sabah tanah airku tercinta di sepuluh daerah ESSZONE. Yang 'tercinta' saya tambah sendiri. Kalau kawasan Tuan Yang di-Pertua tidak termasuk nanti boleh maklumkan untuk saya lihat perkara ini. Program ini merupakan program kerjasama antara ESSCOM dengan agensi kerajaan melalui konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan sejajar dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya menyambut baik cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sibuti agar ESSCOM menyegerakan pembelian aset pertahanan untuk kapal peronda dan mengambil maklum cadangan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah penglibatan aset pertahanan daripada pasukan keselamatan dan penguat kuasa di perairan ESSZONE pada ketika ini adalah seperti berikut; Polis Marin, sebanyak 81 buah, ATM sebanyak 17 buah dan APMM ataupun *coast guard* sebanyak 74 buah. ESSCOM hanya terlibat untuk mengawasi keselamatan di perairan Pantai timur Sabah sahaja sebagaimana yang ditetapkan melalui arahan eksekutif dan bukannya sehingga perairan Sarawak. Oleh yang demikian, pembelian aset pertahanan untuk kegunaan ESSCOM hanya ditempatkan di kawasan ESSZONE. Sekiranya aset diperlukan untuk kegunaan di kawasan Sarawak, maka kita akan mengambil tanggungjawab untuk melaksanakan serta-merta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Kinabatangan, meminta supaya keupayaan ESSCOM dipertingkatkan dari masa ke semasa dengan menambah aset pertahanan seperti pemasangan *coastal civilian system*, radar CSSR versi baru dan *target hardening* bagi melebarkan liputan semasa.

Pada ketika ini, lima buah radar CSSR bersama *optronic* di pasang di lima buah pulau di perairan teluk Lahad Datu dan Semporna bagi meningkatkan *situational awareness* di laluan berisiko. Lokasi radar CSSR ialah di Mumiang, Kinabatangan, Meruap Lahad Datu, Lok Buani Lahad Datu, Kampung Tunku Lahad Datu, Mataking Semporna bagi meningkatkan pengawasan di laluan berisiko. Lokasi CSSR adalah seperti yang saya sebutkan tadi ialah di Mumiang, Meruap, Lok Buani, Kampung Tunku, dan juga Mataking. Mereka boleh mengesan sehingga 26 kilometer. *Target hardening* adalah radar jarak dekat

bersama dengan *optronic* adalah radar yang dipasang dengan kamera antena dan juga *wave* yang boleh mengesan objek jelas dalam jangkauan.

Pada ketika ini *target hardening* beroperasi di Pulau Pompom di bawah seliaan manakala selebihnya akan dibangunkan di pulau Mantabuan. Di bawah seliaan PJA dan juga Angkatan Tentera Malaysia.

Selain itu, ESSCOM merancang untuk meningkatkan keupayaan dan integrasi pusat operasi yang dikenali sebagai ESSCOM *Fusion Centre* dengan agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan yang berkaitan. ESSCOM turut merancang untuk mempraktikkan aplikasi *C41 Text Command Control Communication Computer and Intelligence* untuk semua unit di bawah agensi-agensi pasukan keselamatan dan penguatkuasaan di kawasan ESSZONE. Akhir sekali, ESSCOM berusaha untuk menyediakan rangkaian *micro wave* berkapasiti tinggi di ESSZONE pada masa akan datang.

Akhir sekali Yang Berhormat. *Finally*, Yang Berhormat ialah PR1MA. PR1MA ini penting. Yang Berhormat daripada Ahli Parlimen Parit Buntar, Yang Berhormat Parlimen Ampang, Yang Berhormat Parlimen Bayan Baru, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Kuala Kangsar dan Yang Berhormat Jelutong telah menimbulkan perkara-perkara berhubung dengan PR1MA. Izinkan saya terlebih dahulu untuk memaklumkan tentang pembangunan PR1MA di seluruh negara. Untuk makluman ahli Yang Berhormat keseluruhannya PR1MA anggota Perbadanan PR1MA Lembaga Pengarah telah meluluskan sebanyak 261,248 unit kediaman di seluruh negara.

■1810

Jumlah ini dijangka akan meningkat daripada semasa ke semasa mengikut kekerapan mesyuarat. Daripada jumlah tersebut, 141,661 unit berada dalam pembinaan, manakala jumlah selebihnya adalah di peringkat perancangan. *Alhamdulillah*, secara keseluruhannya sasaran kediaman PR1MA akan siap dibina pada tahun ini iaitu adalah sebanyak 16,250 unit kediaman iaitu di Kedah, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Kuala Lumpur, Johor dan Perak. Jumlah ini adalah mengikut perancangan dan dijangka akan meningkat daripada semasa ke semasa.

Jadi, Yang Berhormat Parit Buntar minta menyatakan apakah sasaran 500,000 unit kediaman PR1MA boleh dicapai berdasarkan Perancangan Malaysia Ke-11 yang telah digariskan dalam tempoh dua tahun lagi. Yang Berhormat Ampang membangkitkan aku janji 2013, di mana dijanjikan akan membina 500,000 unit PR1MA. Akan tetapi sehingga Jun 2017, hanya 8,400 sahaja siap dibina.

Yang Berhormat Bayan Baru bertanya apakah yang menyebabkan PR1MA hanya berjaya menyiapkan dua peratus daripada 500,000 rumah PR1MA yang dijanjikan? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkenaan dengan pencapaian sasaran 500,000 unit,

PR1MA komited dalam usahanya untuk mencapai sasaran tersebut. Pelaksanaan dan pencapaian sasaran inisiatif rumah mampu milik ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dikasihi.

Dalam urusan ini, mesyuarat telah bersetuju bahawa keseluruhan satu juta rumah mampu milik, termasuk sasaran PR1MA akan disediakan dalam pelbagai peringkat iaitu peringkat perancangan, pembinaan dan siap dibina. Berkenaan dengan pencapaian sasaran pula, indikasi sasaran bagi Projek PR1MA adalah berdasarkan kepada bilangan kelulusan unit kediaman oleh Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA iaitu sebanyak 261,248 unit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah tersebut adalah sebanyak 10,190 unit yang telah siap dibina.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, silakan Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Yang Berhormat Arau atas respons yang telah diberikan daripada soalan kami tempoh hari. Cuma soalan saya ialah daripada segi *target* yang realiti 500,000 itu dengan kadar yang ada. Saya kira hendak mengejar Rancangan Malaysia Ke-11 daripada sekarang, dua tahun ini, kami ingin tahu apakah sebenarnya cabaran dan permasalahan yang timbul dalam mencapai sasaran itu? Ya, Menteri boleh sebutlah 500,000 kita sudah lulus tetapi saya kira di situ ada masalah. Jadi, kalau dapat kita atasi masalah itu dengan melihat apa cabaran-cabarannya. Contohnya, soal tanah di peringkat kerajaan negeri. Contoh di Pulau Pinang, adakah di sana kemudahan kerajaan untuk- saya difahamkan kerajaan negeri mengalulakan tanah-tanah yang diminta untuk projek itu ataupun adakah masalah bila hendak buat pinjaman contohnya atau apakah masalahnya dalam hendak mencapai 500,000? Itu soalan asal saya dan mohon mendapat penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau. Sama, sama. Isu yang sama.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak minta penjelasan. Kalau tidak dapat jawapan hari ini pun, boleh beri jawapan bertulis secara rasmi. Berapa kategori rumah mampu milik yang dibuat? Kategori daripada sudut harga bagi saya, daripada sudut harga. Jadi, kalau boleh Yang Berhormat dapat senaraikan kepada saya senarai harga-harga rumah yang dikatakan rumah mampu milik ini, harganya. Kalau kata RM100,000, RM200,000 ke RM300,000 dan setiap harga itu, berapa jumlah buah rumah yang dalam perancangan, yang telah pun dibina sekarang ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Semasa pelayaran saya menjawab ini, akan terjawablah persoalan Yang Berhormat berdua timbulkan. Akan tetapi kalau tidak

sempat, akan dijawab secara bertulis sebagai permintaan Yang Berhormat Pokok Sena. Berhubung dengan permasalahan Yang Berhormat Parit Buntar, dalam pelayaran ini akan terjumpa jawapan kepada soalan yang telah ditimbulkan. Biar saya baca sebab ini ialah apa yang telah ditanya oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pokok Sena, saya jawab ini dahulu ya. Saya sudah jawab banyak kali dah di Parlimen ini bahawa harga rumah PR1MA, 20 peratus kurang daripada harga pasaran. Yang Berhormat EPU, setuju. Sebelum ini, Yang Berhormat daripada kementerian lain. Akan tetapi sekarang bersetuju sebab ini ialah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Harga kediaman adalah antara RM100,000 dan juga RM400,000. Akan tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, majoriti kediaman PR1MA iaitu sebanyak 83 peratus ataupun 84 peratus adalah berharga bawah RM300,000. Ianya merupakan kos sederhana yang kita bina di pinggir-pinggir bandar dan juga lain-lain lagi. Ini sebenarnya Yang Berhormat, jawapan ini agak panjang. Biar kita jawab secara bertulis.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya hendak minta, kalau kata bawah RM300,000 itu, berapa *actual*? Maknanya *fact*, maknanya berapa?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya dah sebut tadi Yang Berhormat, 84 peratus bawah 300,000.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tahulah, bawah RM300,000 itu berapa? RM200,999 ke, apa ke?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Oh, bukan. Dia hendak tanya berapa satu. Okey. Saya akan bagi jawapan bertulislah Yang Berhormat, ya? Oleh sebab dia hendak tanya RM250,000 berapa dan sebagainya. Itu maksud Yang Berhormat, kan? Jadi, biarlah bertulis ya? Jadi, sebab dia hendak tahu adakah RM250,000 berapa unit, RM220,000 berapa unit. Itu maksudnya Yang Berhormat? Akan tetapi saya jawab secara umumnya bahawa di bawah RM300,000 sebanyak 84 peratus. Makna kata, lebih RM300,000 sampai RM400,000 itu ialah yang bakinya. Jadi, masih merupakan rumah kos sederhana mampu milik di bandar-bandar.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Kita bina di pinggir bandar dan juga di bandar. Yang Berhormat, yang ini hak yang di tempat-tempat lain, di bawah kementerian lain yang akan membina. Jadi PR1MA, bagi perhatian kepada apa yang saya telah sebutkan. Jadi Yang Berhormat Parit Buntar, berhubung permasalahan yang dihadapi, juga saya akan jawab secara bertulis kerana permasalahannya banyak. Masalah tanah tetapi saya telah sebut tadi jumlah rumah yang akan siap pada tahun ini, Yang Berhormat, jumlah ini akan meningkat sebab dalam peringkat pembinaan perancangan ini, ia akan meningkat.

Ia walaupun tahun ini katakan sebanyak 10,199 unit akhir tahun ini tetapi ia akan meningkat. Mungkin dalam masa bulan Januari, ia akan meningkat lagi. Bulan Februari ia

meningkat lagi. Oleh sebab semua rumah ini yang telah saya sebutkan tadi ialah di peringkat perancangan, pembinaan. Yang diluluskan oleh lembaga pengarah adalah 261,248 daripada 500,000 yang saya sebutkan tadi. Berhubung dengan pembinaan 500,000, kita komited tentang cabaran yang telah diberi kepada kita untuk melaksanakan, yang saya akan umumkan daripada semasa ke semasa. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Menteri telah beritahu Dewan ini tentang ada lebih kurang 200,000 yang dalam perancangan. Akan tetapi aku janji Barisan Nasional adalah satu juta. 500,000 adalah PR1MA, 500,000 lagi adalah swasta. Saya minta Menteri boleh jawab kah, berapa yang 500,000 swasta *target* itu? Berapa yang telah dibina setakat ini? Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Kementerian yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Perumahan Negara ini ialah kementerian lain. Jadi, saya akan sampaikan kepada kementerian yang berkenaan untuk disampaikan kepada Yang Berhormat. Oleh sebab jumlah PR1MA 500,000 tetapi yang bukan PR1MA, kementerian lain yang uruskan. Akan tetapi sekretariat kepada Jawatankuasa Perumahan Negara ialah kementerian lain, yang mana sebelum ini Yang Berhormat EPU menjadi sekretariat. Sekarang ini dia masuk ke Jabatan Perdana Menteri. Okey. Jadi, saya harap saya telah menjawab.

Kemudian, Yang Berhormat Kinabatangan membangkitkan mengenai harga rumah PR1MA seperti yang saya sebutkan tadi, yang agak tinggi dan juga kesukaran. Akan tetapi Yang Berhormat kena ingat, ini ialah yang dibina di bandar dan juga di pinggir bandar. Jadi, kita tak boleh ambil harga sama seperti yang dibina oleh pihak lain.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya jumlah rumah mampu milik, termasuk PR1MA, ditambah bilangannya di Kinabatangan. Yang Berhormat Sungai Siput menyatakan bahawa rumah PR1MA bukan rumah mampu milik kerana faktor harganya. Yang ini saya telah menjawab tadi tentang kedudukan PR1MA. Di mana sahaja kita berada, harga kita di bawah 20 peratus daripada harga pasaran. Ini kalau hendak kira-kira, ia lebih murah daripada rumah-rumah yang lain. Seperti Yang Berhormat, saya ingat di Sungai Petani, di mana perumahan PR1MA di seberang jalan dan perumahan swasta di seberang jalan. Itu pun harganya sudah berbeza yang agak ketara. Jadi, perumahan PR1MA 20 peratus rendah daripada harga pasaran, seberang jalan mengikut harga pasaran.

■1820

Jadi, Yang Berhormat Kinabatangan, saya ingin maklumkan bahawa cadangan Yang Berhormat untuk menambahkan rumah PR1MA di Kinabatangan akan diberikan perhatian yang sewajarnya. Demikian juga, Yang Berhormat Lenggong— Yang Berhormat

Lenggong tidak hadir. Jadi, projek PR1MA di Nasah dan juga Parlimen Lenggong, benda ini telah dibincangkan berkali-kali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, sebanyak 19,911 unit kediaman telah diluluskan oleh anggota PR1MA bagi negeri Perak. Jumlah ini termasuklah projek kediaman PR1MA di kawasan Parlimen Lenggong iaitu sebanyak 295 unit. *Insyallah*, sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Perak di bawah Barisan Nasional ini, pihak berkuasa tempatan dan GLC di bawahnya, PR1MA yakin bahawa projek kediaman di kawasan Parlimen Lenggong dapat berjalan dengan lancar.

Yang Berhormat Kuala Kangsar mencadangkan satu perancangan diadakan antara PR1MA dengan pihak bank untuk mengurangkan faedah pinjaman untuk menggalakkan pembelian rumah PR1MA. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Kangsar dan beliau adalah Ahli Lembaga Pengarah PR1MA dan saya percaya benda ini akan dibawa untuk dibincangkan di peringkat Lembaga Pengarah PR1MA.

Yang Berhormat Jelutong menyatakan PR1MA di Pulau Pinang diterajui oleh Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan, Datuk Seri Zainal Abidin Osman. Yang Berhormat Jelutong juga ingin tahu status rumah PR1MA di Pulau Pinang yang diumumkan berbanding dengan kelulusan kerajaan negeri. Ini kena sebut.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, setiap projek pembangunan yang dikemukakan kepada PR1MA akan diperhalusi kesesuaiannya. Setiap cadangan akan dikaji melalui pelbagai peringkat jawatankuasa Perbadanan PR1MA Malaysia sebelum diangkat kepada Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA untuk kelulusan. Jumlah kediaman PR1MA ini sentiasa meningkat mengikut kekerapan mesyuarat tersebut yang sentiasa bersidang. Setelah cadangan tersebut menerima kelulusan anggota Perbadanan PR1MA, proses seterusnya ialah mendapatkan kelulusan yang berkaitan seperti kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi di bawahnya. Oleh itu, setiap projek PR1MA akan mula dibina tertakluk kepada tarikh kelulusan.

Berkenaan dengan pembangunan PR1MA di Pulau Pinang pula— setakat ini, Yang Berhormat, saya sudah jawab dan baru ini saya keluarkan kenyataan akhbar berhubung dengan dakwaan tidak betul oleh sesetengah pihak. Setakat ini, sebanyak 16,514 unit kediaman telah diluluskan oleh PR1MA. Lokasi projek adalah di kawasan Parlimen Bukit Gelugor, Balik Pulau, Permatang Pauh, Bukit Bendera dan Tasek Gelugor. Semua projek ini sedang berada dalam pelbagai peringkat perancangan dan peringkat pembinaan.

Berkenaan dengan Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan, ia merupakan penyelarasan inisiatif rumah mampu milik oleh semua kementerian dan agensi yang dikendalikan agensi pusat iaitu Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. Penyelarasan ini tidak bermaksud bahawa program PR1MA di negeri Pulau

Pinang diterajui oleh pengerusi majlis tersebut. Pada masa ini, PR1MA diterajui oleh Pengerusi Perbadanan PR1MA.

Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya jawab. Mana-mana perkara yang saya tidak sempat jawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan dengan hebatnya serta tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila.

6.25 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 2018 yang mempunyai tema "*Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbangi Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat Menuju Aspirasi TN50*"

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kerajaan di atas peruntukan yang telah diluluskan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bagi tahun kewangan 2018 sebanyak RM273,415,800 berbanding peruntukan yang diterima pada tahun 2017 sebanyak RM248,624,200 iaitu peningkatan sebanyak 10 peratus. Peruntukan ini juga akan merangkumi— ini menjawab apa yang saya katakan awal-awal sebentar tadi tentang pertanyaan Yang Berhormat Rantau Panjang berkaitan dengan peruntukan insurans. Maka, jumlah yang saya...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Menteri, boleh ulang balik peruntukan tahun 2017 dengan tahun 2018? Kalau saya silap dengar, ia semakin menurun, bukan bertambah. Boleh ulang balik?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya. Pada tahun 2018, JPNIN telah diperuntukkan sebanyak RM273,415,800 dan peruntukan ini juga akan merangkumi perlindungan insurans kepada ahli jawatankuasa dan Mediator Komuniti Rukun Tetangga serta peronda Skim Rondaan Sukarela yang berjumlah RM2.5 juta. Bajet ini pasti akan melonjakkan lagi usaha-usaha JPNIN untuk memupuk perpaduan dan integrasi nasional di kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Parit Buntar, JPNIN selaku agensi yang berperanan meningkat, memelihara dan mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional mengambil pendekatan memantau dan mengesan isu-isu sensitif berbaur perkauman yang boleh mencetuskan konflik di negara kita. Pendekatan ini merupakan tugas dan tanggungjawab utama JPNIN dalam mengenal pasti punca dan permasalahan yang timbul sebelum berlakunya konflik dalam masyarakat.

Dalam hal ini, pencapaian masyarakat liberal dan toleransi merujuk kepada salah satu cabaran dari sembilan cabaran utama yang ditetapkan dalam Wawasan 2020. Manakala pendapat yang mengatakan berlakunya peningkatan dalam kebencian kaum di negara ini merupakan sesuatu yang sukar untuk diukur. Kedua-dua situasi ini mempunyai hubungan kait yang rapat dengan tahap perpaduan. Kenyataan berlakunya peningkatan kebencian kaum adalah lebih kepada pendapat dan persepsi semata-mata kerana tiada data dan tiada statistik khusus yang menyokong dan membuktikan kenyataan ini.

Laporan Indeks Keamanan Dunia (GPI) yang dikeluarkan oleh, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Institute for Economics and Peace Australia* yang mengukur 23 petunjuk kualitatif dan kuantitatif dari sumber yang sah menunjukkan Malaysia berada dalam kedudukan ke-29 daripada 163 buah negara paling aman di dunia pada tahun 2017 yang menjadikan Malaysia masih dilihat sebagai negara model untuk perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk.

Pemantauan dan pengesanan isu-isu sensitif yang dilakukan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional merupakan usaha dan tindakan bagi mengenal pasti iklim perpaduan agar dapat mengurangkan dan mengelakkan daripada berlakunya insiden-insiden kebencian kaum dalam masyarakat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Memang tidak dapat dinafikan terdapat konflik atau perselisihan kaum berlaku dalam masyarakat seperti peristiwa di Kampung Rawa tahun 1997, Kampung Medan pada tahun 2001, kes pergaduhan di Plaza Low Yat, Kuala Lumpur pada tahun 2015 serta beberapa insiden terpencil atau *isolated cases* yang lain melibatkan kaum tetapi ia dapat ditangani dengan terkawal dan sebelum merebak ke tempat-tempat lain.

■1830

Walau bagaimanapun insiden-insiden. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Buntar bangun.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Mahu habiskan ataupun saya boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat datang Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya amat bersetuju keadaan terkawal tetapi apa yang kita bangkitkan dalam poin melahirkan masyarakat yang liberal dan toleran dalam sembilan cabaran itu ialah kita tidak boleh

mengandaikan perkauman ini dilihat sebagai suatu yang kritikal bila ia sudah berlaku. Akan tetapi sebagai satu perkara yang membahayakan integrasi ialah kita perlu juga melihat bibit-bibit dia kerana bibit-bibit ini lah yang secara diam-diam telah tersemam dalam pemikiran rakyat di mana ini menyebabkan jika dia dalam keadaan rapuh begitu itu *fragile*.

So, jadi sahaja sesuatu, *fuh* dia akan - sebab itu kita istilahkan dia sebagai api perkauman kerana ia cepat merebak. Apa yang saya sebut dalam ucapan bahas saya ialah tentang bagaimana hari ini kita lihat berpandukan kepada insiden-insiden itu ia tidak menuju kepada *the right direction* kepada sebuah masyarakat toleran dan liberal. Akan tetapi apa yang berlaku ialah dia menuju kepada sebuah masyarakat yang *intolerance*. Sehingga kan seorang penulis dalam ruangan pojok dia di *The Star* menyebut bahawa *intolerance have become a virtue that is lost in the Malaysian society*. Dengan makna dengan izin sikap intoleransi atau tidak bertolak ansur itu seolah-olah menjadi sesuatu budaya nilai yang indah tetapi telah hilang, yang suci tetapi telah hilang dalam masyarakat kita.

Saya tidak fikir penulis begitu yang profilik akan menyebutnya tanpa ada insiden-insiden atau bibit-bibit yang telah saya nyatakan. Ya, saya setuju itu persepsi. Akan tetapi ia tidak menjadi alasan untuk kita menyatakan indeks dunia kita ini aman. Akan tetapi yang duduk di bawah dengan sikap yang tidak toleran, masyarakat yang semakin hari semakin menebal dari segi fahaman patriotiknya kepada negara tetapi bukan kepada bangsanya maksudnya kaum dia semakin menjadi-jadi dalam masyarakat kita. Ini yang saya maksudkan kekhawatiran tersebut.

Jadi JPNIN mempunyai satu tugas yang besar kerana dia – saya tahu terperangkap. Ia hanya Jabatan Integrasi Nasional tetapi di luar sana isu-isu besar seperti orang menuduh pelbagai label-label tuduhan itu di luar jangkaan. Akan tetapi itu lah bibit-bibit yang boleh menimbulkan kebencian termasuk kebencian kaum dan agama. Ini amat saya khuatir dan sebab itu saya menyebutnya dalam ucapan saya Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Kalau kita selidik sebenarnya orang-orang yang melakukan berkaitan perkauman merupakan *some isolated cases* sahaja. Saya kasi contoh Yang Berhormat seperti kes Low Yat. Ini sebenarnya bermulanya bukan perkauman yang merupakan seseorang itu mengambil telefon yang dianggap sebagai merampas daripada satu tauke di Low Yat. Akan tetapi apabila dia keluar nanti, bila dia kena tahan dia tidak tahu apa yang berlaku dia keluar pergi panggil kawan-kawan dan anggap ini sebagai isu perkauman sudah.

Akan tetapi walau bagaimanapun ini berlaku, kerajaan akan bertindak dengan pantas supaya ini tidak merebak seterusnya. Ini mungkin bibit-bibit yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Ini merupakan bibit juga tetapi apa yang saya tekankan di sini ialah kita bertindak dengan pantas. Kita mempunyai pegawai-pegawai tertentu untuk

memberi kesedaran kepada beliau tentang betapa pentingnya aman kita dalam pada kita untuk menjalankan *business* kita. Soal berkaitan dengan daripada orang muda seperti ini sememangnya kita mempunyai beberapa program supaya ia tidak merebak. Daripada kecil kita mempunyai sebilangan banyak Tabika Perpaduan untuk memberi kefahaman kepada kanak-kanak kita ini bahawa tidak patut kita bertelingkah menyebut agama, menyebut perkauman dalam pada kita bergaul itu. Jadi ini sebenarnya *we looked at different all aspects* tetapi sememangnya ada juga mungkin sedikit yang berlaku. But *it's all under control*. Tuan Yang di-Pertua.....

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: *[Bangun]*
Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri Kota Tinggi bangun. Di belakang, Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Boleh saya mencelah?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri isu perpaduan ini bukanlah isu teori atau isu yang dilihat isu di kaca mata kita melihat keluar. Perpaduan ini mesti dilihat dari dalam dan mesti melibatkan diri kita. Ia bukan satu analisa, ia satu *engagement*.

Saya lihat perpaduan Tuan Yang di-Pertua, saya ini dulu *start* lama juga perpaduan 15 tahun dengan rukun tetangganya, dengan SRS nya, dengan sukanekanya dan kita sambut Hari Raya, Gong Xi Fa Cai, Hari Raya, Kongsi Raya, Kongsi Deepavali macam-macam. Akan tetapi ia mesti dilakukan secara menghayati, mendekati dan *engagement*. Bukan dari segi analisa semata-mata atau melihat dari luar.

Saya hendak tanya dalam Dewan yang mulia ini ramai tidak pernah menjadi pengerusi rukun tetangga masing-masing. Banyak yang bercakap tetapi mereka tidak menghayati perpaduan. Dan begitu mudah kadangkala mereka terjebak *cross* menjadi isu-isu politik dan perkauman. Perpaduan ini adalah *software* ataupun nadi dalam negara kita. Kita boleh berbelanja berbilion untuk *hardware* pertahanan. Kita boleh berbelanja berbilion-bilion untuk keselamatan tetapi kalau *softwrenya*, perisiannya kita tidak dapat menghayati saya rasa kita akan ada masalah kerana negara kita adalah negara majmuk.

Atas sebab itu saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Apakah *engagement*, perancangan kalau boleh melibatkan semua Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini sama ada ADUN untuk sama-sama kita menghayati perpaduan pada peringkat akar umbi. Bukan setakat cakap dalam Dewan ini sahaja tetapi mesti turun ke padang. Tidak kekok cakap pasal perpaduan, memahami *common factor* yang utama contohnya Bahasa Malaysia sebagai *common medium*. Ini kita kena terjemahkan barulah

kita boleh bercakap tentang perpaduan dalam erti kata sebenar. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam sistem kita mempromosikan perpaduan di seluruh negara kita mempunyai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Mereka ini sememangnya terbuka untuk bekerjasama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya telah memberitahu kepada mereka, bila sejak kamu ada program-program yang menjuruskan kepada menyatupadukan rakyat kita, perlu bagi kita untuk melibatkan pemimpin-pemimpin tempatan. Bila saya melawat dalam beberapa negeri pun begitu juga saya punya permintaan.

Jadi ini sebenar ruang kita bagi mempromosikan konsep perpaduan ini. Kenyataan pada mula-mulanya Yang Berhormat sebentar tadi itu untuk memberi penjelasan berkaitan dengan perpaduan saya bersetuju, tetapi ini cara kita untuk sementara waktu.

■1840

Bagi untuk mempromosikan perpaduan ini ialah sehingga ke akar umbi sebenarnya. Kita mempunyai rukun tetangga, dan di bawah rukun tetangga itu kita mempunyai berbilang ahli jawatankuasa. Kita mempunyai jiran wanita, jiran belia, jiran warga emas, SRS dan sebagainya.

Kesemua ini sebenarnya untuk menjaga perpaduan di bawah jagaan masing-masing. Jadi terserah pada kita untuk melihat gerak geri rukun tetangga itu supaya kita boleh bersama-sama untuk mempromosikan perpaduan.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya mohon, saya sangat *passionate* kepada isu ini dan *Pak* Menteri pun tahu itu dan saya amat menyokong sahabat saya dari Kota Tinggi, mana Kota Tinggi? Sudah keluar tadi. Sebab saya juga ada menyinggung persoalan *software* Yang Berhormat Menteri ya. *Software*, kita perisian yang lembut ini, sebenarnya yang membina negara. Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi kerana mengulangi istilah *software* ini.

Cuma persoalan saya juga seperti Yang Berhormat Kota Tinggi, perpaduan nasional bukan soal parti, dan dia bukan soal kelompok tertentu. Ia adalah merupakan rentas, halangan politik, dan kerana itu saya melihat, selain daripada usaha-usaha yang dibuat oleh kementerian secara formal, jabatan secara formal, saya setuju bahawa kita sebagai wakil rakyat, Dewan, Ahli Parlimen juga perlu terlibat dengan kadar kemampuan yang ada. Cuma masalah kami, ialah isu-isu ataupun program-program perpaduan di peringkat formal ini tidak melibatkan kami kerana dia lebih dilihat sebagai ini program perpaduan yang dianjurkan oleh kerajaan Barisan Nasional begitu, tidak langsung melihat kami juga sebahagian daripada isu perpaduan. Itu satu, saya harap Menteri boleh selesaikan.

Kedua, saya berulang kali dalam ucapan saya, perbincangan saya menyebut tentang, apakah sudah tiba masanya secara serius dan jujur kita memerlukan satu

perundangan, untuk menyatakan komitmen yang disebutkan oleh Menteri tadi. Kita *commit*, kita kata hendak. Ada kala manusia, walaupun kita didik dia, tetapi dia masih lagi terjebak dalam bahaya ini.

Maka mungkin kita memerlukan satu undang-undang yang melibatkan, apa yang dinamakan sebagai jenayah kebencian kaum dan agama. Sehingga saya, atas kapasiti saya terpaksa membawa *Private Members Bill* dalam peruntukan yang ada dalam *standing orders* bukan menyatakan saya yang bawa, tetapi diharapkan pihak kerajaan ambil serius yang sudah dibahas sebelum ini, tentang keperluan *National Harmony Bill*.

Jadi saya kira Menteri, sekadar beberapa puluh tahun kita membina sesebuah masyarakat itu agar mereka terus bersatu dan memupuk perpaduan, akan tetapi pada waktu yang sama, mungkin kita memerlukan undang-undang dan tidak ada undang-undang khusus. Ada Akta Hasutan, ada Akta *Penal Code*. Akan tetapi tidak ada akta khusus menunjukkan keseriusan kita, bahawa kita perlu undang-undang anti jenayah kebencian kaum dan agama, supaya menjadi pengajaran. Walaupun bibitnya atau seorang dua yang disebut *isolated* tadi, terpencil, tetapi jika ada undang-undang, saya kira di situ lebih baik kita memberikan *warning* kepada seluruh masyarakat bahawa jangan main isu perkauman dan ini amat berbahaya.

Maka untuk menunjukkan komitmen kita ada undang-undang dan saya harap *Private Members Bill* saya diambil perhatian berat oleh pihak *Speaker* untuk dibawa. Bukan saya hendak bawa, saya hanya mencadangkan. Akan tetapi diambil dengan serius oleh pihak Kabinet dan dibawa sebagai satu undang-undang yang baru kita *yes*, dengan izin *we are serious*. Akan tetapi kalau kita cakap, kata kita buat program ini, tetapi orang masih lagi menimbulkan kebencian kaum, di mana perundangannya? Saya tidak tahu. Saya harap *Pak Menteri* dapat memberi penjelasan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih banyak Yang Berhormat. Saya harap ini pertanyaan *because I like to proceed* nanti.

Akan tetapi berkenaan dengan pertanyaan pertama itu, berkaitan dengan, kamu rasa tidak berapa terlibat. Pihak sana tidak berapa terlibat pengurusan JPNIN dalam program-program yang dianjurkan oleh JPNIN. Saya akan tengok ini, saya akan tengok sama ada ini betul atau tidak, *but I look into it*.

Keduanya berkaitan dengan perundangan, *I'll answer this at the end*, oleh sebab ini pun juga disentuh oleh Yang Berhormat Batu Kawan. Kalau boleh saya teruskan...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, Kapar.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Nantilah, saya kasi habis dulu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy: Perpaduan? Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya, memang perpaduan.. *I tell you*, apa? Tuan Yang di-Pertua, walaupun wujud insiden-insiden yang membuah kebencian, ia turut diimbangi dengan *moments of unity* atau detik-detik perpaduan di mana

detik-detik kejayaan, mempertahankan hubungan etnik kita. Ini dapat dilihat dari segi kejayaan rakyat Malaysia memberikan sokongan secara bersama semasa negara menghadapi tragedi MH370, MH17 dan dalam menangani isu Rohingya. Ini dibuktikan lagi semasa penganjuran Sukan SEA *Games* baru-baru ini. Rakyat memobilisasikan sokongan untuk bersama dengan pasukan negara tanpa mengira perbezaan latar belakang etnik, agama dan budaya, walaupun ada yang kita tewas.

Rakyat jelata komited dan memberikan motivasi kepada atlet-atlet negara tanpa sebarang perbezaan sehingga Malaysia menjadi juara keseluruhan sukan tersebut. Namun cabaran mewujudkan masyarakat liberal dan bertoleransi akan tercapai sekiranya, kesepaduan sosial dijadikan sebagai indikator untuk mengukur tahap perpaduan di negara ini. Dalam mana-mana negara maju sekalipun mereka masih bergelut dengan isu kebencian seperti ini. Apatah lagi negara majmuk seperti Malaysia. Namun di Malaysia kita masih menjadi rujukan global perbincangan soal keharmonian. Ini betul Yang Berhormat.

Perpaduan dan permuafakatan juga, kerajaan melalui JPNIN akan terus berusaha menyemarakkan sivik identiti termasuk partisipasi aktif dalam pelbagai aktiviti dan program kemasyarakatan di peringkat akar umbi, supaya kebencian dapat dikurangkan kerana *zero hatred* adalah mustahil di mana-mana negara sekalipun ia negara mundur, membangun atau maju.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan, berhubung dengan status Akta Diskriminasi Kaum, atau dengan izin *The Race Discrimination Act* saya ingin menjelaskan di sini, bahawa kerajaan belum bersedia menggubal akta ini dan belum meneliti serta mendengar pandangan semua pihak, sekiranya perlu menggubalnya.

Ini kerana mengikut Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan, ia jelas mengatakan diskriminasi tidak dibenarkan terhadap mana-mana warga Malaysia atas alasan agama, *race*, keturunan, tempat lahir atau jantina termasuk dalam urusan pelantikan dalam apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah agensi awam atau pentadbiran dan apa juga apa-apa pekerjaan dikhususkan.

■1850

Perkara mengenai diskriminasi sebenarnya yang termaktub dalam Perlembagaan turut dilihat sebagai satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Hasutan sudah mencukupi dan tidak memerlukan penggubalan satu akta khusus di Malaysia untuk sementara waktu.

Selain itu kerajaan juga dari semasa ke semasa sentiasa menilai keberkesanan. Pelbagai dasar sedia ada bagi memastikan pelaksanaan sesebuah efektif agar kepentingan golongan minoriti terpelihara daripada diskriminasi kaum dan agama. Ini dapat dilihat melalui Bajet 2018 yang diperuntukkan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Tamil dan sekolah Mubaligh yang masing-masing akan menerima RM50 juta dan sebanyak RM65 juta diperuntukkan untuk pembangunan Kampung Baru Cina. Selain itu

sebanyak RM50 juta diperuntukkan kepada usahawan masyarakat India melalui TEKUN serta RM50 juta lagi untuk program pembangunan sosioekonomi masyarakat India.

Memang benar Tuan Yang di-Pertua, suatu ketika pengumuman dibuat untuk memansuhkan Akta Hasutan dan digantikan dengan Akta Keharmonian Nasional. Mengambil kira senario politik masa ini, Kabinet telah memutuskan agar Akta Hasutan ini terus dikekalkan dengan penambahbaikan lagi pula. Akta Hasutan dilihat masih relevan dalam usaha membendung sebarang isu yang mengundang pertelingkahan dan sekali gus mengekang ekstremis dan perbalahan kaum atau agama yang boleh merosakkan negara. Ini mungkin menjawab sedikit sebanyak pertanyaan awal-awal tadi daripada Yang Berhormat Parit Buntar.

Kerajaan melalui JPNIN juga mempunyai mekanisme di peringkat akar umbi. Kami mempunyai beberapa mekanisme di peringkat akar umbi untuk menangani isu-isu kaum dan agama yang tercetus di peringkat komuniti melalui jentera-jentera di bawah Rukun Tetangga bekerjasama dengan beberapa pihak seperti polis kalau diperlukan, RELA dan juga penduduk-penduduk kampung. Kita mempunyai *mediator* komuniti di mana pendekatannya itu cukup baik dan bukan terus menghukum kepada orang yang berbuat yang mungkin kita fikir membuat sesuatu yang tidak sihat.

Skim Rondaan Sukarela, Jiran Muda, Skuad Unity yang bertanggungjawab mengadakan pendampingan atau *engagement* melalui program-program interaksi dan intervensi dengan komuniti setempat bagi mengenal pasti masalah dan isu yang wujud bagi tujuan penyelesaian agar tidak menjadi lebih besar sehingga boleh mencetuskan konflik atau persengketaan kaum. Sebelum saya menutup daripada Yang Berhormat Kapar...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Kapar, selepas itu saya sedikit tentang *mediator*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bangkitkan juga detik-detik perpaduan seperti sekarang di Pulau Pinang ketika dilanda banjir. Kita ada nampak semua lapisan masyarakat dari pelbagai kaum yang telah bergegas ke Pulau Pinang untuk membuat bantuan dan sebagainya. Itu adalah detik-detik kemanusiaan, detik-detik perpaduan, saya hargai.

Yang Berhormat Menteri kita ada dua isu yang perlu dijawab. Satu adalah saya merasakan masyarakat secara umum mengamalkan perpaduan, kita nampak. Selalunya ahli politik yang memainkan isu ini, ini yang pertama. Itu perlu ditangani, ahli politik yang memainkan isu-isu agama, isu perkauman untuk kepentingan masing-masing itu perlu

ditangani. Oleh sebab itu Yang Berhormat Parit Buntar tadi mengatakan akta-akta itu dari sudut perundangan ini penting, itu yang pertama.

Kedua yang amat kritikal hari ini adalah di persekolahan. Di persekolahan bukan seperti semasa Yang Berhormat belajar atau semasa saya belajar 30 tahun yang lepas. Di sekolah sekarang kita menghadapi satu masalah yang kritikal di mana semalam saya berada di salah satu sekolah rendah, saya mendapati pelajar-pelajar Melayu dalam satu golongan berkawan dengan mereka, Cina bersama dengan Cina berkawan dengan mereka, India bersama India berkawan dengan mereka. Perpaduan yang kita amalkan dahulu tidak ada.

So, generasi perpaduan yang kita kena lahirkan adalah di bangku sekolah. Program-program yang kita kena bawa adalah program-program di sekolah. Duit yang telah diberikan dan sebagainya adalah untuk *infrastructure*, untuk pembangunan sekolah Cina, sekolah Tamil dan sebagainya semua untuk pembangunan, bukan untuk perpaduan. So, saya nampak dengan sendiri saya turun padang, saya tengok setiap sekolah, program-program dia orang pun lebih kepada untuk masyarakat Melayu, untuk masyarakat India, masyarakat Cina dan tidak seperti yang saya belajar dahulu.

So, ini amat kritikal, perlu pandangan yang serius sebab generasi di sekolah inilah generasi masa depan, 20, 30 tahun nanti merekalah yang akan menjadi masa depan Malaysia. Jika mereka tidak membawa semangat perpaduan, semangat Malaysia, apa yang kita ujar di sini akan menjadi suatu kegagalan. Saya mohon pandangan dan pencelahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey, terima kasih Yang Berhormat Kapar. Peruntukan yang saya cakap tadi itu bukan sahaja untuk pembangunan. Memang kalau ada pembangunan mungkin kita semua senang hati dan bila mana kita *happy* orang cakap tidak ada isu-isu itu akan menjurus perpaduan juga tetapi soalan tadi itu berkaitan dengan keadaan budak-budak di sekolah. Kami sedar ini Yang Berhormat, kami sedar ini sebenarnya dan itulah sebab kenapa kita membuat beberapa program kepada sekolah-sekolah ini.

Pagi tadi pun saya melancarkan satu permintaan bersama dengan Kementerian Pendidikan supaya mereka menghayati, menyedari tentang peruntukan lima prinsip Rukun Negara itu. Dia punya objektif itu sebenarnya ialah untuk mewujudkan perpaduan, mewujudkan perasaan hormat-menghormati di antara mereka semua ini dan ini akan dilaksanakan oleh beberapa sekolah.

Keduanya saya sudah cakap sebentar tadi kita mempunyai program-program tertentu. Keduanya, di seluruh negara kita mempunyai lebih kurang 6,000 Kelab Rukun Negara. Kelab Rukun Negara untuk memberi kefahaman kepada orang-orang muda ini tentang betapa pentingnya kita melahirkan perasaan hormat-menghormati, toleransi dan sebagainya. *We are doing and as far as we are concern* kita cuba membuat kesemuanya

supaya anak kita tidak membesar dengan perasaan yang disentuh oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Now kita mempunyai Kelab Rukun Negara baru-baru ini pun saya menandatangani satu MOU bersama-sama dengan Universiti Putra Malaysia untuk membantu kita untuk menyebarkan kesemua ini dan ia telah dihadiri sebilangan banyak institusi-institusi pengajian tinggi. Kita akan mendekati untuk memberi pemahaman ini. Kami berfikir apa cara yang efektif baik kita untuk menyampaikan mesej ini kepada anak-anak kita.

Jadi kita mewujudkan satu modul silang budaya juga. Rukun Negara ini perlu diberi pemahaman kepada anak-anak kita bersama-sama dengan budaya kita supaya ia boleh difahami dan kita mengharap sangat bahawa ini akan tertanam di jiwa mereka untuk ada perasaan penghormatan dan sebagainya.

■1900

Selain daripada itu, di antara itu ada satu lagi di antara itu, kita juga ada satu program yang kami namakan *Unity Internship* di mana *students* daripada institusi-institusi tinggi di mana yang terdiri daripada bumiputera digalakkan untuk bekerja dalam syarikat yang dipunyai oleh bukan kaum bumiputera. Tujuan dia itu ialah bukan untuk *to pursue the feel of subject that they are studying in the university*, tetapi ia hanya memberi pendedahan tentang budaya lain kaum itu, ini sebenarnya tujuan.

Jadi, kita mempunyai program-program tertentu untuk menangani masalah ini. Mungkin Ahli Yang Berhormat ada pendapat lagi apa yang kita boleh buat, saya alu-alukan sebenarnya. *Thank you.*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat satu lagi, ringkas saja, ringkas saja yang ini. Saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat tentang Rukun Negara sebentar tadi. Semasa saya menjadi Penolong Ketua Pengawas tingkatan lima dahulu, saya lafazkan Rukun Negara tiap-tiap hari Isnin selepas lagu Negaraku, selepas lagu sekolah.

Hari ini Yang Berhormat, saya tidak nampak, saya meninjau kebanyakan sekolah tidak ada Rukun Negara dilafazkan, tidak ada. Sudah tidak ada, kita bincang. Saya gembira bila Rukun Negara dilafazkan balik oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan yang mulia ini, tetapi perkara ini tidak menjadi realiti di sekolah. So saya minta Yang Berhormat selitkan balik, yang ini wajib dilafazkan di setiap sekolah, di setiap peringkat, setiap hari Isnin selepas perhimpunan setiap pada hari Isnin. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Saya sokong itu dan untuk rekod, saya adalah pemenang semasa sekolah rendah dulu, juara hafalan Rukun Negara di seluruh negeri Pulau Pinang. Waktu itu saya masih di

sekolah rendah, maknanya kita menganggap Rukun Negara itu sebagai satu benda yang besar, bukan benda main-main itu. *[Disampuk]* Hafal.

Baik, tadi ada disebut tentang *mediator* ya, saya setuju *mediator*. Cuma kalau boleh diambil kira pandangan, saya mencadangkan ada satu suruhanjaya keharmonian walaupun bukan dia yang menghukum, tetapi dia ada satu suruhanjaya yang bersifat proaktif. Contohnya, kalau ada bibit-bibit yang meretakkan atau insiden-insiden tertentu, maka suruhanjaya ini boleh bertindak secara proaktif menasihati. Kalau sekadar *mediator* daripada JPNIN, maka orang tidak tahu. Akan tetapi kalau dia dalam bentuk suruhanjaya yang ada dia punya kuasa dan dilibatkan semua pihaklah bukan JPNIN saja, tokoh-tokoh masyarakat yang memperjuangkan perpaduan ini diletakkan, di situ saya rasa tanggungjawab untuk secara proaktif menasihati, mendidik adalah satu yang saya kira boleh membantu untuk kita meredakan ketegangan yang berlaku ini.

Akhirnya, saya kira ini soalan saya yang terakhir, celahan saya yang terakhir sebab mengambil masa yang panjang, mohon maaf, sebab ini saya terlalu *passionate* kepada isu perpaduan yang *software* tadi itu. Mungkin kita juga boleh memperkenalkan satu *award* ataupun satu anugerah perpaduan merentasi semua kaum di peringkat pemuda hingga kepada di peringkat dewasa yang menunjukkan sikap mereka yang sentiasa menjaga perpaduan ini dalam bentuk mereka sebagai wira-wira kecil yang sebenar-benarnya menjaga perpaduan dalam negara ini. Mungkin perlu satu *award* yang tinggi prestijnya, yang orang semua nak *award* itu kerana dia dilambangkan sebagai wira perpaduan, jaguh perpaduan, merentas semua kaum dan agama. Saya rasa itu yang terakhir, saya tidak akan mencelah lagi. Sekian.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, satu.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Siapa dulu?.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Jawab dulu.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Jawab dulu.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Kaburkah sampai tadi itu? *[Ketawa]*. Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat. Berkaitan dengan pengetahuan murid-murid kita di sekolah ini, ingin saya memberi maklum kepada Ahli Yang Berhormat bahawa ini sebenarnya kita punya langkah-langkah untuk memberi kesedaran kepada mereka tentang adanya Rukun Negara. Pada 13 hari bulan nanti, saya bersama-sama dengan Menteri Pendidikan akan membaca ikrar Rukun Negara ini dan ia akan dibaca oleh semua murid-murid di seluruh negara kita. Ini memang ada, tetapi saya tidak tahu di mana ada sekolah yang belum mengetahui tentang usaha kerajaan untuk mempromosikan perpaduan.

Oleh kerana bila saya datang di Angkasapuri sebentar tadi, mereka sendiri pun beritahu sama saya baru sebentar itu mereka telah membacakan Rukun Negara. Tujuan kita ini ialah bukan semata-mata hanya minta mereka untuk membaca Rukun Negara, kita juga akan beritahu pada mereka tentang objektif itu. Tentang objektif Rukun Negara, *the first thing* dalam ada kita punya pemikiran itu perpaduan, ada hormat, ada toleransi dan ini sebenarnya kenapa kita buat.

Now kepada Yang Berhormat Parit Buntar sebentar tadi, saya akan mengambil kira itu, saya akan mengambil kira itu dan *National Harmony Act* ini sebenarnya masih dalam kajian. Ia mengambil masa kerana kami juga akan mengambil kira *the master blueprint* di mana Yang Berhormat sendiri menjadi ahli. Kita akan mengambil...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sudah dibubarkan MUCC itu, sudah dibubarkan MUCC.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya, saya tahu.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: *Blueprint* telah kami kemukakan dan sekarang sudah hampir dua tahun lebih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: *Yes, yes, yes.* Saya tahu ini sebenarnya MUCC sudah dibubarkan tetapi *you produced a very good* garis panduan, *master blueprint*. Kita juga akan mengambil kira tentang pelan-pelan tindakan sebenarnya untuk mengisi apa yang terdapat dalam *master blueprint* itu. Kita akan semua mengambil kira ini.

Salah satu yang betul-betul mengambil masa Yang Berhormat ialah *we want to make sure that the provision of this* akta tidak *duplicate* lain-lain kuasa, lain orang. Wah kita banyak *meeting* ini semua apa ini, banyak akta-akta yang perlu kita lihat. So, walaupun mungkin *the law is not prefect* tetapi sekurang-kurangnya ialah tidak ada *argument* dalam bila mana kita mengimplementasikan atau mengaplikasikan undang-undang itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu saya punya penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Menteri daripada Kota Belud.

7.08 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan peringkat dasar Bajet 2018 yang turut menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tanggungjawab saya.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang dari Permatang Pauh yang menyentuh mengenai pengurangan peratusan perbelanjaan pembangunan kepada 17 peratus daripada jumlah perbelanjaan 2018 yang dikatakan akan menyebabkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara menguncup. Isu yang sama turut dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Kluang.

Saya ingin perjelaskan di sini, sejak sekian lama kerajaan telah mengguna pakai falsafah pembangunan negara di mana sektor swasta merupakan peneraju pertumbuhan ekonomi. Peranan kerajaan pula telah beralih kepada menjadi fasilitator atau pemudah cara pembangunan dengan menyediakan sokongan infrastruktur, rangka perundangan dan persekitaran yang memberangsangkan bagi aktiviti ekonomi.

■1910

Kerajaan juga telah menumpukan lebih kepada pembangunan sosial dan menentukan kesejahteraan rakyat terpelihara. Oleh itu, penglibatan terus kerajaan dalam ekonomi dalam bentuk perbelanjaan pembangunan dapat dikurangkan dari semasa ke semasa melainkan sekiranya diperlukan seperti dalam suasana krisis sebagai contoh. Dengan cara ini, selain daripada mengurangkan beban kewangan kerajaan, projek-projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap melalui projek penswastaan atau usaha sama awam swasta (PPP) dan dalam tempoh yang lebih pendek.

Peratusan *development expenditure* ataupun bajet pembangunan kepada jumlah perbelanjaan telah berkurangan kepada 16.4 peratus pada tahun 2018 berbanding 17.3 peratus pada tahun 2017. Namun, dari segi nilai Tuan Yang di-Pertua, ia telah meningkat sejak enam tahun yang lepas. Daripada jumlah ini sebanyak 28 peratus secara purata telah dibelanjakan bagi menambahbaik infrastruktur negara bagi sektor tenaga, kemudahan awam, pengangkutan dan perhubungan. Manakala 26 peratus lagi secara puratanya telah disalurkan kepada sektor sosial terutamanya bagi pendidikan dan latihan serta kesihatan dan perumahan awam. Oleh itu, lebih 50 peratus daripada bajet pembangunan telah dibelanjakan untuk memperkukuhkan pemboleh pertumbuhan ekonomi (*growth enablers*) di samping menjaga kesejahteraan rakyat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan sebenarnya dirancang melalui Rancangan Malaysia Lima Tahun dan dipecahkan kepada peruntukan tahunan dan diagihkan kepada agensi ataupun kementerian pelaksana mengikut perancangan yang telah diunjurkan dan keutamaan. Rancangan Malaysia Ke-11 sedang berjalan sedang sehingga 2020 dan Bajet 2018 merupakan tahun ketiga pelaksanaannya. Pihak pembangkang sebenarnya berfikir sempit dengan kehebatan Bajet 2018 dan dibandingkan dengan bajet yang dikeluarkan oleh mereka. Perbandingan

nisbah bajet mengurus berbanding bajet pembangunan tidak boleh dikaitkan dengan kadar pertumbuhan ekonomi mahupun kekuatan dasar fiskal negara.

Pembangking sekali lagi cuba membuat sesuatu demi kepentingan politik dengan mewujudkan persepsi kerajaan sedang menghadapi masalah kewangan dan pertumbuhan ekonomi negara yang tidak stabil. Hakikatnya ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 5.7 peratus dalam tempoh enam bulan pertama 2017 disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan diperteguh oleh sektor luaran yang lebih baik. Berdasarkan perkembangan ekonomi yang rancak dalam tempoh separuh pertama, KDNK benar tahun ini dijangka terus mampan antara 5.2 peratus dan 5.7 peratus berbanding 2016 iaitu 4.2 peratus melepasi unjuran sebelum ini. Pendapatan negara kasar pada harga semasa pula dianggar berkembang 9.1 peratus kepada RM1.3 trilion berbanding 6.2 peratus atau RM1.2 trilion pada tahun 2016. Dengan pendapatan per kapita meningkat 7.7 peratus kepada RM40,713 berbanding 4.7 peratus pada tahun 2016 iaitu bersamaan dengan RM37,791.

Jika dilihat bagi tempoh 2013 hingga 2017, ekonomi negara dianggar berkembang sebanyak 5.1 peratus dan didorong oleh pelaburan swasta yang dianggar meningkat pula sebanyak 8.7 peratus. Walaupun bajet pembangunan dikatakan telah menguncup sebanyak 0.4 peratus secara purata dalam tempoh berkenaan. Ini menunjukkan bahawa ekonomi negara telah diterajui oleh sektor swasta dengan sokongan bajet pembangunan yang berkualiti selaras dengan falsafah pembangunan kerajaan. Di samping itu, projek-projek strategik seperti High Speed Rail Kuala Lumpur-Singapura dan Mass Rapid Transit 2 akan dilaksanakan secara *off budget* menggunakan jaminan kerajaan. Projek yang dibiayai melalui kaedah ini akan turut menyumbangkan kepada peningkatan aktiviti ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya beralih kepada isu yang lain...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa sekarang ini kerajaan akan mengambil *approach* supaya pembangunan itu lebih diberikan ruang kepada *private sector*. Saya agak setuju kalau kawasan-kawasan yang membangun seperti khususnya di Semenanjung di mana *infrastructure* itu *intact* tetapi kawasan-kawasan yang di luar Semenanjung lah Sabah dan Sarawak khususnya —Sabah lah *for that matter*, kalau kerajaan tidak *pump in development*, *I don't think private sector will be interested*. Oleh sebab itu kita kira kawasan-kawasan ini harus diberikan tumpuan. Ini bukan soal wilayah, ini bukan soal kita —ini soal realiti bahawa kawasan-kawasan yang tidak membangun disebabkan oleh faktor-faktor lain, mungkin. Akan tetapi, ia memerlukan tindakan kerajaan untuk *pump in development* dan sebab itu kita rasakan harus ada satu jumlah yang munasabah bukan kita terpahat kepada 17 peratus. *I think it should be more*. Dalam ini,

bagaimanakah kerajaan akan terus membangunkan kawasan-kawasan yang lembap pembangunannya khususnya di kawasan Sabah? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: Terima kasih, Yang Berhormat kerana keprihatinan terhadap negeri Sabah dan kita faham...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *I am a Malaysian. I am a Malaysia. Doesn't matter.*

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: *I didn't say that you are not Malaysian, Sir. I just said terima kasih atas keprihatinan terhadap Sabah. Don't be apologetic about it. It's good. Saya bersetuju sebab itu dalam bajet pembangunan kita konsisten. Sabah dan Sarawak diberikan pertimbangan yang tertinggi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Setiap tahun Sabah dan Sarawak at least lebih kurang 10 peratus setiap negeri, Sabah 10 peratus dan negeri Sarawak 10 peratus dari segi bajet pembangunan.*

So, we are consistent. We are on the same page, dengan izin. Bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan Sabah dan Sarawak tinggi dalam pengagihan bajet pembangunan dan kedua-dua negeri ini mempunyai peratusan yang tertinggi selain daripada Wilayah Persekutuan lah. MRT Development, itu lainlah —Wilayah Persekutuan. Akan tetapi di antara negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah yang tertinggi.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua yang saya ingin umumkan di sini Kelantan pun, Terengganu kita bina ECRL contohnya. Ini adalah sebagai pemangkin. Selain daripada kita membincangkan soal-soal lain pembangunan, hubungan dan sebagainya ini adalah untuk menjadi *catalyst* ataupun pemangkin kepada pembangunan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang yang tidak seimbang dengan Pantai Barat. *It is a very* —idea yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membina ECRL itu adalah satu idea yang cukup baik untuk mengimbangi pembangunan di wilayah Yang Berhormat sebut tadi.

Jadi, saya minta Yang Berhormat dapat membantu kita menyokong projek-projek yang merupakan *enabler* untuk memastikan keseimbangan pembangunan di wilayah ini. Satu lagi yang saya hendak tekankan di sini sebelum saya beralih kepada poin yang lain ialah berkenaan dengan persepsi yang saya lihat bahawa kalau mereka —ada yang mengatakan bahawa kalau bajet mengurus *operating expense*, namanya mengurus. Seolah-olah ada satu persepsi bahawa bajet mengurus ini adalah kewangan yang diperlukan untuk urusan kerajaan. Kalau dalam syarikat contohnya kita ada dipanggil *overheads*, sewa, gaji dan sebagainya. Ini perlu diperjelaskan. Sebenarnya dalam komponen bajet mengurus perbelanjaan mengurus, gaji hanyalah lebih kurang 33.8 peratus. Gaji. *Only 33.8 percent.* Jangan kita bagi satu persepsi kepada rakyat bahawa keseluruhan RM234.3 bilion yang dibelanjakan untuk mengurus itu hanyalah gaji, seolah-olah kerajaan sudah tidak dapat mengekang kos pengurusan negara.

Tidak betul. Belanja mengurus, komponen untuk membayar gaji hanyalah 33.8 peratus. Kalau dimasukkan dengan *pension* —pencen dan gratuiti 10.5 peratus. So, keseluruhannya pencen dan juga gratuiti 10.5 peratus, gaji 33.8 peratus bermakna untuk emolumen ini lebih kurang 44 peratus. *Only 44 percent* daripada bajet pengurusan itu adalah untuk belanja gaji dan pencen. Selebihnya apa dalam belanja mengurus, Tuan Yang di-Pertua? Cuba kita lihat subsidi dan bantuan sosial. Subsidi dan bantuan sosial secara kategorinya ialah pada pandangan saya, bukanlah satu perkara yang diperlukan untuk mengurus kerajaan. Esok kita boleh hentikan subsidi tetapi kerajaan masih boleh berfungsi. Jadi, tetapi definisi kita sejak kita merdeka ialah untuk meletakkan semua perbelanjaan ini dalam kategori belanja mengurus.

■1920

Jadi, nama mengurus itu seolah-olah diberikan satu persepsi oleh sesetengah pihak bahawa ini adalah untuk membayar gaji semata-mata. Tidak betul. Ini perlu diperjelaskan.

Ada juga beberapa perkara lagi dalam belanja mengurus yang saya hendak sentuh. Contohnya, bayaran hutang yang juga dimasukkan dalam komponen belanja mengurus. Kita kena tengok bahawa kadang-kadang hutang yang kita bayar ini adalah untuk pembangunan. Bila kita membuat prasarana dan sebagainya, kita berhutang. Akan tetapi yang kita gunakan duit itu adalah untuk pembangunan yang boleh memangkinkan ekonomi yang di masa akan datang. Akan tetapi pembayarannya dimasukkan dalam bajet pengurusan. Jadi, kita kena faham bahawa walaupun hutang itu adalah termaktub ataupun termasuk di dalam belanja mengurus, ianya ada kaitan dengan pembinaan prasarana yang boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di masa akan datang. *So, it is not strictly* mengurus, *in that sense*.

Ketiganya, bila kita melihat tentang subsidi dan bantuan sosial, bila kita bagi subsidi saya kata tadi. Subsidi dan bantuan sosial - 11 peratus daripada belanja mengurus. Ada lagi satu ini, pemberian kepada kerajaan negeri, geran, *transfer* kepada kerajaan negeri yang berbentuk wang tunai per kapita dan sebagainya yang adalah sebahagian daripada tuntutan Perlembagaan. Saya pasti duit yang dimasukkan di dalam belanja mengurus untuk pembayaran geran kepada kerajaan negeri ini yang berbentuk *cash* ini akan digunakan oleh kerajaan negeri untuk membina prasarana, jalan raya kampung, jalan raya majlis daerah, jambatan dan sebagainya. Jadi, walaupun dalam komponen belanja mengurus tetapi ianya akan masuk di dalam komponen pembangunan bila ia dibelanjakan oleh negeri-negeri.

Jadi, saya tidak mahu kita terkeliru dengan pandangan seolah-olah kita mempunyai belanja mengurus, bayar gaji, bayar sewa yang sudah *runaway*, yang tidak boleh lagi dikekang. Kalau kita lihat, banyak daripada komponen belanja mengurus itu

tidak ada kena-mengena dengan perbelanjaan harian kerajaan. Jadi, ini perlu supaya kita dapat lihat.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak melihat sesebuah negara itu bila ia maju, bajet pembangunannya akan berkurangan. Ini kerana mereka tidak lagi berbelanja begitu banyak untuk membina jalan raya kerana sudah ada jalan raya, bekalan air, bekalan elektrik dan sebagainya. Akan tetapi belanja mengurus akan berlebihan kerana bila kita bina sekolah contohnya, kita perlukan guru. Guru itu pembayaran gajinya adalah di bawah belanja mengurus. Ia akan naik kerana gaji akan naik setiap tahun. Jadi, sebab itu bila sekolah itu tidak lagi dibina, tidaklah begitu banyak lagi dibina, tidak bermakna kita— ini adalah satu *mismatch* yang perlu kita risau.

Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, indikasi yang terbaik ialah untuk melihat bajet pembangunan kita itu dibandingkan nisbahnya, peratusannya kepada GDP. Jadi, kalau negara-negara maju, *on average* antara dua *percent* hingga tiga *percent* daripada GDP dimasukkan di dalam bajet pembangunan. Kita berada pada tahap 3.4 peratus. Di negara-negara lain Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat yang berkenaan dengan kerajaan, bila mereka berbelanja dari segi CAPEX, itu dimasukkan dalam belanja pembangunan kerajaan. Akan tetapi di negara kita ini, kita tidak masukkan komponen tersebut. Kalau Khazanah hendak buat pembangunan, *whatever it is*, bangunan, jalan raya, lebuhraya, apa pun, kita tidak masukkan dalam komponen peratusan belanja pembangunan. Kita tidak masukkan. Oleh sebab itu, kita sekarang berada dalam kedudukan di mana kita minta supaya *private sectors lead the way* dengan *investment* dalam pembangunan, lebuhraya dan sebagainya.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita harus faham ini supaya tidak dapat dikelirukan lagi, supaya kita faham bahawa belanja mengurus itu tidak semestinya berkenaan dengan gaji. Oleh sebab saya lihat bila saya membaca media sosial, bila Yang Berhormat Ketua Pembangkang bercakap seperti itu, terus dihentam kerajaan mengatakan bahawa ini gaji sudah lebih sampai RM234 bilion. Jadi, hari ini saya minta supaya rakan-rakan dapat memahami isi dan komponen belanja pembangunan ini.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Menteri, sikit. Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Kanowit.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: Ya.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Berkenaan dengan permit bajet mengurus ini. Saya ingin bertanya kepada Menteri, kita mempunyai begitu banyak *GLCs*, *small agencies* di bawah pelbagai kementerian. Jadi, *the government* bagi *operating expenses* (OPEX). Berapakah OPEX untuk kesemua, kalau dapatlah ataupun kalau tidak dapat, bagi jawapan bertulis. Oleh sebab ada yang agensi-agensi kerajaan ini ada bagi OPEX dan ada yang tidak. Jadi, yang diberi OPEX ini berapakah? Adakah ianya termasuk di dalam bajet mengurus? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai data-data yang spesifik begitu, Yang Berhormat. Nanti saya minta pegawai kalau boleh maklumkan secara bertulis. Akan tetapi saya hendak sebut sikit statistik dari segi perbelanjaan pembangunan ini. Dari segi nilai mutlak, jumlahnya telah meningkat sejak kebelakangan ini. Mungkin dari segi peratusannya kepada belanjawan negara kita berkurangan tetapi dari segi nilai mutlak, *absolute number* ia meningkat. Contohnya, pada tahun 2013, perbelanjaan pembangunan ataupun bajet pembangunan kita ialah RM42.2 bilion sahaja. Kemudian turun kepada RM39.5 bilion untuk tahun 2014. Kemudian untuk tahun 2015, RM40.8 bilion. Tahun 2016, naik RM42 bilion— *sorry*, daripada tahun 2014, RM39.5 naik kepada RM40.8 bilion - tahun 2015, naik lagi RM42 bilion untuk tahun 2016, naik kepada RM46 bilion untuk tahun 2017. Jadi, dari segi jumlah ia meningkat. Dari segi peratusan mungkin berkurangan. Akan tetapi *absolute amount, we are giving more for the budget development*.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Taiping yang membangkitkan mengenai kenaikan Dana Fasilitasi yang dikatakan sebagai kononnya dana politik. Dana ini bukan dana politik, Yang Berhormat. Pemberian bantuan Dana Mudahcara atau Dana Fasilitasi ini adalah satu insentif dalam bentuk geran yang disediakan oleh kerajaan bagi merencanakan lagi pelaburan swasta, termasuk syarikat-syarikat Bumiputera di dalam negara kita ini. Misi dan objektif Dana Mudahcara adalah untuk merangsang pelaburan swasta dalam bidang-bidang keutamaan strategik dan berpotensi memberi impak yang signifikan kepada pembangunan ekonomi negara. Antara projek-projek yang dipertimbangkan bantuan Dana Mudahcara ini meliputi bidang-bidang di bawah NKEA seperti minyak dan gas, perkilangan dan pembuatan, pendidikan, kesihatan, pelancongan dan teknologi hijau. Dana Mudahcara yang digunakan bagi membiayai kos pengambilan tanah bagi projek-projek yang melibatkan kerjasama awam - swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri adalah agensi yang bertanggungjawab bagi mengurus dan menilai projek-projek yang memerlukan pembiayaan Dana Mudahcara ini berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan. UKAS juga bertanggungjawab iaitu merunding dan mentadbir perjanjian berhubung Dana Mudahcara. Sehingga 31 Oktober 2017, jumlah projek sektor swasta yang berkeelayakan telah diluluskan bantuan Dana Mudahcara adalah sebanyak 414 projek dengan tiga projek yang terbesar, berserta nilai pelaburan adalah seperti berikut:

- (i) pembinaan Ferro Silicon Smelting Plant di Lot Nombor 41, Blok 1, Kemena Land District Taman Industri Samalaju Bintulu, Sarawak dengan nilai kos sebanyak RM2,043.311 juta.

- (ii) cadangan pembangunan Integrated Phosphate Project di Lot 148, Blok 1, Kemena Land District Samalaju Industrial Park, Sarawak. Nilai projek RM1.708 bilion.
- (iii) cadangan pembangunan Integrated Iron Steel Mill di Malaysia – China Kuantan Industrial Park (MCKIP) di atas PT19584 Jalan Gebeng Bypass, mukim Sungai Karang, Kuantan, Pahang dengan nilai projek RM4.58 bilion.

Projek-projek di negeri-negeri yang ditadbir oleh pihak pembangkang juga dibantu oleh Kerajaan Barisan Nasional melalui Dana Mudahcara ini. Contohnya, Proposed Manufacturing of Meteorological Grid Silicon *in* Banting, Selangor. Nilai projek RM360.2 juta. Begitu juga Terminal Pengangkutan Bersepadu Penang Central, Pulau Pinang dengan nilai projek RM2.3 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Sibu telah membangkitkan mengenai keadaan pembangunan di Sabah dan Sarawak yang didakwa dipinggirkan dan ketinggalan dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung.

■1930

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kerajaan sentiasa peka dan mengambil berat terhadap pertumbuhan seimbang antara negeri-negeri di Semenanjung dan negeri Sabah dan Sarawak. Justeru pelbagai usaha telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi mempercepatkan pembangunan dengan meningkatkan tahap sosioekonomi melalui penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti serta peningkatan pelaburan yang akan memberi manfaat terbaik kepada rakyat.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-10, negeri Sabah telah menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM20.6 bilion manakala negeri Sarawak telah menerima RM18.63 bilion daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan. Pecahan peruntukan pembangunan bagi negeri Sabah dan Sarawak mengikut tahun adalah seperti berikut. Untuk negeri Sabah, peruntukan bajet pembangunan tahun 2011 sebanyak RM5.83 bilion, tahun 2012 RM4.45 bilion, tahun 2013 RM2.98 bilion, tahun 2014 RM3.27 bilion, tahun 2015 RM4.07 bilion. Jumlah besar, RM20.6 bilion. Kemudian untuk Sarawak; tahun 2011 RM4.75 bilion, tahun 2012 RM4.33 bilion, tahun 2013 RM3.32 bilion, tahun 2014 RM3.13 bilion, tahun 2015 RM3.10 bilion. Jumlah besar, RM18.63 bilion. Ini untuk Rancangan Malaysia ke-10.

Jumlah peruntukan pembangunan bagi Sabah dan Sarawak merupakan antara peruntukan yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain tidak termasuk Wilayah Persekutuan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia ke-10. Dari segi peratusannya pula, negeri Sabah terus menerima peruntukan pembangunan tertinggi berbanding negeri-

negeri lain. Keseluruhan untuk RMK-10, negeri Sabah mendapat 9.52 peratus daripada keseluruhan bajet pembangunan. Untuk Sarawak pula ialah 9.29 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan juga sedang melaksanakan Lebuhraya Pan-Borneo yang merupakan *game changer* dengan izin dan akan menyediakan kesalinghubungan yang amat diperlukan antara kawasan pedalaman dan kawasan bandar di Sabah dan Sarawak. Dengan adanya lebuhraya ini, rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak akan mampu menikmati perjalanan di dalam dan di antara negeri dengan lebih selamat dan selesa. Selain mengurangkan kos pengangkutan serta membawa pembangunan serta mewujudkan peluang ekonomi kepada kawasan yang dihubungkan dan juga kawasan di sepanjang lebuhraya, ia sekali gus membawa banyak manfaat kepada masyarakat tempatan terutamanya di kawasan pedalaman di negeri Sabah dan Sarawak. Sebagai wakil rakyat daripada Sabah, saya mewakili rakan-rakan mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana tidak pernah melupakan rakyat Malaysia di Sabah dan juga di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya, pelaksanaan projek-projek pembangunan ekonomi di Sabah dan Sarawak akan menarik pelaburan dan menjana peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan seterusnya akan merapatkan jurang pembangunan di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Hasil daripada pelaksanaan pelbagai program projek pembangunan kerajaan di negeri Sabah dan Sarawak, kini didapati taraf dan kualiti hidup rakyat di Sabah dan Sarawak telah meningkat. Ini dibuktikan melalui hasil laporan penyiasatan pendapatan isi rumah terkini iaitu pada tahun 2016 yang menunjukkan pendapatan isi rumah bulanan purata bagi Sabah telah meningkat daripada RM4,879 pada tahun 2014 kepada RM5,354 pada tahun 2016. Manakala bagi negeri Sarawak juga telah meningkat daripada RM4,934 pada tahun 2014 kepada RM5,387 pada tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai isu jurang pendapatan, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Sandakan dalam perbincangan mereka telah menyentuh mengenai keadaan jurang pendapatan di kalangan rakyat di Malaysia dalam usaha negara untuk mencapai status berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha kerajaan bagi mengimbangi ketidaksamaan pendapatan atau *income inequality* di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini telah bermula sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970.

Melalui pendekatan pembangunan iaitu *growth with equity* atau pertumbuhan dengan kesaksamaan. Sejak Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan pada tahun 1971, pelaksanaannya telah berjaya mengubah landskap pencapaian sosioekonomi bumiputera secara keseluruhan. Selepas DEB berakhir tahun 1990, pendekatan yang sama diteruskan dalam dasar-dasar berikutnya termasuk Dasar Pembangunan Negara dan Dasar

Wawasan Negara bagi memastikan setiap lapisan masyarakat termasuk di luar bandar dan pendalaman mendapat manfaat daripada proses pembangunan yang dilaksanakan.

Dalam hubungan ini, selain memastikan ekonomi negara mencatat pertumbuhan yang kukuh dan mampan, kerajaan juga memberi keutamaan untuk memperkasa keupayaan dan potensi kelompok masyarakat yang ketinggalan supaya jurang pencapaian sosioekonomi antara kaum dapat dirapatkan. Matlamat akhir pendekatan pembangunan yang inklusif ini adalah untuk memastikan keharmonian dan perpaduan di kalangan rakyat terus utuh dan terpelihara. Antara langkah yang telah diambil ke arah mengimbangkan ketidaksamaan pendapatan adalah program peningkatan pendapatan dan pembasmian kemiskinan, tindakan *affirmative*, program pendidikan dan latihan kemahiran, program keusahawanan, program pemilikan dan peningkatan ekuiti korporat, program pembangunan vendor, program pembangunan kerjaya profesional, program pembangunan luar bandar dan koridor, program sokongan pekerjaan dan sistem perlindungan sosial.

Daripada pelbagai langkah yang telah diambil tersebut, agihan pendapatan di kalangan rakyat pada masa ini telah menjadi jauh lebih saksama berbanding dengan kedudukan pada tahun 1970. Ia jelas membuktikan usaha-usaha kerajaan telah membuahkan hasil. Ini dapat dirumuskan berdasarkan indikator-indikator berikut. Pertamanya, pekali GINI (*GINI Coefficient*) keseluruhan berkurang daripada 0.513 pada tahun 1970 kepada 0.399 pada tahun 2016. Pengurangan pekali GNI daripada sebelumnya bermaksud semakin kurang ketidaksamaan pendapatan atau agihan pendapatan menjadi lebih seimbang. Nisbah ketidaksamaan pendapatan antara kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi ataupun T20, dan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah ataupun B40, juga menurun daripada 9.7 kali ganda pada tahun 1970 kepada hanya 5.6 kali ganda pada tahun 2016.

Trend yang sama dapat dilihat di antara kaum-kaum utama Melayu, Cina dan India. Di antara strata bandar dan luar bandar, dan di peringkat negeri. *Share* pendapatan isi rumah B40 kepada jumlah pendapatan keseluruhan meningkat daripada 11.5 peratus pada tahun 1970 kepada 16.4 peratus pada tahun 2016.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: Sekejap, *last. Last paragraph.* Keseimbangan pendapatan yang lebih baik juga sebenarnya digambarkan melalui insiden kemiskinan mutlak yang semakin mengecil iaitu daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada hanya 0.4 peratus pada tahun 2016.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Klang.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan isu ketidaksamarataan ataupun *inequality* di Malaysia. Isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat, berkaitan *there is more equality today* daripada 10 tahun ataupun 20 tahun *is actually contestable*. Saya bangkit isu ini sebab ada banyak cara untuk memeriksa atau *evaluate* keadaan *inequality* ataupun *equality* di Malaysia.

Baru-baru ini, Dr. Mohammed Abdul Khalid seorang *expert* dalam isu berkaitan dengan *inequality or income distribution and wealth distribution*, telah membuat satu kajian mengenai *savings in EPF, EPF savings*. Beliau mengatakan bahawa *50 percent of savings* di EPF sebenarnya adalah di tangan 0.4 peratus daripada pencarum. *Bottom 41.9 percent* hanya 43.9 bilion iaitu *3.6 million members*. Saya ulang Yang Berhormat Menteri, bahawa *top 0.4 percent* yang pencarum kepada EPF *savings*-nya ialah 47.2 bilion tetapi nombornya iaitu pencarum orang kaya adalah 28,727 ahli EPF. Akan tetapi *the bottom 51*, kumpulan lain iaitu *3.6 million members*, *the bottom 51.9 percent, contribution* mereka 43.9 bilion.

So, ini jelas menunjukkan bahawa *the issue of equality or inequality is lopsided* di mana *the major contributors to EPF* sebenarnya adalah orang kaya dan *their contribution is more bigger and more sizeable compare* to pekerja-pekerja biasa. *I am assuming that bottom 51.9 percent* pencarum kepada EPF sebenarnya adalah pekerja-pekerja biasa. So, sebenarnya saya memang faham apa pandangan Yang Berhormat Menteri mengatakan— dan juga isu berkaitan dengan *household income, 2014* menunjukkan bahawa *the* peningkatan dalam pendapatan isi rumah tangga dan sebagainya.

■1940

But *EPF contribution* dan juga *contribution* kepada Amanah Saham Nasional pun juga menunjukkan bahawa *the small group of people actually have got huge chance of shares in Amanah Saham Nasional* tetapi kebanyakan pada rakyat dia punya *share* ataupun bahagian *share* dia itu, kecil sahaja. So, *this shows in equality in the country and therefore I think we need to look at the issue of equality differently*. Itu satu.

Isu yang berkaitan kedua ialah isu yang berkaitan dengan gaji minimum. Gaji minimum menjadi satu isu yang besar dan bila kita tanya kepada pihak Menteri Sumber Manusia, beliau kata, *when we have minimum wages, maka companies will close, develop problems and so on so forth*. But one of the ways yang di rekomen oleh IMF, World Bank, ADB dan mana-mana *international agency* dia kata, *“We have to increase minimum wages of workers in order to bring it closure”*. *The gaps* di antara orang kaya dengan orang miskin menjadi lebih rapat lagi. *One of the strategies is minimum wages*. So saya minta Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan kepada kedua-dua isu ini. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. *I suppose you can look at statistics from many angles*. Salah satunya

ialah EPF tadi dan juga mungkin *subscription to Amanah Saham* dan sebagainya. Akan tetapi Amanah Saham *is quite difficult because* ia bukannya satu *compulsory*. Akan tetapi *EPF is an interesting figure. We are understand that* – Kita faham ada kerisauan di situ di mana RM47.2 bilion tadi yang dikatakan oleh Yang Berhormat dicarum oleh hanya 0.4 peratus daripada *top* pencarum ataupun hanya lebih kurang 29,000 orang.

We are understand that but kita tidak boleh juga menolak bahawa *Gini coefficient* ini adalah satu petunjuk yang digunakan oleh ramai pihak di seluruh dunia dan ini adalah *benchmark* yang kita gunakan untuk mengukur *gap* ataupun jurang pendapatan di antara yang kaya dan yang miskin. Itu juga masih *valid* dan angka yang kita dapati daripada *survey* yang telah kita buat bahawa *Gini coefficient* itu *is getting better. But we look into that EPF.*

Keduanya tentang gaji minimum. Kita kena berhati-hati Yang Berhormat kalau siapa yang tidak hendak letak gaji RM3,000. *It is not the issue of* jumlah dan sebagainya. Kalau kita lihat juga laporan daripada World Bank, mungkin Yang Berhormat juga ada terbaca bahawa untuk meletakkan gaji minimum, ia perlukan *step up*. Ia tidak boleh kita letakkan terlalu tinggi sehingga menyebabkan satu hentakan ataupun satu *shock* kepada sistem ataupun ekosistem ekonomi kita. Pandangan kerajaan *is very simple*. Kita akan naikkan gaji minimum mengikut kajian kita dan kita telah memperuntukkan dalam dasar kita untuk *review* gaji minimum ini daripada tahun ke tahun. Kita kena ingat kalau kita letak terlalu tinggi gaji minimum ini, ia akan menyebabkan pengangguran dan *this is a well-known issue*.

Dalam laporan World Bank pun tunjuk macam itu bahawa kalau kita letak terlalu tinggi, *chances are* bahawa lebih ramai lagi yang tidak akan dapat kerja. Sebenarnya rakyat akan dapat kemudaratan juga kerana syarikat-syarikat tidak akan mampu untuk membayar gaji ini dan akan menyebabkan mereka mengurangkan jumlah pekerja. *So, we have to balance it. Yes, I understand* kita kena naikkan gaji minimum *which we have done*, dengan izin tetapi kalau kita hendak naikkan, kita kena ada satu kajian dan juga satu perundingan. Kalau tidak nanti, kalau ia terlalu tinggi, kita tutup satu lubang, satu masalah lagi akan timbul iaitu kebanyakan syarikat-syarikat ini akan mengurangkan pekerja kerana tidak mampu untuk membayar gaji minimum yang tinggi dan ini akan menyebabkan pengangguran yang agak tinggi. *That is an effect that was mentioned in some of the report.*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau kita nampak pengalaman Korea Selatan, di mana semasa mereka mengimplementasikan gaji minimum, apa yang mereka buat ialah mereka telah mengadakan satu dana yang besar, *I think something like about three million, in their case is US Dollar*. Akan tetapi katakanlah *RM3 million, sorry, RM3 billion* katakan untuk Malaysia, dan apa yang kita buat ialah kita *subsidize the Small and Medium Industries* yang ada masalah dan memberikan mereka satu tempoh masa macam tiga tahun. Kalau

dalam tiga tahun mereka tidak boleh bersaing dengan *competitors* lain *then they deserve to close*.

Is it exactly what happen in Korea? They give them three years dengan subsidi. Dia kata, kalau *you* tidak boleh bayar kalau kilang 1, kilang 2 ataupun kilang 3 tidak dapat bayar gaji minimum, kerajaan akan bayar sampai tiga bilion itu. Kalau sampai tiga tahun *you* tidak dapat bersaing dan bayar pekerja sendiri daripada *income that you earned*, maka *you deserve to close because you are not competitive*. So, bukankah itu satu cara to *increase the wages* sebab saya nampak Yang Berhormat Menteri, kerajaan bagi banyak subsidi kepada orang kaya, banyak subsidi kepada pengilang-pengilang, *tax break, this break, that break*.

Akan tetapi untuk pekerja biasa, mereka menghadapi masalah yang besar sekarang. Mereka tidak ada wang untuk membeli makanan untuk keluarga mereka. Ada ramai orang yang datang ke pejabat, tidak dapat hantar anak ke sekolah sebab mereka tidak ada *bus fare, basic bus fare* tidak ada. Sebab *bus fare* satu orang adalah RM100 atau RM500. Kalau empat anak, RM600. So, *I think we have to rethink about this and within the balance it differently* Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: Saya faham Yang Berhormat tetapi *I think your statement is also very sweeping*. Contohnya rakyat tidak dapat makan, beli makanan – *I means they are - No, no*.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *No, it is true* Yang Berhormat Menteri. *I am saying. I am saying is true*.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: *They are isolated. I am saying* apa yang saya hendak cakapkan di sini ialah *is isolated cases* Yang Berhormat. *Is a very sweeping statement* kalau saya tidak komen terhadap itu nanti keluar dalam media sosial, rakyat Malaysia ini tidak boleh beli makanan. So, yes. *I am not saying...*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *I am not saying they are* kelaparan Yang Berhormat Menteri. *What I am saying is that they find it difficult to put...*

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: Ya, Yang Berhormat, tidak apalah. *It is okay. We are in the same page. I am just saying that is isolated cases and we need to tackle them, you know. They come to your Pusat Khidmat Parlimen, okey they are people.* Di Kota Belud pun ada juga tetapi kalau hendak katakan keseluruhannya itu rakyat di Malaysia ini mempunyai masalah, *so we on the same page*. Satu.

Kedua saya faham, salah satu masalah kita di negara kita ini ialah syarikat-syarikat kita ini amat sukar untuk menjadi efisien. Produktiviti kita sepatutnya *3.7 percent*, kita masih belum sampai ke tahap itu, *2.4 percent, sorry, 3.4 percent*. Kita sekarang *2.4, [Disampuk]* kita *target is 3.7* kalau saya tidak silap. Maknanya kalau kita beri mereka ini insentif, bonus, *sorry*, subsidi, *I think it is not an issue*, kalau kita boleh fikirkan. *But after few years, my gut feeling is* mereka tidak akan dapat lebih efisien.

Even when you spent that RM3 billion. They have to close down. Kita pun sudah banyak beri subsidi untuk memastikan syarikat-syarikat – macam Yang Berhormat kata tadi, *I do not want* nanti *impression* di luar kita beri subsidi bantuan kepada orang kaya Yang Berhormat kata, kepada syarikat-syarikat tetapi pekerja tidak dapat. *That is not very fair statement.* *In the sense that* kalau kita beri bantuan kepada kilang-kilang untuk membuka kilang di Malaysia, yang akan mendapat manfaat adalah rakyat biasa dengan ada wujudnya pekerjaan dan sebagainya. *So, let's not have that issue when we talk about the real issue* Yang Berhormat hendak bawa.

Yang Berhormat hendak bawa isu ialah boleh atau tidak kita tingkatkan gaji minimum. *That is the issue and* kerajaan bersetuju sebab itu kita telah tingkatkan. Cuma sekarang ini perbezaannya ialah di pihak sebelah sana, hendak naikkan sekarang dengan tahap yang tinggi tetapi pada kerajaan pula, kita sudah buat kajian bersama dengan ILO, bersama dengan World Bank bahawa kalau kita naikkan gaji minimum ini terlalu mendadak, ia akan memudaratkan ekonomi. *In the long run* ekonomi kita akan terjejas dan yang akan mendapat kemudaratan ialah rakyat kebanyakan bilamana syarikat-syarikat ini akan menutup kilang mereka ataupun mengurangkan pekerja mereka. *So, it has to be organic in that sense,* biarlah bila ada kapasiti *building* dengan syarikat-syarikat ini nanti, ia akan tambah tetapi akhirnya nanti kita buat kajian kita akan tambahkan lagi gaji minimum. *That is our step. We are very worried that* kalau letakkan terlalu tinggi, ia akan menyebabkan ekonomi kita akan terjejas. Itu sahaja. *The issue of* hendak naikkan gaji, saya rasa kedua-dua belah pihak bersetuju. *It just a matter of how fast o what we should been doing.*

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Jasin bertanya mengenai perincian perangkaan terkini pekali gini mengikut kaum. Untuk makluman, berdasarkan penyiasatan pendapatan isi rumah 2016 pekali Gini mengikut kaum adalah seperti berikut - untuk bumiputera, pada tahun 2014, *Gini coefficient*-nya ialah 0.389. Pada tahun 2016, ia menjadi 0.385; untuk kaum Cina, tahun 2014, *Gini coefficient*-nya ialah 0.405, tahun 2015, 0.411;

■1950

Untuk kaum India, 0.396 pada tahun 2014, dan tahun 2016 ialah 0.382. Pekali Gini bagi kaum Bumiputera dan India didapati semakin kecil pada tahun 2016 berbanding pada tahun 2014 menunjukkan keadaan ketidaksamaan pendapatan yang semakin berkurang. Sebaliknya pekali Gini bagi kaum Cina meningkat pada tahun 2016 memberi indikasi bahawa keadaan ketidaksamaan pendapatan meningkat di kalangan masyarakat Cina. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan menyasarkan pekali Gini nasional terus berkurang kepada 0.385 berbanding 0.401 pada tahun 2014 ataupun 0.399 pada tahun 2016.

Ke arah ini, kerajaan akan meneruskan pendekatan pembangunan inklusif yang akan memberikan manfaat kepada semua warga Malaysia tanpa mengira kaum, jantina, status sosioekonomi dan kedudukan geografi. Dengan pelbagai langkah tersebut, kerajaan berharap jurang ketidaksamaan pendapatan di kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini akan terus dapat dikurangkan dan mencapai sasaran pekali Gini pada 0.385 menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit Buntar dalam perbahasan telah membangkitkan sama ada sasaran negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 boleh dicapai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan indikator-indikator ekonomi dan juga dasar-dasar yang dirancang oleh kerajaan, Malaysia berada di atas landasan yang betul untuk mencapai status berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Pendapatan negara kasar per kapita Malaysia telah meningkat sebanyak 3.8 peratus setahun daripada RM25,322 pada tahun 2009 kepada RM37,759 pada tahun 2016. Berdasarkan tahap minimum PNK per kapita bagi status negara maju berpendapatan tinggi yang ditetapkan oleh Bank Dunia sebanyak USD12,235. Ini bermakna Malaysia perlu melangkaui jurang sebanyak 26 peratus lagi sebelum mencapai status berkenaan. Walaupun ekonomi negara menunjukkan peningkatan PNK tahun demi tahun sejak tahun 2009, usaha lebih giat perlu dipertingkatkan lagi bagi memastikan sasaran tersebut dapat dicapai pada tahun 2020 di sebalik keadaan ekonomi global yang agak tidak menentu.

Matlamat ini boleh dicapai melalui pelaksanaan pelbagai projek dan program pembangunan termasuklah di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jasin bangun.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: ...Serta teras strategi termasuk pemacu perubahan yang telah dikenal pasti. Yang Berhormat Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan tahniah yang telah bagi satu penjelasan yang cukup membanggakan sekali.

Apa yang saya ingin sebutkan di sini, kemiskinan mutlak negara kita pada ketika ini mencatat 0.36 peratus, satu angka yang cukup terbaik sekali. Mungkin kita akan mendapat dan mencapai angka sifar. Ini selaras dengan apa yang telah diberi oleh *rating agencies* tentang *World Happiness Index* dan juga *Legatum Prosperity Index* di antara 42 dan 38. Apa yang saya hendak sebut di sini, kemiskinan tersebut ada dua isu.

Pertama, tentang isu *relative poverty* dengan jurang pendapatan antara dua kumpulan tersebut yang tidak setara. Apabila saya baca satu buku yang ditulis oleh Dr Muhammed, yang disebut tentang *The Colour of Inequality*, dia sebut di sini lebih 50 peratus rakyat Malaysia tidak mempunyai apa-apa aset kewangan. Selepas itu, dia sebut golongan 10 peratus terkaya mengawal 77 peratus aset kewangan negara. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Klang itu ada persamaannya. Lepas itu, Dr. Muhammed ada sebut di sini, 80 peratus daripada rakyat berpendapatan rendah hanya memiliki 5.5 peratus aset kewangan negara. Selepas itu, lebih 70 peratus rakyat Malaysia yang tidak mempunyai aset kewangan negara adalah Bumiputera. Lepas itu, hanya 55 peratus Bumiputera dan 55 peratus tidak mempunyai ASB. Yang ada mempunyai ASB pula, 70 peratus yang memiliki ASB itu, hanya mempunyai simpanan sebanyak RM554 seorang.

Jadi adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan satu skim yang kita panggil mungkin *sharing prosperity* ataupun kita berkongsi kemakmuran ini sebagaimana yang telah disarankan oleh *World Bank* ataupun ada cara-cara lain supaya kita dapat merapatkan lagi jurang ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Satu kupasan yang begitu bernas. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya kira, Yang Berhormat Jasin, angka-angka yang disebut tentang *top 20* memiliki aset yang besar di Malaysia, ekuiti dan sebagainya tidak akan lari jauh daripada negara-negara lain. Di negara-negara lain juga, ini adalah satu isu yang besar. *But that doesn't mean that* kita tidak boleh, kita hanya lepas tangan begitu.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi pendekatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia sebenarnya tidak mahukan rakyat Malaysia ini terlalu sangat bergantung kepada makan gaji. Oleh sebab itu, kalau kita lihat dari segi dasar-dasar kerajaan sejak kebelakangan ini, kita lebih giatkan rakyat untuk menjadi usahawan. Hal ini kerana menjadi usahawan ini sudah tentu pendapatan mereka akan jauh lebih tinggi daripada makan gaji. Kalau dia ada SRP, SPM dan sebagainya tetapi dia berjaya dalam *online business*, saya pasti gajinya, pendapatannya jauh lebih besar daripada apa yang dia dapat kalau dia bekerja sebagai pekerja yang mempunyai kelulusan SRP.

Oleh sebab itu, kita lihat bagaimana Malaysia telah dilihat sebagai negara yang mempunyai kedudukan tertinggi untuk *access to credit*— AIM, TEKUN, semua agensi kerajaan— yang menyediakan peluang latihan untuk menjadi usahawan. Peluang-peluang usahawan itu begitu banyak diwujudkan di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana fokusnya ialah untuk memastikan rakyat Malaysia lebih terlibat kepada bidang keusahawanan, terutamanya Bumiputera.

Tambahan lagi dengan *digital economy* ini. Kenapa kita bekerja kuat untuk masukkan Jack Ma Alibaba ke Malaysia ini? *There is a reason*. Sebab pada kita, ini akan

memberikan peluang kepada orang-orang muda dan juga rakyat Malaysia untuk berjual beli di persada dunia melalui platform Alibaba. *That is the reason.* Oleh sebab itu, kita minta supaya rakyat Malaysia jangan anggap makan gaji itu adalah satu cara yang terbaik untuk menyara kehidupan. *You have to* berniaga dan sebagainya, sama ada *online, offline* dan sebagainya.

Oleh sebab itu, kalau dari segi *transfer of wealth*, dulu semasa saya menjadi Menteri Perumahan, Yang Berhormat, sampai sekarang secara pukol rata kos sebuah unit PPR lebih kurang RM150,000. Akan tetapi apabila kita jual kepada rakyat miskin, kita hanya jual dengan harga RM35,000. Bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, pelaburan RM35,000 mendapat sebuah rumah yang bernilai RM150,000. *This is one way to transfer the wealth to the nation, to the people* seperti mana yang dikatakan oleh saudara Yang Berhormat Jasin.

Dan bayangkan, 10 tahun akan datang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Skim itu yang Kuala Krau hendak sangat itu.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: Apa dia, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Skim PPR itulah yang Kuala Krau hendak sangat itu.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: *[Ketawa]* Mana Tan Sri Noh? Tan Sri ada di sini. *Insyaa-Allah*, boleh difikirkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Senaraikan bawah EPU.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: Jadi, ada caranya, Tuan Yang di-Pertua. *But I agree, it is an issue. Sharing prosperity* ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jasin akan kita pertimbangkan dan kita sentiasa bekerja berusaha sekuat mana dan kita boleh untuk memastikan keseimbangan ini dapat dikurangkan ataupun jurang keseimbangan ini dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, *and then* satu lagi mungkin, Yang Berhormat Jasin, sebagai rakyat pun kita perlu pendekatan baru. Kita di dalam Dewan Rakyat ini bercerita tentang dasar kerajaan *but there is only certain amount of things that the government can do, the rest of it is individuals.* Maksudnya hidup mengikut ukuran pendapatan masing-masing—tidak berhutang dan sebagainya. Itu adalah di luar *control* kerajaan. Akan tetapi kita berusaha sedaya upaya untuk memastikan bahawa lebih ramai rakyat kita terlibat dalam bidang keusahawanan supaya pendapatan mereka lebih meningkat dibandingkan dengan makan gaji.

Tuan Yang di-Pertua, antara lain fokus yang diberikan kepada— Tuan Yang di-Pertua, *sorry.* Beralih kepada Yang Berhormat Sepanggar yang membangkitkan mengenai status pembinaan *flyover* jajaran jalan pintas Sulaman ke Indah Permai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah *rolling plan* kedua Rancangan Malaysia Kesebelas, Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan projek ini di bawah butiran projek menaik taraf jalan Universiti Malaysia Sabah dan Jalan Sepanggar, Kota Kinabalu termasuk empat persimpangan bertingkat di persimpangan Jalan Kingfisher, persimpangan Jalan UMS, persimpangan Rampayan dan persimpangan Jalan Sepanggar, Indah Permai dengan kos projek sebanyak RM424.433 juta menggunakan peruntukan pembangunan Kementerian Kerja Raya.

■2000

Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir daripada Yang Berhormat Kinabatangan yang telah mencadangkan supaya kerajaan memberi lebih peruntukan bagi pembangunan dan menaik taraf jalan-jalan di kawasan parlimen Kinabatangan. Untuk makluman Ahli-ahli yang terhormat bagi kawasan parlimen Kinabatangan di bawah Rolling Plan 1 tahun 2016 dan Rolling Plan 2 tahun 2017 Rancangan Malaysia ke-11, sembilan projek di bawah program jalan luar bandar dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM672.5 juta yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang 143.8 km telah diluluskan.

Di samping itu, 30 projek di bawah program jalan perhubungan desa dengan anggaran kos sebanyak RM3.2 juta yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang 20.15 km juga telah diluluskan dalam tempoh 2016 dan 2017, banyak ini Kinabatangan. Di samping projek-projek itu tersebut kerajaan telah meluluskan dua lagi projek di bawah program jalan luar bandar yang akan mula dilaksanakan di bawah Rolling Plan 3 tahun 2018 Rancangan Malaysia ke 11 kedua-dua projek tersebut melibatkan anggaran kos sebanyak RM27 juta yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang 5.6 km iaitu jalan Buang Sayang dan jalan Haji Abdul Malik Cua.

Selain itu projek jalan Tongod ke Pinagah Kinabatangan Sabah suak cita dimaklumkan bahawa projek ini diluluskan Rolling Plan 2 tahun 2017 Rancangan Malaysia ke-11 baru-baru. Kerja-kerja awalan bagi projek ini akan mula dilaksanakan pada tahun 2017 dan kerja-kerja fizikal dijangka bermula pada tahun 2018. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di negeri Sabah ini kita banyak memberikan projek pembangunan. Kita bangunkan contohnya, pembesaran lapang terbang Sandakan kita pastikan ada IPP baru di Sandakan dan bagi mengurangkan masalah bekalan elektrik di kawasan Pantai Timur kita fikirkan juga tentang Pan Borneo dan beberapa lagi prasarana kita akan besarkan lagi lapangan pelabuhan Sepanggar memakan belanja lebih kurang RM1.2 bilion, semua ini adalah untuk masa depan negeri Sabah dan kita kana dapat memberikan keselesaan dan juga peluang pekerjaan kepada mereka di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja lah penjelasan yang saya berikan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, SEDIC berada di bawah portfolio Yang Berhormat Menteri kah? SEDIC.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: Akan tetapi dijawab Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dia tidak di bawah saya kita telah agihkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah agihkan tanggungjawab itu di bawah Yang Berhormat Senator ...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat adakah ini bermaksud selepas ini Timbalan Menteri akan jawab bahagian itu?

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: Mungkin dalam Jawatankuasa nanti ...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Oleh sebab ini peringkat, soalan yang ditanya adalah peringkat dasar.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: Ada berbangkit kah tadi?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ada.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya ada bangkitkan dalam perbahasan saya.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: ... untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri terpaksa pergi ke Pakistan untuk berjumpa dengan Perdana Menteri Pakistan untuk *witness signing ceremony* perjanjian pembelian penjualan gas ke Pakistan oleh PETRONAS. So ada masa lagi di peringkat Jawatankuasa.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri beritahu Timbalan Menteri untuk menjawab soalan saya di peringkat Jawatankuasa nanti, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan: Boleh, *Insyah-Allah*. Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri daripada Parlimen Kota Belud. Saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dari Ayer Hitam.

8.03 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kepada Yang Berhormat Tebrau atas perkara yang telah dibangkitkan semasa perbahasan bajet 2018. Yang Berhormat Tebrau ingin mengetahui status terkini dana pinjaman Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) kaum cina yang diurus dan diagihkan melalui Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (KOJADI) serta dipantau oleh Unit Pembangunan Usahawan Malaysia (SEP) di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Untuk makluman Yang Berhormat Tebrau, dari tahun 2015 sehingga 2017, peruntukan sebanyak RM150 juta telah diluluskan untuk KOJADI untuk melaksanakan dana pinjaman Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) kaum cina sebagai tambahan RM50 juta lagi akan disalurkan pada tahun 2018 seperti mana yang telah diumumkan oleh

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan secara kumulatif sebanyak RM200 juta dari tahun 2015 sehingga 2018 sehingga 1 November 2017 jumlah pinjaman yang telah diluluskan oleh KOJADI adalah sebanyak RM106,920 dan ianya memberi manfaat kepada 585 pengusaha PKS.

Pecahan pinjaman mengikut sektor adalah seperti berikut:

- (i) 42.64 peratus dipinjamkan kepada sektor perdagangan umum *general commerce*;
- (ii) 27.19 peratus kepada sektor pembuatan dan pemprosesan;
- (iii) 19.52 peratus pada sektor khidmat perniagaan dan profesional;
- (iv) 5.24 peratus pada bidang bangunan dan pembinaan;
- (v) 3.19 peratus pada pengusaha restoran dan hiburan;
- (vi) 0.94 peratus pada sektor pengangkutan pergudangan dan juga komunikasi;
- (vii) 0.82 peratus kepada sektor pertanian; dan akhir sekali
- (viii) 0.47 peratus kepada sektor elektrik, gas dan air.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi tujuan mengukur keberkesanan program ini dari segi perolehan jualan dan keuntungan produktiviti buruh dan prestasi eksport ke atas perniagaan PKS kaum cina satu kajian telah dilaksanakan oleh Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TAR UC) ke atas penerima pinjaman dari enam buah negeri iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Pahang, Melaka, Johor Bahru dan Sabah.

Kajian yang dilaksanakan ini adalah untuk tempoh fasa pertama dari Julai 2015 sehinggalah Jun 2016 dan fasa kedua pula dari Julai 2016 sehingga Jun 2017.

Hasil kajian mendapati:

- (i) lebih daripada 50 peratus responden melaporkan perniagaan mereka mencatat pertumbuhan sekurang-kurangnya empat peratus. Yang lebih mengagumkan ialah 20 peratus daripada semua responden merekodkan pertumbuhan berkeuntungan tinggi iaitu mencapai kadar keuntungan lebih daripada 12 peratus;
- (ii) pertumbuhan jualan menunjukkan trend meningkat daripada bulan Julai 2015 sehingga Jun 2017;
- (iii) 86.25 peratus kepada responden mencatatkan pertumbuhannya lebih cepat dan mampan dari segi nilai pengeluaran, *production value*;
- (iv) 85.54 peratus daripada responden mencatatkan pertumbuhan keuntungan yang cepat dan mampan *faster and steady profit growth fit*;
- (v) 9.63 daripada responden berjaya memperluaskan pasaran tempatan ke-10 buah negeri;

- (vi) 85.72 peratus responden yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa mencatatkan pertumbuhan cepat dan mampan dari segi nilai eksport manakala 86.96 peratus responden mencatat pertumbuhan cepat dan mampan dari segi jualan eksport atau *export sales*;
- (vii) dana pinjaman PKS kaum cina yang dikendalikan oleh KOJADI ini membantu responden ke arah globalisasi di mana 95 peratus daripada responden mencatat pertumbuhan cepat dan mampan dalam konteks peningkatan peratusan jualan eksport daripada jumlah jualan. *Increase an export sales as a percentage of increase in total sales*, dengan izin;
- (viii) lebih daripada 85 peratus responden mencatatkan pertumbuhan cepat dan mampan dari segi nisbah jualan buruh *sales to labor ratio*, dengan izin; dan
- (ix) sebanyak 25 peratus responden mengambil bahagian dalam program pembangunan dan latihan sumber manusia selepas menerima dana pinjaman ini yang dikendalikan KOJADI.

Jadi, sebagai kesimpulan dana pinjaman PKS ini yang dikendalikan oleh KOJADI membolehkan pengusaha PKS membeli bahan mentah dan stok secara pukal dengan harga yang lebih rendah. Mereka dapat membeli mesin baru dan mempertingkatkan kecekapan dan nilai pengeluaran. Pengusaha PKS dapat menaik taraf perkakasan sistem komputer yang sedia ada, mencapai aliran tunai yang lebih mantap, memastikan perniagaan PKS dapat beroperasi secara berterusan dalam keadaan permintaan pasaran yang agak lemah dan pengutipan hutang yang rendah daripada pelanggan dan yang terakhir membiayai perbelanjaan reka bentuk pembungkusan dan periklanan.

■2010

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kadar bayaran balik dana PKS yang dikendalikan oleh KOJADI. Setakat ini kadar bayaran balik ini sangat memberangsangkan di mana 99 peratus berjaya dikutip balik mengikut jadual. Berkenaan dengan kadar hutang yang tidak dibayar, *nonperforming loan* (NPL). Setakat 1 November 2017 hanya dua kes NPL sahaja dicatatkan iaitu sebanyak 1.02 peratus daripada jumlah pinjaman yang diagihkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan Yang Berhormat Tebrau mengenai bayaran khas *one-off* sebanyak RM1,500 kepada ketua kampung serta tok batin turut meliputi ketua-ketua masyarakat di kampung-kampung Cina. Saya ingin menyatakan bahawa bayaran khas *one-off* ini yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Oktober 2017 juga akan merangkumi ketua-ketua kampung baru sebagai menghargai jasa dan bakti mereka. RM1,000 akan dibayar pada bulan Januari 2018 dan

RM500 lagi menjelang Hari Raya Aidilfitri. Ini menunjukkan kerajaan sememangnya bersifat inklusif dan tidak meminggirkan mana-mana pihak. Itu sahaja terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Ahli Parlimen Muar, sila.

8.11 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menyambung sesi penggulungan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Parit Buntar mencadangkan Akta Sumbangan dan Perbelanjaan Politik disegerakan agar dapat dikawal sumber kewangan parti politik dan dapat mengelakkan ahli politik menjadi sasaran pihak yang berkepentingan seterusnya dapat mengurangkan atau menghapuskan korupsi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, draf akta ini sudah di peringkat akhir jawatankuasa teknikal. Memandangkan akta ini melibatkan beberapa agensi, maka penelitian teliti perlu dilakukan sebelum diangkat kepada Yang Berhormat Menteri. Selepas itu draf akta ini akan di bawah ke Jabatan Peguam Negara untuk kelulusan yang kemudiannya cadangan akta ini akan dibawa sekali lagi ke sesi *engagement* bersama *stakeholders* dengan izin yang berkait untuk kali terakhir sebelum di bawa ke Parlimen.

Yang Berhormat Tenom mencadangkan agar wang rasuah atau salah guna yang berjaya dirampas oleh SPRM di Sabah dipulangkan kembali kepada kerajaan negeri untuk keperluan rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat SPRM menjalankan siasatan berdasarkan undang-undang yang telah diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

Bagi kes yang melibatkan Jabatan Air Sabah selain daripada pertuduhan-pertuduhan di mahkamah, SPRM juga telah memohon untuk melucut hak harta alih ke mahkamah. Sekiranya mahkamah memutuskan harta-harta itu boleh dilucut hak ia akan dimasukkan ke dalam hasil Persekutuan berdasarkan prosedur kewangan yang telah ditetapkan. Namun begitu untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan projek-projek infrastruktur tetap diteruskan untuk kepentingan rakyat di negeri Sabah tanpa perlu menunggu keputusan mahkamah yang mungkin mengambil masa lebih panjang.

Mengenai hal-hal yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dalam soal hal ehwal FELDA pula. Seperti Ahli Yang Berhormat semua sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan enam insentif khas untuk warga peneroka pada 23

Julai 2017 sempena hari peneroka FELDA peringkat kebangsaan di Putrajaya. Enam insentif tersebut ialah menghargai sumbangan dan jasa peneroka serta menzahirkan tanggungjawab FELDA dalam menjaga kesejahteraan mereka. Insentif tersebut adalah:-

- (i) bayaran insentif khas peneroka berjumlah RM5,000 setiap peneroka;
- (ii) pelupusan hutang tanam semula berjumlah RM5,000 bagi setiap peneroka yang telah memilih untuk tanam semula melalui FELDA;
- (iii) dana khas pelupusan lebih hutang tanam semula daripada tahun 2017 hingga tahun 2021;
- (iv) geran khas tanam semula peneroka tahun 2017 hingga 2020;
- (v) pelupusan sebahagian baki pinjaman saham FGV untuk insentif; dan
- (vi) kelulusan membina lebih satu unit rumah di dalam satu tapak.

Justeru, bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ampang berkaitan bayaran insentif khas peneroka bernilai RM5,000 bagi setiap peneroka. Adalah dimaklumi bahawa insentif ini diberikan kepada seramai 94,956 orang peneroka yang layak penuh iaitu peneroka yang kebunnya diurus oleh FELDA atau peneroka yang menghantar hasil kepada FELDA. Peneroka yang bersama FELDA ini turut selama ini setia membayar hutang-hutang yang didahulukan oleh FELDA seperti hutang tanam semua dan hutang pembesaran rumah melalui potongan hasil mereka. Malahan peneroka ini juga telah menabung dalam Tabung Tanam Semula dan tabung keceriaan kampung yang diwujudkan untuk kepentingan mereka juga berbanding mereka yang lain.

Peneroka yang bersama FELDA ini akan mendapat kemudahan dan kelebihan yang diberikan oleh FELDA. Namun begitu, buat pertama kali secara rasminya FELDA memberi peluang kepada baki seramai 17,679 orang peneroka yang tidak menghantar hasil kepada FELDA atau peneroka yang menyaman FELDA untuk kembali bermuafakat bersama FELDA. Tempoh kembali bermuafakat bersama FELDA ini adalah untuk tempoh enam bulan melalui Ogos tahun ini. Peneroka yang kembali bermuafakat adalah turut layak untuk menerima insentif-insentif pada bulan Februari 2018 nanti.

Bagi bayaran insentif khas kepada peneroka Gugusan Cini. Daripada sejumlah seramai 3,350 peneroka seramai 2,204 orang telah layak. Manakala, baki yang tinggal adalah lebih kurang 1,146. Namun begitu, daripada jumlah tersebut 677 orang telah bersetuju untuk kembali bermuafakat bersama FELDA. Manakala tinggal 469 sahaja yang masih belum bermuafakat yang kebanyakannya adalah mereka yang terdiri daripada mereka yang menyaman FELDA.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Jerantut dan Yang Berhormat Tebrau yang menyentuh hal berkaitan perumahan untuk generasi baru. Adalah dimaklumkan bahawa sehingga kini sebanyak 8,454 unit rumah PGBF ataupun Perumahan Generasi

Baru FELDA telah berjaya dilaksanakan di seluruh negara. Manakala, bakinya akan dilaksanakan dalam bentuk pemberi milikan tanam kosong kepada generasi baru FELDA dengan kerjasama Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Mesyuarat Lembaga FELDA bilangan 356 pada 20 Mac 2017 telah bersetuju berkenaan dengan dasar pemberi milikan tanah kosong dalam pegangan bandar seksyen 6 Akta Tanah 1960 kepada generasi baru FELDA. Dengan pelaksanaan dasar ini tapak-tapak projek PGBF yang belum dilaksanakan di seluruh negara akan ditukar kepada dasar pemilikan lot kosong kepada generasi baru FELDA. Manakala, unit-unit rumah yang bakal dibangunkan di atas lot-lot kosong ini akan dibangunkan oleh SPNB.

Program kerjasama FELDA - SPNB ini dinamakan Rumah Mesra Generasi Baru FELDA (RMGBF). Majlis menandatangani memorandum persefahaman MOU di antara FELDA dan SPNB bagi melaksanakan rumah mampu milik generasi baru FELDA ini dimeterai pada 13 April 2017 dengan objektif mewujudkan kerjasama strategik di antara kedua-dua agensi. RMGBF yang dicadangkan ini akan dilaksanakan secara berperingkat iaitu sebanyak 5,000 lot rumah fasa satu yang melibatkan 48 kawasan rancangan sebagai mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika pembentangan Bajet 2018 iaitu dengan peruntukan sebanyak RM164 juta.

Peruntukan hanya diperuntukkan kepada pembinaan unit-unit rumah sahaja manakala tambahan sebanyak RM300 juta lagi untuk pembangunan infrastruktur asas yang menggunakan dana dalaman FELDA. Sehingga kini 60 peratus kerja-kerja pengukuran di kawasan-kawasan yang terlibat telah siap. Pemohon pembatalan GSA dan permohonan tanah ke pejabat tanah dan daerah yang terlibat juga telah dilaksanakan. Manakala bagi fasa dua akan dilaksanakan pada tahun berikutnya tertakluk kepada kawasan yang bersesuaian yang dikenal pasti dan juga mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri.

Bagi kaitan isu pengurusan ladang FELDA yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerantut. Untuk makluman Yang Berhormat, pengurusan ladang peneroka terbahagi kepada tiga kategori iaitu diurus oleh FELDA, diurus oleh Felda Technoplant Sdn Bhd dan yang diurus sendiri oleh para peneroka iaitu peneroka yang mengambil alih ladang. Untuk menambah baik pengurusan ladang. FELDA telah mewujudkan unit naziran yang terdiri daripada tokoh-tokoh FELDA dan mereka yang pernah berkhidmat lama dengan FELDA dengan pengalaman ilmu dan kepakaran dalam pengurusan ladang. Unit ini akan menerima aduan dan terus membuat lawatan ke ladang yang bermasalah dan seterusnya menyelesaikan aduan tersebut.

Selain itu, sukacita dimaklumkan juga FELDA telah melantik Yang Berbahagia Dato' Dzulkifli Abd. Wahab mantan pengarah besar FELDA sebagai pengerusi FTP untuk menyumbang kepada pengurusan ladang peneroka yang lebih proaktif dan produktif sekali gus dapat memberi khidmat yang terbaik kepada warga peneroka di bawah

pengurusannya. Saya rasa itu sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■2020

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dan membenarkan permohonan Kementerian Kesihatan di nombor 4 dipinda menggantikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di nombor 5 seperti di dalam jadual susunan giliran Menteri-menteri menjawab ke atas perbahasan Belanjawan 2018 peringkat dasar. Oleh itu, saya jemput Kementerian Pengangkutan. Sila.

8.20 mlm.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada 25 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan.

Bagi menjawab, saya menyentuh tentang isu lapangan terbang. Yang Berhormat Bukit Katil telah memohon penjelasan status kajian kemungkinan naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Katil, kajian kemungkinan (*feasibility study*) bagi Lapangan Terbang Melaka telah dimuktamadkan pada bulan Disember 2016. Hasil kajian mendapati bangunan terminal sedia ada adalah mencukupi dan direka bentuk untuk menampung keperluan sebanyak 1.5 juta penumpang setahun. Pada masa ini, jumlah penumpang yang dikendalikan oleh Lapangan Terbang Melaka ialah 58,703 orang penumpang bagi tahun 2016. Kajian seterusnya mengesyorkan supaya landasan di Lapangan Terbang Melaka dipanjangkan sehingga 2,500 meter bagi membolehkan lebih banyak pesawat mendarat. Cadangan pemanjangan landasan Lapangan Terbang Melaka ini akan dipohon kepada EPU di bawah *rolling plan* keempat RMKe-11.

Seterusnya, Yang Berhormat Stampin dalam perbahasan telah membangkitkan beberapa isu yang berkaitan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Bagi menjawab isu-isu yang dibangkitkan seperti berikut iaitu isu ketiadaan *central lighting* di landasan Lapangan Terbang Kuching, untuk makluman Yang Berhormat, landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dikategorikan dalam kategori satu di mana sememangnya kategori tersebut tidak perlu pemasangan *central lighting* selaras dengan keperluan piawaian lapangan terbang Jabatan Penerbangan Awam (DCA). Mengenai *Precision Approach Path Indicators (PAPI)* di Lapangan Terbang Kuching yang *totally out*

of collaboration pula, kolaborasi PAPI di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching yang terkini telah dijalankan pada 6 Mac 2017 untuk PAPI 07 dan pada 17 Julai 2017 untuk PAPI 25 oleh pihak DCA. Dalam hubungan ini, kolaborasi yang dijalankan adalah memuaskan.

Mengenai isu mesin pasport dan kad pengenalan yang didakwa tidak berfungsi di Lapangan Terbang Kuching, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *auto gate* di balai berlepas dan balai ketibaan sememangnya berfungsi. Namun, ia tidak digunakan kerana penumpang masih perlu mendapat cap pasport dan *boarding pass* secara manual selaras dengan piawaian operasi Jabatan Imigresen Sarawak.

Berhubung dengan pengesanan penumpang antarabangsa yang tidak mempunyai akses dengan kedai di Lapangan Terbang Kuching, untuk mengatasi perkara ini, MAHB dalam proses untuk menyediakan *vending machine for snacks and hot drinks* untuk jangka masa pendek di balai berlepas antarabangsa di lapangan terbang berkenaan. Manakala untuk jangka masa panjang, pihak MAHB akan menyusun atur semula (*reconfigure*) fasiliti-fasiliti tersebut untuk keperluan para penumpang domestik dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat?

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Oh, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat atas jawapan yang dibagikan oleh Yang Berhormat. Saya hendak minta penjelasan di mana tadi Yang Berhormat katakan bahawa yang *auto gate* mesin itu tidak digunakan sebab ia masih perlukan cap. Jadi saya hendak tanya, jadi apakah sebabnya kita pasang, *we did the installation then we don't need it?* Itu soalan nombor satu.

Nombor dua, saya juga kluatir kerana *as we all know*, Kuching adalah *international airport* di mana banyak kapal terbang *fly in and fly out every single day*. Jadi saya harap kementerian boleh mempercepatkan di mana zon *overseas*, antarabangsa, mempercepatkan infrastruktur di zon tersebut. Bagi PAPI itu, ia adalah disebabkan saya mendapat *feedback* daripada pilot di mana mereka kadang-kadang mereka masih ternampak ada *out of collaboration status*. *Maybe the DCA need to check some of the report by the pilot— the risk most recent one. I think we have to take that seriously since this is from the pilot and not from me.*

Isu yang terakhir, saya *understand that Kuching International Airport is under category one* tetapi terdapat juga pilot-pilot yang saya berkomunikasi mengatakan bahawa *they hope the government can install the central lighting because walaupun dia category*

one, some of them still do manual landing. Bila mereka membuat manual landing, zero visibility and when they doing the cross wing— if we all understand cross wing, di mana the heading is different, they did crab landing. Dia memang perlukan central lighting untuk mereka membuat koordinasi yang lebih tepat semasa landing. Saya juga takut kerana recently terdapat juga beech king yang skidded off the runway in Kuching Airport. Jadi saya harap this one of the request from the pilot themselves. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Ya, terima kasih Yang Berhormat Stampin. Memang dalam negara kita kategori dua lapangan terbang *is only KLIA. The rest are all category one. So we look into the request. Memang kita tahu it is because of difference needs. When we raise the category, then the cost of maintaining the airport is different. So, you also know and understand the cost involve is quite high to maintain the lighting.*

Keduanya, if we talk about the PAPI, definitely make sure— because kita ada collaboration with two air craft doing the collaboration. It has to be accurate because we don't own one, because this is very important. We are not only control, not only DCA monitor this, even international ICAO also concern about the PAPI collaboration.

Berhubung dengan auto gate itu, memang *some are using it especially a certain passenger because the request from Sarawak Immigration is quite different. They still want the stamping, but some going out without stamping. They can use auto gate. So we will see if that is not necessary, then we can remove the auto gate and bring it back to KLIA. KLIA we still need more auto gate. So I agree with you, kalau tak perlu, kalau Sarawak Immigration feel that they still prefer stamping, then we have to remove the auto gate and bring it back to KLIA.*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat, *if I can a short one. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. If I can make a short one after look back at request di mana ada juga terdapat permintaan di mana tempat letak kereta di Kuching International Airport terlalu gelap. Jadi saya harap isu ini, Yang Berhormat Menteri boleh tolong raise the issue. It's too dark for security reason, car park case. Thank you.*

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Terima kasih atas permintaan itu. Saya akan memastikan MAHB dapat buat susulan. Juga, pengasingan, *we reconfigure the international passenger and also the domestic passenger.* Memang ini satu masalah yang saya sendiri tidak puas hati kerana pengasingannya tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung lapangan terbang baru di Perak, Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Gopeng dan Yang Berhormat Ipoh Timur telah bangkitkan isu tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menerima cadangan daripada sebuah syarikat bagi membina sebuah lapangan terbang antarabangsa yang

baru di Perak. Namun, cadangan ini masih di peringkat kajian dan kajian ini dijangka akan diselesaikan pada akhir tahun ini.

Yang Berhormat Bintulu dalam perbahasan telah membangkitkan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Malaysia Airports Holdings (MAHB). Untuk makluman Yang Berhormat Bintulu, bagi isu penyelenggaraan seperti penyelenggaraan tandas di KLIA, KLIA2 oleh pihak Malaysia Airports Holdings Berhad yang kurang memuaskan, MAHB sentiasa berusaha untuk memastikan kemudahan-kemudahan di *Kuala Lumpur International Airport* dan KLIA2 khususnya penyelenggaraan tandas sentiasa berada di tahap yang terbaik.

■2030

MAHB telah melaksanakan inisiatif seperti penyelenggaraan tandas secara besar-besaran, penambahan pekerja pembersihan pada waktu puncak, menaik taraf tandas-tandas dan mendapatkan pandangan dan penilaian daripada pihak ketiga seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, *Scientific and Industrial Research Institute of Malaysia* (SIRIM) dan Majlis Perbandaran Sepang latihan kepada kakitangan MA Sepang dan penyelia kontrak pencucian. MAHB juga memperkenalkan pemantau tandas melalui aplikasi *WhatsApp* di mana tindakan akan diambil dalam tempoh sepuluh minit untuk sebarang aduan.

Begitu juga mesin maklum balas pengguna disediakan untuk mendapatkan maklum balas segera, sama ada berpuas hati atau tidak berpuas hati dengan kebersihan tandas tersebut bagi tujuan tindakan segera. *We put in a lot of machine. If you are not happy, just press the button. So, the supervisor will be there in ten minutes.*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Hasil daripada semua inisiatif ini yang telah menampakkan peningkatan positif dari segi skor *Airport Service Quality* (ASQ). Tahap kebersihan tandas di KLIA skornya telah meningkat kepada 4.35 pada tahun 2017 dari 4.18 pada tahun 2016.

Seterusnya berkenaan isu penanaman kelapa sawit oleh pihak MAHB di sekitar lapangan terbang, cadangan supaya MAHB bekerjasama dengan agensi kerajaan seperti FELCRA. Ini merupakan pertimbangan komersial di antara pihak MAHB dan agensi berkaitan.

Yang Berhormat Bintulu turut membangkitkan mengenai kadar caj RM1 yang tidak sepatutnya dikutip oleh pihak MAVCOM. Untuk perhatian Yang Berhormat Bintulu, kadar caj ini atau *regulatory charge* sebanyak RM1 ini yang akan dikenakan oleh MAVCOM terhadap penumpang lapangan terbang Malaysia adalah bertujuan untuk membolehkan MAVCOM dapat terus beroperasi bagi melaksanakan fungsinya untuk melindungi hak-hak pengguna dengan memastikan segala aspek ekonomi dan keselamatan telah dipenuhi oleh penyelia perkhidmatan penerbangan.

Dalam hal ini, caj kawal selia tersebut wajar dikenakan terhadap penumpang sebagai sebahagian daripada perkhidmatan yang diberikan oleh pihak MAVCOM kepada para penumpang yang meliputi pengurusan dan pengendalian aduan termasuk aktiviti-aktiviti pendidikan kepenggunaan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa kepada penumpang secara khususnya dan masyarakat secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lanang telah membangkitkan mengenai isu MAVCOM dan kawalan harga tiket penerbangan yang mahal. Untuk makluman Yang Berhormat Lanang dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) pada 1 Mac 2016 dengan fungsi utama sebagai pengawal selia aspek ekonomi sektor penerbangan awam. Berdasarkan kepada seksyen 17 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia, salah satu fungsi MAVCOM adalah untuk menggalakkan persaingan yang berkesan dalam industri penerbangan awam dengan menyediakan satu persekitaran ekonomi yang membolehkan syarikat penerbangan Malaysia mengekalkan keupayaan mereka untuk bersaing dengan berkesan dalam pasaran penerbangan awam melalui cara yang menguntungkan, cekap, adil dan mampan.

Namun demikian, kerajaan melalui MAVCOM secara amnya tidak menetapkan sebarang peraturan berhubung penetapan harga tambang penerbangan dan membenarkan syarikat-syarikat penerbangan untuk menetapkan harga tambang berdasarkan keputusan komersial mereka masing-masing. *This is not a control item.* Sebab itu, kita tidak adakan *control price*. MAVCOM mempunyai kuasa untuk mengawal selia perkara yang berkaitan dengan persaingan di kalangan syarikat penerbangan. Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira permintaan pasaran, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Walau bagaimanapun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lanang bangun Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Lanang bangun.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: *I just want to mention. Let me finish this sentence.* Bagi mengurangkan beban rakyat di kawasan luar bandar, Sabah dan Sarawak, kadar tambang yang dikenakan bagi perkhidmatan yang disediakan oleh MASwings. MASwings adalah berdasarkan harga siling yang telah ditetapkan oleh kerajaan yang mengambil kira semua aspek termasuk surcaj bahan api *because* MASwings kita ada subsidi. *So, we can control the price but not the other commercial flight.* Sila.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa MAVCOM tidak ada kuasa untuk mengawal harga tiket penerbangan untuk penerbangan AirAsia atau MAS Airlines. Jadi hanya MASwings yang

dapat dikawal oleh MAVCOM. Jadi, saya hendak minta apakah siasatan yang dikatakan hari itu bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata harga MASwings untuk Sibu ke Kota Kinabalu ada *capping* pada harga RM243 sehalu. Akan tetapi, kalau Yang Berhormat Menteri boleh *check* sekarang, tidak ada harga serendah RM243. Jadi, saya ingin minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Saya tidak ada butiran di sini tetapi saya akan bagi secara bertulis berhubung siasatan yang telah dibangkitkan sebentar tadi. Akan tetapi, saya hendak tegaskan di sini bahawa sekiranya pengguna mendapati harga tiket berlebihan ataupun *exorbitant fees* naik tiga kali ganda, ini kita masih lagi boleh buat aduan kepada MAVCOM dan saya sendiri telah mengarahkan MAVCOM untuk membuat kajian semula. MAVCOM akan meneliti dan memantau perkara ini serta seterusnya akan mencadangkan pendekatan yang boleh diambil berhubung dengan harga tiket kapal terbang yang dikatakan mahal bagi laluan-laluan yang disebutkan tadi.

It doesn't mean that MAVCOM tidak boleh buat apa-apa. Sekarang kerana kalau Ahli-ahli Parlimen sudah bangkitkan bahawa harga ada laluan-laluan terlalu mahal, saya sudah arahkan MAVCOM untuk buat siasatan dan juga kajian *how to overcome the issue*. Masih lagi kita boleh. Akan tetapi buat masa ini, saya tidak ada jawapan kerana kajian dan juga siasatan sedang dilakukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Stampin bangun, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Ya, Yang Berhormat Stampin.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Balik juga kepada laluan Sibu–Kota Kinabalu tadi. *We are waiting for the investigation report* daripada Kementerian. Terima kasih atas itu.

Isu yang saya hendak bangkitkan bahawa sebelum ini dalam perbahasan kita bersama dengan Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga ada katakan bahawa *if ada airline* contohnya AirAsia, kalau mereka boleh janji, mereka boleh *sign a five- year service contract* dengan Sibu dan Kota Kinabalu, kementerian akan *consider to open up route to become a commercial route to low down the price for benefit of Sabah and Sarawak people*, dengan izin. Jadi, saya harap saya boleh mendapatkan *confirmation of that for that matter* bukan sahaja AirAsia *but any airline for the sack of both Sabah and Sarawak* supaya harga boleh diturunkan. Saya dapati juga bahawa sebelum ini apabila ada *airline is allowed to fly that route*, harga boleh serendah RM100 sahaja di antara Sibu dan Kota Kinabalu. Jadi saya harap kementerian boleh membuat penelitian dengan *decision* secepat mungkin *especially on the terms that if you can sign for five years, we open up this sky*. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Yang Berhormat Stampin dan Yang Berhormat Lanang, saya hendak jelaskan. *It is good you bring it up this issue* sebab MASwings kita subsidi untuk menjamin penerbangan yang berterusan tanpa diputuskan. Kalau kita berikan AirAsia atau Malindo *fly* atau MAS pun *fly*, apabila ada *commercial flight take the road, then we take of the subsidy. We cannot have one airline with subsidy, another airline without subsidy.* Tidak boleh. *Here is, once we allowed commercial flight to fly, then we have to take the subsidy from MASwings and MASwings without subsidy, MASwings will not fly. So, that's why* kita perlukan jaminan AirAsia *whether you can jamin that you continue to fly. AirAsia will stop. After one or two years* dia tidak ada untung, dia *just stop then the government will not have another airline to come in to ensure that the route have the continuous services.* Sebab *for us, government,* kita perlu menjamin bahawa *rural air services* dijaga kepentingan orang-orang luar bandar diberi perkhidmatan penerbangan. Sebab itu, *certain line that we are not allowed. We* tidak buka lagi. Bukan *not allowed* tetapi kita tidak buka lagi kepada *commercial airline.* Kita *welcome* kalau *commercial airline* hendak sangat laluan itu, *we will open then we will take off MASwings.* Ini memang janji kitalah. Yang Berhormat Lanang.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan tadi.

■2040

Akan tetapi saya ingin tahu apa- kerana kita tahu *rural air services* ada subsidi. Jadi, tetapi sampai hari ini kita tidak tahu yang mana satu laluan yang ada subsidi, yang mana tidak ada. Oleh kerana sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan pernah menjelaskan bahawa ada beberapa laluan yang telah dibuka iaitu 6 laluan kalau tidak silap saya. Jadi, adakah 6 laluan ini dibuka, subsidiinya semua ditarik balik dan sama ada sekarang pada masa ini Sibu ke KK, adakah kerajaan memberi subsidi kepada laluan ini? Kalau tidak ada, saya rasa tidak ada alasanlah kita tidak memberi AirAsia untuk terbang di laluan ini. Saya minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat. *Its related, is it okay* Tuan Yang di-Pertua? *Thank you.* Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat tadi. Saya memang faham *the seriousness to ensure connectivity* seperti Yang Berhormat katakan. Saya pun begitu juga bersetuju. Saya juga difahamkan bahawa syarikat seperti- *instead of MASWings,* syarikat seperti *AirAsia, they are willing to sign any year of contract the government wanted them to. But, please check...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat macam bercakap bagi pihak *AirAsia.*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Dengan izin. *In that matter, because we all know AirAsia is the biggest airline in Malaysia. It only makes sense that they come in, but* dengan itu, bukan saja AirAsia, biar juga Malindo, biar juga Malaysia Airlines. Jika

mereka- *they want and they agree to sign that minimum years of service, will the government consider to open up the route?* Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Stampin dan Yang Berhormat Lanang. Buat masa ini kita tidak buka beberapa laluan yang diminta oleh AirAsia kerana kita dapati *the load factor is very low*. Kita tahu sebab MAVCOM buat kajian sebelum kita benarkan AirAsia *to sign up the routes or not*. Apabila *the load factor is low, we know AirAsia cannot sustain*. So, sebab itu *for the time being*, kita masih lagi kekal kepada MASWings. *But*, kalau AirAsia *insist*, dia boleh bagi kita jaminan *they want to fly, insist to fly, then* kita akan bukalah dan kita akan keluarkan MASWings. Akan tetapi kita perlu juga *be fair to MASWings*. Apabila kita sudah beri kontrak kepada MASWings *to take this route and suddenly AirAsia came in and we take out MASWings and MASWings* sudah beli pesawatnya itu. *You must understand, MASWings* juga ada komitmen.

So, example that we allow MASWings to fly from Sibu to KK. So, suddenly AirAsia came in, than they say, okay. Now I want AirAsia to take over this route and suddenly we have to withdraw MASWings for this one. Then the commitment from MASWings will be in trouble. So, MAS will be in problem. So, sebab itu all this is not short term. Ia perlu ada perancangan jangka sederhana. *Not* jangka panjang, *at least* jangka sederhana untuk pastikan bahawa semua laluan ini dijaga dengan baik. Oleh itu, MAVCOM adalah penting memainkan peranan untuk menjamin bahawa kestabilan laluan-laluan ini dijamin dengan baik sekali.

Yang Berhormat Lanang, *your question, whether there will be two airlines flying. As of now, ada beberapa airlines komersial, AirAsia dengan MASWings masih fly. But, that are the route that will open up.* Kita sudah buka sudah. Contohnya, *certain route* kita sudah buka biar AirAsia fly. *So, but MASWings* tidak boleh tarik balik *straight away, stop. So, but MASWings will stop. By next year, MASWings will stop 6 routes as I have- I don't have the routes here, but you all should know that we would announce it. We have announced the route actually. So, those 6 routes are now AirAsia can fly, but MASWings are also flying, but MASWings will stop flying, because they cannot sustain. So, once there are competition there, then we allow AirAsia to take over.*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat, kalau boleh.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Okey. Kena banyak lagi *cut short*.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *Okay, short one, last one* ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *I understand, but saya rasa itu tidak boleh menjadikan satu sebab why the survivality, dengan izin, of MASWings cannot be the reason why route ini hanya to be only flown by MASWings. I think, dengan izin. Saya pun berpendapat bahawa yang load factor itu adalah berdasarkan kajian daripada MASWings, but tanpa mungkin consideration of if how AirAsia coming, because with all due respect, dengan izin, we never*

know what is the pieces model of AirAsia, dengan izin ya. So, kita tidak tahu, mungkin AirAsia yang come in, the price can be lower. We never know that and mungkin load factor dia rendah kerana price dia agak tinggi. Seperti yang mana Yang Berhormat Lanang sudah proven, di mana cap dia tidak ada. Jadi, RM300 lebih farenya.

Jadi, maybe there is a reason why load factor itu rendah, because tidak ada penumpang yang mahu terbang ke KK unless its necessary, dengan izin. Therefore, the load are low. But, when competition comes in, dengan izin, maka price itu akan lower, then the load factor will increase. Itu pandangan kitalah daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Sarawak, di mana itu adalah suara daripada rakyatlah. Jadi, saya harap give it a fair try. Maybe a few months probation and lets see what happens.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat Lanang kerana prihatin dengan *rural air services* (RAS) ini, satu perkhidmatan penting. Saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat Stampin. Barangkali kena beri pada *commercial airlines, the load factor may increase and I hope so that it is good for everybody*. Akan tetapi bagi saya sendiri, saya hendak bagi jaminan, kerajaan sedia menimbang sebarang permohonan daripada syarikat-syarikat penerbangan komersial negara untuk beroperasi laluan RAS, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya laluan tersebut dibuka untuk penerbangan komersial, kerajaan tidak boleh lagi memberi subsidi di bawah Obligasi Perkhidmatan Awam, Akta 771 MAVCOM. Ini saya kena jelaskan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Bintulu, supaya kekerapan penerbangan Kuching-Bintulu di tambah masa ini. Laluan Kuching-Bintulu, kerajaan tiada halangan untuk syarikat penerbangan meningkatkan kekerapan penerbangan bagi laluan Kuching-Bintulu dan syarikat penerbangan di minta untuk mengemukakan permohonan untuk kelulusan MAVCOM. Yang Berhormat Stampin telah memohon penjelasan mengenai status siasatan insiden kehilangan pesawat MH370. Pasukan penyiasat bebas antarabangsa telah ditubuhkan oleh kerajaan bagi menyiasat punca kemalangan udara pesawat MH370 berlandaskan Annex 13. Pasukan penyiasat antarabangsa ini dianggotai oleh *accredited authorities* daripada Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, China, Perancis dan dua negara anggota ASEAN iaitu Singapura dan Indonesia. Siasatan dijalankan berdasarkan Annex 13 - *Aircraft Accident and Incident Investigations*, yang mana semua maklumat penting dikongsi bersama dengan semua *accredited authorities*, termasuk Australia. Pasukan penyiasat telah mengeluarkan interim *statement* pada ulang tahun pertama, kedua dan ketiga. *We are heading towards the 4th year now, next year*, kehilangan pesawat berhubung dapatan awal siasatan. Ketiga-tiga laporan ini hanya memperincikan fakta-fakta kejadian berdasarkan maklumat yang diperolehi pada waktu tersebut. Interim *statement* tersebut boleh diperolehi di laman sesawang, *our website - MH370.gov.my*.

Untuk makluman Yang Berhormat, laporan akhir penyiasatan yang menyeluruh dan terperinci sedang disediakan dan seperti yang termaktub di bawah Annex 13 – *Chicago Convention*, satu laporan akhir, *the final report*- satu laporan akhir nahas pesawat perlu dikeluarkan dalam tempoh satu tahun daripada tarikh pengumuman penggantungan operasi pencarian. *So, apabila kita announced the suspension of the search, from then on within one year, this investigation team supposed to come out with a final report.* Akan tetapi memandangkan buat masa ini kerajaan telah pun meluluskan *this response team MH370* untuk terus berunding dengan Ocean Infinity berhubung dengan misi pencarian MH370. *So, the exact timing of the final report* belum dapat ditetapkan, bergantung pada *whether we will resume the search or not.* Saya harap semua bersabar kerana *the world is looking at us, how we handle and also especially the search of MH370.* Sila Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya telah bangkitkan dua soalan yang berkaitan dengan MH370 dan saya telah menerima jawapan lisan dua hari yang lepas. Satu adalah berkaitan dengan Konsul Kehormat Malaysia ke Republik Madagascar, mendiang Housseny Zahid Raza, di mana *assassination* beliau dikaitkan dengan serpihan MH370 yang sepatutnya diberikan ataupun dihantar ke Malaysia. Itu yang pertama. Itu jawapan yang diberikan kepada saya adalah masih dalam siasatan pihak berkuasa Madagascar.

■2050

Soalan saya adalah berkaitan mengapa kerajaan kita tidak mengambil inisiatif untuk mencari kebenaran di sebalik pembunuhan Konsul Kehormat Malaysia ke republik tersebut. Sepatutnya kita kena ambil inisiatif untuk mengetahui adakah ia betul melibatkan MH370 sebab hari yang beliau kena bunuh adalah hari yang beliau sepatutnya mengambil serpihan tersebut. Adakah ini berkaitan dengan pembunuhan itu atau ada perkara-perkara sampingan yang ditimbulkan.

So kalau kita hendak selesaikan isu MH370, saya rasa sini ada sesuatu yang menjadi *lacuna*. Sepatutnya kerajaan Malaysia mengambil tindakan perlu menyiasat adakah betul-betul berlaku. Perlu bekerjasama dengan Madagascar. Itu bahagian yang pertama. Jawapan di sini tiga *line* tidak menjawab soalan saya Yang Berhormat.

Yang bahagian kedua pula serpihan itu masih berada di Madagascar. Sepatutnya kita sudah membawa balik. Saya ingat lagi salah satu kenyataan akhbar sejurus konsul kehormat ini dibunuh. Beberapa hari kemudian Yang Berhormat Menteri telah memaklumkan kepada surat khabar bahawa akan menghantar satu delegasi untuk membawa balik. Akan tetapi setakat hari ini bahan serpihan itu tidak dibawa balik. So bahagian-bahagian begini yang memberi kita *clue to get news to the mystery of MH370 but our government sitting quiet. Not moving forward.* So I hope ada *commitment* daripada Yang Berhormat Menteri sebab saya rasa soalan saya ini memang ada kaitan. Memang

perlu dijawab tetapi beberapa baris sahaja. Tiada jawapan yang menunjukkan *commitment and I'm a bit disappointed*. So saya perlukan pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya ada tiga soalan sahaja. Yang pertama iaitu saya difahamkan bahawa terdapat syarikat antarabangsa yang menawarkan servis mereka di mana mereka menawarkan bahawa *they will continue the search. When they found MH370 only then the government pay them all. Reward them*, dengan izin. Jadi saya difahamkan bahawa ini dalam tahap perundingan. *So I would like to know the status of perundingan ini*, dengan izin.

Yang kedua iaitu saintis di Australia juga sekarang lebih *confident* di mana mereka boleh *pin-point search area* berdasarkan *search for the past two years*. Jadi *the confident are more now*. Jadi berdasarkan *the new finding* ini adakah kerajaan akan membuat *decision* yang seterusnya.

Yang *lastly* saya minta penjelasan daripada kementerian juga, saya dapat tahu bahawa juga kalau saya boleh bacakan *The Week UK- newspaper* ini katakan bahawa, *“Australian officials have faced a backlash after saying some details of truth about the hunt for missing Malaysia Airlines MH370 will be kept confidential. Employees at the Australian Transport Safety Bureau (ATSB) have been warned they face prison time if they reveal certain information about the search.”* Jadi atas *quotation* ini *this quote. I hope* kementerian boleh memberikan satu penjelasan terhadap, *“...to kept secret some of the details.”* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Sri Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Stampin.

Berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat Kapar itu tadi bahawa kita agak tidak bersungguh-sungguh, *not committed. But I want tell you it's not true we are very committed in a search of MH370*. Yang Berhormat Kapar kena jelas bahawa apabila serpihan ditemui di mana-mana dekat *South Africa* ke *Madagascar* ke ataupun di lain *new island, we need the government the local council to help us to support us. And we had a commitment of all these country*. Negara-negara ini telah memberi *commitment* untuk membantu kita untuk mendapatkan *the serpihan*.

Kemudian apabila *it hands to the government, then the government will contact DCA and DCA can go and collect or they can send the photo to us or we can send, ask them to send the delegation to bring it to us*. Ini memang ada kerjasama dua hala antara negara kita dengan negara-negara berkenaan. *So in this case apabila the consult general itu di bunuh, it is a criminal case. It has to be investigated by the local- another local law.*

Kita tidak boleh masuk untuk menyiasat. Ini kerana ini bawah tanggungjawab kerajaan tersebut. Kerajaan itu telah pun mengambil tindakan untuk membuat siasatan.

At the same time, serpihan-serpihan itu we need some time to come because they are under investigation- they need all these for their investigation. So bukan kita kata hendak ambil dia boleh ambil terus balik. So we also need the support of the local. I mean the kerajaan negara tersebut.

Oleh sebab itu apabila kita hendak ambil, apabila kerajaan kata, *so there are whole thing under investigation. So kita perlu respect the law of that particular country. So memang kita akan kerjasama dengan negara tersebut to ensure that we will get back all the serpihan dan memang pun kita ada standard operating procedure kepada semua negara-negara yang menjumpai serpihan itu. First they must be in hand authority kerana kadang-kadang dia ini dijumpai di pantai-pantai mana, dia in civilian hand. The civilian hand got to hand over to the authority. The local authority got to hand over to the Minister of Transport. Dia ada beberapa layer. Kemudian baru sampai inform us- negara kita. So it takes a little bit of time. So bukan kita not committed to- went bring back the serpihan. Saya harap kita kena faham dari segi dia punya SOP dan prosedur yang kita lalui.*

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Saya faham bahawa ini melibatkan jenayah di Madagascar dan melibatkan undang-undang di negara tersebut. Apa yang saya maksudkan adalah kita kena ada penglibatan kita dari sudut status apa yang sedang berlaku. Kita tidak boleh biarkan mereka mengambil *you know that assassination happened somewhere in August. So it's already three months. You know tempered of evidence possible. So we must- that's what I mean.* Kita kena menunjukkan yang kita memang hendak tahu status terkini dan jangan ambil masa untuk siasat. *That's number one.*

Number two, saya hendak kepastian daripada Yang Berhormat, ada tak kita menghantar officers setelah pembunuhan ini berlaku ke Madagascar, ada tidak officers from DCA dihantar?

Dato' Sri Liow Tiong Lai [Bentong]: Memang kita hendak hantar *officers but advised by the government there that let them investigate first.* Oleh sebab itu pasukan itu terpaksa kita tangguhkan. *Pending the investigation.*

So memang kita masih dalam lagi, *as I said, the government committed will continue to monitor the case in Madagascar.* Berhubung dengan Yang Berhormat Stampin, saya hendak beritahu bahawa memang *Ocean Infinity* telah beri *commitment. No cure no fees. No cure no fees means-* dia akan cari kemudian kalau dapat dia akan *certain have a condition within certain day* dia hendak dapatkan dia punya pampasan dan dia punya bayaran dia lah. *That's why kita kena discuss what are those cost involve.*

Keduanya, *the first principal review by Australia Search Team* telah menunjukkan bahawa, kalau dulu kita cari *60 thousand square kilometer-* tidak dapat, *then we extend*

another 60 thousand kilometer search. So the total search area adalah last time- last one year is 120 thousand square kilometers. Sekarang kata tidak ada lagi. Now the first principal review now dia dah zoom in to 25 thousand square kilometer searcher. A smaller area.

Even now they said that, maybe within the five thousand search area we can find the serpihan atau the main rakish. Serpihan kecil-kecil tidak guna. We want the main maybe the Black Box that we want. So ini memang kerana the first recently review maka the tripatite- Malaysia, China dan Australia, we are looking to the genuinity ataupun the credible evidence provided by this first principal review. Whether we should continue the search or not.

Saya telah pun membuat pengumuman dulu bahawa *tripatite country* telah buat pengumuman bahawa *if there is no more credible evidence*, kita tangguhkan *the search*, unless we find credible evidence. So with this first principal review now we are reviewing this 25 thousand square kilometer punya data, including satellite data dan juga dia buat satu *floating*- punya data untuk kita sama-sama tengok untuk *whether this credible enough for us to continue the search*. So I haven't got the final because the *tripatite meeting* belum diadakan lagi dan kita akan bincang secara mendalam. So whatever you mentioned, *Australia official* itu saya tidak ada maklumat berhubung dengannya.

■2100

I don't think kita akan hide any information. We are very transparent in our search, we are very committed in the search, dan kita akan terus apabila kita temui apa-apa hasilnya, *the first is we will inform the NOK then we inform the reporters, the press to keep the public inform on the latest situation on MH370*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Batu Sapi telah mencadangkan supaya pihak Kerajaan Persekutuan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk merancang dan membangunkan rangkaian kereta api yang menghubungkan semua bandar utama di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat Batu Sapi, sukacita Kementerian Pengangkutan maklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bekerjasama rapat sedang melaksanakan tiga projek berkaitan kereta api Sabah iaitu:

- (i) naik taraf landasan kereta api di Jajaran George Line antara Stesen Halogilat dan Stesen Tenom dengan kos projek sebanyak RM49.5 juta;
- (ii) perolehan tiga set *diesel multiple unit* (DMU) dan enam unit *non-powered car* dengan kos projek sebanyak RM46 juta; dan
- (iii) kajian naik taraf sistem semboyan dan komunikasi kereta api Sabah dengan kos projek sebanyak RM1 juta.

Selain daripada itu, Kementerian Pengangkutan turut difahamkan bahawa JKNS sedang menyediakan cadangan kajian bagi mengembangkan lagi jajaran kereta api di

negeri Sabah dengan sambungan ke beberapa bandar utama. So, Kerajaan Persekutuan akan menimbangkan permohonan ini apabila dikemukakan oleh JKNS kelak.

Seterusnya Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Gerik telah memohon supaya kerajaan mempertimbangkan untuk membina jajaran baru landasan kereta api yang menghubungkan Kuala Kangsar-Padang Rengas-Lenggong-Gerik-Kulim, dan Pulau Pinang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil makluman cadangan Yang Berhormat Lenggong untuk membina jajaran baru landasan kereta api yang menghubungkan Kuala Kangsar-Padang Rengas-Lenggong-Gerik-Kulim, dan Pulau Pinang. Buat masa ini, kerajaan belum mempunyai perancangan untuk membina jajaran baru ini dan sedang menumpukan kepada pelaksanaan naik taraf jajaran sedia ada iaitu Gemas-Johor Bharu serta rehabilitasi jajaran sektor Pantai Timur, Gemas-Tumpat.

Kerajaan bersedia mempertimbangkan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya terdapat keperluan di masa depan tertakluk kepada kajian kebolehlaksanaan atau *feasibility study* ke atas cadangan tersebut. Ini sekali gus menjawab soalan Yang Berhormat Gerik yang memohon supaya kerajaan mempertimbangkan untuk membina jajaran landasan kereta api dari Kelantan ke Kulim melalui Gerik.

Yang Berhormat Pasir Gudang telah memohon supaya Keretapi Tanah Melayu (KTMB) mewujudkan laluan kereta api bagi penumpang dari Kempas ke Pasir Gudang untuk membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas yang teruk di Pasir Gudang. Menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang, KTMB mempunyai perancangan untuk mewujudkan perkhidmatan kereta api penumpang iaitu komuter tren dari Kempas ke Pasir Gudang pada tahun 2019 setelah kerja-kerja baik pulih siap landasan sektor Kempas Baru-Pasir Gudang akan dilaksanakan siap pada tahun September 2018.

Begitu juga perolehan 13 set *diesel multiple unit* (DMU) baru yang dijangka akan diterima secara berperingkat pada tahun 2019. So, walau bagaimanapun, perancangan ini masih di peringkat kajian- *feasibility study* mengambil kira corak permintaan dan kecukupan serta ketersediaan stok kereta- *rolling stock*, dan infrastruktur kereta api. So *that for* Pasir Gudang.

Yang Berhormat Simpang Renggam dan Yang Berhormat Tebrau dalam perbahasan telah memohon penjelasan status projek landasan kereta api dari Gemas ke Johor Bharu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perkembangan projek ini adalah dalam keadaan yang baik di mana surat setuju terima telah dikeluarkan kepada Konsortium CRCC, CREC, CCCC Konsortium Sdn. Bhd pada 27 Oktober 2016 dan tarikh minit tapak telah diambil pada 1 Disember 2016. Konsortium sedang melaksanakan kerja-kerja pembangunan reka bentuk dan mengumpulkan permohonan kepada pihak berkuasa tempatan untuk kebenaran merancang dan permit pembinaan. So, kerja-kerja ukur

dijangka pada bulan November 2017 dan kerja-kerja fizikal bermula pada bulan Disember 2017. *So, by end of this year* akan mula kerja.

Berhubung dengan persoalan Yang Berhormat Batu Sapi dalam perbincangan telah memohon supaya kementerian membantu dalam menghadapi masalah pemendapan di Pelabuhan Sandakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pelabuhan Sandakan ialah sebuah pelabuhan yang dikawal selia dan ditadbir oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah melalui Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah. Namun begitu, kerajaan boleh meneliti bentuk bantuan yang dapat diberikan dalam menangani isu pemendapan di Pelabuhan Sandakan.

Yang Berhormat Labuan telah memohon supaya pihak kementerian membuat perancangan dan memastikan peruntukan yang mencukupi disediakan bagi menaik taraf Pelabuhan Labuan selari dengan cadangan pembinaan jambatan menghubungkan Labuan dengan Tanah Besar Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, Lembaga Pelabuhan Labuan telah ditubuhkan melalui Pewartaan Peluasan Kuasa Menteri iaitu Perintah Lembaga Pelabuhan Bintulu (Perluasan Fungsi) 2017 yang berkuat kuasa pada 31 Januari 2017.

Dengan tertubuhnya Lembaga Pelabuhan Labuan, maka segala perkara dan urusan pentadbiran Pelabuhan Labuan kini terletak di bawah bidang kuasa dan kawal selia Lembaga Pelabuhan Labuan yang sebelum ini di bawah tanggungjawab Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan. Kementerian juga sedang memperhalus cadangan penswastaan Pelabuhan Labuan dengan melantik mana-mana syarikat yang berwibawa sebagai operator pelabuhan.

Yang Berhormat Kubang Kerian dalam perbincangan membangkitkan akan keperluan sebuah pelabuhan di Tumpat sebagai jaringan sokongan kepada ECRL. Dalam hubungan ini, penentuan pembinaan dan pembangunan sesebuah pelabuhan adalah bergantung kepada keperluan perdagangan dan kegiatan ekonomi sesuatu kawasan. Pada masa ini, dua pelabuhan persekutuan di sebelah Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Kuantan sedang beroperasi. Sementara itu di Tok Bali, Kelantan juga sedang giat dijalankan pembangunan jeti persendirian bagi tujuan *supply base* di Tok Bali oleh syarikat swasta dengan usaha sama Kerajaan Negeri Kelantan. Kedudukan jeti persendirian ini pula hanya terletak kira-kira 50 kilometer daripada daerah Tumpat. Walau bagaimanapun, kementerian akan terus meneliti kewajaran pembinaan pelabuhan di Tumpat sewajarnya.

Yang Berhormat Kuantan ada membangkitkan mengenai pegangan saham China dalam pelabuhan laut dalam Kuantan. Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP) dan memohon penjelasan sama ada ianya merupakan satu ancaman kepada negara kerana membenarkan pegangan asing sebanyak 40 peratus dalam MCKIP. Untuk makluman Yang Berhormat Kuantan, Syarikat Guangxi Beibu International dari China

memiliki sebanyak 40 peratus ekuiti dalam Syarikat Kuantan Park Konsortium Sdn. Bhd yang merupakan pengendali pelabuhan laut dalam Kuantan. Manakala bagi MCKIP pula, sebanyak 49 peratus ekuiti syarikat dimiliki oleh Guangxi Beibu Gulf Investment mengambil kira pelabuhan oleh syarikat China tersebut merupakan pelabuhan swasta. Syarikat China tersebut masih tertakluk kepada peraturan kewangan dan dasar pelaburan negara yang sedang berkuat kuasa.

Oleh itu, Yang Berhormat mengatakan kita jual *sovereignty* adalah satu fitnah. Saya nak tegaskan bahawa negara kita memang mempunyai dasar dan juga undang-undang yang dapat menjamin kedaulatan negara kita sendiri. So, Yang Berhormat Kuantan memohon penjelasan sama ada China-Malaysia Qinzhou Industrial Park juga menawarkan pegangan saham yang sama sebanyak 40 peratus kepada Malaysia. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MCKIP Kuantan Industrial Park dan Qinzhou Industrial Park adalah merupakan inisiatif *two countries twin park* di bawah *Bilateral Investment Corporation Project China-Malaysia Qinzhou Industrial Park*. Ianya dibangunkan melalui usaha sama syarikat Malaysia dan China dengan pegangan saham 49 peratus Malaysia dan 51 peratus China.

Yang Berhormat Lumut dalam perbahasan telah memohon penjelasan mengenai status projek marina di Pulau Mentagor dan jeti di Sungai Pinang Kecil yang tidak digunakan. Untuk makluman Yang Berhormat Lumut bahawa tuduhan itu adalah tidak benar bahawa kedua-dua projek ini masih lagi berjalan di bawah kawal selia agensi-agensi berkaitan.

■2110

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 2012 kerajaan telah memutuskan supaya marina-marina di bawah seliaan Jabatan Laut Malaysia diswastakan secara *free base operation* iaitu pihak swasta bebas menjalankan apa-apa juga sahaja aktiviti di tapak marina tersebut berdasarkan kepada terma-terma dan syarat yang ditetapkan oleh agensi kerajaan.

Kaedah ini dilihat dapat mengurangkan beban kewangan kerajaan untuk menyelenggarakan dan memastikan aset berkenaan dapat digunakan secara optimum. Dalam hal ini Marina Pulau Mentagor, Perak telah dipajakkan kepada Majlis Perbandaran Manjung dengan kadar pajakan permulaan sebanyak RM190 ribu setahun. Oleh yang demikian sebarang kemajuan pembangunan dan operasi marina tersebut adalah di bawah kawal selia Majlis Perbandaran Manjung.

Jeti Sungai Pinang Kecil pula telah di naik taraf oleh Jabatan Laut Malaysia pada tahun 2004 dengan kos keseluruhan sebanyak RM3.7 juta bagi kegunaan penduduk setempat menjalankan aktiviti harian serta menempatkan bot-bot kecil. Walau bagaimana pun selaras dengan perubahan dan keperluan semasa, jeti tersebut telah digunakan untuk tujuan pendaratan ikan. Pada masa ini jeti berkenaan adalah di bawah pengawal seliaan

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Oleh itu adalah tidak benar bahawa kedua-dua projek itu *become 'white elephant'* ataupun tidak digunakan.

Yang Berhormat Keningau dalam perbahasan telah memohon supaya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dapat mengatur Mesyuarat Majlis Pengangkutan Nasional sejurus selepas Mesyuarat Ketiga, Persidangan Parlimen kali ini bagi menyeragamkan harga barang di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Keningau, Mesyuarat Majlis Pengangkutan Negara telah diadakan pada 20 April 2017 yang lalu. Dalam mesyuarat ini, Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah telah membangkitkan isu Dasar Kabotaj yang dipercayai menjadi faktor kenaikan harga barang dan perkara ini memerlukan perhatian lebih daripada Kerajaan Persekutuan.

Susulan daripada itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pengecualian Dasar Kabotaj bagi aktiviti perkapalan dalam perkhidmatan kargo bermula 1 Jun 2017. Pengecualian Dasar Kabotaj ini diharapkan dapat membantu pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah dan memang kita akan teruskan lagi Mesyuarat Majlis Pengangkutan Nasional pada akhir tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jerantut dalam perbahasan telah mencadangkan supaya sebuah pejabat mini Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dibuka di Jerantut. Saya setuju dengan cadangan ini dan telah mengarahkan JPJ untuk naik taraf *Mobile Caunter 1JPJ* di pejabat Majlis Daerah Jerantut. Kita naik taraf menjadi- gunakan SPK atau naik taraf SPK Jerantut dengan infrastruktur dan prasarana yang lengkap untuk menjalankan urusan niaga JPJ dengan lancar serta efisien pada masa yang terdekat ini.

Berhubung dengan Yang Berhormat Batu Kawan dalam perbahasan ada mencadangkan supaya Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan bagi menyiasat kemalangan yang melibatkan kematian yang kerap berlaku baru-baru ini termasuk kemalangan dua buah bas di Lebuhraya PLUS di Juru.

Untuk makluman Yang Berhormat Batu Kawan, setakat ini pihak Kementerian Pengangkutan tidak merancang untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja kerana kemalangan berlaku ini akan disiasat oleh agensi-agensi berkaitan secara telus dan bebas. Bagi pihak Kementerian Pengangkutan, siasatan kemalangan ini akan dijalankan oleh pihak Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) dan laporan siasatan akan diterbitkan untuk pengetahuan umum.

Berhubung dengan Yang Berhormat Bakri, mengenai masalah yang dihadapi oleh orang ramai berhubung memperbaharui lesen kenderaan motor LKM, *roadtax* dengan kompaun yang dikenakan membebankan orang ramai. Dimaklumkan bahawa di bawah seksyen 23, Akta Pengangkutan Jalan 1987 menyatakan adalah menjadi satu kesalahan jika mana-mana orang yang menggunakan suatu kenderaan motor di jalan hendaklah mempunyai lesen kenderaan motor iaitu *roadtax* yang sah kuat kuasanya. Berhubung

dengan mana-mana orang yang memperbaharui lesen kenderaan motor setelah LKM itu tamat tempoh kuasanya.

Jabatan Pengangkutan Jalan tidak pernah mengenakan sebarang penalti atau denda kompaun kepada orang awam terhadap kelewatan pembaharuan *roadtax*. So kalau *roadtax* tidak bayar setahun pun tidak mengapa, kita tidak akan kenakan.

Akan tetapi jangan gunakan kenderaan itu, kalau gunakan kenderaan kita akan saman. Dan jika mana-mana orang yang tidak memperbaharui lesen kenderaan motor melebihi satu tahun daripada tarikh lesen itu tamat tempoh kuat kuasa, maka kenderaan motor itu hendaklah menjalani suatu pemeriksaan di PUSPAKOM bagi menentukan tahap keselamatan dan ke boleh gunaannya di jalan raya. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang menyertai perbincangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

9.15 mlm.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini semasa perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 yang lalu.

Sepanjang perbincangan seramai 18 orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Baram, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat Pagoh, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Keningau dan Yang Berhormat Simpang Renggam telah membahaskan sebanyak lapan perkara yang akan saya jelaskan pada malam ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya isu Kedai Rakyat 1Malaysia. Isu ini adalah mengenai kedai rakyat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Tanah Merah dan Yang Berhormat Kota Samarahan. Pembangunan semula inisiatif KR1M melalui KR1M 2.0 ini, akan ditambah baik melalui modul perniagaan baru yang berkonsepkan kepada:

- (i) kerjasama strategik antara kerajaan dengan pengeluar atau pengilang dan pengedar;

- (ii) operasi perniagaan pengendalian pemilik atau *owner operator*, dan
- (iii) penjenamaan bersama atau *co-branding*.

Konsep KR1M 2.0 yang lebih terbuka ini akan memberi lebih peluang kepada lebih ramai pemilik perniagaan terutamanya perniagaan runcit untuk menyertai rangkaian premis KR1M 2.0 berbanding konsep modul perniagaan KR1M sebelum ini yang menumpukan hanya kepada satu pengendali tunggal yang menguruskan semua operasi KR1M. Buat permulaan, KR1M 2.0 ini akan ditumpukan kepada empat barang keperluan asas dengan harga rendah seperti beras, gula, minyak masak dan tepung, manakala bagi LPG pula atau gas memasak, kita sedang mencari kaedah untuk menjualnya dengan harga yang kompetitif.

Selain itu, KR1M 2.0 juga akan menjual barangan pada harga yang kompetitif sekurang-kurangnya 50 SKU produk berjenama di *outlet* KR1M 2.0 dengan menggunakan bungkusan yang sama bagi produk berkenaan. Melalui cara ini, secara tidak langsung akan membuang persepsi negatif terhadap kualiti produk KR1M 2.0. Pada peringkat seterusnya, 50 hingga 100 SKU produk berjenama akan dijual dengan harga kompetitif di KR1M 2.0 menerusi Strategi Lautan Biru Kebangsaan bersama syarikat multinasional (MNCS) dan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua ialah mengenai program *Food Truck 1Malaysia*.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gantang, nak bagi?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya masih lagi memberikan untuk mengharapkan supaya kedai KR1M 2.0 ini supaya hanyalah dikhususkan kepada B40 sahaja yang layak untuk membeli. Kalau kita membuka kedai ini untuk diberikan kepada semua orang termasuklah juga pendatang asing dan sebagainya, saya rasa subsidi yang diberikan oleh pihak kerajaan itu tidak tersasar kepada orang yang sepatut dapat kerana ini saya rasa lebih praktikal, kerana kita tujuannya adalah untuk membantu terutamanya di kalangan penduduk ataupun di kalangan rakyat kita yang B40 tadi. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Gantang mempunyai satu pandangan yang baik.

■2120

Walau bagaimanapun, buat masa ini, kita mengambil kira tentang keseluruhan penduduk yang ada dalam negara kita kerana dari segi strategi yang kita hendak lakukan selepas ini adalah untuk menentukan ada kaedah-kaedah yang boleh kita berikan khusus hanya untuk rakyat Malaysia bukan hanya B40 tetapi juga rakyat Malaysia keseluruhannya. Maka sebab itu, buat masa ini kita buka kepada semua penduduk dalam negara tetapi kaedah yang akan datang ia membezakan di antara rakyat Malaysia dan bukan rakyat Malaysia. Ini akan kita lakukan. Terima kasih.

Isu seterusnya ialah mengenai program *Food Truck 1Malaysia* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor dan Yang Berhormat Tanjong Manis. Yang Berhormat Kuala Selangor mencadangkan supaya kementerian mewujudkan satu ekosistem bagi menyokong pelaksanaan program *Food Truck 1Malaysia* supaya dapat mencapai matlamat pelaksanaannya.

Bagi menjayakan program FT1M ini, perancangan telah pun dibuat oleh pihak kementerian meliputi aspek pembangunan modal insan serta penyediaan prasarana yang sesuai seperti tapak perniagaan yang dikenali sebagai *hotspot* dan *pitstop* bagi kemudahan pengusaha FT1M. Program ini juga menekankan aspek peningkatan kapasiti pengeluaran menggunakan faedah *central kitchen* dan *français*. Penglibatan golongan sasar seperti graduan, peniaga-peniaga baru serta peniaga-peniaga sedia ada adalah dialu-alukan sebagai satu sumber bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup.

Pada masa yang sama, KPDKK sedang merangka model perniagaan yang sesuai bagi memastikan peniaga *food truck* di bawah program FT1M ini berdaya maju. Penyediaan prosedur operasi standard (SOP) akan dilaksanakan bagi syarikat-syarikat yang mampu untuk melaksanakan program ini mengikut kluster perniagaan yang sesuai. Konsep dan model perniagaan yang tersusun lebih baik dan teratur bukan sahaja untuk memastikan syarikat-syarikat pelopor berdasarkan perniagaan kluster serta harga barangan jualan terkawal, malah individu yang terlibat dalam program ini juga dapat menjana pendapatan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertu, menyentuh harapan Yang Berhormat Tanjong Manis untuk melihat lebih ramai warga negeri Sarawak berkecimpung dalam perniagaan *food truck*, saya mengalu-alukan pihak Yang Berhormat untuk turut sama mempromosikan program ini di Sarawak. Mudah-mudahan manfaat yang ditawarkan oleh FT1M dapat dirasai oleh seluruh rakyat dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Kangsar telah mencadangkan supaya diberi pendidikan mengenai harta intelek kepada masyarakat Orang Asli bagi melindungi harta intelek warisan mereka.

Pendidikan harta intelek adalah sangat penting diterapkan kepada semua lapisan masyarakat di negara ini termasuklah kepada komuniti Orang Asli. Kementerian melalui

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah menjayakan pelbagai usaha dan inisiatif untuk memberikan kesedaran kepada semua kumpulan sasaran. Kempen-kempen kesedaran, seminar, bengkel dan forum harta intelek merupakan program penting MyIPO dalam memberi informasi dan maklumat terkini berkenaan harta intelek kepada masyarakat. Ini termasuk mengadakan program khusus mengenai kepentingan perlindungan harta intelek kepada Orang Asli mengelakkan hak harta intelek mereka dimanipulasi atau dieksploitasi oleh pihak ketiga.

Antara syarat yang membolehkan sesuatu produk dipatenkan ialah ia perlulah baru atau novel. Dari segi *geographical values*, tumbuh-tumbuhan adalah sumber asli milik negara dan produk-produk atau perubatan yang dihasilkan daripada tumbuhan melalui pengetahuan yang diwariskan turun menurun merupakan warisan negara dan tiada pihak boleh memonopoli dan mendakwa sebagai pemilik kepada produk terbabit. Ia dilindungi sebagai harta intelek yang dikenali sebagai pengetahuan tradisional.

Bagi memastikan pengetahuan tradisional ini dilindungi daripada disalah guna atau dipatenkan oleh pihak tidak bertanggungjawab, kerajaan melalui MyIPO telah mewujudkan pangkalan data atau *Malaysian Traditional Knowledge Digital Library* pada tahun 2009 bagi merekodkan semua amalan perubatan tradisional termasuk perubatan Orang Asli sebagai mekanisme perlindungan pertahanan. Usaha ini dilaksanakan secara berterusan dengan kerjasama pelbagai pihak, antaranya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

MyIPO akan terus bekerjasama dengan pihak berkaitan dalam usaha meningkatkan kefahaman mengenai perlindungan harta intelek bagi menyalurkan dan memperluaskan lagi maklumat berkaitan harta intelek yang tepat di kalangan komuniti Orang Asli. Kerjasama yang berterusan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Jabatan Kemajuan Orang Asli adalah perlu terutamanya yang melibatkan perlindungan pengetahuan tradisional terhadap produk-produk keluaran masyarakat Orang Asli.

Yang Berhormat Stampin pula telah membangkitkan isu pemfailan paten oleh GST Smart Solution Sdn. Bhd. Tuduhannya menyatakan MyIPO gagal dalam melindungi hak harta intelek dan membuat keputusan yang dipengaruhi oleh politik adalah tidak benar sama sekali. MyIPO merupakan pentadbiran sistem harta intelek dalam negara ini dan menjalankan tanggungjawab sebagai *custodian of intellectual property* dengan telus serta tidak membezakan rupa, kaum mahupun jantina atau pegangan politik. Setiap permohonan yang diterima akan diproses mengikut perundangan dalam negara iaitu Akta Paten 1983 dan mematuhi standard yang ditetapkan oleh perjanjian antarabangsa. Jika terdapat pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan MyIPO, pihak berkenaan boleh membawa perkara tersebut ke mahkamah dan MyIPO akan mematuhi keputusan yang diputuskan oleh mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, penipuan jualan durian Musang King yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Simpong Renggam.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, saya amat kagum dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat terhadap misi dan objektif MyIPO untuk melindungi hak IPO dengan hak *invention* para usahawan.

Jadi soalan saya ada dua. Soalan pertama terhadap GST Smart Solution Sdn Bhd. Saya difahamkan dan dalam perbahasan saya juga saya ada menyatakan bahawa pemfailan paten telah pun dibuat oleh GST Smart Solution Sdn Bhd pada 7 Mei 2010 dan hanya tujuh bulan selepas itu baru MyIPO memfailkan paten yang lebih kurang sama. Jadi kenapakah ini dibenarkan?

Yang kedua, saya difahamkan juga bahawa paten yang oleh MyIPO ini adalah bersamaan dengan apa yang difailkan oleh GST Smart Solution Sdn Bhd. Kalau kita membuat *plagiarism check* dengan MyEG dengan GST Smart Solution Sdn Bhd, terdapat perenggan di mana 70 peratus adalah persamaan. Sesiapa pun tahu, *this is plagiarism 101* ini- *we can almost say it is a cut and paste over* dengan paten itu. Kenapakah apabila MyEG ini memfailkan paten tersebut, MyIPO tidak membuat *reference* terhadap paten yang telah pun difailkan tujuh bulan sebelum itu?

Yang ketiga, syarikat tersebut juga telah pun memfailkan paten di *Singapore* selepas memfailkannya dengan MyIPO dan paten pun di *granted* oleh *Singapore side*, dengan izin, lebih awal daripada MyIPO. *How can this happen?* Semua tahu kah kenapa ini berlaku? Bukankah sepatutnya *MyIPO granted the patent first before the Singapore side seen that they file it in Malaysia first?* Dan hanya dengan desakan daripada paten yang dikurniakan oleh pihak *Singapore* barulah MyIPO mengurniakan paten kepada GST Smart Solution. Itu fakta yang saya terima.

Jadi saya harap saya boleh mendapat satu penjelasan. Saya difahamkan juga bahawa dalam *court case* yang diadakan yang telah pun habis, di mana *MyEG Services* dibenarkan untuk menukarkan *descriptions* di dalam paten mereka. *This is unprecedented and never happened before.* Macam mana MyIPO boleh membenarkan MyEG untuk menukarkan deskriptif paten mereka apabila *the court are still in proceeding? This is never happened before.*

Saya difahamkan juga sampai sekarang tidak adapun *reference* terhadap paten MyEG dengan paten yang difailkan oleh GST Smart Solution walaupun jelas dan nyata bahawa ciptaan mereka adalah bersamaan. *That's all.*

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah *specific case* saya rasa saya harus jawab secara bertulis supaya ia tidak lari daripada *documentation* yang telah pun Yang Berhormat bangkitkan. Saya risau kalau saya jawab

nanti ada tersalah dari segi tarikhnya dan *documentation* yang telah pun difailkan oleh kedua-dua pihak.

■2130

Apa yang penting kepada saya adalah untuk memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kita tidak kenal. Oleh sebab Yang Berhormat menuduh seolah-olah ini adalah isu politik yang dibangkitkan, maka sebab itu saya menjawab bahawa ia tidak ada kena mengena dengan isu politik. Ini adalah terbabit dari segi *documentation* yang difailkan oleh mana-mana pihak dalam negara kita. *Insyah-Allah* akan saya jawab secara bertulis.

Manakala Yang Berhormat Simpang Renggam telah membangkitkan mengenai isu penjualan durian Musang King tiruan oleh peniaga terhadap para pelancong asing dari negara China...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Stampin. Kalau boleh sekejap sahaja. *I thank you for* terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Boleh saya mendapatkan kepastian *because* saya rasa hal ini, isu ini adalah sangat penting. Saya tidak ada buat tuduhan yang sembarangan. *If you mean don't have the fact yet, I already have the fact, I done my research.* Jadi saya harap Yang Berhormat boleh bagi saya persetujuan, janji bahawa jawapan bertulis akan dibagi sebelum persidangan ini habis. Boleh tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri sudah kata hendak jawab bertulis, okeylah Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tidak, *before this session end.* Perjanjian.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh menerima mana-mana arahan daripada sesiapa, *insya-Allah* apa yang saya lakukan adalah mengikut apa yang telah pun saya katakan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ala cerdik lebih ini masalah.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Simpang Renggam telah membangkitkan mengenai isu penjualan durian Musang King tiruan oleh peniaga terhadap para pelancong asing.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini sedang bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani agar buah durian Musang King dilabelkan sebelum berada di pasaran. Dengan demikian, sesiapa yang menyalahgunakan pelabelan durian Musang King boleh diambil tindakan oleh kementerian ini di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Isu seterusnya ialah mengenai Program Penyeragaman Harga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Keningau dan Yang Berhormat Baram.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, KPDNKK telah menerima peruntukan sebanyak RM80 juta untuk meneruskan pelaksanaan Program Penyeragaman Harga bagi

tahun 2018. Menerusi program ini, kementerian akan membiayai kos pengangkutan tujuh barangan iaitu beras, gula, minyak masak paket satu kilogram, tepung gandum kegunaan am, gas petroleum cecair LPG, petrol RON95 dan diesel dari pembekal di kawasan tersebut ke kawasan pedalaman. Melalui program ini, jurang harga antara kawasan bandar dan luar bandar dapat dihapuskan dan membolehkan penduduk mendapatkan barangan tersebut pada harga kawalan yang seragam di seluruh negara. Di samping itu, masyarakat luar bandar yang terlibat bukan sahaja boleh membeli barang keperluan pada harga yang dikawal, malah dapat membendung keadaan terputus bekalan.

Sejak Program Penyeragaman Harga dilaksanakan dari tahun 2009, kementerian sentiasa menambah baik mekanisme pelaksanaannya. Kementerian telah membangunkan garis panduan Program Penyeragaman Harga sebagai SOP untuk diguna pakai melalui tahun 2017 bagi memastikan pelaksanaan program ini adalah seragam, teratur dan komprehensif. Melalui SOP ini, tatacara merekodkan pembelian dan penghantaran bekalan oleh *transporter* serta penerimaan dan jualan bekalan oleh *point of sales* digariskan secara terperinci. Rekod bekalan antara *transporter* dan pos ini dapat diselaraskan dan membolehkan kementerian memastikan bekalan yang diterima di pos adalah mencukupi.

Isu pencatutan. Isu ini adalah mengenai pencatutan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Bachok dan Yang Berhormat Setiu.

KPDNKK sentiasa serius dalam menangani kenaikan harga tidak munasabah oleh peniaga melalui penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dalam memastikan harga barangan yang dijual adalah pada harga yang berpatutan. Kementerian telah memulakan penguatkuasaan pencatutan pada tahun 2015 melalui Peraturan-peraturan Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2016 bagi membendung perbuatan peniaga yang mengambil kesempatan membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah.

Demi melindungi kepentingan pengguna, kementerian telah melanjutkan penguatkuasaan tersebut melalui Peraturan-peraturan Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) ini pada 2016 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2017. Buat masa ini, penguatkuasaan yang dilakukan oleh KPDNKK mengambil kira dua kategori barangan iaitu makanan dan minuman serta barangan isi rumah yang terdiri daripada jenis barang yang tidak tahan lama seperti pencuci pakaian, bahan-bahan pencuci rumah dan tisu termasuk produk penjagaan diri seperti ubat gigi, syampu, lampin bayi kerana ia memberi kesan ke atas perbelanjaan isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit Sulong ingin mengetahui perkembangan kerjasama dengan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dalam memantau harga untuk...

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Yang Berhormat Menteri minta laluan. Bachok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi tentang penjual yang menaikkan harga secara sewenang-wenangnya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana dengan peralatan elektronik, gajet-gajet yang kebiasaannya kita mendengar ramai orang yang tertipu, apabila membaiki tidak diberikan resit. Soalan saya kepada kementerian, bagaimana kementerian membuat- adakah kementerian membuat *spot check* pada tempat-tempat tertentu. Sebagai contoh di Kuala Lumpur ini, kalau kita dengar orang selalu bercakap kalau di Pertama Complex itu jangan pergilah ke situ, semua kaki temberang, kaki penipu, beli tidak bagi resit. Saya juga pernah berpengalaman seperti itu. Begitu juga dengan tempat-tempat yang lain. Minta jawapan, komen Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Ini isu lain, isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah tentang barang-barang tiruan. Tentang isu ini kita boleh laporkan kepada KPDNKK. Biarlah apabila laporan dibuat itu, sesiapa yang merasakan dirinya telah pun tertipu dengan membeli barang-barang tiruan, mendapat resit dan membuktikan bahawa barang tersebut dibeli di kedai tersebut dan ada resit yang telah pun dibayar, buat aduan. *Insyah-Allah* kita akan ambil tindakan. Walau bagaimanapun, kita membuat pemeriksaan ke atas kedai-kedai, di banyak kedai bukan hanya di tempat Yang Berhormat sebutkan tadi tetapi maklum sahajalah, apabila kita membuat pemantauan, selalunya perkara ini tidak berlaku. Apa yang penting kepada kita biarlah aduan yang telah pun dibuat oleh mereka yang tertipu dengan peniaga-peniaga tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit Sulong ingin mengetahui perkembangan kerjasama dengan Jabatan Sukarelawan Malaysia dalam memantau harga.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerjasama antara KPDNKK dengan pihak RELA masih diteruskan. Bagi tahun ini sehingga Oktober 2017, sebanyak 80 pemeriksaan telah dilaksanakan secara bersama di seluruh negara.

Yang Berhormat Setiu ingin mengetahui tentang keberkesanan *Friends of KPDNKK* dalam memantau harga barangan. Untuk makluman, FOK berperanan sebagai mata dan telinga kementerian terutamanya dalam memantau harga barang serta menyebarkan maklumat mengenai kepenggunaan. FOK juga akan diberi kuasa untuk

menentukan premis-premis yang layak diiktiraf sebagai Kedai Harga Patut. Dengan jumlah keahlian seramai 833,578 orang pada ketika ini, FOK kelak akan bergerak sendiri sebagai sebuah NGO yang paling rapat dengan KPDNKK.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya ialah mengenai kos sara hidup rakyat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Pagoh, Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Keningau. Seperti sedia maklum, negara kita berjaya mencapai perkembangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.7 peratus bagi separuh tahun pertama 2017. Manakala kadar pertumbuhan purata tahunan ialah sebanyak 5.1 peratus bagi tempoh 2010 sehingga 2016.

Ini menunjukkan keupayaan kerajaan mentadbir negara dengan baik tanpa mengabaikan kebajikan rakyat. Kerajaan sememangnya amat prihatin akan keperluan rakyat terutamanya isu kos sara hidup kerana ia merupakan salah satu agenda utama kerajaan. Isu kos sara hidup rakyat telah dibincangkan dalam Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Kos Sara Hidup Rakyat bagi melihat secara holistik meliputi pelbagai sektor termasuk makanan, pengangkutan, perumahan dan infrastruktur.

Di bawah Bajet 2018 yang bertemakan, *“Memakmurkan Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbangi Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahterakan Kehidupan Rakyat, Menuju Aspirasi TN50.”*

■2140

Adakah jelas bahawa kerajaan sememangnya komited dalam membantu rakyat meningkatkan taraf hidup dan kehidupan mereka. Ini dilaksanakan melalui pendekatan-pendekatan yang berupaya menyokong perubahan sosioekonomi rakyat ke arah yang lebih baik dan mapan, antaranya ialah dengan:

- (i) memperuntukkan RM9.2 bilion bagi mengukuh perusahaan kecil dan sederhana;
- (ii) RM780 juta pembiayaan mikro di bawah TEKUN, Amanah Ikhtiar Malaysia dan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa;
- (iii) Program Peningkatan Keusahawanan Bumiputera – RM555 juta, Yayasan Peniaga dan Penjaja Kecil 1Malaysia untuk komuniti Cina – RM30 juta dan Skim Pembangunan Masyarakat India melalui TEKUN – RM50 juta; dan
- (iv) pelbagai lagi inisiatif bagi menjana pendapatan rakyat seperti *food trucks*, 1Azam, *Mobilepreneur* dan sebagainya yang berjumlah keseluruhan RM4.35 bilion.

Semua ini dilakukan oleh kerajaan bagi memberikan asas atau batu loncatan kepada rakyat untuk merubah taraf hidup mereka kepada yang lebih baik dari sekarang.

Pada masa yang sama kerajaan terus turut meneruskan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) serta bantuan insentif kepada golongan pesawah, pekebun kecil getah dan nelayan. Pengurangan kadar cukai individu sebanyak dua percen juga diberikan bagi tiga peringkat pendapatan manakala kadar faedah maksimum jualan kredit ditetapkan kepada 15 peratus sahaja berbanding setinggi 35 peratus pada ketika ini. Terdapat banyak lagi inisiatif-inisiatif yang diberikan oleh kerajaan melalui Bajet 2018.

Bagi sektor-sektor tertentu di bawah KPDNKK, kementerian akan meneruskan beberapa inisiatif bagi bertujuan meningkatkan pendapatan rakyat seperti Skim Pembiayaan Francais dan Program *Business in Transformation* melalui Perbadanan Nasional Berhad (PNS) yang menyediakan perkhidmatan latihan dan pembiayaan untuk membantu para peniaga menjana pendapatan yang tinggi dalam bidang francais.

Kedua, KR1M 2.0 bagi memastikan pengguna mempunyai akses kepada barang keperluan pada harga yang berpatutan dan ketiga, Program Penyeragaman Harga Barang untuk masyarakat luar bandar. Kementerian juga mengawal selia pelbagai aktiviti melalui 31 akta yang dikuatkuasakan oleh KPDNKK dan agensi-agensi di bawahnya merangkumi antara lain kualiti barangan, kawalan harga barang dan bekalan, persaingan, perlindungan pengguna dan sebagainya.

Menyentuh isu barangan, cuba kita lihat dari segi barang-barang keperluan asas yang dikawal oleh KPDNKK. Mulai daripada tahun- mungkin kita boleh sebut tahun 2015 tiga tahun sebelum ini atau 2013 kebanyakan daripada barang-barang tersebut tidak langsung dinaikkan. Ini menunjukkan bahawa kerajaan memang menjaga barang-barang keperluan asas seperti beras, tepung, gula, minyak masak dan gas memasak.

Ini membuktikan kalau kita bandingkan dengan barang-barang keperluan asas ini daripada negara-negara di rantau ASEAN ini menunjukkan bahawa kebanyakan daripada barang-barang tersebut adalah yang paling murah kalau kita bandingkan dengan semua negara-negara seperti Thailand, Indonesia, Singapura, *Cambodia*, Filipina semua negara-negara ASEAN. Ini membuktikan bahawa keperluan asas, barang-barang keperluan asas adalah sesuatu yang dipertanggungjawabkan untuk rakyat dalam negara kita pasti boleh hidup dalam keadaan yang selesa.

Manakala bagi barang-barang seperti pakaian, telefon bimbit, kasut dan sebagainya ia adalah merupakan keperluan gaya hidup yang berbeza di antara satu dengan yang lain. Ini adalah terpulang kepada pengguna untuk mengawal dari segi pengurusan perbelanjaan mereka pada tiap-tiap hari atau tiap-tiap bulan.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Menteri, sedikit penjelasan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Maka sebab itu bagi beberapa makanan kita telah melihat dari segi makanan-makanan yang sudah dimasak di restoran-restoran sebagai contoh. Kita telah melihat daripada tahun 2015 sehingga 2017 ini dalam masa

tiga tahun nasi ayam, nasi lemak, roti canai, teh tarik mencatatkan kenaikan, saya bersetuju. Akan tetapi, purata hanya sebanyak 1.1 peratus sahaja, bagi nasi ayam- 3.3 peratus, manakala roti canai- 1.6 peratus, dan 3.7 peratus kepada teh tarik, kalau kita bandingkan lima tahun sudah pada tahun 2013. Yang Berhormat Bachok, silakan.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Apa yang, Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi beberapa perkara asas yang tidak naik harganya ataupun kawalan yang sangat ketat ke atas kenaikan harga tersebut tetapi kalau kita melihat kepada sebab kenaikan harga barang ini walaupun dikecualikan GST dan sebagainya ialah rangkaian perkhidmatan itu.

So, soalan saya dalam suasana trend minyak dunia yang dilihat makin menaik sehari dua ini dan hari ini pun diumumkan naik lagi, apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk meringankan bebanan rakyat ini dengan mengembalikan subsidi kepada petroleum.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Boleh saya sambung, Yang Berhormat?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua, saya sambung lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Seorang-seorang ya. Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya menerima baik jawapan Yang Berhormat Menteri yang menerangkan tentang inisiatif yang telah diambil serta kawalan harga di mana harga tidak naik untuk barang-barang asas. Itu adalah sesuatu yang dihargai. Namun begitu ini juga adalah jawapan kepada seruan saya untuk mengawal kos sara hidup tahun lepas.

So, setiap kali kita datang dengan inisiatif sebegini dan saya nampak keikhlasan kementerian untuk mengharungi benda ini tetapi teks jawapan adalah sama dari tahun lepas kalau kita tengok *Hansard*. Akan tetapi dibandingkan dengan realistik, realiti di masyarakat umum berbanding dengan tahun lepas, tahun ini lebih banyak rakyat mengeluarkan rintihan tentang kos sara hidup, tentang harga barang yang meningkat. Banyak kedai, usahawan-usahawan kecil menutup gerai mereka dan sebagainya.

So, inisiatif begini adakah betul-betul ditafsirkan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup atau inisiatif ini hanyalah inisiatif tetapi realiti sebenar masyarakat masih lagi mengalami kos sara hidup, bebanan dengan harga barang, kos sara hidup yang meningkat, kualiti kehidupan yang sedang merudum. Kualiti kehidupan kita langsung tidak bicara. So, ini implikasi ini tiap-tiap tahun. Saya sudah tengok tahun 2015, 2016, 2017 dan sekarang kita sedang buat Bajet 2018.

Apabila kita bicara tentang kos sara hidup, kementerian ikhlas ada inisiatif, saya tidak hendak berdebat bahagian itu tetapi bila kita aplikasi kepada masyarakat, masyarakat masih mengeluarkan rintihan dan makin lama rintihan makin meningkat. Saya minta pencerahan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut berkenaan antaranya ialah barang-barang tidak naik seperti contohnya minyak masak. Akan tetapi realiti yang berlaku di bawah ini Yang Berhormat Menteri harga minyak masak dahulu harga RM13.00 sekarang sudah naik RM21.00. Jadi, puncanya adalah kerana apabila subsidi tidak diberikan kepada minyak masak ini menyebabkan berlakunya kenaikan harga yang begitu mendadak.

Kedua, kita tidak nafikan seperti mana inisiatif yang dibuat oleh pihak kementerian untuk meringankan bebanan di kalangan kenaikan harga barang pada hari ini. Namun di sana seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Kapar tadi ialah masyarakat kita tengok di bawah macam harga kerang hari ini sampai RM10.00 sekilo, ikan kembung sampai RM18.00 sekilo.

Jadi, saya duk fikir macam mana apa yang dikatakan sebagai usaha untuk hendak meringankan sehinggakan saya berjumpa dengan seorang peniaga kedai makan, dia tak nak buka sudah. Jual tengah hari dia kata, tidak gamak untuk hendak jual kepada pengguna. Dia hanya buka untuk waktu pagi sahaja kerana memandangkan harga cukup mahal daripada bahan mentah yang hendak dapat ini tadi. Jadi, sebab itu saya rasa perlu perkara yang agak drastik untuk memikirkan masalah untuk rakyat ini tadi. Terima kasih Menteri.

■2150

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya tambah sedikit?

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri, sedikit lagi boleh?.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Minta sedikit. Yang Berhormat Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya banyak kali sudah dengar tentang cerita minyak naik dan rantaian harga itu jadi tinggi dan juga apabila *demand* terlampau lebih daripada *supply*, maka harga akan naik. Apa yang saya jelasnya ialah naik harga ini bukan sebab GST, yang jelasnya adalah permainan peniaga-peniaga. Saya nak tanya kepada Menteri, sejauh mana kejayaan kawalan harga ini dan kalau inilah yang menjadi masalah, supaya rakyat tidak terkeliru. Pembangkang ini dia asyik kata naik harga sebab GST, itu hentam

saja, hari ini tidak dengar pun. Ini cerita rantaian harga minyak, itu tidak boleh *control* dan satu lagi kalau *demand* lebih masa perayaan, itu tidak boleh *control*.

Jadi, itu sebenarnya peniaga, sejauh mana dia naik harga roti canai, teh tarik ke, apa ke. Sejauh mana kenaikan itu? Sejauh mana kerajaan mampu mengawal dan adakah cara lain yang lebih baik dalam pengawalan ini? Terima kasih Menteri.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Rasah.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya saya memang terima apa yang telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri mengenai usaha kerajaan untuk menangani kos sara hidup rakyat. Akan tetapi bagi saya, jikalau kita mengulangi hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri kepada pengundi-pengundi kita semua, saya rasa mereka tidak boleh terima.

Oleh kerana pada hakikatnya, mereka yang berada di bawah, mereka memang rasa kos sara hidup mereka, beban hidup mereka semakin meningkat, seperti apa yang sedang berlaku sekarang. Kita lihat *petrol station* sedang beratur panjang untuk mengisi minyak. Saya rasa bagi pihak kerajaan, kami memang amat berharap pihak kerajaan boleh lakukan sesuatu untuk bantu mereka seperti mengembalikan subsidi petrol kepada rakyat. Saya juga berharap pihak kementerian dalam isu kenaikan harga barang ini, sebenarnya kita tidak boleh menyalahkan sepenuhnya terhadap pihak peniaga. Oleh sebab banyak peniaga juga terpaksa gulung tikar selepas pelaksanaan GST kerana tidak mempunyai dana yang cukup untuk membeli sistem yang baru ataupun ada duit beli sistem yang baru tetapi sudah tua, tidak tahu macam mana menggunakan sistem tersebut.

Jadi, saya amat berharaplah pihak Menteri cari satu jalan penyelesaian ataupun hujah-hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kalau boleh *you translate* dalam *language* yang *simple* supaya ia senang difahami oleh rakyat. Kalau tidak, sebagai wakil rakyat, kita turun padang, kita hari-hari di marah saja. Dari pihak pembangkang, rakyat marah dekat kita. Mengapa pihak pembangkang, Ahli Parlimen Pembangkang tidak menyuarkan rintihan mereka di dalam Parlimen? Saya rasa Yang Berhormat di sebelah sana pun menerima aduan yang sama.

Saya rasa ini tanggungjawab bersama kita semua. Cuma kita perlu cari satu penyelesaian supaya saya rasa kembalikan subsidi adalah salah satu langkah yang dapat sedikit sebanyak kurangkan beban mereka. GST juga kita perlu mengaku, ia memang telah pun membebankan rakyat, itu pandangan saya. Saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya nak jelaskan sedikit. Pertamanya, tentang isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat

Bukit Gantang dahulu, tentang isu barang-barang mentah seperti harga kerang, ikan kembung. Masalahnya bila kita sebut harga, kita merasakan seolah-olah ini mesti di bawah tanggungjawab saya di kementerian ini. Sebenarnya, tentang barang-barang ini, kerang, ikan kembung, ia di bawah kementerian lain. Oleh sebab itu, perbincangan kita adalah untuk menyelesaikan dari segi *supply* nya. Bukan dari segi harganya, sebab kalau tidak cukup *supply*, ini yang menjadi masalah kepada kita. Saya nak menentukan supaya harganya stabil. Akan tetapi masalahnya, mengikut jawapan Kementerian Pertanian, *supply* tidak mencukupi kerana dalam isu-isu seperti ikan kembung, dalam musim yang seperti ini memanglah *supply* tidak mencukupi. Oleh kerana dalam keadaan tengkujuh semua ini menyebabkan susah untuk kita keluar dan mendapat hasil daripada makanan laut.

Ini menyebabkan tidak cukup *supply*, *demand* nya masih lagi stabil seperti sedia kala, maka sudah tentu harganya akan naik. Ini kita kena terima hakikat sama ada ia nya berlaku pada tahun ini, tahun lepas atau 10 tahun dahulu, jawapannya memang yang sama. Cuma yang jadi masalahnya, Yang Berhormat-Yang Berhormat sebelah sana tidak faham, bahawa isu ini macam mana saya jawab pun, kalau dulu Menteri lain jawab pun, saya jawab pun, memang itulah isunya. Jadi, yang penting kepada kita, bagaimana nak memastikan bahawa cukup *supply*. Ini yang akan kita buat.

Dalam bajet baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan RM50 juta untuk MOA, untuk melihat harga-harga ikan, sayur ini, mencukupi dalam negara dan boleh kita stabil kan harga. Ini membuktikan bahawa kita mengambil tindakan, bukan langsung tidak ambil tindakan tentang isu ini, ya Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat kena faham. Oleh sebab itu dalam bajet baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meluluskan RM50 juta kepada MOA untuk melihat dari segi inisiatif *supply* untuk ikan dan sayur-sayuran mencukupi supaya harganya boleh kita stabilkan, ya Yang Berhormat.

Tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar bahawa realitinya kos sara hidup ini begitu tinggi sekali. Saya nak maklumkan, kita kena faham kos sara hidup, jangan kata hanya barang saja, yang saya jawab tadi tentang harga barang. Harga barang yang maksud saya terbahagi kepada banyak-banyak barang. Barang yang pertama adalah keperluan asas.

Ini adalah sesuatu yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan kepada saya. Maka, sebab itu kita nak pastikan semua rakyat di seluruh negara menerima nikmat yang ada dengan kita supaya ia nya memberikan keadilan kepada semua rakyat, bahawa beras, gula, tepung, minyak masak dan juga gas memasak stabil. Supaya siapa pun sama ada dia berpendapatannya rendah B40, M40 atau yang paling tinggi, dia mendapat nikmat yang kerajaan berikan untuk menstabilkan harga barang-barang keperluan asas. Ini kita kena terima hakikat, membuktikan bahawa kerajaan ini bertanggungjawab. Kalau kita nak

bandingkan dengan negara-negara lain, tidak ada orang yang nak buat perkara seperti ini. Walaupun Yang Berhormat Bukit Gantang mengatakan bahawa minyak masak- mana tidak stabil, tidak stabil. Saya sudah katakan bahawa minyak masak yang kita beri adalah kepada minyak masak yang dalam paket 1 kg - RM2.50.

Yang Berhormat Bukit Gantang pergi beli dalam botol 5 kg, itu tidak ada subsidi. Oleh kerana kalau yang beli 5 kg ini adalah mereka yang kita rasa tidak perlu untuk menggunakan yang kecil-kecil seperti B40, M40 yang tadi. Yang Berhormat sendiri mencadangkan supaya kita hanya berikan kepada mereka yang sasaran kita iaitu mereka yang memerlukan. Untuk sebab itu, kita terima cadangan Yang Berhormat, yang 5 kg seperti Yang Berhormat beli, memang mahal. Akan tetapi kalau nak beli yang 1 kg, juga mencukupi, ada kita keluarkan.

Jadi, ini membuktikan bahawa harga barang ini kita kena tengok barang yang macam mana. Contohnya, kalau kita kata daripada kos sara hidup, dari segi masalah perumahan, masalah perbelanjaan untuk membayar kos rumah, sebagai contoh. Ini adalah sesuatu inisiatif yang kerajaan juga ingin membantu.

Oleh sebab itu, kita daripada bajet yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, banyak inisiatif bantuan-bantuan yang kita berikan untuk mengurangkan kos perbelanjaan rumah. Ini sepatutnya kita menerima hakikatnya. Cumanya Yang Berhormat, kalau tidak reti macam mana nak menjawab kepada rakyat di bawah sana, maklumkan bahawa serahkanlah kepada Barisan Nasional, wakil rakyat daripada Rasah supaya Wakil Rakyat Rasah yang ada daripada wakil Barisan Nasional boleh menjawabnya. Itu sepatutnya, sebab kedua...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri, untuk dua penggal DAP menang melebihi 10,000 majoriti, itu sebab rakyat marah...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Hei pembangkang, sudahlah tidak faham, mengelirukan rakyat! Lepas itu, tuduh orang tidak turun padang. Turun padang silap dengar ini!

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Rasah, saya hanya nak maklumkan bahawa kalau yang paling penting kepada kita adalah nak memaklumkan kepada rakyat di bawah sana bahawa kerajaan buat. Keperluan asas kita buat, perumahan kita bantu, dari segi inisiatif untuk menambahkan pendapatan kita buat.

■2200

Jadi masalah kita hari ini adalah hanya satu yang pembangkang tujukan kepada saya iaitu subsidi petrol. Saya kena terima hakikatnya bahawa kerajaan tidak beri subsidi petrol. Saya salah seorang yang merasakan ini adalah merupakan satu keadilan yang kerajaan buat kerana subsidi petrol ini- saya hendak maklumkan ia tidak adil kalau kita berikan subsidi petrol atau minyak kerana diesel atau petrol 95, 97 kalau kita berikan subsidi.

Saya hendak bagi contoh kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat Rasah pakai kereta yang besar. Manakala rakyat di Rasah sana ada yang pakai *motorbike*. Yang pakai *motorbike* hanya memerlukan mungkin 40 liter sebulan. Manakala kereta Yang Berhormat sekali pam 40 liter. Jadi bermakna tidak adil kalau kita berikan subsidi kerana ada yang menggunakan hanya 40 liter sebulan, manakala Yang Berhormat pam sekali pun sudah 40 liter. Maka tidak ada keadilan kalau kita berikan subsidi.

Manakala subsidi yang kita hendak berikan- *consumption* penggunaan minyak dalam negara kita sama ada petrol ataupun diesel sudah menghampiri dua bilion liter sebulan. Kalau dua bilion liter ada pihak pembangkang yang mencadangkan supaya kita berikan subsidi atau mengekalkan harga RM1.80, sebagai contoh. Saya hendak maklumkan, katalah kalau hari ini harga RM2.30, kalau RM1.80 bermakna kita beri subsidi RM0.50 satu liter. Ini bermakna RM1 bilion sebulan. RM1 bilion subsidi kalau setahun sudah RM12 bilion subsidi.

Manakala GST yang kita terima pun hanya lebih kurang RM30 bilion. Itu membuktikan bahawa tidak ada keadilan kalau kita berikan subsidi melalui petrol. Kita berikan adalah melalui infrastruktur, yang kita berikan adalah melalui keperluan asas, yang kita berikan seperti perumahan. Ini semua kita lakukan. Inisiatif-inisiatif lain supaya semua menerima nikmat yang sebenarnya diuruskan oleh kerajaan Barisan Nasional yang benar-benar adil... [Tepuk]

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin sambung sedikit. Realiti sebenar. Realiti sebenar begini, Yang Berhormat. *All right*. Mak cik-mak cik, pak cik-pak cik yang buat gerai-gerai kecil ini. *All right*. Dia pergi pasar tiap-tiap hari beli barang. Hari ini beli sayur, ikan, ayam, harganya berbeza. Esok harganya berbeza. Lusa harganya berbeza. Akan tetapi dia pula kena jual dengan harga yang sama. Masalah yang dihadapi oleh gerai-gerai kecil ini dan sebagainya adalah *rolling capital*. *Rolling capital*.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Okeylah. Terima kasih, Yang Berhormat. Betul-betul.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat kena dengar dahulu. Pada waktu yang sama...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Tidak. Tidak. Kalau isu yang *you* hendak bangkitkan sama saya ingat biarlah saya masukkan kepada...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *No*. Kita perlu bincang juga tentang *monopolization*. AP. AP untuk kubis, AP untuk bawang, AP untuk kentang...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Bila subsidi sahaja. Petrol sahaja dan sebagainya bukan isunya, Yang Berhormat.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: *All right*. Saya terima.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: AP, monopoli?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya terima apa pandangan daripada Yang Berhormat Kapar. Saya hendak jelaskan di sini sekali lagi untuk tidak dibangkitkan isu ini lagi. Kalau kita kata dari segi kubis, kita import. Kalau kita cakap dari segi banyak makanan laut tadi, sayur-sayuran pun terutamanya bawang semua ini, kita import. Jadi menyebabkan banyak barang-barang ini ada AP, mengikut *currency exchange*-nya.

Ini merupakan sesuatu faktor-faktor lain yang terpaksa kita ambil kira. Maka sebab itu saya tidak mahu mengatakan di sini bahawa ini bukan kerja saya tetapi oleh sebab saya bertanggungjawab sebagai salah seorang anggota Kabinet, saya hendak jelaskan perbincangan melalui Jawatankuasa Kos Sara Hidup adalah hendak melihat bagaimana kita hendak stabilkan produk-produk ini dan kita lakukan KR1M. KR1M 2.0 nanti *insya-Allah* kita akan berikan beberapa barang-barang keperluan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, untuk mak cik- mak cik semua yang buka gerai *insya-Allah* boleh pergi dekat KR1M.

Saya hendak bagi contoh ayam, kita jual di negara-negara ASEAN ini. Saya hendak bandingkan, sebagai contoh- dada ayam kita jual RM1.13 untuk 100 gram. Manakala di Thailand yang paling murah 81 sen, ya. Manakala negara-negara lain semua tinggi daripada kita.

Saya hendak bagi contoh supaya jelas, supaya mak cik-mak cik itu tidak marah dengan kita, tidak marah dengan Yang Berhormat Kapar nanti ya. Beritahu dengan mak cik-mak cik tersebut daging sebagai contoh, kita RM32 satu kilogram. Paling murah di seluruh negara ASEAN.

Sayur-sayuran yang murah Thailand RM3.00, manakala kita RM4.34. Telur, kita RM3.65 untuk 10 biji, kita paling murah daripada semua negara-negara ASEAN. Barangan kering- ini barangan bukan kita punya. Ubi kentang sebagai contoh, kita import. Kita RM2.81 yang paling murah di seluruh di negara ASEAN, walaupun kita import.

Beras, walaupun kita import tetapi saya hendak maklumkan beras kita import satu kilogram, kita jual RM2.39 manakala yang paling murah adalah dari negara Myanmar iaitu RM2.23, yang lain lebih tinggi daripada kita- membuktikan bahawa kita dapat menstabilkan kebanyakan daripada harga-harga barang tersebut.

Ini yang jadi masalah kepada kita bila kita hanya menuduh dan kita tidak tahu bahawa sebenarnya pengurusan harga-harga barang ini adalah sesuatu yang kita telah uruskan dengan sebaik mungkin. Yang jadi masalah yang kita hendak tuju hanyalah petrol, harga petrol, harga petrol. Saya hendak maklumkan di sini sekali lagi bahawa harga petrol kita adalah merupakan negara yang paling murah selain daripada Brunei. Ini membuktikan bahawa kita benar-benar negara yang tahu bagaimana hendak menguruskan produk-produk, barang-barang tersebut.

Jadi, Yang Berhormat jangan cuba hendak mengatakan seolah-olah kita tidak ambil kira, seolah-olah kita langsung tidak tahu bagaimana hendak menguruskan barang-barang tersebut. Saya sudah maklumkan tadi bahawa barang-barang yang kita import pun kebanyakannya juga adalah lebih kurang, walau tidak pun paling murah tapi sekurang-kurangnya nombor dua termurah dalam negara ASEAN. Ini sudahlah tidak payah kita bangkitkan lagi...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri. Sedikit lagi. Mengenai petrol.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Yang pastinya petrol saya tidak boleh hendak memberikan subsidi kerana *consumption*-nya dua bilion liter satu bulan dan kalau kita bagi subsidi 10 sen mengambil perbelanjaan sebanyak RM200 juta sebulan. Kalau 10 sen, inikan pula 50 sen seperti apa yang diuar-uarkan oleh pihak pembangkang.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri sedikit lagi.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya hendak masuk isu lain lah.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri, jadi ini- boleh saya katakan ini memang jadi *impossible* untuk kita kembalikan subsidi kepada rakyat, betul tidak Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Ini soalan terakhir?

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Ya.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Okey, saya hendak jelaskan di sini. Kalau soalan daripada Yang Berhormat Rasah mengatakan *impossible* untuk kita berikan subsidi, saya hendak maklumkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, pengurusan kita dari segi minyak ini kita lakukan mengikut harga pasaran dunia. Kalau kita melihat dari segi harga pasaran dunia menyebabkan kita mahu menambah *revenue* yang ada dalam negara kita, *insya-Allah* kita juga akan *balance*-kan dengan harga minyak petrol yang ada dalam negara kita. *Insya-Allah* kerana pengurusan kita adalah yang paling berhemah dan kita tidak akan membebankan rakyat yang ada dalam negara kita... [Tepuk]

Isu seterusnya adalah mengenai penutupan lima pasar raya *Giant* baru-baru ini yang dipolemikkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai sebagai suatu petanda negatif ekonomi Malaysia ketika ini. Saya hendak maklumkan bahawa di negara ini terdapat pelbagai pasar raya asing dan tempatan bukan *Giant* semata-mata. Terdapat banyak syarikat yang membuka perniagaan dalam sektor yang sama seperti ini. Pasar raya asing sebagai contoh ialah *Giant*, *Tesco*, *Aeon* dan *Lulu Hypermarket*. Ini tidak termasuk *Aeon Big*. Jumlahnya sudah melebihi 200 *outlets* kesemuanya.

■2210

Jumlah *outlet Giant* yang ditutup sepanjang operasi hanya 18 *outlet* berbanding 119 *outlet* yang telah mereka buka dalam negara kita. Berdasarkan situasi semasa nilai jualan perdagangan borong dan runcit telah mencatat sebanyak RM96.9 bilion pada tahun

2017 yang mana telah memperlihatkan pertumbuhan 8.6 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2016. Secara dasarnya ini telah memperlihatkan pertumbuhan positif dalam aktiviti perdagangan borong dan runcit di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa penutupan lima *outlets Giant* baru-baru ini tidak wajar dijadikan tali pengukur kepada situasi semasa ekonomi negara.

Manakala pasar raya yang dipunyai oleh orang tempatan pula sudah mencecah 1,661 *outlets*. Sektor peruncitan ini adalah satu sektor yang sangat kompetitif. Oleh yang demikian mereka yang terlibat dalam sektor ini sentiasa perlu memikirkan bagaimana untuk mengurangkan kos sama ada untuk membuka satu *outlet* yang besar atau mengecilkan *outlet* yang sedia ada. Maka, apa yang mereka lakukan ini adalah merupakan keputusan yang dipengaruhi oleh faktor juga termasuk trend pengguna yang banyak beralih kepada pembelian atas talian menyebabkan keperluan terhadap *outlets* yang besar boleh dikurangkan. Ini dapat dibuktikan dengan sebanyak 59,179 pendaftaran syarikat atau perniagaan yang menjalankan perniagaan atas talian setakat 30 September 2017.

Tambahan lagi berdasarkan angka yang diterima daripada Jabatan Perangkaan, pendapatan yang dijana atau *income generated* daripada *e-commerce* di pasaran Malaysia sahaja telah mencecah RM356.9 bilion pada tahun 2015 dan dijangka akan terus meningkat. Situasi ini telah menguatkan lagi keputusan syarikat untuk mengembangkan perniagaan secara *online* berbanding membuka *outlet* secara fizikal.

Sebagai kementerian yang bertanggungjawab ke atas pengguna tumpuan utama yang perlu diberikan adalah memastikan bekalan barangan keperluan sentiasa mencukupi supaya rakyat dapat membeli barang-barang keperluan mereka daripada pelbagai *outlet* yang ada dalam negara. Oleh yang demikian, jika ada mana-mana pihak yang membangkitkan isu ini, seolah-olah ekonomi kita sudah merudum, kenyataan tersebut adalah tidak benar sama sekali. Malah untuk makluman pihak *Giant* juga sedang membangunkan sebuah *distribution center* di Kajang serta merancang sebuah *Cold Storage Super Store* di *Tun Razak Exchange* sekali gus menyangkal dakwaan yang tidak berasas sama sekali.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan terutamanya untuk kementerian saya. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga telah bersetuju memberikan laluan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk mendahulukan memberikan ucapan dan selepas itu Kementerian Kesihatan. Sila Yang Berhormat Menteri.

10.13 mlm.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas kementerian saya sepanjang sesi perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan tahun 2018.

Seramai 25 orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini. Penggulungan jawapan saya akan menyentuh kepada dua perkara utama iaitu pertama, penambahbaikan kualiti perkhidmatan telekomunikasi dan internet di kawasan luar bandar. Kedua, penyebaran maklumat palsu, penyalahgunaan media sosial dan internet.

Izinkan saya memberikan maklum balas kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Baram, Yang Berhormat Lubok Antu, Yang Berhormat Saratok, Yang Berhormat Bakri dan Yang Berhormat Kubang Kerian mengenai perkhidmatan telekomunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan perkhidmatan komunikasi di negeri Sarawak terutamanya di kawasan luar bandar. Di bawah inisiatif perluasan liputan *cellular* dan jalur lebar mudah alih yang melibatkan pembinaan menara telekomunikasi baru dan menaiktarafkan menara telekomunikasi sedia ada di kawasan yang kurang mendapat liputan perkhidmatan. Sehingga kini sebanyak 410 buah menara telekomunikasi baru telah siap diaktifkan dengan liputan perkhidmatan 3G dan dua menara sedang dalam peringkat pelaksanaan di negeri Sarawak.

Selain itu sebanyak 831 buah menara sedia ada telah dinaiktarafkan liputan perkhidmatan sehingga 4G manakala 102 buah menara sedia ada masih di dalam peringkat menaiktarafkan di negeri Sarawak. Lanjutan daripada itu sebanyak 1,047 menara turut dibangunkan secara komersial di sekitar negeri Sarawak yang menyediakan liputan perkhidmatan sehingga 4G.

Untuk makluman Yang Berhormat Tanjong Manis... [*Melihat ke tempat duduk Yang berhormat bagi Tanjong Manis*] Tidak ada ya? Di Parlimen Tanjong Manis pula sehingga kini sebanyak sembilan buah menara telekomunikasi baru telah dibina dan diaktifkan. Selain itu sebanyak lapan buah menara telekomunikasi sedia ada telah dinaiktarafkan kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G dan lapan lagi menara telekomunikasi sedang dalam peringkat penaiktarafan yang dijangka siap pada suku pertama 2018...

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Yang Berhormat Menteri, sikit.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Kesemua inisiatif ini adalah tambahan kepada enam buah menara komersial yang telah dibina dan beroperasi dengan liputan perkhidmatan dan sehingga 4G di Parlimen Tanjong Manis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kanowit.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya adalah bukan dengan menara-menara di Sarawak ini. Oleh sebab di Sarawak ini kita mempunyai satu genesis Sacofa. Soalan saya adalah adakah bajet ataupun peruntukan daripada kementerian ataupun *Federal Government* ini ia disalurkan terus kepada Sacofa ataupun macam mana cara pembiayaan projek-projek menara ini?

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Untuk makluman Yang Berhormat dalam Bajet 2018 kita telah sediakan RM1 bilion untuk Sarawak dan Sabah. Kerajaan negeri pada ketika ini dan pada Persidangan Dewan Undangan Negeri akan datang akan menubuhkan sebuah *authority* yang baru yang membantu kita dalam segi pelaksanaannya. Kita akan tengok perkembangan baru daripada Kerajaan Negeri Sarawak sebelum saya membuat jawapan yang tepat Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Rajang pula sebanyak dua menara sedang dibina untuk penyediaan liputan jalur lebar mudah alih yang akan memberi manfaat kepada penduduk setempat di kawasan Long Urun dan dijangka siap beroperasi menjelang suku kedua tahun 2018. Pihak kerajaan juga akan mengkaji keperluan dan kesesuaian lokasi-lokasi lain di kawasan Long Urun bagi pembinaan menara telekomunikasi baru di bawah projek peluasan liputan jalur lebar pada masa akan datang.

Baram juga turut menerima faedah daripada pembangunan tersebut dengan pembinaan 36 menara telekomunikasi baru. Sebanyak 28 menara telekomunikasi sedia ada telah dinaiktarafkan kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G. Manakala lapan lagi menara telekomunikasi dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap pada suku pertama tahun 2018.

Untuk makluman Yang Berhormat Sepanggar- tidak ada ya. Memohon agar kerajaan menimbang untuk memberikan keutamaan kepada syarikat-syarikat yang berasal dari Sabah sahaja untuk melaksanakan projek pembinaan infrastruktur internet. Adalah dimaklumkan lantikan penyedia perkhidmatan bagi pelaksanaan pembangunan infrastruktur komunikasi di Sabah adalah melalui sistem tender terbuka kepada mana-mana pemegang lesen yang layak selaras dengan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Bagi memastikan seperti yang saya kata, pembangunan infrastruktur komunikasi seiring dengan perkembangan ekonomi pelbagai projek pembangunan infrastruktur komunikasi telah dilaksanakan di negeri Sabah dan Sarawak semenjak tahun 2008 yang melibatkan anggaran perbelanjaan sehingga RM5 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu pihak kerajaan juga melaksanakan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) di mana infrastruktur untuk penyediaan perkhidmatan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 100Mbps di sediakan di ibu negeri dan bandar-bandar utama di negeri Sarawak yang melibatkan menaiktarafkan 13,000 ibu pesawat di negeri Sarawak. Melalui projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB), kemudahan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20Mbps di kawasan pinggir dan luar bandar disediakan yang melibatkan menaiktarafkan 53 ibu pesawat di negeri Sarawak. Daripada jumlah ini, dua sawat yang telah dinaiktarafkan adalah terletak di Parlimen Tanjong Manis.

■2220

Pihak kerajaan juga telah dan sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah program pemberian perkhidmatan sejagat ataupun USP untuk memperluaskan liputan *cellular* di samping menaik taraf liputan jalur lebar di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman.

Untuk makluman Yang Berhormat Kubang Kerian... [*Melihat ke tempat duduk Yang Berhormat bagi Kubang Kerian*] Ada?

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Yang Berhormat Menteri, sedikit. Boleh?

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini, lebih kurang sebanyak RM847.72 juta telah diperuntukkan bagi tujuan ini secara khususnya di negeri Kelantan.

Pihak kerajaan juga telah melaksanakan sistem kabel gentian optik dasar laut yang bertujuan untuk meningkatkan kelajuan *internet* terutama di Sabah dan Sarawak dengan pemasangan rangkaian kabel gentian optik dasar laut berkapasiti empat tera bit per saat dengan jumlah jarak keseluruhan lebih daripada 3,800 kilometer yang menghubungkan Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Pelaksanaan projek-projek ini akan terus dilaksanakan bagi memastikan ia mencukupi bagi menampung keperluan pengguna di negeri Sabah dan Sarawak. Kesemua inisiatif ini diharap dapat meningkatkan perkhidmatan komunikasi di Sarawak sekali gus membantu dalam membangunkan ekonomi digital.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kanowit bangun.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Kanowit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih sekali lagi. Walaupun begitu banyak menara telah dibangunkan di Sarawak dan kita difahamkan mungkin akan sampai kepada 5,000 dalam beberapa tahun akan datang, soalan saya di sini adalah siapa yang menentukan *service provider* yang akan *to give service* kepada lebih-lebih lagi

kawasan luar bandar ini? Sebab, yang paling popular sekarang adalah *Celcom* tetapi ramai juga orang pakai *Maxis* dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Tuan Yang di-Pertua, memang kita menggalakkan semua *telcos* untuk terlibat dalam pembangunan infrastruktur di Sarawak dan juga negeri-negeri lain. Kita tidak ada menghalang mana-mana *telco* untuk berbuat demikian. Sudah tentulah oleh kerana Kerajaan Negeri Sarawak sekarang ingin terlibat aktif dalam soal pembangunan infrastruktur *internet*, itulah sebabnya mereka akan mewujudkan sebuah *authority* yang baru dan sebuah *authority* baru ini, mereka akan bekerjasama dengan pihak kementerian kita. Kerajaan Negeri Sarawak sendiri telah komited untuk berbelanja RM1,000 juta untuk tujuan tersebut di samping peruntukan daripada kita di peringkat kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Bakri...

Datuk Khoo Soo Seang [Tebräu]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tebräu bangun. Ya.

Datuk Khoo Soo Seang [Tebräu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya berkenaan dengan perkhidmatan *internet*. Saya baru sahaja menerima satu aduan daripada sebuah sekolah rendah bahawa mereka mohon perkhidmatan *Unifi* dan caj yang disenaraikan berjumlah RM20,675.30 untuk material, untuk *installation*, untuk *survey* dan GST. Jadi untuk sekolah, saya dapati kalau hanya hendak *install Unifi* kosnya begitu tinggi, tidak banyak sekolah yang mampu. Saya minta Yang Berhormat Menteri, ada apa cara yang kita boleh selesaikan ini?

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Tuan Yang di-Pertua, kalau di peringkat sekolah ini, sebenarnya ia dikendalikan oleh BestariNet di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Akan tetapi khusus untuk apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat, saya akan tengok perkara itu dengan lebih terperinci lagi, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Bakri ada? Tidak ada. Saya *skip* lah. Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Rantau Panjang dan Yang Berhormat Limbang telah membangkitkan isu berkenaan penyalahgunaan media sosial.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai agensi penguatkuasaan yang menguatkuasakan undang-undang yang diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sentiasa menjalankan tindakan penguatkuasaan dan penyiasatan terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah akta tersebut. Tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah berteraskan prosedur undang-undang yang ditetapkan.

Sebagai contoh, tindakan yang boleh diambil di bawah seksyen 211 dan seksyen 233, Akta 588 terhadap individu yang menyalahgunakan *internet* atau perkhidmatan

aplikasi termasuk media sosial sebagai platform bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik, jika disabitkan kesalahan, pihak tersebut boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, kerajaan berpandangan bahawa undang-undang sedia ada di bawah Akta 588 adalah mencukupi bagi menangani kesalahan-kesalahan yang berlaku di dalam industri komunikasi dan multimedia di Malaysia terutamanya berkaitan penyalahgunaan *internet* dan media sosial.

Sekiranya terdapat kekangan di dalam bidang kuasa SKMM, tindakan sewajarnya masih boleh diambil di bawah peruntukan undang-undang sedia ada oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang lain. Terdapat beberapa peruntukan undang-undang lain yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Fitnah 1957, Akta Hak Cipta 1987, Akta Jenayah Komputer 1997 dan lain-lain.

Untuk makluman Yang Berhormat Kinabatangan... [*Melihat ke tempat duduk Yang Berhormat bagi Kinabatangan*] Tiada? Saya *skip* lah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan isu judi dalam talian yang dibangkitkan.

Untuk makluman, dalam isu judi dalam talian, SKMM turut berganding bahu bersama-sama Polis Diraja Malaysia dalam menggalas tanggungjawab membasmi judi dalam talian. Tugas-tugas pemantauan perbuatan judi dalam talian sentiasa dibuat sejak September 2015. Statistik menunjukkan dari Januari hingga Jun 2017, SKMM menerima 940 permohonan sekatan laman judi berbanding 538 permohonan tahun lalu.

Beberapa langkah pencegahan juga telah diambil oleh SKMM bersama-sama pihak *telco* untuk menyekat aktiviti tersebut. Antara langkah-langkah proaktif yang diambil adalah seperti berikut.

Bagi kesalahan melakukan aktiviti perjudian, ia adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953. Walau bagaimanapun, SKMM sentiasa memberikan bantuan dan kerjasama kepada Pasukan Tindakan Khas Anti Maksiat, Judi dan Gengsterisme Bukit Aman dari segi teknikal seperti bantuan pembekalan maklumat, bantuan forensik termasuk tindakan berbentuk pentadbiran seperti penyekatan laman sesawang sekiranya diperlukan.

Kedua, menggantung dan menamatkan talian bagi nombor-nombor yang didapati menyalahgunakan perkhidmatan syarikat komunikasi untuk tujuan *spam* termasuk judi dalam talian.

Ketiga, menyekat mana-mana SMS yang mengandungi perkataan-perkataan yang dikenal pasti seperti kasino, *poker games* daripada sampai kepada pengguna. SKMM juga bekerjasama dengan pihak *telco* untuk mengeluarkan satu garis panduan kepada

industri untuk menyenaraihitamkan mana-mana individu yang didapati melakukan aktiviti *spam* secara berulang. Garis panduan tersebut dijangka dapat membantu pihak *telco* dalam menangani isu ini secara lebih bersepadu dan bagi jangka masa yang lebih panjang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat, permasalahan utama dalam menangani jenayah siber ialah untuk mengenal pasti identiti pelaku jenayah tersebut. Ini kerana pelaku jenayah bukan sahaja berselindung di sebalik identiti palsu malah alamat *internet protocol* (IP) juga dipalsukan dengan alamat IP yang palsu. Akibatnya, ia menyukarkan pihak penguat kuasa mengesan lokasi pelaku jenayah dan juga kesukaran dalam pembuktian pendakwaan seandainya ditangkap.

Oleh itu, dalam aspek ini, pihak kementerian tidak memfokuskan kepada latar belakang pelaku jenayah siber tetapi memfokuskan kepada kaedah-kaedah dalam melaksanakan tindakan yang komprehensif untuk menangani jenayah siber ini. Untuk itu, pihak kementerian menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain, pihak industri dan swasta dalam pelbagai sektor dalam usaha-usaha mengatasi jenayah siber.

Yang Berhormat Kluang... [*Melihat ke tempat duduk Yang Berhormat bagi Kluang*] Tiada? Yang Berhormat Pasir Gudang?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pasir Gudang tiada.

■2230

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Yang Berhormat Merbok.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak ada.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Yang Berhormat Taiping?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Juga tidak ada.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Yang Berhormat Batu Gajah?... [*Melihat ke tempat duduk Yang Berhormat bagi Batu Gajah*] Tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak ada.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Akhir sekali saya ingin mengulas mengenai dengan perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Juga tidak ada. Jawapan bertulis.

Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak: Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kementerian mengucapkan terima kasihlah kepada semua Yang

Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2018. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan bagi menambah baik perkhidmatan di bawah bidang kuasa kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat saya juga telah menerima dan membenarkan permohonan Kementerian Pertahanan di nombor 7 dipinda menggantikan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di nombor 8 seperti di dalam Jadual Susunan Giliran Menteri-menteri Menjawab ke Atas Perbahasan Belanjawan 2018 Peringkat Dasar.

Sekarang giliran Kementerian Kesihatan. Sila Yang Berhormat Menteri.

10.31 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Tuan Yang di-Pertua, pertama kali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Kesihatan berkenaan dengan isu-isu utama seperti berikut:

- (vii) berkenaan meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan;
- (viii) bantuan kepada pesakit hemodialisis dan rawatan penyakit kronik seperti kanser;
- (ix) kawalan penyakit tibi dan kesihatan mental;
- (x) bekalan ubatan;
- (xi) meningkatkan bilangan pakar dan insentif perkhidmatan;
- (xii) pembinaan fasiliti kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sungai Siput membangkitkan tentang isu keyakinan masyarakat terhadap penjagaan kesihatan sektor awam serta isu penghijrahan pakar perubatan ke sektor swasta.

Mengenai keyakinan terhadap penjagaan kesihatan sektor awam. Data kemasukan pesakit dalam atau *in patient* di hospital di kerajaan telah menunjukkan peningkatan dari 2.6 juta pada tahun 2015 kepada 2.73 juta pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak 1.9 peratus. Bagi hospital swasta pula jumlah kemasukan pesakit dalam hanyalah 1.06 juta pada 2015 dan meningkat 0.01 peratus pada 1.07 juta pada tahun 2016. Ini menunjukkan tiada pengurangan pesakit mendapatkan rawatan di hospital kerajaan.

Selain itu, Tuan Yang di-Pertua, bagi kedatangan pesakit luar pula. Jumlah kedatangan pesakit luar di hospital kerajaan meningkat 2.6 peratus daripada 22.73 juta

pada tahun 2015 kepada 23.3 juta pada tahun 2016. Sebaliknya, di hospital swasta jumlah kedatangan pesakit luar menurun daripada 3.93 juta pada tahun 2015 kepada 3.82 juta pada tahun 2016. Ini menunjukkan penurunan pesakit swasta dan sebaliknya lebih ramai mendapatkan rawatan di hospital kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang saya sebut tadi ialah angka yang datang ke hospital kerajaan, yang datang ke klinik kesihatan kerajaan lebih ramai lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penghijrahan doktor pakar dari hospital kerajaan ke hospital swasta ataupun *brain drain*. Kementerian sentiasa mengambil langkah proaktif. Antara langkah yang telah dilaksanakan untuk memastikan doktor-doktor pakar supaya terus kekal berkhidmat di hospital kerajaan ialah satu, membenarkan pakar perubatan Gred UD54 dan ke atas yang telah diwartakan sekurang-kurangnya empat tahun serta memenuhi syarat tertentu diberi kelonggaran satu hari seminggu dalam tempoh waktu bekerja rasmi untuk melaksanakan waktu kerja fleksi yang akan berkuat kuasa 1 Januari 2018 seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2018.

Kedua, membenarkan pegawai perubatan pakar membuat lokum di hospital swasta dengan syarat-syarat tertentu. Ketiga, pegawai perubatan pakar yang melakukan kes-kes pembedahan pada hari cuti hujung minggu untuk mengurangkan masa menunggu bagi kes-kes pembedahan elektif akan diberi elaun sebanyak RM200 sejam.

Keempat, memperkenalkan *full paying patient*, dengan izin, di hospital KKM di mana pegawai perubatan pakar boleh menjana sumber pendapatan tambahan dengan menawarkan perkhidmatan kepada pesakit yang berkemampuan untuk membayar kos penuh perubatan di hospital yang melaksanakan *full paying patient*. Selain itu, pesakit mempunyai pilihan untuk mendapat penjagaan rawatan di hospital kerajaan yang terpilih dengan kelebihan-kelebihan tertentu.

Kelima, kenaikan pangkat pakar lebih cepat mengikut tempoh pakar tersebut berkhidmat di KKM ataupun *time based option*, dengan izin, mulai 19 Mac 2010. Bagi kenaikan pakar perubatan pegawai perubatan yang telah diwartakan sebagai pakar dan telah berkhidmat sembilan tahun mereka boleh dipertimbangkan untuk terus kepada Gred UD54.

Keenam, menambah baik keadaan kenaikan pangkat pakar perubatan untuk dibenarkan kenaikan pangkat ke Gred UD56. Antara kriteria yang perlu dipenuhi untuk kenaikan pangkat ini ialah pegawai telah diwartakan sebagai pakar perubatan dan berada di atas Gred UD54 bagi tempoh tidak kurang daripada lima tahun.

Ketujuh, memberi peluang kepada pegawai perubatan pakar melanjutkan pelajaran dalam bidang sub kepakaran.

Kelapan, peluang latihan di luar negara bagi kursus jangka pendek.

Kesembilan, menambah bayaran insentif pakar daripada lingkungan RM1,400 hingga RM2,400 kepada lingkungan RM1,900 kepada RM3,100 mulai 1 Januari 2009. Peningkatan ini adalah sebanyak RM500 sehingga RM700.

Kesepuluh, menambah baik kadar bayar elaun kerja luar waktu kerja biasa ataupun *on call* ataupun *active call*, dengan izin, bagi pegawai perubatan pakar iaitu RM230 sehari bagi hari bekerja dan RM250 pada hari cuti mingguan dan cuti am.

Kesebelas, memperkenalkan bayaran insentif penempatan pakar perubatan pergigian kepada pegawai perubatan pakar yang bertugas di fasiliti kesihatan di Sabah dan Sarawak berkuat kuasa 1 Julai 2016 kerana bayaran adalah dalam lingkungan RM500 hingga RM2,000 bagi kawasan bandar dan lingkungan RM1,000 hingga RM2,500 bagi kawasan luar bandar. Kementerian yakin *retention* pakar-pakar ini di hospital kerajaan dapat dikekalkan dengan melaksanakan pelbagai inisiatif tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menghargai Yang Berhormat Sepanggar kerana mencadangkan agar peruntukan tambahan untuk Program Komuniti Sihat Perkasa Negara ataupun KOSPEN bagi memastikan segala aktiviti dan program ke arah masyarakat sihat tercapai.

Untuk makluman Yang Berhormat, KOSPEN telah pun dilaksanakan semenjak Oktober 2013. Sehingga kini pelaksanaan aktiviti KOSPEN hanya menggunakan peruntukan mengurus sedia ada, Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan yang mana pada tahun 2017 sejumlah RM23 juta telah diperuntukkan untuk memastikan kesinambungan aktiviti KOSPEN di semua 6,018 lokaliti KOSPEN di seluruh negara.

Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan amat berterima kasih kerana dalam ucapan Bajet 2018 baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan sejumlah RM30 juta untuk aktiviti KOSPEN di seluruh negara. KOSPEN bertujuan memperkasakan komuniti ke arah penjagaan dan kawalan faktor risiko penyakit tidak berjangkit melalui tiga aktiviti utama iaitu advokasi dan pendidikan kesihatan, penerapan dan pelaksanaan polisi sihat ke arah pewujudan persekitaran sihat dan aktiviti saringan serta intervensi dalam komuniti bagi faktor risiko penyakit tidak berjangkit.

Kesemua ini dijalankan dengan penglibatan kumpulan sukarelawan dilatih yang merupakan tunggak utama pelaksanaan aktiviti yang berdasarkan kepada lima konsep utama KOSPEN iaitu makanan sihat, hidup yang aktif, tidak merokok,

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: KOSPEN.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: ...Pengurusan berat badan dan saringan komuniti.

■2240

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai bangun.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai. Di belakang.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Bagan Serai, Menteri. *Straight*, betul-betul dekat belakang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Timbalan Menteri. Pertama sekali saya ucapkan tahniahlah kepada kerajaan telah mewujudkan KOSPEN ini dan melihat kepada tambahan peruntukan ini adalah satu perkara yang baik. Ada tiga perkara yang saya hendak minta penjelasan kepada Timbalan Menteri.

Pertamanya, tentang peruntukan yang diberikan ini melalui pejabat kesihatan kepada ketua-ketua kampung yang- Ketua-ketua, Pengerusi JKKK umpamanya yang menjalankan Program KOSPEN di kampung-kampung. Adakah pemantauan dibuat sama ada peruntukan ini betul-betul digunakan untuk Program KOSPEN ini?

Keduanya ialah adakah peserta-peserta KOSPEN- saya lihat terutamanya di Parlimen Bagan Serai sendiri, saya lihat banyak yang berminat sebenarnya. Akan tetapi, ada juga yang datang ke pejabat mengatakan insentif atau elaun itu lambat dan sedikit sangat dapat umpamanya. Hal ini kerana kadang-kadang mereka terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri. Kita ada bantulah tetapi saya hendak tanya, adakah dengan peruntukan tambahan ini, RM30 juta ini akan memberikan insentif yang lebih baik kepada peserta KOSPEN ini?

Ketiganya, *alhamdulillah* ini satu program yang baik. Akan tetapi kita lihat *noncommunicable diseases* (NCD) makin naik. Penyakit-penyakit yang jadi sekarang ini yang tidak berjangkit ini makin naik. Jadi, sejauh manakah keberkesanan Program KOSPEN ini? Adakah kerajaan bersedia untuk menambahkan lagi kebaikan kepada program ini? Hal ini kerana dengan melihat mereka ini bukan ada pengetahuan yang mendalam sangat, tetapi buat pemeriksaan dan saringan, kemudian, adakah habis dekat situ sahaja? Bagaimanakah keadaannya? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Sik. Sik. Yang Berhormat Menteri, tentang KOSPEN juga. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya jawab dahulu.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Sama, lebih kurang. Sama. KOSPEN juga. Berkenaan KOSPEN ini, saya ucapkan terima kasih kepada kementerian yang memperuntukkan RM30 juta untuk KOSPEN. Jadi saya lihat aktiviti-aktiviti KOSPEN ini

saya hendak tanya Menteri, adakah pengetahuan kesihatan ataupun *medical education*, ceramah-ceramah yang berkesan diberikan di dalam Program KOSPEN ini? Oleh sebab, kita tengok salah satu contohnya kalau kita lihat sekarang ini, penyakit *renal failure*, kegagalan buah pinggang yang menyebabkan pesakit terpaksa melalui hemodialisis.

Kita lihat pesakit-pesakit hemodialisis ini semakin meningkat begitu tinggi sekali. Jadi pada pendapat saya, pengetahuan kesihatan ini adalah penting dan juga kefahaman rakyat berkenaan dengan penyakit-penyakit contohnya kegagalan buah pinggang ini disebabkan sebab utama ialah penyakit yang tidak berjangkit. Dua penyakit iaitu, *hypertension* dan diabetes. Jadi kita selalu dengar daripada pesakit-pesakit ataupun orang ramai, banyak pendapat yang mengatakan salah faham mereka mengatakan ubat kencing manis dan darah tinggi itu menyebabkan penyakit buah pinggang.

Jadi, pendapat-pendapat itu masih didengari lagi sekarang ini. Sebenarnya bukan ubat itu menyebabkan pesakit darah tinggi dan kencing manis mendapat sakit buah pinggang, tetapi penyebabnya ialah kencing manis dan darah tinggi itu sendiri. Jadi kalau mereka mempunyai pendapat yang ubat itu, makan ubat yang banyak menyebabkan buah pinggang rosak, jadi mereka tidak memakan ubat dengan teratur dan betul. Penyakit buah pinggang ini rosak disebabkan oleh keadaan kencing manis dan darah tinggi di mana kita tahu bahawa kencing manis ini dia merosakkan salur darah yang kecil yang berada di buah pinggang, jantung dan sebagainya iaitu '*microangiopathy disease*', penyakit salur darah yang kecil.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sik. Panjang.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Jadi pengetahuan kesihatan ini adalah penting. Jadi saya hendak bertanya kepada Menteri bahawa adakah KOSPEN ini menekankan kepada ceramah-ceramah berkenaan dengan pengetahuan kesihatan supaya penduduk-penduduk terutama rakyat-rakyat di kampung faham dengan mendalam berkenaan dengan kesan-kesan penyakit ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan elaun-elaun yang tadi yang saya mahu jawab Yang Berhormat Bagan Serai dahulu, elaun-elaun yang dikatakan, memang sebenarnya kita tidak berikan elaun kepada sukarelawan itu. Kita cuma bagi peruntukan kepada pejabat kesihatan kawasan itu, di daerah itu. Pejabat kesihatan inilah yang akan membelanjakan duit ini untuk membeli perkakasan, beli untuk *blood pressure* set, beli *glucose* set dan sebagainya dan dia punya *stick* pun kena beli Tuan Yang di-Pertua. Penimbang kena beli, semua kena beli. Ini akan digunakan tetapi elaun kepada sukarelawan setakat ini belum ada lagi. Memang ada cadangan dalam beberapa perjumpaan, cadangan datang daripada pihak sukarelawan supaya mereka diberikan elaun sedikit. Ini sedang kita pertimbangkan.

Jadi tidak timbul elaun lambat ini. Cuma elaun ini sebenarnya adalah peruntukan untuk membeli perkakasan dan kalau ada majlis-majlis hari kesihatan di kampung, juga boleh gunakan duit ini.

Apabila Yang Berhormat Bagan Serai sebut NCD, penyakit tidak berjangkit ini semakin bertambah, ini mungkinlah secara tidak langsung nampaknya bertambah. Akan tetapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, tiap-tiap kes kencing manis yang kita kesan, ada dua tiga kes lagi yang tidak dikesan, belum dikesan. Begitu juga *high blood pressure* ataupun darah tinggi dan lain-lain. Kolesterol tinggi pun satu yang dikesan, tiga lagi yang tidak dapat dikesan.

Mungkin dengan cara ini, cara kita buat KOSPEN ini, kita dapat kesan awal dan nampak pertambahan ketara kerana kita kesan awal. Mungkin lah ya. Jadi memang sudah ada dalam masyarakat sekarang ini, memang sudah ada penyakit. Ramai yang ada penyakit kencing manis dan dia tidak tahu dia ada penyakit kencing manis. Ada darah tinggi, dia tidak tahu ada penyakit darah tinggi. Jadi dengan perkara ini, bila kita buat saringan awal, maka kita kesan awal mereka ini. Jadi, nampak ada pertambahanlah penyakit ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sik bangkitkan tentang penyakit berjangkit kononnya ada ubat yang boleh menyebabkan kencing manis dan darah tinggi. Memanglah Tuan Yang di-Pertua, ada ubat yang tiruan pun banyak Tuan Yang di-Pertua, yang dijual di merata-rata. Ini pun satu perkara, satu gejala yang tidak sihat. Kalau ubat itu ada steroid contohnya, dia boleh menyebabkan peningkatan *glucose* dalam darah, akhirnya boleh menyebabkan dia mendapatkan diabetes dan sebagainya.

Ceramah, ceramah memang dijalankan oleh pegawai kesihatan yang *in charge* bahagian KOSPEN di tiap-tiap pusat kesihatan Tuan Yang di-Pertua. Jadi memang ada ceramah, pelbagai lah. Ini termasuk yang terakhir ini kita juga tekankan tentang *mental health* Tuan Yang di-Pertua, juga diberikan input kepada masyarakat kita. *Mental health* adalah amat serius sekarang ini. Kalau 10 tahun lalu, lebih kurang 10 peratus daripada rakyat Malaysia menghadapi *mental health problem* ini. Akan tetapi sekarang ini *survey* yang telah dibuat pada tahun 2015, meningkat pada 29.2 peratus, meningkat. Jadi ini satu peningkatan yang amat serius Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak berbalik kepada penggulungan ini. Tuan Yang di-Pertua, ini tentang KOSPEN juga. Sehingga kini, Program KOSPEN telah berjaya melatih sejumlah 40,673 sukarelawan. Ini tidak termasuk sukarelawan KEMAS, KEMAS ada lebih kurang 11,000 orang yang kita latih. Mereka ini telah membuat saringan kepada 707,623 rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dalam lokaliti 6,018 lokaliti KOSPEN, Tuan Yang di-Pertua.

Sejumlah 70 peratus peserta saringan telah dirujuk ke klinik kesihatan untuk ujian pengesahan diabetes dan 36 peratus dirujuk untuk pengesahan *hypertension*. Kajian oleh Institut Kesihatan Umum KKM mendapati bahawa 65 peratus kes yang menjalani ujian

pengesahan selepas dirujuk oleh sukarelawan KOSPEN disahkan mempunyai *hypertension*, manakala 52 peratus disahkan mempunyai diabetes. Kes-kes ini telah diberikan rawatan dan diletakkan di bawah kendalian klinik kesihatan Tuan Yang di-Pertua.

■2250

Pada masa yang sama, melalui penerangan skop makanan sihat, didapati lebih kurang 60 peratus *locality* KOSPEN telah mematuhi tatacara penyediaan hidangan sihat semasa majlis-majlis rasmi iaitu menyediakan buah-buahan dan air mineral dalam setiap hidangan, mengasingkan gula dari minuman panas serta menyediakan sayur-sayuran semasa hidangan berat. Sehingga kini, sebanyak 350 program pengurusan berat badan telah dijalankan melalui Program KOSPEN di seluruh negara di mana peratus keseluruhan peserta berjaya menurunkan berat badan adalah 64 peratus dengan hitung panjang penurunan sebanyak 10 peratus daripada berat badan masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun perubahan tingkah laku tidak dapat dicapai dalam masa yang singkat, namun dalam kejayaan sehingga kini serta dengan peruntukan RM30 juta yang telah diumumkan dalam Bajet 2018, Kementerian Kesihatan amat komited menjayakan KOSPEN.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sabak Bernam ingin mendapat penjelasan setakat manakah sambutan dan kejayaan industri pelancongan kesihatan di negara ini dan apakah bidang-bidang kesihatan yang mendapat sambutan daripada pelancong asing.

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia mempunyai potensi yang sangat besar sebagai destinasi pelancongan kesihatan. Ini adalah berdasarkan kepada pelbagai faktor tarikan seperti kos perubatan yang kompetitif, pakar perubatan yang bertaraf antarabangsa, sistem penjagaan kesihatan yang baik, fasiliti perubatan yang bertauliah antarabangsa serta kemudahan perubatan yang canggih dan terkini. Justeru, kerajaan mengenal pasti pelancongan kesihatan sebagai salah satu sektor penyumbang untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Untuk promosi dan memudah cara pembangunan industri pelancongan kesihatan Malaysia, kementerian telah menubuhkan *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC). MHTC telah meletakkan tiga pendekatan tunggal sebagai strategi untuk merencanakan inisiatif promosi dan pemasaran pelancongan kesihatan negara iaitu pemudah cara atau pun *facilitation*, pemasaran digital ataupun digital *marketing* dan kelestarian industri ataupun *industry sustainability*. Strategi pemasaran yang digunakan adalah seperti berikut.

Pertama, beralih ke arah pelanggan bernilai tinggi dengan menawarkan rawatan perubatan bidang yang khusus ataupun *niche* bagi meningkatkan purata yang dijana daripada setiap pelancong kesihatan. Tumpuan di bidang ini pada rawatan kesuburan termasuk IVF, rawatan jantung ataupun *cardiologist*, rawatan onkologi, rawatan ortopedik dan rawatan-rawatan bernilai tinggi yang lain. Inisiatif berpaksikan perniagaan ataupun

business-to-business (B-to-B) memastikan pengalaman perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lancar atau *seamless* ataupun *end-to-end experience*.

Kedua, peningkatan usaha kesepakatan dan kerjasama Malaysia dan agensi-agensi kerajaan negara sasaran atau *government to government* bagi memberi laluan kepada hospital swasta menerima pesakit-pesakit dari luar negara.

Ketiga, menggiatkan pemasaran digital dengan aplikasi *internet*, media sosial termasuk *Facebook* dan *Twitter* untuk liputan tempatan dan antarabangsa melalui media masa untuk meningkatkan *visibility* Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan. Usaha-usaha pemasaran yang dilaksanakan oleh MHTC sehingga kini terbukti melalui pertumbuhan data pelancongan kesihatan yang menggalakkan serta pelbagai pengiktirafan antarabangsa yang memberi kesan yang amat positif kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, pelancongan kesihatan menunjukkan peningkatan dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 16 peratus dari tahun 2011 sehingga 2016 dan pertumbuhan sebanyak 23 peratus pada tahun 2016. Pada tahun 2016, Malaysia menerima 921,500 pelancong kesihatan yang telah menyumbang hasil pendapatan RM1.12 bilion dengan impak ekonomi keseluruhan termasuk *hospitality* sebanyak RM4 bilion sehingga RM4.5 bilion.

Untuk tahun 2017, ia dijangka akan mencecah RM1.3 bilion melalui 996,000 pelancong kesihatan iaitu peningkatan tahunan melebihi 14 peratus bagi pendapatan yang dijana dan 16 peratus bagi bilangan pelancong kesihatan. Kerajaan menyasarkan pendapatan melalui pelancongan kesihatan akan mencapai RM2.7 bilion menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang berhormat Yang Berhormat Mersing, Yang Berhormat Tanjong Piai dan Yang Berhormat Sabak Bernam telah mencadangkan agar perkhidmatan hemodialisis dapat diperluaskan di kawasan masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat, secara umumnya, perkhidmatan hemodialisis di klinik kesihatan disediakan secara berperingkat mengikut keutamaan memandangkan penubuhan perkhidmatan ini di Klinik Kesihatan memerlukan perancangan rapi dari segi prasarana, keperluan peruntukan kewangan yang tinggi dan memerlukan anggota yang terlatih. Bagi perubatan hemodialisis di Klinik Kesihatan Pekan Nanas, ia telah dicadangkan penubuhan pada tahun 2020. Pada masa ini, di negeri Johor terdapat dua klinik kesihatan yang telah diwujudkan perkhidmatan hemodialisis iaitu Klinik Kesihatan Simpang Renggam, Kluang yang mula beroperasi pada tahun 2013 dan Klinik Kesihatan Bandar Mas, Kota Tinggi yang mula beroperasi pada tahun 2016. Pada tahun 2018, perkhidmatan hemodialisis akan diwujudkan di Klinik Kesihatan Tenggaraoh, Mersing, Johor.

Untuk kawasan Sabak Bernam pula, pada masa ini telah terdapat sebuah pusat perkhidmatan hemodialisis swasta yang wujud iaitu Pusat Dialisis Davita yang beroperasi di Jalan Feri, Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pusat hemodialisis di hospital-hospital dan klinik Kementerian Kesihatan, Kementerian Kesihatan telah meluluskan 624 pusat hemodialisis swasta sehingga 26 Oktober 2017.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanjong Piai bangun.

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima Kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi, sebenarnya Klinik KK3 di Pekan Nanas, saya hendak tahu juga, ia sudah siap tetapi belum mula beroperasi. Satu, saya hendak tahu tarikhnya. Kedua, pusat hemodialisis ini, sebenarnya sebelum bina KK3 ini, mantan menteri sudah umum kepada orang awam mengatakan bahawa setelah adanya pembinaan bangunan baru ini maka sekali gus adanya pusat hemodialisis. Jadi ini merupakan satu janji komitmen kerajaan.

Jadi, saya harap perkara ini boleh diambil berat. KK3 sudah siap, cuma saya hendak tahu tarikh operasi yang tepat. Kedua, kalau boleh, sekali gus. Sebab, saya sudah bangkit banyak kali di Dewan ini berkaitan dengan perkara ini. Kata ia akan diadakan. Yang penting ialah komitmen kerajaan. Jadi, saya hendak minta Kementerian Kesihatan kalau boleh bagi satu komitmen yang benar boleh dilaksanakan. Terima Kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini perkara yang spesifik. Saya perlu saya mohon menjawab secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Katil mencadangkan agar diguna teknologi yang canggih seperti rawatan *stem cell* dalam memberi rawatan kepada golongan orang OKU seperti pesakit *down syndrome*.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia amat prihatin terhadap kebajikan OKU di Malaysia. Pihak kementerian sentiasa mengkaji teknologi baru yang terkini dan bersesuaian yang boleh mendatangkan faedah terhadap golongan OKU termasuk *down syndrome*. Namun, hasil daripada kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh KKM setakat ini mendapati tiada bukit saintifik diperolehi bagi membuktikan keberkesanan kaedah rawatan *stem cell* terhadap *down syndrome*, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Kuala Pilah minta menyatakan jumlah kanak-kanak di Malaysia yang menghidap penyakit autisme dan apakah langkah-langkah kerajaan bagi merawat penyakit ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2012, Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun melaksanakan saringan autisme kepada kanak-kanak seawal umur 18 bulan menggunakan senarai semak M-CHAT ataupun *Modified Checklist For Autism Intolerance*. Saringan semula autisme dibuat pada umur 24 bulan dan 36 bulan

■2300

Kanak-kanak yang gagal saringan ini dan disyaki autisme, akan dirujuk kepada pakar perubatan untuk pengesanan autisme. Sehingga kini, bilangan autisme yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seramai 16,957 orang, Tuan Yang di-Pertua. Rawatan yang diberikan adalah melalui program intervensi awal yang komprehensif, yang direka bentuk untuk dilaksanakan khusus untuk memenuhi keperluan kanak-kanak autisme dan keluarga mereka.

Ia merangkumi pengesanan faktor risiko dan *morbidity*, saringan awal, pelbagai langkah penyiasatan, diagnosis melalui diagnostik *statistical manual of mental disorders*, rawatan farmakologi, rawatan bukan farmakologi, pemulihan pertuturan, pemulihan pusat cara kerja serta perkhidmatan kerja sosial. Panduan dalam merawat autisme diperkukuhkan lagi dengan penghasilan *Clinical Practice Guideline: Management of Autism Spectrum Disorder in Children and Adolescents* yang telah diterbitkan pada tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Limbang mohon supaya fasiliti rawatan kanser serta rawatan doktor pakar pediatrik dan onkologi diwujudkan seperti di daerah Limbang. Yang Berhormat Kota Bharu minta penjelasan berkenaan dengan peralatan rawatan kanser yang tidak boleh digunakan di hospital di Kelantan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sedang dalam perancangan untuk mewujudkan pusat rawatan penyakit kanser di negeri Sarawak selain daripada Hospital Umum Sarawak. Lokasi yang spesifik belum diputuskan lagi.

Namun begitu, ia bergantung kepada sumber bekalan-bekalan dan kemampuan kewangan. Kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan doktor pakar supaya pada masa akan datang lebih banyak doktor pakar dapat ditempatkan di hospital-hospital pakar KKM, termasuk hospital yang dikenal pasti di daerah-daerah di negeri Sarawak. Pada masa ini, bilangan pakar perubatan di negeri Sarawak adalah seramai 353 orang pada tahun 2017, berbanding dengan 241 orang pada tahun 2014 iaitu peningkatan melebihi 31.7 peratus.

Untuk Hospital Limbang, seramai tiga orang pakar perubatan telah pun ditempatkan di hospital tersebut iaitu dua orang pakar radiologi dan seorang pakar obstetrik dan onkologi. Bagi perkhidmatan kepakaran yang lain, buat masa ini diberikan oleh pegawai perubatan yang telah dilatih dalam bidang masing-masing, di samping doktor pakar pelawat dari Hospital Miri bagi bidang kepakaran pediatrik, perubatan dalaman, surgery am, ortopedik, oftalmologi dan psikiatri secara berjadual. Kes-kes biasa akan dirawat di hospital tersebut, manakala kes-kes yang rumit akan dirujuk terus ke hospital pakar yang berdekatan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini belum ada lagi perkhidmatan radiologi dan onkologi ataupun peralatan khas untuk rawatan kanser di hospital-hospital di negeri

Kelantan. Pada ketika ini, kes dirujuk ke Hospital USM untuk rawatan penyakit kanser. Segala keperluan perkhidmatan radioterapi dan onkologi akan dikaji oleh KKM mengikut keperluan semasa. Sejak tahun 2015, sejumlah RM42.8 juta telah pun dibelanjakan untuk perolehan peralatan perubatan bagi perkhidmatan tersebut di seluruh negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Panjang lagi Yang Berhormat, panjang lagi? Yang Berhormat, saya bertanya panjang lagi?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tidak banyak lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Boleh sambung lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau pendek, boleh balik awal.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: ...Yang Berhormat Simpang Renggam menyatakan bahawa promosi dan saringan kesihatan mental dalam masyarakat kurang diberikan penekanan dalam Bajet 2018.

Untuk makluman Yang Berhormat, promosi dan saringan kesihatan mental penting untuk dilaksanakan dalam kalangan komuniti. Walaupun tidak kelihatan dalam Bajet 2018 secara spesifik, komponen saringan kesihatan mental ada dalam Program KOSPEN *Plus* iaitu KOSPEN tempat kerja.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan berharap agar setiap agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dapat memperuntukkan bajet untuk promosi kesihatan mental di jabatan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuantan meminta penerangan berkenaan tindakan KKM dalam mengawal penularan dan mewujudkan kesedaran berkaitan penyakit tibi yang dibawa oleh pekerja asing di Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedia maklum bahawa tibi merupakan pembunuh nombor satu bagi penyakit berjangkit di Malaysia. Justeru, kementerian amat komited bagi memastikan rakyat Malaysia sihat dan terhindar daripada penyakit tibi. Bagi membendung gejala tibi ini, pelbagai strategi telah dibentuk di dalam Pelan Strategik Kawalan Tibi Kebangsaan 2016-2020 bagi mengawal penularan penyakit tibi di Malaysia. Fokus utama program kawalan tibi adalah pengesanan awal kes tibi melalui ujian saringan kesihatan yang dilakukan di semua fasiliti kesihatan KKM.

Untuk itu, WHO telah mengklasifikasikan Malaysia sebagai negara dengan beban tibi sederhana ataupun *intermediate burden country*. Kerajaan juga mendapat kerjasama yang berterusan daripada badan-badan bukan kerajaan dan penduduk setempat yang

berganding bahu bersama kementerian bagi meningkatkan aktiviti promosi kesihatan dan pendidikan kesihatan kepada orang awam bagi mengawal dan mencegah penularan penyakit tibi di Malaysia.

Pada tahun 2016, jumlah kes tibi adalah 26,739 kes dengan kadar notifikasi 83.4 peratus setiap 100,000 penduduk dan jumlah kes tibi bukan warganegara adalah di antara 11 peratus hingga 14 peratus daripada keseluruhan jumlah kes tibi di Malaysia. Bagi mengawal penularan penyakit berjangkit, pekerja asing yang berhasrat untuk bekerja di Malaysia dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan, termasuk saringan tibi iaitu semasa berada di negara asal sebelum berlepas ke Malaysia. Saringan secara berkala juga dilakukan dalam tempoh satu bulan ketibaan di Malaysia dan kemudiannya saringan secara berkala dilakukan mengikut polisi yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia selagi pekerja asing ini bekerja di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kapar meminta KKM untuk sentiasa membekalkan ubat yang berkualiti kepada rakyat. Yang Berhormat Lanang juga ingin tahu kenapa ubat yang dibekalkan kepada pesakit bukan untuk keperluan 3 bulan seperti yang biasa dipraktikkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah membelanjakan RM2.107 bilion untuk perolehan ubat-ubatan pada tahun 2016. Sehingga 31 Ogos 2017, Kementerian Kesihatan telah menerima peruntukan ubat sebanyak RM2.028 bilion iaitu 26 peratus daripada perbelanjaan yang telah dibuat pada tahun 2016. Sebanyak 22 peratus atau RM1.66 bilion daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan sehingga 31 Ogos 2017.

KKM akan membuat semakan daripada semasa ke semasa berkenaan dengan keperluan peruntukan di semua fasiliti bagi memastikan bekalan ubat-ubatan sentiasa mencukupi dan KKM akan memohon peruntukan tambahan secukupnya sekiranya peruntukan sedia ada tidak mencukupi. Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, KKM juga melaksanakan langkah-langkah mengoptimumkan dan menjimatkan perbelanjaan bagi mengelakkan pembaziran dengan mengkaji semula proses kerja, meningkatkan inovasi dan kreativiti serta menguruskan kewangan dengan lebih teratur tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan yang disampaikan. Antara langkah-langkah yang telah dan akan terus dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) ubat-ubatan bagi penyakit kronik seperti diabetes dan *hypertension* dibekalkan secara bulanan untuk mengurangkan risiko kerosakan ubat dalam simpanan pesakit dan mengelakkan pembaziran;
- (ii) pembekalan ubat kepada pesakit diberikan untuk tempoh sebulan sahaja untuk memastikan pemantauan pengambilan ubat-ubatan dapat dibuat dengan lebih kerap oleh pegawai farmasi;

- (iii) pembekalan untuk tempoh dua minggu selalunya dibuat jika ada ubat yang baru dimulakan bagi memudahkan pemantauan kesan sampingan atau respons pesakit terhadap ubat tersebut. Contohnya, seperti ubat cair darah, ubat darah tinggi dan ubat kencing manis;
- (iv) bagi mengurangkan masalah kedatangan pesakit ke fasiliti kesihatan untuk mengambil ubat susulan, KKM menawarkan pembekalan ubat susulan melalui perkhidmatan tambah nilai seperti Farmasi Pandu Lalu atau *drive through*, Sistem Pembekalan Ubat Bersepadu, ubat melalui Pos 1Malaysia dan sistem farmasi temu janji yang lain. Pesakit boleh menjimatkan masa dan kos melalui perkhidmatan-perkhidmatan ini.

■2310

Meningkatkan kefahaman pesakit dan pematuhan terhadap arahan pengambilan ubat yang dibekalkan sewaktu pendispensas atau sesi kaunseling supaya matlamat rawatan dapat dipenuhi dan dapat dicapai sepenuhnya. Pesakit digalakkan membawa baki ubat setiap kali datang ke hospital atau klinik kesihatan sama ada untuk mendapatkan bekalan ubat susulan ataupun dimasukkan ke wad. Amalan ini dapat mengelakkan kesilapan pengubatan kerana ubat-ubatan yang dibekalkan sentiasa dipantau dan pembekalan ubat adalah mengikut keperluan pesakit sahaja; dan

- (v) mengutamakan perolehan dan penggunaan ubat-ubatan generik yang lebih murah dan ekonomik tetapi dapat memberi kesan terapeutik yang sama dengan ubat-ubat inovator.

KKM juga akan memastikan peruntukan ubat diberi keutamaan untuk penyampaian penjagaan kesihatan awam dan sentiasa memantau rapi kedudukan kewangan tiap-tiap negeri supaya agihan peruntukan ubat diterima selaras dengan keperluan terkini. Sehubungan itu, pembelian ubat akan dibuat berdasarkan kepada pemantauan berterusan terhadap kedudukan stok dan keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Batu Kawan...

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lanang.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hanya ingin minta penjelasan kalau

pesakit ingin mendapat perubatan secara pos berapakah banyak maksud saya keperluan mungkin satu bulan atau dua bulan boleh dihantar kepada mereka setiap kali atau ada had untuk setiap penghantaran saya minta penjelasan.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Boleh saya sambung atau Menteri hendak jawab dulu.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, jawab dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Ya sambung ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya telah membawa contoh dua ubat iaitu untuk *hypertension* dan juga untuk antibiotik *infection*. Di mana saya telah mengemukakan perbezaan di antara original dengan generik. Padahal dua-dua original yang saya telah maklumkan di dalam Dewan ini untuk penyakit ini pernah dibekalkan oleh KKM sebelum ini dalam lingkungan 3 hingga 5 tahun sebelum ini telah dibekalkan. Hanya kerana harga yang murah kita telah gantikan *original medicine* ini dengan generik dan saya telah maklumkan juga di dalam Dewan yang mulia ini.

Generik ini daripada doktor-doktor dan sebagainya kita ada dimaklumkan tentang kesan-kesan yang mereka mengatakan kepada doktor maklum balik kepada doktor dan sebagainya saya juga telah maklumkan juga dalam Dewan yang mulia ini. Ini bermaksud saya telah membawa dua contoh, ada banyak lagi contoh yang boleh saya kaitkan dalam masa-masa akan datang di mana ada perbezaan yang ketara di antara *original medicine* dengan generik *medicine*. Saya akui bahawa generik *medicine* ini terlalu murah pasal itu tempoh hari dalam perbahasan saya, saya bezakan di antara coklat *Ferrero Rocher* dengan coklat daripada China, *it's both chocolate, exactly* kita faham dua-dua adalah coklat. Akan tetapi kualiti coklat dengan rasa dia dengan nikmatnya, berbeza.

So, we have to go back to certain level original medicine just because it is cheap kita sudah ambil generik dan rakyat biasa menghadapi masalah. Ada *side effect* dan sebagainya ada *medicine* yang kita beli memang murah dan saya bagi contoh yang original kena ambil dua kali sahaja yang generik kena ambil kita kali. So kita ada situasi macam itu, itu yang saya kaitkan tentang kualiti. Ini adalah rungutan ramai pengguna di luar di hospital saya *just* masuk buat pantauan dan sebagainya apabila saya duduk bincang dengan mereka, mereka maklumkan sendiri perbezaan dulu dan sekarang dalam masa setahun ini. Dulu ubatnya berbeza tetapi dia orang tidak tahu macam mana hendak terangkan, dulu ubatnya *best* sekarang ubatnya tidak *best*.

Best is not best perkataan itu *with due respect, doctor may know the differences between original and generic. When I sit and talk to them* bila ubat ini diambil setahun dulu macam mana ada sakit kaki, lengan dan sebagainya, lutut dan sebagainya tidak ada. Dia orang tidak ada, tendon-tendon itu tidak rasa sakit, sekarang dengan *generic medicine* dia

orang rasa sakit. *So, you have to sit with them to really know the difference between original medicine and generic medicine.*

Kedua tentang bekalan saya faham setiap kali Yang Berhormat sebelum ini pun dalam soalan lisan saya telah maklumkan bahawa kita hendak jaga pembaziran dan sebagainya. *But that doesn't say well with the people out there because* mereka sudah biasa ambil ubat untuk tiga bulan sekarang kita bagi dua minggu.

Yang Berhormat tadi *with due respect again* maklumkan tadi bahawa dua minggu ubat ini kita bagi sebab percubaan dengan ubat-ubat yang baru. *That is not the case outside there* dekat luar pesakit ini sudah dua, tiga tahun mengambil ubat yang sama. Sekarang daripada dulu dibekalkan tiga bulan sekarang tiba-tiba dibekalkan dua minggu. Bukan kerana ubat itu baru, ubat itu sudah biasa. *Just because* ubat tidak cukup. Dekat Parlimen ini pun ubat batuk tidak cukup Yang Berhormat. Parlimen ini Ahli-ahli Parlimen yang hendak pergi ambil ubat batuk pun tidak ada. Dekat hospital biasa ubat batuk, ubat biasa tidak ada *I mean we have to face the reality.* So ini masalah-masalah yang kita sedang hadapi saya ulang lagi sekali ada dua isu yang ketara bila bicara tentang ubat, satu adalah kualiti ubat yang sedang menurun. Kedua adalah kerana yang sudah biasa ambil untuk tiga bulan, sebulan dan sebagainya kita sedang kurangkan had terlalu drastik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Saya hargai *last but not least* Tuan Yang di-Pertua. Saya hargai bilion-bilion yang diberikan kepada Yang Berhormat tidak mencukupi. Saya memang minta Yang Berhormat Pekan untuk menambahkan sebab saya rasa mega-mega projek *should stop immediately focus should be for medical assistance* itu pandangan saya Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab sekali gus lah dengan kedua-dua Yang Berhormat. Untuk bekalan ubat ini memanglah saya sebut tadi di dalam jawapan bahawa kita bagi sekarang maksimum satu bulan bagi kawasan kita Semenanjung tetapi di dalam kawasan pedalaman di Sabah Sarawak kita memang diarahkan supaya diberi lebih daripada satu bulan, dua bulan dan tiga bulan kerana jauh perjalanannya. Naik bot sampai dua jam, tiga jam baru sampai klinik.

Akan tetapi di sini kita bagi sebulan tetapi pesakit boleh menggunakan kaedah-kaedah yang saya sebut tadi tentang hendak dapatkan ubat tambahan, hendak dapat susulan tiap-tiap bulan melalui pos laju, melalui pelbagai cara yang telah pun kita buat supaya memudahkan pesakit kita bagi sebulan.

Ini kerana kalau bagi sampai tiga bulan, enam bulan masalahnya dia simpanan, dia simpan di mana. Simpan dalam keadaan yang panas, kena matahari dan sebagainya mungkin akan menjejaskan kualiti ubat itu. Ada pula kadang-kadang kalau sampai tiga bulan dan enam bulan *how do we monitor.* Macam mana kita hendak monitor mereka,

kalau dia makan ubat atau tidak makan ubat, kalau makan okeylah kalau tidak makan ubat banyak lagi. Dengan cara ini kita tak boleh dapat buat intervensi kalau berlaku contohnya seperti mana yang tidak kawal ataupun *high blood pressure* tidak kawal dan sebagainya. Sebab itu kita lebih menekankan tentang *follow up revisit* Tuan Yang di-Pertua.

Tentang ubat generik ini dengan ubat inovator memang hari ini kementerian sudah pun tiap-tiap tahun makin banyak kita beli ubat generik. Sekarang ini sudah hampir 50 *percent* daripada jumlah ubat itu 50 *percent* telah kita gunakan untuk generik. Akan tetapi syarat kita beli ubat generik ini ialah dia mesti menepati *bio equivalent* dia. Kalau *equivalent* tidak sama atau kurang kita tidak beli. Jadi syarat-syarat yang telah ditetapkan jadi dan sebenarnya tidak timbul Tuan Yang di-Pertua tentang saya sebut tentang pemantauan ubat cukup tidak cukup kita ada pemantauan. Jadi tidak timbul masalah tidak cukup ubat di tiap-tiap di mana-mana *facility* kerajaan tidak timbul. Ini kerana sudah ada sistem *monitoring* kalau tidak cukup dia kena minta cepat-cepat dan stok kita kalau di Pharma Niaga tiga bulan kena ada. Kalau di kerajaan di tiap-tiap tiga bulan juga kena ada mesti itu sudah jadi satu peraturan kita.

Dia tidak boleh kata tidak cukup ubat, memang cukup Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Kawan mengatakan ramai pesakit tidak menjalani ujian darah yang asas dalam kekerapan biasa tiap bulan sekarang tiga bulan sekali. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk sesuatu penyakit dapat dianalisis berpandukan sejarah pesakit melalui soalan fizikal dan disokong oleh ujian makmal ataupun keputusan radiologi. Yang demikian KKM telah menyediakan dua buah mesin MRI dan mesin CT *scan* iaitu di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Seberang Jaya.

■2320

Masa menunggu untuk MRI atau CT *Scan* di negeri Pulau Pinang adalah antara satu hingga enam bulan. Namun demikian, keutamaan akan diberi kepada kes-kes kecemasan yang memerlukan imbasan akan dilakukan serta-merta. Walaupun pemeriksaan CT *Scan* menjadi asas dalam mendiagnosis kes-kes tertentu, pemeriksaan ini tidak dilakukan dengan kadar kerap atau sewenang-wenangnya. Ini adalah kerana radiasi semasa imbasan boleh meningkatkan risiko seorang pesakit mendapat kanser.

Kementerian sentiasa prihatin dengan keperluan perubatan rakyat dari semasa ke semasa. Mesin-mesin ini akan diganti atau ditambah secara berkala mengikut kemampuan kewangan dan keutamaan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rantau Panjang telah pun membangkitkan mengenai kekurangan pakar di Hospital Daerah Pasir Mas. Yang Berhormat Sabak Bernam pula telah pun menyentuh berkenaan dengan bilangan doktor pakar audiologi di hospital kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk hospital-hospital yang tidak tergolong dalam kategori hospital pakar seperti Hospital Daerah Pasir Mas, perkhidmatan

kepakaran tetap disediakan melalui pakar perubatan pelawat ataupun *visiting specialist* secara berjadual. Untuk Hospital Pasir Mas, pakar perubatan pelawat berkenaan merupakan pegawai perubatan pakar dari Hospital Raja Perempuan Zainab II dan Hospital Tanah Merah. Bidang kepakaran mereka adalah pelbagai iaitu perubatan dalaman, *surgery*, am, ortopedik, dermatologi, obstetrik, onkologi, pediatrik, ENT, radiologi, *respiratory* dan entomologi. Kes-kes biasa akan dirawat di hospital-hospital tersebut manakala kes-kes yang rumit akan dirujuk terus ke hospital pakar yang berdekatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 September 2017, bilangan anggota pegawai pemulihan perubatan pendengaran di Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seramai 172 orang. Selain daripada itu, KKM juga mempunyai seramai 147 pakar ENT yang sedang berkhidmat di fasiliti KKM. Dalam usaha untuk meningkatkan bilangan pakar ENT, kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) meningkatkan slot tajaan biasiswa hadiah latihan untuk program sarjana kepakaran bagi bidang pakar ENT daripada 25 slot kepada 30 slot pada tahun 2016 hingga 2017; dan
- (ii) melantik semula secara kontrak pegawai perubatan pakar ENT warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Gantang telah meminta menyemak semula mekanisme pelantikan pegawai-pegawai perubatan siswazah lantikan kontrak kepada lantikan tetap untuk mengelakkan berlakunya pegawai-pegawai yang tidak mempunyai pekerjaan selepas dua tahun mengikuti latihan siswazah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah pelantikan semua graduan perubatan secara kontrak adalah bertujuan membolehkan graduan perubatan menjalani latihan siswazah tanpa menunggu kekosongan jawatan dan seterusnya diberi sijil pendaftaran penuh sebagai pegawai perubatan berdaftar. Dengan memiliki pendaftaran penuh, mereka boleh berkhidmat sebagai pengamal perubatan di mana-mana hospital dan klinik swasta. Pada masa ini, tempoh lantikan secara kontrak yang dipersetujui kerajaan maksimum adalah lima tahun iaitu tiga tahun maksimum bagi latihan siswazah dan dua tahun bagi khidmat wajib. Kementerian Kesihatan juga akan menimbang pegawai perubatan yang dilantik tetap dalam perkhidmatan kerajaan sekiranya kedudukan dan kemampuan kerajaan mengizinkan.

KKM amat menghargai perkhidmatan pegawai perubatan dalam sektor awam. Pada masa ini, kerajaan telah menambah baik laluan kerjaya khususnya memberi kenaikan pangkat secara *time-based*, dengan izin, kepada pegawai perubatan di mana selepas tiga tahun mendapat pendaftaran penuh, pegawai boleh dinaikkan ke Gred 48. Pegawai seterusnya boleh dipertimbangkan ke gred berikutnya setelah memenuhi tempoh

perkhidmatan tertentu. Berdasarkan laluan kerjaya yang dipersetujui kerajaan, pegawai perubatan tergolong dalam kategori skim perkhidmatan yang paling cepat mendapat kenaikan pangkat ke Gred 54 berbanding skim-skim perkhidmatan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai perubatan siswazah akan menjalani latihan khidmat wajib selama dua tahun setelah selesai menjalani latihan siswazah terdahulu. Namun, bagi pegawai perubatan siswazah yang telah mendapat pendaftaran penuh, mereka boleh meninggalkan perkhidmatan dan berkhidmat di sektor swasta. Justeru, tiada isu yang menyebabkan pegawai berkenaan tidak mempunyai pekerjaan selepas dua tahun setelah tamat latihan siswazah dengan jayanya.

Cadangan program untuk memberi peluang pelantikan tetap diberikan kepada pegawai selepas tamat tempoh latihan siswazah atau khidmat wajib. Namun, pertimbangan pelantikan tetap hanya dilaksanakan sekali sahaja setelah pegawai menamatkan tempoh perkhidmatan kontrak maksimum bagi kedua-dua latihan siswazah dan khidmat wajib supaya penilaian yang lebih menyeluruh dapat dilaksanakan. Pegawai yang menamatkan latihan siswazah dengan jayanya akan dilantik secara kontrak selama dua tahun lagi untuk khidmat wajib dan pertimbangan untuk pelantikan tetap hanya akan dibuat setelah pegawai menamatkan khidmat wajib.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Katil memohon agar skim dan elaun bagi jururawat yang mempunyai kelulusan *Master* dan *Ph.D* dikaji agar setara dengan skim dan elaun perkhidmatan lain dalam perkhidmatan awam.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, penetapan gaji permulaan skim perkhidmatan jururawat adalah diasaskan kepada skim perkhidmatan yang diluluskan oleh JPA. Kelayakan masuk ke skim berkenaan adalah berdasarkan kepada kelayakan dalam bidang kejururawatan sama ada dalam peringkat diploma atau ijazah dan ia mengambil kira skop dan fungsi tugas dalam bidang perkhidmatan kejururawatan.

Mengenai cadangan agar jururawat yang mempunyai kelulusan *Master* atau *Ph.D*, ia perlu diteliti dengan mengambil kira skop dan fungsi tugas perkhidmatan jururawat. Begitu juga dengan cadangan elaun, ia perlu mengambil kira kompleksiti tugas dan risiko. Kedua-dua cadangan skim dan elaun perkhidmatan berkenaan adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Merbok, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Sibul, Yang Berhormat Hulu Rejang, Yang Berhormat Lanang dan Yang Berhormat Sibuti yang memberikan tumpuan terhadap keperluan pembangunan kemudahan hospital dan klinik kesihatan di kawasan masing-masing.

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sekejap, sekejap. Sikit lagi sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah menguruskan sebanyak 377 projek pembangunan fizikal dan bukan fizikal melalui Rancangan Malaysia Kesebelas dengan peruntukan kos pembangunan keseluruhan sebanyak RM2.713 bilion. Kementerian telah mengambil kira taburan, kepadatan dan keperluan penduduk bagi memastikan akses yang saksama kepada fasiliti kesihatan. Memandangkan terdapat pelbagai keperluan permohonan bagi pembangunan fasiliti kesihatan, hospital dan klinik di seluruh negara, pelaksanaannya perlu berdasarkan keutamaan.

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tebrau, duduk, Yang Berhormat Tebrau. Hendak balik sudah ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila. Ya, habiskan Yang Berhormat Menteri. Habiskan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sikit lagi. Sikit lagi sahaja. Lagi dua minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sikit lagi Yang Berhormat Menteri sudah 30 minit.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Dua minit, dua minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, lagi dua minit, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Memandangkan terdapat keperluan permohonan bagi pembangunan fasiliti kesihatan, hospital dan klinik di seluruh negara, pelaksanaannya perlu berdasarkan keutamaan. Keutamaan tinggi diberikan kepada keperluan menaik taraf fasiliti kesihatan bagi memastikan tahap keselamatan sama ada dari aspek struktur bangunan serta sistem kejuruteraan sedia ada, bekalan elektrik, air, gas, perubatan dan dapat mematuhi piawaian semasa kawalan risiko jangkitan penyakit atau *infection control* dan kelancaran operasi.

Kedua, penggantian bangunan-bangunan lama berserta peralatan-peralatan yang tidak lagi selamat digunakan.

Ketiga, pembinaan blok tambahan bagi menampung keperluan peningkatan skop perkhidmatan.

Keperluan-keperluan untuk membina fasiliti kesihatan yang baru juga turut dirancang dari semasa ke semasa berdasarkan perancangan menyeluruh perkhidmatan serta unjuran pertumbuhan penduduk sesuatu kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga Disember 2016, terdapat 143 buah hospital dan institusi perubatan Kementerian Kesihatan di seluruh negara dan kerajaan memang mempunyai perancangan untuk memperbanyakkan pembinaan hospital besar di Malaysia.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, terdapat 10 buah projek hospital baru yang sedang dalam perancangan dan pembinaan seperti berikut.

- (i) Hospital Cyberjaya;
- (ii) Hospital Pendang;
- (iii) Hospital Baling;
- (iv) Hospital Pasir Gudang;
- (v) Hospital Kemaman;
- (vi) Hospital Padang Besar;
- (vii) Hospital Sri Iskandar;
- (viii) Hospital Tanjong Karang;
- (ix) Hospital Bachok; dan
- (x) Hospital Kuala Krai.

Selain daripada itu, kerajaan juga sedang membina enam blok tambahan di hospital sedia ada iaitu tambahan blok Hospital Putrajaya (*endokrin*), tambahan blok wanita dan kanak-kanak di Kajang, tambahan Hospital Miri, tambahan Hospital Port Dickson, tambahan Hospital Kuala Pilah dan tambahan Hospital Tawau.

Seterusnya- sikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Dalam Bajet 2018, Yang Amat Berhormat telah pun mengumumkan pelaksanaan projek-projek...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanjong Piai duduk, Yang Berhormat Tanjong Piai. Kita hendak balik sudah ya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sikit sahaja.

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Sikit sahaja, sikit sahaja.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ataupun saya bagi secara bertulis?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya menggunakan Peraturan Mesyuarat 37(2), Pengerusi mempunyai kuasa untuk tidak membenarkan sebarang celahan. Yang Berhormat Menteri, sila habiskan ayat. Tidak habis, jawapan secara bertulis. Ya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Dalam Bajet 2018, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan pelaksanaan projek-projek hospital iaitu wad wanita dan kanak-kanak di Hospital Tengku Ampuan Afzan dan Hospital Putrajaya, Pusat Kanser di Sungai Petani, blok klinik pakar dan wad di Hospital Pulau Pinang, Pusat Perkhidmatan Perubatan Forensik.

Akhir kata sebagai penutup, adalah amat jelas KKM sentiasa memberi perhatian dan usaha yang baik demi kesejahteraan rakyat tidak kira di mana sahaja lokasi mereka. Sehubungan itu, saya menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bersama-sama menghulurkan bantuan dan sokongan kepada kementerian bagi menjayakan usaha-usaha

tersebut. Pandangan dan sumbangan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi memantau perkembangan dan memudah cara pembangunan dan perkhidmatan kesihatan di tempat masing-masing adalah amat dihargai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya jemput Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menggulung pada hari esok ya... *[Dewan ketawa]*

Lama tidak Yang Berhormat? Berapa minit, Yang Berhormat, sepuluh minit?

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Jangan macam itu, Tuan Yang di-Pertua. Esoklah. Hendak celah-celah lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lebih, lebih daripada sepuluh minit?

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Datuk Seri Ong Ka Chuan]: Setengah jamlah lebih kurang. Setengah jam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Setengah jam, esoklah.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Nanti Tuan Yang di-Pertua guna kuasa celah mencelah tidak boleh nanti susah. Sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan ini orang baik, jadi kita bagi peluang kepada dia.

Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 9 November 2017.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.32 malam]